

PANDUAN PELAJARAN SEKOLAH SABAT DEWASA PPH 275/03/2013 (032131)

“Gembalakanlah Domba-dombaKu”: 1 dan 2 Petrus
April, Mei, Jun 2017

Isi Kandungan

1. Orang Seperti Petrus – 25-31 Mac
2. Harta Abadi – 1-7 April
3. Umat Rajani – 8-14 April
4. Hubungan Sosial – 15-21 April
5. Hidup Untuk Tuhan – 22-28 April
6. Menderita Untuk Kristus – 29 April – 5 Mei
7. Kepimpinan Seorang Hamba – 6-12 Mei
8. Yesus Dalam Tulisan-tulisan Petrus – 13-19 Mei
9. Menjadi Sebagai Anda Yang Sebenar - 20-26 Mei
10. Ramalan dan Injil – 27 Mei – 2 Jun
11. Guru Palsu -3-9 Jun
12. Hari TUHAN 10-16 Jun
13. Tema Utama Dalam 1 dan 2 Petrus – 17-23 Jun

PEJABAT PENERBIT EDISI BAHASA MALAYSIA

Penerbit Eksekutif:-
Nelson G. Bendah
Jibil Simbah
Lim See Him

Pengarah Penerbitan:-
Ervin Karau

Penyumbang Asal:-
Robert McIver

Penterjemah:-
George Kolod Lamam

Sila layari <http://www.absg.adventist.org> untuk bahan Pelajaran Alkitab Bahasa Inggeris.

Panduan Pelajaran Sekolah Sabat Dewas ini disediakan oleh Pejabat Panduan Pelajaran Alkitab Dewasa di General Conference Seventh-day Adventist. Penyediaan Panduan ini adalah di bawah arahan umum Jawatankuasa Penilaian Manuskrip Sekolah Sabat Sedunia. Ahli-ahlinya bertindak sebagai perunding penyunting. Hasil yang diterbitkan menggambarkan bahan yang diberikan oleh jawatankuasa dan dengan itu tidak semestinya menggambarkan maksud dan tujuan sebenar oleh pengarang.

3

Menggembalakan domba

Oleh kerana pembelajaran kita suku tahun kedua ini adalah 1 dan 2 Petrus, maka kita akan membaca perkataan-perkataan daripada seorang yang paling kerap bersama Yesus pada masa-masa penting pelayanannya. Petrus juga adalah seorang yang telah menjadi pemimpin yang menonjol di antara umat Kristian yang mula-mula. Fakta inilah yang menjadikan tulisan-tulisannya berbaloi untuk dibaca. Tetapi, surat-surat ini sebagai tambahan keinginan bahawa ianya ditulis untuk gereja-gereja yang mengalami masa-masa kesusahan: mereka menghadapi penganiyaan luaran dan bahaya dalaman kemunculan guru-guru palsu.

Petrus memberi amaran bahawa di antara perkara-perkara yang akan diperkenalkan oleh guru-guru palsu ialah kebimbangan tentang kedatangan Yesus yang kedua kali. Mereka berkata "Di manakah janji tentang kedatangan-Nya itu? Sebab sejak bapa-bapa leluhur kita meninggal, segala sesuatu tetap seperti semula, pada waktu dunia diciptakan." (2 Pet. 3:4). Hari ini, hampir dua ribu tahun yang lalu, kita tahu kenyataan dakwaan mereka, bukannya?

Disamping amaran Petrus tentang guru-guru palsu, penderitaan yang dialami oleh gereja-gereja ialah topik bahawa dia kembali beberapa kali. Katanya, penderitaan-penderitaan ini mencerminkan penderitaan Yesus – menempatkan dosa kita pada diriNya sendiri ketika Dia mati di kayu salib (1 Pet. 2:24). Namun, berita gembiranya

ialah bahawa kematian Yesus disebabkan oleh dosa, demikian juga sebagai kebenaran hidup di sini dan sekarang kepada mereka yang percaya kepada Dia (1 Pet. 2:24).

Petrus mengatakan bahawa bukan sahaja Yesus mati untuk dosa-dosa kita tetapi, Dia akan kembali ke bumi dan melayani pada pengadilan Tuhan (2 Pet. 3:10-12). Dia tekankan fakta bahawa pengharapan ke atas pengadilan haruslah mempunyai pengertian praktikal yang istimewa di dalam kehidupan umat percaya. Apabila Yesus kembali, Dia akan membinasakan semua dosa dan akan mentahirkan bumi ini dengan api (2 Pet. 3:7). Selepas itu pengikut-pengikut Yesus akan menerima harta yang Tuhan telah sediakan kepada mereka di Syurga (1 Pet. 1:4).

Petrus menggunakan perkataan-perkataan yang sangat praktikal bagaimana Kristian harus hidup. Pertama dan yang terutama, Kristian harus mengasihi satu dengan yang lain (1 Pet. 4:8). Dia simpulkan pandangannya dengan berkata: "Dan akhirnya, hendaklah kamu semua seiasakata, seperasaan, mengasihi saudara-saudara, penyayang dan rendah hati," (1 Pet. 3:8).

Tulisan-tulisan Petrus juga bernyala-nyala mengumandangkan Injil, pusat mesej seluruh Alkitab. Akhirnya, jika seseorang itu mengetahui anugerah keselamatan daripada TUHAN, ianya adalah melalui Petrus. Petrus yang sama juga yang secara terbuka dan sangat bodoh menafihkan TUHANnya (sehingga dengan kutuk), dengan berkata, "aku tidak mengetahui orang itu" (Mat. 26:74), dan orang yang sama juga di mana Yesus berkata kemudian, "Gembalakanlah domba-domba-Ku." (Yoh. 21:17). Dua surat ini adalah contoh perbuatan Petrus hanya - mengembalakan domba-domba TUHAN.

Sudah tentu, dalam apa bahagianpun tentang 'menggembala' ia termasuklah kebenaran agung iaitu keselamatan oleh iman di dalam Kristus, satu tema yang berkuasa dikumandangkan oleh rakan sepelayanan dengannya, rasul Paulus. Inilah kebenaran kasih kurnia Tuhan. Petrus arif benar tentang hal itu, bukan hanya secara teori atau semata-mata doktrin tetapi, oleh kerana dia mengalami kenyataan dan kuasa belas kasihan itu sendiri.

Dalam ulasan Martin Luther tentang Petrus, dia menulis, "Oleh kerana Surat St. Petrus ini satu daripada buku terpenting dalam Perjanjian Baru, ia adalah benar dan Injil tulen. Petrus juga menyatakan hal sama dengan Paulus dan semua Evangelis lakukan bahawa dia berulang-ulang menyatakan doktrin iman yang benar-benar sebagaimana Kristus berikan kepada kita; Dia yang mengambil dosa-dosa dan menyelamatkan kita." - Commentary on the Epistles of Peter and Jude (Grand Rapids: Kregel Publication, 1982), ms.2, 3.

Yesus beritahu Petrus untuk mengembalakan dombaNya. Kita adalah di antara domba-domba itu. Relakanlah diri anda.

*Robert K McIver dibesarkan di New Zealand dan menghabiskan lebih banyak kariernya di Avondale College; mengajar Alkitab dan arkeologi. Dia adalah penulis beberapa buah buku termasuk **The Four Faces** dan **Beyond the Da Vinci Code**.*

PELAJARAN 1 | 25-31 Mac

Diri Petrus

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu ini: Lukas 5:1-11; Mat. 16:13-17; 14:22-33; Lukas 22:31-33, 54-62; Gal. 2:11-14.

Ayat Hafalan: "Tetapi ketika dirasanya tiupan angin, takutlah ia dan mulai tenggelam lalu berteriak: "Tuhan, tolonglah aku!" Segera Yesus mengulurkan tangan-Nya, memegang dia dan berkata: "Hai orang yang kurang percaya, mengapa engkau bimbang?""

Petrus adalah penulis dua buah buku (1 dan 2 Petrus) dengan menggunakan namanya. Dia adalah salah seorang daripada pengikut awal Yesus. Dia tinggal bersama Yesus semasa pelayanan TUHAN di sini. Dia juga salah seorang murid yang pertama menyaksikan kubur yang kosong. Jadi, Petrus mempunyai begitu banyak pengalaman dan mendapat inspirasi melalui Roh Kudus, sehingga dapat digunakannya untuk menulis dua suratnya yang berkuasa. "Sebab kami tidak mengikuti dongeng-dongeng isapan jempol manusia, ketika kami memberitahukan kepadamu kuasa dan kedatangan Tuhan kita, Yesus Kristus sebagai raja, tetapi kami adalah saksi mata dari kebesaran-Nya." (2 Pet. 1:16).

Petrus sering muncul dalam Injil tersebut, menyatakan kedua-dua hal tentang kemenangan dan kegagalannya. Dialah yang selalu menjadi jurucakap murid untuk berinteraksi dengan Yesus. Selepas kebangkitan dan keberangkatan Yesus naik ke Syurga, Petrus menjadi pemimpin utama gereja awal. Buku Kisah Para Rasul menceritakan perihal dia, demikian juga buku Galatia.

Lebih penting lagi, Petrus tahu tentang hal berbuat salah, akan diampuni dan maju ke hadapan dalam iman dan kerendahan hati. Oleh kerana mempunyai pengalaman sendiri tentang belas kasihan Tuhan. Dia meninggalkan kata-kata berkuasa kepada kita semua yang perlu mendapatkan pengalaman sama seperti dia juga.

“Pelajarilah Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada Hari Sabat, 1 April.

AHAD 26 Mac

Pergilah DaripadaKu!

Pertama kali kita berjumpa dengan Petrus, dia adalah seorang nelayan di Laut Galilea (Mat. 4:18; Mar. 1:16; Luk. 5:1-11). Dia bekerja semalaman tanpa menangkap seekor ikanpun. Tetapi, dia dan teman-temannya percaya kepada arahan Yesus agar kembali semula ke danau dan menebarkan jala sekali lagi. Alangkah memanjatkan sekali buat Petrus dan teman-temannya kerana berjaya menangkap banyak ikan sehingga perahu mereka mulai tenggelam. Apakah yang bermain dalam minda mereka setelah melalui keajaiban tersebut?

Baca Lukas 5:1-9. Apakah kata-kata Petrus kepada Yesus dalam Lukas 5:8 beritahu kita tentang Petrus? Lalu, apakah maksud yang kita peroleh tentang di manakah kerohaniannya?

Sudah tentu Petrus tertarik dengan apa yang dia tahu tentang Yesus. Sebelum mukjizat inipun, apabila Yesus arahan mereka menebarkan jala mereka, Petrus yang merasa sangsi kerana tidak mendapat apa-apa tangkapan, bagaimanapun mengatakan: “kerana Engkau menyuruhnya, aku akan menebarkan jala juga.” (Luk. 5:5) Seolah-olah bahawa Petrus sudahpun mengetahui Yesus dan inilah yang mendorong dia untuk percaya. Sesungguhnya, bukti mengatakan bahawa Petrus bersama-sama dengan Yesus beberapa ketika sebelum pengalaman tersebut.

Kuncinya mungkin terdapat dalam Lukas 5:3, di mana mengatakan tentang apa yang berlaku sebelum mukjizat ikan tersebut. “Ia naik ke dalam salah satu perahu itu, yaitu perahu Simon, dan menyuruh dia supaya menolakan perahunya sedikit jauh dari pantai. Lalu Ia duduk dan mengajar orang banyak dari atas perahu.” Mungkin kata-kata Yesus itulah yang pertama mempengaruhi Petrus secara mendalam.

Bagaimanapun, selepas mukjizat tersebut, Petrus mengetahui lebih mendalam tentang Yesus. Sesuatu yang kudus berbanding dengan dia yang penuh dengan dosa. Kesedaran Petrus terhadap keberdosannya dan kerelaannya untuk mengakui di hadapan umum, menunjukkan betapa terbukanya dia kepada TUHAN. Tidak hairanlah dia telah dipanggil! Apapun kesalahannya dan sudah pasti banyak, Petrus adalah seorang rohani yang siap sedia mengikut TUHAN tanpa mengindahkan akibatnya.

Baca Lukas 5:11. Apakah prinsip genting di sini? Apakah ayat ini beritahu kita tentang apakah bentuk komitmen Yesus kehendaki kita lakukan? Juga, apakah yang harus diberitahu kepada kita bahawa nelayan tersebut rela meninggalkan semuanya sedangkan jala mereka penuh dengan ikan?

ISNIN 27 Mac

Mengakui Kristus Sebagai Mesias

Satu daripada peristiwa besar dalam cerita Yesus terdapat di dalam dialog dengan Petrus. Yesus baru sahaja selesai berhadapan dengan beberapa ahli Taurat dan Farisi yang mencabar Yesus untuk meminta tanda, sesuatu yang membuktikan siapa Dia sebenarnya (lihat Mat. 16:1-4). Selepas itu, Yesus bersama-sama dengan murid-murid menceritakan tentang dua mukjizat yang dipersembahkanNya. Dia memberi makan ribuan orang hanya beberapa keping roti dan ikan sebanyak dua kali. Dia lakukan semua ini dalam konteks memberi amaran kepada murid-murid mengenai “ragi orang Farisi dan orang Saduki” (Mat. 16:11).

Baca Matius 16:13-17. Apa yang terjadi di sini? Apakah signifikan kata-kata Petrus kepada Yesus?

Dengan berani Petrus berkata-kata tentang imannya di dalam Yesus. Jelas sekali dalam Matius 16:20 bahawa pengakuannya kepada Kristus sebagai Mesias, dikongsikan oleh orang lain juga. Perkara ini merupakan titik

permulaan pelayanan untuk Yesus sekalipun murid-murid termasuk Petrus, masih banyak yang hendak dipelajari.

"Murid-murid itu masih mengharap Yesus untuk memerintah sebagai seorang raja. Sekalipun Yesus telah lama merahsiakan rencanaNya, mereka percaya bahawa Dia tidak selalu berada dalam kemiskinan dan hidup dalam keadaan tidak dikenali; masanya akan tiba kelak di mana Dia akan menubuhkan kerajaanNya. Kebencian pemimpin-pemimpin agama dan guru-gurunya tidak akan diatasi, demikian juga Yesus ditolak oleh bangsaNya sendiri; dipersalahkan sebagai penipu serta disalib sebagai penjenayah – pemikiran sedemikian tidak pernah terlintas di fikiran murid-murid itu." – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 415.

Sebaik sahaja para murid mengetahui bahawa Yesus adalah Mesias, Dia mulakan pengajaran bahawa Dia harus menderita dan mati (lihat Matius 16:21-23), satu konsep yang Petrus tidak dapat terima. Sehingga Petrus "mencela" Yesus. Lalu Yesus berpaling kepada Petrus dan berkata, " 'Enyalah engkau, hai Iblis' " (Mat. 16:23). Salah satu daripada perkataan sangat kasar daripada Yesus kepada seseorang semasa pelayanannya; namun, Dia lakukan demi kebaikan Petrus. Kata-kata Petrus memantulkan keinginannya sendiri dan sifatnya yang mementingkan diri terhadap apa yang dia kehendaki. Yesus perlu menghentikan halatujunya, sebenarnya (meskipun Yesus bercakap khusus kepada Syaitan, Petrus mengerti mesejnya). Petrus perlu belajar bahawa melayani TUHAN akan melibatkan penderitaan. Petrus benar-benar memahami pelajaran tersebut ternyata sangat jelas di dalam tulisan-tulisannya (lihat 1 Pet. 4:12).

Berapa seringkah keinginan pribadi anda bertentangan dengan apa yang anda tahu Tuhan kehendaki anda lakukan? Bagaimanakah anda membuat keputusan apa yang anda lakukan dalam keadaan tersebut?

SELASA 28 Mac

Berjalan Di atas Air

Pada masa murid-murid bersama-sama dengan Yesus, mereka telah melihat banyak perkara luar biasa, namun hanya sedikit yang dapat dibandingkan dengan peristiwa yang dihuraikan di dalam Matius 14:13-33, Markus 6:30-52 dan Yohanes 6:1-21. Yesus menggunakan lima ketul roti kecil dan dua ekor ikan untuk memberi makan lebih daripada 5,000 orang. Sekali lagi, apakah yang terdapat dalam fikiran mereka apabila melihat sesuatu peristiwa seperti ini?

Baca Matius 14:22-33. Apakah mesej yang paling genting yang kita boleh gunakan melalui cerita tersebut untuk membantu kita dalam perjalanan bersama TUHAN?

Orang-orang ini baru sahaja melihat suatu kuasa luar biasa melalui cara memberi makan kepada orang ramai. Sesungguhnya, Dia benar-benar berkuasa ke atas dunia semulajadi. Itu sudah tentu telah membantu Petrus mejadi berani atau terlalu yakin dan memohon: "Tuhan, jika itu Engkau, suruhlah aku datang kepadaMu berjalan di atas air." (Matius 14:28).

Wah, alangkah indahnya ungkapan iman!

Sesudah itu, Yesus menghargai iman seperti itu dan beritahu Petrus untuk maju, di mana Petrus lakukan; merupakan satu lagi tanda perasaan iman Petrus. Adalah menjadi satu perkara luarbiasa berjalan di atas air yang tenang, tetapi, Petrus melakukannya sekalipun ditengah-tengah badai.

Biasanya, pelajaran yang terdapat melalui cerita tersebut ialah mengarahkan mata kita jauh daripada Yesus, tetapi, lebih daripada itu. Sudah pasti Petrus penuh yakin kepada Yesus, jika tidak, dia tidak akan membuat permintaan itu lalu melakukannya. Bagaimanapun, sebaik dia bertindak, mulailah dia ketakutan dan dalam ketakutan itulah dia mulai tenggelam.

Mengapa? Apakah Yesus tidak boleh hanya membiarkan Petrus terapung tidak kira Petrus ketakutan? Bagaimanapun, Yesus benarkan Petrus sampai pada satu titik di mana dia tidak dapat berbuat apa-apa melainkan berteriak tanpa berdaya, "TUHAN, tolonglah aku!" (Matius 14:30). Lalu Yesus menghulurkan tanganNya dan melakukan seperti yang Petrus minta. Fakta bahawa "Yesus mengulurkan tangan-Nya, memegang dia," (Matius 14:31), sedangkan Dia boleh saja biarkan Petrus terapung tanpa sentuhan secara fisik, sudah pasti telah membantu Petrus mengenalpasti betapa pentingnya belajar untuk bergantung kepada Yesus.

Boleh sahaja kita bermula dengan iman yang besar, yakin kepada kuasa TUHAN kita tetapi, apabila situasi berada dalam ketakutan, kita harus ingat kata-kata Yesus kepada Petrus: " 'Hai orang yang kurang percaya, mengapa engkau bimbang?' " (Matius 14:31).

RABU 29 Mac

Menyangkal TUHANnya

Baca Lukas 22:31-34; 54-62. Apakah pelajaran yang kita peroleh melalui kegagalan Petrus?

Tujuan Petrus adalah baik dan sebenarnya, dia tunjukkan lebih banyak keberanian berbanding dengan murid-murid yang lain. Sesungguhnya, dia mengikuti Yesus untuk mengetahui apa yang akan berlaku kepada Yesus. Tetapi, dia menyembunyikan identitinya yang sebenar ketika melakukannya. Kompromi ini, penyimpangan daripada apa yang baik dan benar, menuntun Petrus untuk menyangkal TUHANnya *tiga kali*, tepat seperti yang Yesus amarkan kepadanya.

Perjalanan cerita Petrus yang sangat sedih ini mengandungi arahan betapa besar kebinasaan akibat tindakan mahu berkompromi.

Seperti yang kita tahu, sejarah Kristian dicemari oleh akibat mengerikan, yang telah berlaku apabila umat Kristian kompromikan kebenaran yang amat penting. Sekalipun kehidupan itu sendiri seringkali melibatkan sifat kompromi dan semestinya ada masa untuk rela memberi dan menerima, namun, dalam perkara-perkara kebenaran genting, kita mesti berdiri kukuh. Sebagai manusia, kita harus belajar apakah perkara-perkara yang kita sama sekali tidak mahu berkompromi dalam apa sekali keadaanpun (sebagai contoh, lihat Wahyu 14:12).

Menurut Ellen G. White, sifat kompromi dan kegagalan Petrus tersebut bermula di kebun Getsemani - sepatutnya dia berdoa tetapi, dia tidur, itu sebabnya tidak bersedia secara rohani untuk menghadapi apa yang akan berlaku. Jika hanya dia setia dalam doa, Ellen G. White menulis, "dia tidak akan menyangkal TUHANnya." - *The Desire of Ages*, ms. 714.

Ya, kegagalan Petrus sangat mengerikan, tetapi sebesar manapun keagalannya, rahmat Tuhan lebih besar daripada itu. "di mana dosa bertambah banyak, di sana kasih kurnia menjadi berlimpah-limpah," (Roma 5:20). Pengampunan Yesuslah yang menjadikan Petrus salah seorang pemimpin utama gereja Kristian yang mula-mula. Alangkah berkuasa pelajaran ini kepada kita mengenai hakikat rahmat Tuhan. Sesungguhnya kita mendapat pelajaran bahawa, meski apapun kegagalan kita, kita perlu maju ke hadapan di dalam iman!

Ya, Petrus tahu apa yang dimaksudkan dengan akan diampuni. Dia tahu sendiri apa sebenarnya maksud injil, kerana dia telah mengalaminya, bukan hanya hakikat keberdosaan manusia tetapi, kebesaran cinta kasih dan rahmat Tuhan yang mendalam terhadap manusia berdosa.

Bagaimana kita belajar untuk mengampuni mereka yang sungguh-sungguh mengecewakan kita sebagaimana Petrus mengecewakan Yesus dalam peristiwa ini?

KHAMIS 30 Mac

Petrus Sebagai Pemimpin Gereja

Petrus selalu bertindak sebagai pemimpin kepada 12 orang murid semasa pelayanan Yesus. Petrus merupakan jurucakap mereka. Apabila Matius menyenaraikan murid-murid Yesus, dia berkata: "pertama, Petrus" (Matius 10:2). Petrus juga mengambil peranan yang unggul pada kepimpinan gereja yang mula-mula. Petrus jugalah yang mengambil inisiatif untuk melantik seorang murid sebagai pengganti Judas Iskariot yang mengkhianati Yesus (Kisah 1:15-25). Pada hari Pentakosta, Petruslah yang menjelaskan kepada orang awam bahawa mereka telah melihat janji kurnia Roh Alkidus dicurahkan oleh Tuhan ke atas umat-umatNya (Kisah 2:14-36). Petrus jugalah ketika ditangkap, berkata tentang kebangkitan terhadap orang mati, bercakap di hadapan imam besar dan himpunan pemimpin-pemimpin Yahudi (Kisah 4:1-12). Petrus jugalah yang dituntun menemui Kornelius, bangsa asing yang pertama menerima sebagai pengikut Yesus (Kisah 10:1-48). Petrus jugalah yang Paulus lawat selama 15 hari apabila pertama kali Paulus tiba di Jerusalem selepas menganut agama baharunya (Gal. 1:18). Sesungguhnya, apabila Paulus menggambarkan pengikut Yesus yang terdekat di Yerusalem pada waktu itu, dia mengenali tiga "sokoguru" anggota gereja: Petrus, Yakobus saudara Yesus dan Yohanes murid yang dikasihi (Gal. 2:9).

Baca Galatia 1:18, 19; 2:9, 11-14. Apakah ayat-ayat ini beritahu kita tentang Petrus, sementara dia berfungsi sebagai pemimpin gereja mula-mula yang menonjol?

Meskipun sebagai pemimpin gereja, meskipun sebagai seorang yang jelas dipanggil oleh TUHAN (Yesus beri perintah kepada Petrus, "Gembalakanlah domba-dombaKu" [Yoh. 21:17]), meskipun sebagai seorang yang telah menerima khayal tentang tidak menyebut "orang najis atau tidak tahir" (Kisah 10:28), Petrus masih mempunyai beberapa perkara penting yang mahu dipertingkatkan.

Pada permulaan sejarah gereja, hampir semua umat Kristian adalah orang-orang Yahudi, mereka semua "rajin memelihara hukum Taurat" (Kisah 21:20). Dalam tafsiran mereka tentang hukum, makan bersama orang asing

mendatangkan masalah kerana, orang asing dianggap tidak tahir. Apabila beberapa orang Kristian Yahudi datang dari Yakobus di Jerusalem, Petrus berhenti makan bersama orang asing di Antiok.

Bagi Paulus, sifat sedemikian adalah satu serangan ke atas injil itu sendiri. Dia melihat tindakan Petrus sebagai hipokrit yang terang-terangan dan dia tidak takut untuk mencabar dia tentang hal itu. Sebenarnya, Paulus mengambil peluang untuk menerangkan ajaran utama iman agama Kristian: pembenaran melalui iman sahaja (lihat Gal. 2:14-16)

Meskipun dipanggil oleh Tuhan, Petrus mempunyai beberapa tindakan yang membabi buta yang perlu diperbaiki. Bagaimanakah kita bertindak balas apabila orang lain berusaha untuk menunjukkan tindakan “membabi buta” kita sendiri?

JUMAAT

31 Mac

Renungan Tambahan: Ellen G. White, *The Desire of Ages*, “The Call by the Sea,” ms. 244-251; “A Night on the Lake,” ms.377-382.

Sejak pengakuan awal nelayan itu akan keberdosannya sendiri hingga kepada pengisytiharan berani beliau tentang Yesus bahawa “Engkau adalah Mesias, Anak TUHAN yang hidup!” (Mat. 16:16) hingga kepada peristiwa penafiannya yang sungguh mengerihkan ke atas TUHAN, meskipun kejayaan-kejayaan serta kesalahan-kesalahannya sebagai pemimpin dalam gereja, sesungguhnya, Petrus adalah seorang yang memainkan peranan penting. Oleh itu, di bawah inspirasi Roh Kudus tanpa cacat, dia dapat menulis apa yang dia lakukan, bukan sahaja pengetahuan berdasarkan teori, tetapi melalui pengalaman itu sendiri. Dia tahu bukan sahaja kurnia penyelamatan Kristus, tetapi transformasiNya juga: “Sebelum kejatuhan besarnya (Petrus), dia selalu maju ke hadapan dan bersifat diktator, bercakap tergesa-gesa berdasarkan perasaan hendak melakukan sesuatu tanpa berfikir. Dia selalu siap sedia untuk membetulkan orang lain serta melahirkan mindanya sebelum memahami dengan jelas dirinya sendiri atau tentang apa yang hendak dikatakannya. Tetapi, Petrus telah berubah, dan Petrus yang berubah itu sangat berbeza daripada sangat gopoh dan bersemangat tetapi tanpa berfikir panjang. Walaupun beliau mengekalkan semangat beliau yang dahulu, anugerah Kristus mengawal selia semangatnya. Daripada terburu-buru nafsu, yakin pada diri sendiri, dan meninggikan diri, kini dia tenang, dapat menguasai diri, dan boleh diajar. Itu sebabnya dia dapat menggembalakan domba-domba dan juga domba daripada kandang Kristus.” – Ellen G. White, *Tertimonies for the Church*, vol. 5, ms. 334, 335.

Siapa di antara kita tidak terdapat ada kaitan sedikitpun seperti Petrus? Siapa yang tidak pernah, biar sekali sahaja, berani berdiri dalam iman mereka? Siapa tidak pernah, pada satu masa, gagal dan mendukacitakan?

Soalan Perbincangan:-

1. Apakah yang diberitahukan kepada kita tentang kurnia Tuhan di mana, sekalipun penafian Petrus ke atas Yesus itu sangat memalukan, dia (Petrus) masih memainkan peranan penting dan utama bukan sahaja kepada gereja awal tetapi juga kepada iman umat Kristian itu sendiri? (Akhirnya, dia menulis sebahagian daripada buku Perjanjian Baru.) Apakah pelajaran yang kita peroleh melalui pemulihan tentang bagaimana menangani masalah mereka, kerana melakunanya mengikut cara mereka sendiri maka mereka mengalami kegagalan di hadapan TUHAN?
2. Dalam kelas anda, bincangkan lebih banyak tentang bahaya sifat berkompromi untuk gereja. Bagaimana kita akan mengetahui tentang perkara-perkara yang kita perlu terima dan tolak dan dalam perkara-perkara bagaimanakah keadaan kita boleh berkompromi? Apakah contoh-contoh yang kita peroleh melalui sejarah gereja tentang berkompromi lalu menuntun kepada malapetaka? Apakah pelajaran yang kita peroleh melalui peristiwa-peristiwa tersebut?
3. Petrus mempelajari banyak pelajaran melalui cara yang sukar. Dengan melihat kesalahan-kesalahan tersebut, bagaimana kita dapat belajar tetapi dengan cara yang mudah berbanding dengan pengalaman yang Petrus lalui?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: Lukas 5:1-11

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Menyedari kekurangan (lelaki/perempuan) sementara percaya kepada kuasa Yesus untuk melaksanakan missionNya.

Merasakan: Mengalami perasaan bersyukur kerana berpeluang dipanggil oleh Yesus untuk bekerja bagiNya, sekalipun dalam hal yang tidak layak untuk berhubungrapat dengan Dia.

Melakukan: Respons kepada panggilan Yesus untuk menjadi penjala lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan belia, sanggup meninggalkan sesuatu demi mengikut Dia.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Yesus Memanggil Menjadi Rakan Sekerja Dalam Bisnes “Menjala.”

- A. Apa yang menyebabkan kita terkenal untuk menjadi rakan sekerja dengan Yesus?
- B. Darimanakah datangnya kuasa untuk membawa jiwa-jiwa kepada pukat Injil? Bagaimana kita kaitkan dengan Sumber kepada kuasa tersebut?

II. Merasakan: Pendosa tidak berharga namun terhutang budi dan patuh

- A. Dalam cara bagaimanakah kita merasa tidak berharga sebagai orang berdosa untuk lebih rapat hubungan dengan Yesus?
- B. Bagaimanakah kita melahirkan terima kasih kerana peluang terpanggil untuk menjadi rakan sekerja dengan Kristus?

III. Melakukan: Menjawab PanggilanNya

- A. Mengapakah ianya penting apabila kita mempedulikan panggilan Kristus untuk mengenalpasti bahawa kepenuhanNya (dan bukan kita) yang akan menjamin kejayaan di dalam missionNya?
- B. Mengapa kita harus tinggalkan semuanya hanya untuk mengikut Yesus dan memenuhi missionNya bagi jiwa-jiwa?

Kesimpulan: Kehidupan Petrus berubah dengan tiba-tiba apabila dia mengetahui kedudukan dia sebagai orang berdosa dalam kehadiran Kristus. Petrus menyerahkan kerelaan, ketaatan kepada perintah Yesus dan telah menyaksikan kuasa Kristus untuk menyelesaikan missionNya. Dia menggunakan secara bebas kemahirannya sebagai nelayan professional. Petrus juga mempelajari bahawa dia harus percaya hanya kepada kepenuhan Kristus.

PELAJARAN 1 - Cara Pembelajaran

LANGKAH I - Mendorong

Kunci Utama Alkitab: Matius 14:25-33

Konsep Utama Pertumbuhan Rohani: Percaya kepada kecukupan kita sendiri menuntun kepada bahaya dan putus asa. Sebaik sahaja Petrus menyedari bahawa satu-satunya pengharapan ialah di dalam Kristus. Dengan memohon bantuan daripadaNya, dia dapat menakluki gelombang perasaan putus harapan yang mengancam kehidupan dan jiwanya. Yesus masih bertanya daripada kita seperti yang Dia lakukan ke atas Petrus, “Mengapa engkau bimbang?” (Mat. 14:31). Seperti yang dilakukan oleh murid-murid, sambutan kita dalam penyembahan adalah, “ ‘Sesungguhnya, Engkau Anak Tuhan’ ” (Mat. 14:33).

Pengalaman-pengalaman lain daripada kehidupan Petrus juga menyatakan pergumulan berlanjutannya dengan perasaan cukup untuk diri sendiri dan kelambatannya untuk belajar satu pelajaran yang Kristus cuba tunjukkan kepada dia. Hanya apabila dia merendah diri dan patah hati selepas penyangkalannya ke atas Yesus barulah dia berubah sepenuhnya. Selepas itu jugalah dia menyerahkan sepenuh-penuh dalam kecukupan Kristus, siap sedia menjadi alat dalam tangan Kristus untuk pelaksanaan misiNya.

Hanya untuk Guru: Tujuan pelajaran ini adalah untuk menuntun ahli kelas untuk tidak percaya kepada kecukupan mereka sendiri dan untuk belajar bergantung kepada kecukupan Kristus.

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Minta ahli kelas membaca Matius 14:25-33. Bincangkan latar belakang di mana peristiwa tersebut terjadi (Mat. 14:13-24) dan apa yang sepatutnya Petrus buang dalam peristiwa tersebut. Minta ahli kelas memikirkan peristiwa-peristiwa dalam kehidupan mereka yang cenderung menuju kepada keyakinan diri. Mohon agar mereka dapat mengingat bagaimana berlakunya perubahan sebelum mereka

menyerahkan diri mereka kepada kepemimpinan dan kuasa Kristus di dalam kehidupan mereka. Berdasarkan urutan perkara-perkara dalam kehidupan Petrus, bagaimana keberkesanan dapat dipelajarinya daripada pengalaman tersebut? Bagaimanakah keberkesanan dapat kita pelajari daripada pengalaman menaruh kepercayaan kepada kuasa dan kecukupan Kristus di dalam pengalaman awal kita? Mengapa Yesus tidak putus asa dengan kita hanya kerana kita tidak mendapat pelajaran daripada awal?

Langkah 2: Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Beberapa perkara penting telah berkembang dalam Lukas 5:1-11 yang perlu diberi penekanan kepada murid-murid. Kepada siapa Yesus panggil diberiNya kelengkapan; kuasa itu daripada Dia. Orang yang Dia panggil adalah seorang nelayan professional, tetapi, Dia panggil mereka untuk menjadi perantis penjala manusia, suatu tugas di mana mereka tiada kelengkapan. Yesus menyediakan bukti-bukti bahawa Dia adalah seorang penjala ikan professional. Jika mereka yang dipanggil yakin kepada Dia berbanding dengan menggunakan metod mereka, Dia akan menyediakan tangkapan yang berjaya. Mereka perlu mengakui ketuhananNya serta keadaan mereka yang tidak berharga. Mereka juga perlu tinggalkan alat-alat serta metod demi mengikuti Dia dalam kelemahlembutan dan ketaatan kepada panggilanNya dan juga perlengkapan.

Ulasan Alkitab

I. Panggilan Untuk Melayani *(Imbas kembali Lukas 5:1-11 bersama ahli kelas anda)*

Sebagai nelayan professional, kehidupan Petrus adalah di atas air. Dia tahu apa yang digunakan untuk menangkap ikan dan sebagainya, dia yakin dengan metohnya. Dia juga tahu bahawa orang tidak dapat berjalan di atas air. Yesus menunggangterbalikkan semua pengetahuan sebagai seorang nelayan serta kecukupan diri sendiri - Petrus. Untuk menangkap ikan lebih berkesan, seorang harus ada kuasa ke atas alam. Hanya Yesus yang mempunyai kuasa seperti itu. Yesus mendemonstrasikan itu dengan memenuhkan pukut Petrus dengan ikan yang begitu banyak. Sedangkan mereka tidak mendapat apa-apa tangkapan sepanjang malam tadi. (Selepas itu, Yesus juga mendemonstrasikan kuasaNya bagaimana berjalan di atas permukaan air.) Petrus perlu menyedari dan mengakui ketuhanan Yesus serta dengan ketidakberhargaannya supaya Petrus boleh bekerjasama dengan Dia (Lukas 5:8). Petrus juga perlu belajar untuk berkeyakinan kepada Yesus apabila Dia mengeluarkan arahan atau penerangan, kerana Sang Juruselamat itu tahu dengan tepat apa yang Dia lakukan, juga berkuasa untuk melaksanakan kehendakNya. Petrus juga perlu meninggalkan semua peralatan dan cara-caranya demi mengikut Yesus, sebagai perantis kepada Penjala Ikan Yang Mahir untuk menjala lelaki dan perempuan (Lukas 5:10, 11).

Pertimbangkan Perkara Berikut: Sejauhmana kejayaan kita menjala jiwa anak kita sendiri dengan menggunakan sepenuhnya kaedah manusia? Bagaimana pula kejayaan yang lebih mungkin jika kita yakin kepada kaedah dan kuasa Kristus dan mengapa?

II. Panggilan Untuk Mengakui Kristus. *(Imbas kembali Matius 16:13-19 bersama ahli kelas anda).*

Yesus menjemput murid-muridNya untuk mengakui kesedaran mereka terhadap identiti Yesus (" 'Apa kata kamu, siapakah Aku ini?' " Mat. 16:15). Petrus pernah sebagai jurubicara yang kasar kepada orang lain, meluahkan pengakuannya bahawa Yesus adalah Kristus (Mesias), Anak kepada Tuhan yang hidup (Mat. 16:16). Yesus memberitahu bahawa Petrus telah mengetahui kebenaran tersebut hanya melalui pernyataan daripada Bapa (Mat.16:17). Penghargaan ini tidak bermakna kepada Petrus tetapi, ia menekankan kepentingan bagi pemahaman keilahan dalam memberi kesimpulan seperti itu. Malangnya, Petrus seperti telah menjadi lebih yakin dan bergantung kepada pemahaman yang betul tentang Kristus dan missionNya (Mat. 16:21-23).

Perhatikan Hal ini: Bagaimanakah kita merasa pasti bahawa kita tahu kebenaran identiti Kristus sebagai Mesias? Bagaimanakah kita mencapai kepada pendalaman pengetahuan yang lebih tentang Dia dan yang Dia boleh lakukan untuk kesempurnaan dalam hidup kita?

III. Panggilan Kepada Kerendahan Hati *(Imbas kembali Matius 16:21-23 bersama ahli kelas anda)*

Sementara Yesus mencuba untuk menerangkan missionNya kepada murid-muridNya, Petrus mencela Yesus: " 'Tuhan, hal itu sekali-kali takkan menimpa Engkau!' " (Mat. 16:22) Sifat keyakinan diri Petrus dengan cepat ditegur Yesus kerana apa yang diluahkan olehnya adalah roh Iblis. Apakah yang Yesus maksudkan apabila Dia berkata kepada Petrus, " ' Sebab engkau bukan memikirkan apa yang dipikirkan Tuhan, melainkan apa yang dipikirkan

manusia' " (Mat. 16:23)? Apakah agaknya dalam fikiran Petrus sehingga mencela Yesus? Bagaimanakah kita pertingkatkan sifat lebih merendah diri, dalam masa sama menghapus sifat diri sendiri?

IV. Panggilan Kepada Kesetiaan (*Imbas bersama Matius 26:31-35, 69-75; Lukas 22:31-34.*)

Setelah tiga setengah tahun bersama Yesus, Petrus masih tidak dapat mempelajrai daripada pengalamannya. Pertama, Petrus menyangkal ramalan Yesus bahawa semua orang yang mencari Dia akan meninggalkan Dia. Petrus menegaskan bahawa itu tidak akan melakukannya. Kemudian dia menyangkal Yesus, menegaskan bahawa dia tidak tahu tentang Dia. Apabila Petrus menyedari bahawa Yesus lebih mengetahui dia daripada dia mengetahui dirinya sendiri, akhirnya, dia serahkan dirinya sepenuhnya kepada Tuhan dan membiarkan Roh Tuhan mengawal dirinya. Penyerahan sepenuh ini mengakibatkan pertaubatannya, menempatkan dirinya dalam kedudukan untuk menjadi pemimpin rohani bagi gereja Yesus dan penulis kepada dua buah surat yang menggalakkan orang lain supaya taat kepada Yesus.

Adalah mendapat perhatian menyatakan bahawa selepas Petrus aktif sebagai pemimpin gereja dan sebagai murid buat beberapa tahun, dia masih memperlihatkan beberapa kelemahan di mana dia dipersalahkan menurut Paulus dalam Galatia 2:11-14. Ellen G. White menulis berhubung dengan insiden tersebut: "Petrus dapat melihat kesalahan yang dia sendiri telah jatuh kerananya, dengan serta-merta berazam membaiki kejahatan yang telah dibuat, sejauh seperti dalam kuasanya. Tuhan yang mengetahui di akhir daripada permulaan, membenarkan Petrus untuk menyatakan kelemahan tingkahlaku ini agar rasul yang mendapat percubaan itu boleh melihat bahawa tidak ada dalam dirinya yang dia boleh banggakan. Sekalipun yang terbaik di dalam diri manusia, jika hanya untuk dirinya sendiri, akan salah dalam pertimbangan" - *The Acts of the Apostles*, ms. 198.

Soalan Perbincangan:-

1. Bagaimanakah pengalaman Petrus melalui peristiwa-peristiwa di dalam Matius 26 dan Lukas 22, menyediakan pemahamannya untuk menulis dua buah suratNya?
2. Dalam cara apakah kita dapat mengenal-pasti keyakinan diri dan ketegasan Petrus? Apa yang perlu akan terjadi kepada kita menyebabkan keyakinan-diri dan penyerahan supaya kita boleh belajar di bawah kaki Tuan kita?
3. Apakah peranan doa Yesus bagi Petrus (Lukas 22:32) sehingga membolehkan dia bertaubat? Bagaimanakah doa tersebut membolehkan Petrus menguatkan saudara-saudaranya melalui tulisan-tulisannya? Kita mengetahui Yesus telah berdoa bagi kita (Yoh. 17:20), bagaimana ianya menawarkan galakan dan pengharapan kepada kita?

LANGKAH 3 - Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Peringatan bagi ahli kelas bahawa pengalaman Petrus bukan satu perkara yang unik baginya. Dia hanya lebih berani dan lebih lantang dalam dakwaannya sendiri dalam berbagai keadaan berbanding dengan murid-murid yang lain; jadi, dia mendapat perhatian lebih di dalam Injil. Tidak ada murid lain memahami apa yang Yesus katakan tentang pekerjaanNya (Lukas 9:44, 45). Sama seperti Elia (Yak. 5:17), mereka adalah manusia biasa, membahagikan kelemahan-kelemahan yang sama seperti yang kita lakukan, perlukan kuasa ialahi yang sama demi kemenangan mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Soalan Renungan:-

1. Apakah persamaan yang ada pada saya seperti pada Petrus? Apakah keupayaan saya untuk kebaikan atau kejahatan?
2. Bagaimanakah dapat diperteguhkan dengan mengenang kembali bahawa Yesus berdoa untuk saya, supaya apabila saya bertaubat, gantinya, saya boleh menguatkan saudara-saudara saya lelaki dan perempuan.

Aktiviti: Anjurkan ahli kelas memikirkan doa khusus bagi mereka yang berada dalam gereja termasuklah anggota mereka sendiri, barangkali sedang bergumul dengan percubaan-percubaan Syaitan. Mendorong satu dengan yang lain untuk kesetiaan.

Aktiviti Bersilang: Bincang bersama ahli kelas panggilan menjadi murid (menjala manusia) yang Yesus mahu Petrus, Andreas, Yakobus dan Yohanes lakukan seperti dalam Lukas 5:1-11 (bandingkan dengan Matius 4:18-22). Rancanglah satu projek kelas yang akan melibatkan penarikan orang lain masuk ke dalam pukuk injil.

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Peluang kita adalah untuk mengaitkan pengalaman dan kehidupan Petrus dengan apa yang kita alami. Perhatikan cara-cara di mana Yesus menjangkau keluar untuk mendorong Petrus berbanding dengan mengkritik dia kerana kegagalannya, biarpun dalam pertengahan Dia meramalkan beberapa di antara mereka. Apakah pengalaman (pengalaman-pengalaman) dapat ahli kelas nyatakan sebagai bukti bahawa Yesus berada di sini untuk mendorong mereka, sekalipun mereka seringkali gagal.

Aktiviti: Wujudkan satu carta, jika kelengkapan boleh diperolehi, bentangkan kehidupan Petrus seperti yang tercatat dalam Perjanjian Baharu iaitu sifat menaik dan menurun, kejayaan-kejayaan dan kegagalan-kegagalan dalam hidupnya. Sebaliknya, jika tidak terdapat kelengkapan, minta ahli kelas untuk menyinarai aspek-aspek kehidupan Petrus tersebut. Apakah bentuk yang muncul? Apakah hubungan bentuk tersebut dengan pengalaman pertaubatan Petrus? Bagaimana ianya boleh menjadi petunjuk kepada kita?

Pelajaran 2 | 1-7 April

Warisan yang Tidak Akan Binas

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu Ini: 1 Pet. 1:1, 2; Yoh. 3:16; Yeh. 33:11; 1Pet. 1:3-21; Ima. 11:44, 45; 1Pet. 1:22-25.

Ayat Hafalan: “Karena kamu telah menyucikan dirimu oleh ketaatan kepada kebenaran, sehingga kamu dapat mengamalkan kasih persaudaraan yang tulus ikhlas, hendaklah kamu bersungguh-sungguh saling mengasihi dengan segenap hatimu.” 1Pet 1:22

Bilamana seseorang mempelajari Alkitab khususnya fokus kepada sebuah buku atau biarpun satu bahagian sahaja dalam buku itu, kalau boleh, beberapa soalan perlu dijawab.

Pertama, adalah baik untuk mengetahui siapa pendengar yang ditujukan. Kedua, barangkali lebih penting lagi, adalah baik untuk mengetahui sebab yang tepat tujuan surat tersebut. Apakah isu sebenarnya (jika ada) si penulis mahu tangani (seperti surat Paulus kepada orang-orang Galatia dalam hal kesalahan-kesalahan teologi yang diajar tentang keselamatan dan tentang hukum)? Sebagaimana kita tahu, kebanyakan buku Perjanjian Baharu ditulis sebagai surat dalam Injil atau surat-surat dan seseorang biasanya menulis surat dengan tujuan untuk menyampaikan mesej tertentu kepada penerima.

Dalam kata lain, sementara kita membaca surat Petrus, adalah baik untuk mengetahui seberapa banyak yang boleh, konteks sejarah suratnya. Apa yang dia katakan dan mengapa? Sudah tentu, yang lebih penting daripada semuanya: Apakah mesej kita (kepada siapa, di bawah inspirasi serta bila ditulis) boleh dapati daripadanya?

Seperti yang kita lihat nanti, dalam beberapa ayat pertama sahajapun, Petrus mempunyai banyak kebenaran dinyatakan kepada kita hari ini, beberapa abad sejak ia menulis.

**Pelajari pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada Sabat, 8 April.*

AHAD 2 April

Kepada Para Buangan

Jika anda diberi sehelai kertas dengan tulisan bermula dengan, “Saudara yang dikasihi,” anda pasti mengetahui bahawa anda membaca se pucuk surat. Anda akan menganggap bahawa surat itu datang daripada seorang yang mungkin anda tidak berapa rapat.

Sama seperti cara penulisan surat moden, mempunyai cara peraturan untuk memulakannya, demikian juga dengan surat-surat kuno. Pertama Petrus memulakan suratnya seperti cara kuno menulis surat. Mengenalpasti si penulis dan kepada mereka yang ditujukan surat tersebut.

Baca 1 Petrus 1:1. **Apakah yang kita dapat pelajari daripada ayat pertama ini yang dapat membantu memahami sebahagian daripada konteks tersebut?**

Petrus dengan jelas memperkenalkan dirinya sendiri. Namanyalah perkataan pertama dalam surat tersebut. Namun, dia langsung menjelaskan dirinya sendiri sebagai “seorang rasul Yesus Kristus.” Demikian juga, seperti Paulus sering lakukan (Gal. 1:1; Roma 1:1; Efe. 1:1), Petrus serta-merta menetapkan “tauliah”nya, menekankan panggilan ilahinya. Dia adalah seorang “rasul,” iaitu “seorang yang diutus,” dan Orang yang mengutus dia adalah TUHAN Yesus Kristus.

Petrus mengenalpasti wilayah di mana dia kirimkan suratnya: Pontus, Galatia, Kapadokia, Asia Kecil dan Bitinia. Semuanya berada dalam wilayah Asia Kecil, secara kasarnya, dapat dipersamakan dengan bahagian Turkey moden – sebelah timur Bosphorus.

Perdebatan timbul tentang sama ada Petrus menulis surat lebih kepada orang percaya bangsa Yahudi atau kepada bangsa asing. Istilah Petrus gunakan dalam 1 Petrus 1:1 “pendatang/buangan,” “berselerak [diaspora],” adalah istilah-istilah yang pada asalnya daripada bangsa Yahudi yang tinggal di luar Tanah Suci pada abad pertama. Perkataan-perkataan *dipilih* dan *dikuduskan* dalam 1Petrus 1:2 adalah sepadan bagi kedua-dua bangsa

Yahudi dan umat Kristian yang serupa dengannya. Dengan menyifatkan mereka yang di luar komuniti sebagai “orang asing” (1Pet. 2:12; 4:3) juga menekankan sifat bangsa Yahudi yang Petrus tujukan suratnya.

Beberapa pengulas bertelingkah sebagai reaksi mereka bahawa apa yang Petrus katakan di dalam 1Pet. 1:18 dan 4:3, adalah lebih tepat ditujukan kepada bangsa asing yang menjadi Kristian daripada bangsa Yahudi itu sendiri. Akhirnya, mungkinkah Petrus benar-benar ada menulis kepada bangsa Yahudi tentang “cara-cara yang tidak berfaedah yang diwarisi daripada nenek moyang”? Atau mungkinkah dia pernah berkata kepada pembaca-pembaca bangsa Yahudi, “Sebab telah cukup banyak waktu kamu pergunakan untuk melakukan kehendak orang-orang yang tidak mengenal Allah. Kamu telah hidup dalam rupa-rupa hawa nafsu, keinginan, kemabukan, pesta pora, perjamuan minum dan penyembahan berhala yang terlarang” (1Pet. 4:3)?

Apa tak lagi bagi kita, sungguh genting. Meskipun demikian, bukankah kita lebih daripada penonton, tetapi, sebaliknya, apakah sebenarnya mesej tersebut katakan.

ISNIN

3 April

Terpilih

Baca 1 Petrus 1:2. Apakah lagi yang dikatakan dalam ayat ini beritahu kita tentang mereka di mana Petrus telah hantarkan suratnya? Apakah panggilan yang dia gunakan kepada mereka?

Sama ada surat itu ditujukan khusus kepada orang-orang percaya bangsa Yahudi atau bangsa asing, satu perkara Petrus tahu dengan pasti: mereka adalah “yaitu orang-orang yang dipilih, sesuai dengan rencana Tuhan” (1Pet. 1:2).

Namun, di sini seseorang itu perlu berhati-hati dalam hal ini. Bukan bererti bahawa Tuhan telah menentukan beberapa orang yang diselamatkan dan beberapa orang yang akan hilang, dan seperti bergantung kepada nasib yang baik, orang-orang yang Petrus tujukan suratnya adalah orang yang telah dipilih Tuhan untuk diselamatkan, sementara orang lain telah ditentukan oleh Tuhan untuk hilang. Perkara tersebut bukanlah ajaran Alkitab.

Baca 1Tim. 2:4; 2Pet. 3:9; Yoh. 3:16; Yeh. 33:11. Bagaimanakah ayat-ayat tersebut membantu kita untuk memahami apa yang Petrus maksudkan dengan panggilannya bahawa orang-orang itu “pilihan”?

Dalam Alkitab menjelaskan bahawa adalah rencana Tuhan untuk semua orang diselamatkan. Satu rencana yang telahpun dimulakan bagi pihak mereka sebelum penciptaan bumi ini: “Sebab di dalam Dia Allah telah memilih kita sebelum dunia dijadikan” (Efe. 1:4). “Semua” adalah “pilihan” dalam ertikata bahawa tujuan asal Tuhan adalah untuk semua orang akan diselamatkan dan tidak ada seorangpun yang akan hilang. Dia telah tentukan bahawa semua manusia memperoleh hidup kekal. Ini bererti bahawa rencana keselamatan itu cukup untuk semua orang termasuk di dalam penebusan, sekalipun tidak semua orang akan menerima apa yang penebusan itu tawarkan kepada mereka.

Pengetahuan Tuhan terlebih dahulu tentang umat yang dipilih adalah hanya kerana Dia mengetahui terlebih dahulu apa pilihan bebas mereka berhubung dengan keselamatan. Pengetahuan terlebih dahulu ini sama sekali tidak memaksa pilihan mereka. Ia sama seperti seorang ibu mengetahui terlebih dahulu bahawa anaknya akan memilih kek coklat dan bukannya kacang hijau. Pengetahuan terlebih dahulu si ibu ini tidak bermaka memaksa anak itu memilihnya.

Apakah bentuk jaminan anda peroleh daripada kebenaran mendorong bahawa Tuhan telah memilih anda untuk diselamatkan?

SELASA

4 April

Tema Utama

Baca 1Petrus 1:3-12. Apakah mesej utama Petrus sampaikan dalam ayat-ayat tersebut?

Dalam surat alu-aluannya kepada sidang pembaca di dalam 1Petrus 1:1, 2, Petrus telahpun menyebut Bapa, Anak dan Roh Kudus (1Pet. 1:2). Tiga keahlian Ketuhanan membentuk satu subjek dalam 1Petrus 1:3-12. Bapa dan Anak adalah topik subjek dalam 1Pet. 1:3-9, dan Roh Kudus subjek utama dalam 1Pet. 1:10-12.

Apabila dia menulis tentang Bapa dan Anak dan pekerjaan Roh Kudus, Petrus memperkenalkan kebanyakan daripada tema tersebut akan dia ulang lagi.

Petrus memulakan dengan 'Kristian' (1pet. 1:3; lihat juga Yoh. 3:7), telah dilahirkan kembali. Seluruh hidup mereka telah diubah oleh kebangkitan Yesus serta harta yang luarbiasa sedang menanti umat-umat Kristian di Syurga (1Pet. 1:3, 4). Sebagaimana terdapat di banyak tempat dalam buku Perjanjian Baru, kebangkitan Yesus adalah kunci utama pengharapan umat-umat Kristian.

Pengharapan tersebut menyebabkan umat-umat Kristian bersukacita, walaupun pada hakikatnya ramai daripada mereka yang membaca 1 Petrus sedang menderita. Penderitaan tersebut adalah ujian dan memurnikan iman mereka, sama seperti ujian api memurnikan emas. Sekalipun pembaca-pembaca surat Petrus tidak melihat Yesus semasa pelayanannya di bumi, mereka mengasihi dan percaya akan Dia. Maka hasil daripada iman mereka di dalam Dia ialah keselamatan serta janji "untuk menerima suatu bagian yang tidak dapat binasa, yang tidak dapat cemar dan yang tidak dapat layu, yang tersimpan di sorga bagi kamu" (1Pet. 1:4).

Petrus juga memberitahu mereka bahawa nabi-nabi terdahulu telah meramalkan "kasih karunia yang diuntukkan bagimu" (1Pet.1:10). Nabi-nabi perjanjian lama "diselidiki dan diteliti" (1Pet. 1:10) tentang keselamatan yang orang-orang ini alami kini di dalam Yesus.

Sementara mereka menderita pangsanya ke atas iman mereka, Petrus menunjukkan bahawa mereka adalah sebahagian daripada konflik lebih luas di antara baik dan jahat. Pada akhirnya, dia berusaha untuk membantu agar mereka tetap setia kepada kebenaran, sekalipun ditengah-tengah berbagai percubaan.

1Petrus 1:4 mengatakan bahawa terdapat kekayaan "yang tersimpan di sorga bagi kamu." Fikirkan tentang perkara tersebut secara pribadi; terdapat satu tempat tertentu telah disediakan di Syurga hanya untuk anda, secara pribadi. Maka, bagaimana sambutan anda secara pribadi tentang janji yang indah ini?

RABU **5 April**

Keadaan Hidup Dalam Kehidupan Yang Selamat

Baca 1Pet. 1:13-21. Berdasarkan kutipan ini, apakah yang harus membangkitkan tingkahlaku umat-umat Kristian?

Perkataan 'sebab itu' permulaan ayat 1Petrus 1:13, menunjukkan bahawa Petrus akan berkata kemudian, timbul daripada apa yang baharu sahaja dikatakannya. Sebagaimana kita telah perhatikan dalam pelajaran semalam, Petrus baharu sahaja siap berbicara tentang kurnia Tuhan serta dengan adanya pengharapan umat-umat Kristian di dalam Yesus Kristus (1Pet. 1:3-12).

Oleh kerana kesudahan tentang kurnia dan pengharapan ini, Petrus mendorong pembaca-pembaca untuk "Sebab itu siapkanlah akal budimu" (1Pet.1:13). Demikianlah maka sebagai sambutan kepada keselamatan yang mereka peroleh di dalam Yesus, mereka harus menyediakan fikiran mereka agar dapat bertahan teguh dan haruslah setia (1Pet.1:13).

Baca 1Petrus 1:13. Apakah yang dimaksudkan dengan meletakkan pengharapan sepenuhnya atas kasih kurnia yang dianugerahkan di dalam Yesus?

Tiada persoalan, Petrus beritahu mereka agar meletakkan pengharapan hanya di dalam Yesus. Tetapi, dia juga menekankan bahawa terdapat peringkat tertentu tentang sifat yang diharapkan daripada umat-umat Kristian sebagai konsekuensi kepada penyelamatan mereka. Dia catatkan tiga daripada motivasi besar yang terbentang di hadapan tingkahlaku umat-umat Kristian: sifat Tuhan (1Pet. 1:15, 16), ketibaan penghakiman (1Pet. 1:17) dan nilai penebusan (1Pet. 1:17-21).

Perkara pertama yang memotivasi tingkahlaku umat-umat Kristian ialah sifat Tuhan. Sifat tersebut dapat disimpulkan seperti ini: Tuhan itu kudus. Petrus memetik ayat dalam Imamat 11:44, 45 dengan berkata, "Kuduslah kamu, sebab Aku kudus" (1Pet. 1:16). Oleh yang demikian, mereka yang mengikut Yesus harus juga menjadi kudus (1Pet. 1:15-17).

Motivasi kedua tingkahlaku orang Kristian terdapat di dalam kesedaran bahawa Tuhan, yang kudus, akan mengadili setiap seorang dengan saksama, berdasarkan perbuatan yang setiap manusia lakukan (1Pet. 1:17).

Motivasi yang ketiga timbul daripada kebesaran hukum yang menebus umat-umat Kristian. Ini bererti bahawa mereka telah dibeli dengan harga, - harga yang sangat tinggi: darah Yesus yang tidak ternilai (1Pet. 1:19). Petrus memberi penekanan bahawa kematian Yesus itu bukanlah satu kemalangan di dalam sejarah melainkan sesuatu yang telahpun ditentukan sebelum dasar dunia ini dijadikan (1Pet. 1:20).

Apakah yang memotivasikan anda menjadi seorang Kristian? Apabila ada orang yang bertanya, mengapa anda menjadi Kristian, apakah jawapan anda dan mengapa? Kemukakan jawapan anda pada hari Sabat.

KHAMIS **6 April**

Saling Mengasahi

Petrus kemudian mengemudikan umat-umat Kristian kepada satu ekspresi unggul tentang apakah sebenarnya kehidupan yang setia dan kudus itu.

Baca 1Petrus 1:22-25. Apakah perkara penting yang dibentangkannya mengenai maksud sebenar menjadi seorang Kristian?

Perkara pertama Petrus maksudkan ialah umat Kristian yang telah disucikan (“ menyucikan dirimu ...”), dan memelihara kesetiaan kepada kebenaran (1Pet. 1:22). Kata sifat “menyucikan” atau “membersihkan” adalah berkait rapat dengan perkataan kudus dan kekudusan, yang berkaitan dengan beberapa ayat dalam tulisan-tulisan Petrus yang terdahulu (1Pet. 1:15). Melalui komitmen mereka kepada Yesus dan melalui baptisan mereka (bandingkan 1Pet. 3:21, 22), umat-umat Kristian telah menyucikan diri mereka sendiri dengan menempatkan diri mereka sendiri disisi Tuhan. Mereka lakukan ini dengan menurut kepada kebenaran.

Perkara tersebut mengubah kehidupan mereka mempunyai konsekuensi yang biasa supaya kini mereka mendapati bahawa mereka berada dalam hubungan yang rapat dengan umat-umat lainnya yang mempunyai pandangan yang serupa. Perhubungan yang sangat rapat sehingga Petrus menggunakan bahasa keluarga untuk menjelaskan siapa mereka. Umat-umat Kristian haruslah bertindak secara persaudaraan di dalam kasih. Bahasa Greek yang digunakan di dalam 1Petrus 1:22, apabila dia bercakap tentang “kasih persaudaraan,” *Philadelphia* bermaksud “kasih di antara saudara lelaki/perempuan” secara literal. Kasih itulah yang ada pada keluarga, mengasahi satu dengan yang lain.

Terdapat beberapa perkataan yang berbeza dalam bahasa Greek yang diterjemahkan sebagai “kasih”: *philia* (persahabatan), *eros* (ghairah cinta suami isteri), *agape* (cinta sejati yang mencari kebaikan orang lain). Perkataan yang Petrus gunakan apabila menulis “saling mengasahi dengan segenap hatimu” (1Petrus 1:22), ada kaitan dengan *agape* – maksud biasanya adalah kasih murni yang mencari kebaikan orang lain. itu sebabnya dia tambah frasa saling mengasahi “dengan segenap hati” (1Petrus 1:22), jenis hati yang datang daripada “lahir semula” (1Petrus 1:23; lihat juga 1Pet. 1:3) menerusi Firman Tuhan yang tidak akan binasa. Kasih seperti ini lahir hanya daripada Tuhan; sama sekali bukan sifat sombong dan memikirkan diri sendiri yang akan lahir daripada hati. Sudah pasti itulah sebab Petrus memberi penekanan terhadap dimurnikan dan “ketaatan kepada kebenaran” (1Pet. 1:22). Kebenaran yang bukan sahaja sesuatu yang dipercayai melainkan hidup di dalamnya.

Bagaimana kita boleh belajar agar lebih mengasahi? Apakah pilihan yang perlu kita buat agar boleh menyatakan kasih seperti itu – lahir daripada “segenap hati”?

JUMAAT

7 April

Renungan Selanjutnya: Baca tulisan E.G.White, “*Perfect Obedience Through Christ*,” ms. 374, 375 in *Selected Messages, book 1*. Lihat juga tulisan E.G.White, “*Christ the Way of Life*,” ms. 365-368, dan “*Perfect Obedience Through Christ*,” ms. 373-376 dalam *Selected Messages, book 1*.

Sungguh luarbiasa betapa kaya dan dalamnya surat Petrus - fasal pertama ini serta betapa luas liputannya. Petrus memulakan suratnya dengan meditasi ke atas tingkahlaku Ketuhanan, menghasilkan Bapa, Anak dan Roh Kudus. Si Bapa telah menyediakan Juruselamat di dalam AnakNya, Yesus Kristus dan kita telah dipilih di dalam Dia untuk pengudusan dan ketaatan. Kita akan mengasahi Yesus dan di dalam Dia kita bersukacita dengan sanjungan kegirangan kerana, melalui kematian dan kebangkitanNya, kita peroleh janji untuk “pusaka yang tidak akan binasa” di Syurga. Sekalipun ditengah-tengah percubaan, kita masih boleh bersukacita sungguh-sungguh di dalam tawaran keselamatan kepada kita di dalam Kristus. “Surat-suratnya (Petrus) adalah bermaksud untuk pemulihan ke atas keberanian dan pengukuhan iman kepada mereka yang menanggung percubaan dan penderitaan. Ia juga akan membaharui perbuatan baik kepada mereka yang melalui percubaan yang berlipat-ganda serta berada dalam keadaan bahaya kehilangan iman pada Tuhan.” – Ellen G. White, *The Acts of the Apostles*, ms. 617. Sementara itu, Roh Kudus bekerja melalui para nabi untuk merencanakan hari pada masa Petrus dan para pembaca hidup. Sebagai konsekuensinya, umat Kristian harus hidup pada hidup

yang kudus, dipenuhi dengan ketaatan kepada kebenaran. Dalam komuniti juga, sifat kasih harus lahir daripada “segenap hati.”

Soalan Perbincangan:-

1. Dalam kelas, kembali kepada jawapan persoalan pelajaran terakhir pada hari Rabu: Apakah yang mendorong kita menjadi Kristian? Apakah persamaan dengan jawapan-jawapan anda? Bagaimanakah mereka menyimpang?
2. Dua kali dalam fasal pertama (1Pet. 1:3, 21), Petrus mengemukakan kebangkitan Yesus. Apakah sebenarnya Kebangkitan itu sehingga begitu genting kepada iman kita?
3. Petrus bercakap tentang “pusaka yang tidak akan binasa” (lihat juga Dan. 7:18). Apakah maksudnya? Fikirkan semua perkara dalam dunia ini dan kehidupan yang akan pudar atau yang boleh dibinasakan sertamerta. Apakah perkara-perkara tersebut beritahu kita tentang betapa indahnya janji-janji pusaka itu sebenarnya?
4. Bagaimanakah iman kita bertumbuh di tengah-tengah pencubaan? Dengan demikian, apakah jenis-jenis pilihan kita boleh buat untuk membantu kita belajar daripada perkara-perkara yang menyebabkan kita menderita?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 1:3-9, 13-21

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Menyedari bahawa orang-orang percaya dalam Kristus dilahir kembali kepada pengharapan kehidupan melalui kebangkitan Yesus Kristus.

Merasakan: Mengalami sukacita keselamatan.

Melakukan: Hidup sebagai sebahagian daripada perjanjian Tuhan; dipanggil oleh Tuhan agar hidup dalam iman, pengharapan, kasih dan kesucian.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Kelahiran Baharu Kepada Pengharapan Hidup

- A. Apakah yang dimaksudkan dengan dilahirkan kembali melalui kebangkitan Yesus daripada kematian?
- B. Apakah yang dibayangkan dengan menjadi sebahagian daripada perjanjian komuniti Tuhan – panggilan untuk kesucian?

II. Merasakan: Bukan Lagi Orang Asing Melainkan Dilahirkan Ke Dalam Satu Keluarga Tuhan.

- A. Bagaimanakah rasanya sebagai orang asing berbanding dengan satu keluarga atau komuniti?
- B. Bagaimanakah kita dapat mengalami sukacita menerima tujuan iman – keselamatan jiwa kita?

III. Melakukan: Kehidupan Sebagai Anggota Kepada Perjanjian Komuniti

- A. Apakah kualiti pujian Petrus kepada mereka yang dipanggil menjadi anggota kepada perjanjian iman komuniti yang baru?
- B. Apakah motivasi Petrus sediakan bagi hidup dalam kehidupan yang suci dan kebimbangan rasa hormat?

Kesimpulan: Petrus memberikan peringatan kepada para pembacanya – mereka selaku orang asing yang berselerak di merata dunia – bahawa mereka terus menerus bersama dengan umat-umat Tuhan Perjanjian Lama – telah ditebus daripada kesia-siaan cara hidup dan lahir kembali kepada hidup berpengharapan melalui kebangkitan Yesus. Oleh kerana itu, mereka harus bertingklahku seperti anggota-anggota komuniti beriman memandangkan penghakiman akan datang pada kedatangan Kristus kembali.

LANGKAH I - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 1:3-5

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Melalui kasih kurnia Tuhan, kita telah menerima kelahiran baharu, menuntun kepada hidup berpengharapan melalui kebangkitan Yesus Kristus daripada kematian. Pengharapan ini menjanjikan kepada kita sesuatu yang tidak akan binasa, tidak akan tercemar dan

warisan yang tidak akan pupus. Tuhan telah sediakan semuanya itu di Syurga kepada kita yang telah dilindungi oleh kuasaNya melalui iman bagi keselamatan yang segera akan menjadi kenyataan pada kedatangan Kristus kembali. Kita akan menikmati sukacita yang tidak terkira dalam pengharapan tersebut, sekalipun kita mengalami berbagai pencubaan. Pertumbuhan tingkahlaku kita di dalam dan melalui pencubaan-pencubaan tersebut akan berkesudahan dengan pujian, kemenangan dan satu penghormatan kepada Tuhan apabila Kristus dinyatakan.

Hanya Untuk Guru: Kelihatan seperti bukti bahawa tulisan Petrus dalam 1 Petrus 1:1, kepada penduduk yang terselarak diseluruh wilayah Asia Kecil, sama ada akibat penganiyaan atau menerusi petempatan bertujuan oleh pihak berkuasa Roma. Apapun sebabnya, mereka telah dibuang daripada tempat kediaman mereka dan merasa seperti orang asing di antara orang-orang belum mereka biasa. Orang-orang seperti ini memerlukan pengharapan dalam hal warisan yang bertahan lama. Petrus menawarkan pengharapan yang dimaksudkan kepada para pembacanya.

Pembuka Aktiviti dan Perbincangan: Minta ahli kelas membaca Mazmur 64. Bincangkan latar di mana agaknya mazmur Daud ditulis dan bagaimana para pembaca Petrus dapat mengenalpasti bersama perasaan pemencilan Daud dan keinginan kepada pengharapan dan keselamatan daripada Tuhan. Galakkanlah ahli kelas mengimbas kembali masa-masa apabila mereka mungkin telah merasa terlucut hak-hak kewarganegaraan daripada komuniti asal mereka serta kerinduan kepada pengharapan di dalam Tuhan dan keselamatanNya. Apakah janji-janji Alkitab yang menyediakan pengharapan dan sukacita pada waktu-waktu seperti itu?

LANGKAH 2. Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Karen H Jobes seorang penganalisa lebih suka berbalahan pendapat, sungguh yakin berpihak kepada program penjajahan kerajaan Roma di bawah Maharaja Claudius sebagai penjelasan yang munasabah dengan gambaran Petrus tentang kepala suratnya sebagai “pendatang yang tersebar di Pontus, Galatia, Kapadokia, Asia Kecil dan Bitinia” (1 Pet. 1:1). “Seluruh buku 1 Petrus adalah kedua-dua terbingkai (1 Pet. 1:1; bandingkan dengan 1 Pet. 5:13) serta dipenuhi dengan istilah-istilah buangan dan orang-orang asing.” - 1 Petrus, Baker Exegetical Commentary on the New Testament (Grand Rapids, Mich.: Baker Academic, 2005), ms. 39. Jika teori ini betul, orang-orang percaya yang Petrus tujukan suratnya, mungkin tidak ada yang berwarganegara Roma untuk menghindari mereka daripada menjadi buangan paksa dan dilucutkan kewarganegaraan. Ia bertujuan untuk kebaikan koloni yang baru ditubuhkan di Asia Kecil oleh maharaja dalam segi kependudukan. Gambaran Petrus tentang negara mereka sebagai “telah dipilih, sesuai dengan rencana Tuhan, Bapa kita” dan “telah melahirkan kita kembali oleh kebangkitan Yesus Kristus dari antara orang mati, kepada suatu hidup yang penuh pengharapan” (1 Pet. 1:2,3) menunjukkan kepada mereka kepada tujuan unggul Tuhan bagi situasi mereka. Mereka harus hidup sebagai orang-orang asing dan pengembara-pengembara di atas bumi, bagi warisan mereka adalah “tersimpan di sorga bagi kamu... keselamatan yang telah tersedia untuk dinyatakan pada zaman akhir” (1 Pet. 1:4,5).

Ulasan Alkitab

I. Telah Dipilih Sesuai Dengan Rencana Tuhan (*Imbas kembali 1 Pet. 1:1,2 bersama ahli kelas.*)

Petrus memberi amanat kepada para penerima surat pertamanya dengan memberi peringatan bahawa sekalipun mereka adalah orang asing dalam wilayah-wilayah di mana mereka tinggal sekarang ini, Tuhan telah memilih mereka menurut rencana ilahiNya. Mereka telah diasingkan oleh Roh Tuhan untuk tujuan istimewa, yakni, untuk ketaatan kerana telah mendapat percikan darah Yesus Kristus. Kemudian yang menyusul nampaknya menggambarkan pengisytiharan perjanjian Mozek di mana orang-orang membuat janji setia kepada perjanjian tersebut. Perjanjian itu kelak disahkan dengan mempercikkan darah daripada korban kepada mereka (lihat Kel. 24:3-8). Kemudian Petrus melahirkan perasaan kepada para pembacanya satu harapan kasih kurnia dan damai beserta mereka dalam kepenuhan terbesar.

Perhatikan Hal ini: Dalam cara apakah mungkin kita dianggap sebagai orang asing dalam dunia ini? (Lihat Ibr. 11:9, 10, 13-16.) Bagaimana kita mendemonstarsikan panggilan dan status kita dengan gaya hidup kita?

II. Dilahirkan Kembali Untuk Pengharapan Hidup (*Imbas kembali 1 Petrus 1:3-9 bersama ahli kelas anda.*)

Hidup baru bermula dengan konsepsi baru. Hidup ini datangnya daripada belas kasihan Tuhan yang sepatutnya tidak diterima oleh orang-orang berdosa. Ganjaran kepada orang percaya ialah pengharapan hidup yang diperolehi daripada kebangkitan Yesus sendiri daripada kematian. Pengharapan ini didasarkan dalam warisan yang telah disediakan di Syurga kepada mereka yang diberi perlindungan oleh kuasa Tuhan melalui iman. Klimaksnya dalam keselamatan yang telah siap sedia dinyatakan pada kedatangan Kristus pada akhir zaman. Pengharapan seperti ini

akan menghasilkan sukacita yang tidak terhingga kepada orang-orang percaya sekalipun terlalu banyak percobaan yang menguji iman. Akhirnya akan melahirkan rasa kagum dan puji, kemuliaan dan penghormatan pada waktu Yesus Kristus dinyatakan. Satu sukacita yang tidak dapat dihuraikan ialah pengalaman semua orang yang mencapai tujuan iman mereka: keselamatan bagi jiwa-jiwa mereka.

Perhatikan Hal Ini: Bagaimana saya boleh mengalami pengharapan dan sukacita sebagai seorang yang dilahirkan kembali? Apakah bukti-buktinya dalam kehidupan saya?

III. Pengisytiharan Injil Oleh Para Nabi (*Imbas kembali 1 Petrus 1:10-12*)

Para nabi Perjanjian Lama meramalkan bahawa kasih kurnia akan terjadi kepada para pembaca surat Petrus oleh penderitaan Yesus Kristus dan pemuliaan berikutnya kepada Dia pada waktu kebangkitan dan keberangkatannya ke Syurga. Mereka sendiri ingin agar dapat memahami perkara-perkara tersebut, tetapi, mereka telah diberitahu bahawa di dalam pelayanan kenabian, mereka bukan melayani diri mereka sendiri melainkan orang-orang percaya diwakili oleh para pembaca surat Petrus yang datang selepas itu. Jadi, berita baik yang mereka umumka itu mereka sendiri tidak memahaminya – bahkan tidak difahami oleh para malaikatpun. Tetapi, sekarang Kristus telah datang, injil kasih kurnia itu benar-benar dapat difahami oleh para pembaca tulisan Petrus berbanding oleh para nabi, meskipun hakikatnya Roh Kristus ada di dalam mereka (1 Pet. 1:11).

Perhatikan hal ini: Bagaimanakah pengisytiharan kasih kurnia ini berlaku ke atas kita, selaku para pembaca surat-surat Petrus sekarang ini?

IV. Panggilan Kepada Kehidupan Kudus (*Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Petrus 1:13-15*)

Para pembaca surat Petrus telah ditebus oleh darah Yesus yang sangat berharga daripada bentuk kehidupan yang kosong mereka warisi daripada nenek moyang mereka. Memandangkan fakta ini, Petrus memohon agar mereka menyediakan minda mereka untuk bertindak dengan penuh ketenangan dan menetapkan pengharapan mereka sepenuhnya di atas kasih kurnia yang ia akan dibawa bersama mereka pada pernyataan (kedatangan yang boleh dilihat) Yesus Kristus. Mereka dipanggil untuk menjadi kudus dalam seluruh tingkahlaku kerana Tuhan yang memanggil mereka adalah kudus. Mereka perlu dalam kehidupan yang benar-benar sedar tentang penghakiman akan datang, dengan hormat yang berpatutan kepada Bapa, sebagai hakim yang adil dan saksama menurut perbuatan setiap manusia (1 Pet. 1:17). Kesedaran kebenaran ini akan menunjukkan keikhlasan saling mengasihi daripada hati yang tulen, kerana mereka telah dilahirkan kembali melalui Firman Tuhan yang hidup dan tetap bertahan.

Pemerhatian Ellen G. White, "Tuhan telah mengarahkan kita, 'Biarlah anda kudus; kerana Aku adalah kudus,' demikian juga rasul yang mendapat inspirasi menegaskan bahawa tanpa kekudusan 'tidak ada seorangpun akan melihat TUHAN.' Kekudusan merupakan penjanjian dengan Tuhan. Oleh kerana dosa, maka imej Tuhan dalam manusia telah dirosakkan dan dihapuskan sama sekali; adalah menjadi tugas injil untuk mengembalikan apa yang telah hilang; kita akan bekerja sama dengan agensi ilahi dalam perkerjaan ini." – Testimonies for the Church, vol. 5, ms. 743.

Soalan-soalan Perbincangan:

1. Kecuali seseorang mempunyai sesuatu untuk hidup di masa akan datang, apakah yang memotivasikan tindakan perjalanan hidup seseorang sekarang ini?
2. Apakah nilai yang Petrus tempatkan pada warisan yang dia pegang dihadapan para pembacanya?
3. Apakah nilai yang Petrus tempatkan kepada para pembacanya sendiri berdasarkan kepada harga yang telah dibayar bagi penebusan mereka? Apakah obligasi di sebalik harga tersebut, letakkan kepada para pembaca tulisan Petrus?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Imbas kembali pengalaman tokoh-tokoh perjanjian lama seperti Abraham, Yusuf, Daud dan Daniel – yang telah melalui pengalaman menjadi orang asing di negara asing. Mereka bergantung penuh kepada janji-janji Tuhan tentang tempat yang diwarisi di masa akan datang. Minta ahli kelas membaca semula Ibrani 11:8-10, 13-16, bincangkan sifat-sifat iman yang terpahat serta pengharapan yang ada pada para nabi dan bapa. Bandingkan dengan situasi kita seperti yang dibayangkan dalam Ibrani 11:39, 40.

Soalan Renungan:-

1. Apakah inti injil yang diumumkan oleh para nabi Perjanjian Lama dan diisytiharkan oleh Roh Kudus?
2. Apakah beberapa cara agar anda sedar tentang harga yang dibayar untuk melunaskan kita daripada kekosongan hidup? Apakah perbezaan pengetahuan tersebut lakukan di dalam cara-cara bagaimana kita hidup?
3. Dengan cara apakah kita dapat mengalami sukacita keselamatan dalam kehidupan seharian kita?

Aktiviti: Gunakan beberapa minit untuk bertukar-tukar kesaksian tentang pengharapan yang ahli-ahli kelas alami kerana mendapati sukacita keselamatan di dalam Kristus?

LANGKAH 4 Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Ramai orang mendapati sukar untuk mengetahui bagaimana memberi kesaksian kepada orang lain tentang sukacita dan pengharapan keselamatan. Pertama, seseorang perlu mengalami pengharapan dan sukacita itu di dalam cara yang bermakna. Adalah sangat membantu untuk berlatih membahagikan pengalaman tersebut kepada satu sama lain sebelum mencuba untuk memberi kesaksian kepada orang asing. Kelas Sekolah Sabatlah tempat dan peluang untuk berlatih sehingga anda berasa selesa dan yakin akan apa yang hendak diperkatakan.

Aktiviti: Berikan peluang kepada ahli kelas anda untuk memperoleh pengalaman dalam memberikan kesaksian iman mereka dengan membentuk situasi peranan-lakonan. Setiap ahli memberikan kesaksian. Menganggap ahli kelas yang lain sebagai orang dalam masyarakat. Mulakan dengan ahli yang berpengalaman. Aktiviti ini sebagai contoh dalam kesaksian. Beri dorongan ahli kelas untuk mencontohi mereka sehingga memperoleh keyakinan.

PELAJARAN 3 | 8-14 April

Imamat Rajani

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu ini: 1Pet. 2:1-3; Ibr. 4:12; 1Pet. 2:4-8; Yes. 28:16; Kel. 19:3-6; 1Pet. 2:5, 9, 10.

Ayat Hafalan: "Tetapi kamulah bangsa yang terpilih, imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Allah sendiri, supaya kamu memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar dari Dia, yang telah memanggil kamu keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib" (1Pet. 2:9).

Oleh kerana dia tercelup dalam budaya, agama, dan sejarah Yahudi, Petrus merujuk orang-orang Kristian, kepada siapa beliau tujukan suratnya, sebagai "bangsa yang kudus, umat Tuhan sendiri." Dengan melakukan demikian, dia mengambil bahasa perjanjian yang digunakan di dalam Perjanjian Lama merujuk kepada bangsa Israel kuno, digunakan di sini kepada gereja Perjanjian Baru.

Tidak hairanlah: orang asing yang percaya di dalam Yesus telah dicantumkan ke dalam umat perjanjian Tuhan. Mereka kini adalah turutserta dalam janji-janji perjanjian. "Karena itu apabila beberapa cabang telah dipatahkan dan kamu sebagai tunas liar telah dicangkokkan di antaranya dan turut mendapat bagian dalam akar pohon zaitun yang penuh getah, janganlah kamu bermegah terhadap cabang-cabang itu! Jikalau kamu bermegah, ingatlah, bahwa bukan kamu yang menopang akar itu, melainkan akar itu yang menopang kamu." (Roma 11:17, 18).

Pada kutipan-kutipan minggu ini, Petrus mengarahkan para pembacanya kepada tanggungjawab yang suci dan panggilan ilahi yang ada pada mereka sebagai umat-umat perjanjian Tuhan, mereka yang (menggunakan bahasa Paulus) telah dicantumkan ke atas pokok zaitun. Di antara tanggungjawab tersebut adalah sama seperti yang ada pada Israel kuno - mengumandangkan kebenaran utama keselamatan tawaran daripada TUHAN.

**Pelajarilah pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada Sabat, 15 April.*

AHAD 9 April

Kehidupan Sebagai Kristian

1 Petrus 2:1 bermula dengan "kerana itu," yang bererti bahawa apa yang menyusul adalah hasil daripada yang sebelumnya. Kita melihat dalam 1 Petrus 1 adalah *tour de force*/kebijaksanaan dengan berdasarkan apa yang Yesus telah lakukan untuk kita dan bagaimana sambutan kita kepada apa yang telah dilakukanNya bagi kita. Pada fasal berikutnya, Petrus mengutip tema ini dan menghurainya lebih lanjut.

Baca 1 Pet. 2:1-3. Apakah yang Petrus beritahu kita mengenai bagaimana kita harus hidup?

Petrus menggunakan dua gambaran berlainan untuk menunjukkan bahawa umat-umat Kristian mempunyai dua tugas. Pertama ialah negatif, di dalamnya, beberapa perkara harus dibuang. Kedua ialah positif, di dalamnya, kita perlu berusaha sesuatu untuk dilakukan.

Pada gambarannya yang pertama, Petrus mendorong umat-umat Kristian untuk menjauhkan diri mereka daripada perasaan dendam, tipu muslihat, kepura-puraan, dengki dan semua perkataan jahat (1 Pet. 2:1). Dalam melakukan ini, umat-umat Kristian akan bertingkahtaku berbeza daripada kebanyakan di sekeliling mereka. Oleh kerana mereka sudah menyingkirkan perasaan dendam, maka mereka tidak berkeinginan untuk menyakiti orang lain, sebaliknya, akan berusaha melakukan kebaikan kepada mereka. Oleh kerana umat-umat Kristian sudah menyingkir ketidakeikhlasan, mereka tidak bertindak untuk menipu orang lain tetapi berterus terang dan jujur. Umat-umat Kristian tidak akan iri hati kepada mereka yang mempunyai sesuatu kelebihan. Mereka

berpuas hati dengan kehidupan mereka dan berkembang maju ditempat dimana Tuhan letakkan mereka. Mereka juga tidak akan membuat kenyataan yang akan menyampaikan kerosakan reputasi orang lain.

Gambaran yang kedua Petrus gunakan- bagaikan seorang bayi yang lapar akan susu (1Pet. 2:2) – menyediakan bahagian positif pada petunjuknya. Kehidupan umat Kristian bukan hanya menolak perkara-perkara tidak baik. Kehidupan seperti demikian adalah kosong. Tidak, ia adalah satu perkara mencari pertumbuhan kerohanian tetapi sama seperti keinginan tinggi seorang bayi yang menangis dan lapar akan susu. Dia mengarah para pembaca kepada sumber yang menyuburkan kerohanian (lihat juga Ibr. 4:12; Mat. 22:29; 2Tim. 3:15-17), ia itu Alkitab, Firman Tuhan. Pada Firman Tuhanlah kita boleh bertumbuh secara rohani dan moral, kerana di dalamnya kita mendapati pernyataan sepenuh-penuhnya tentang Yesus Kristus, sekurang-kurangnya untuk kita. Di dalam Yesus juga, kita mempunyai gambaran terbesar tentang tabiat dan sifat Tuhan yang kudus yang kita harus kasihi dan layani.

Bagaimakah dua ide ini berkaitan di antara satu dengan yang lain: di mana, mengapa akan mencari pertumbuhan kerohanian daripada Firman demi membantu kita mengesampingkan tindakan-tindakan jahat serta sifat-sifat yang Petrus beri amaran kepada kita?

ISNIN

10 April

Batu Yang Hidup

Baca 1Petrus 2:4-8 (lihat juga Yes. 28:16; Maz. 118:22; Yes. 8:14, 15). Apakah kebenaran yang sangat genting Petrus maksudkan? Apakah yang dia katakan kepada kita tentang bagaimana kita harus bertindak sebagai sambutan kita kepada Yesus?

Selepas Petrus memberitahu para pembaca agar mencari penyubur kerohanian, dia langsung mengarahkan perhatian kepada Yesus Kristus, Batu Yang Hidup – besar kemungkinan merujuk kepada rumah ibadah di Jerusalem. Dalam 1Pet. 2:4-8, dia ambil tiga kutipan daripada Perjanjian Lama sebagai contoh istimewa betapa pentingnya batupenjuru, di mana mewakili peranan Yesus di dalam gerejanya. Petrus bukanlah satu-satunya yang mengaitkan ayat-ayat ini kepada Yesus. Yesus sendiri menggunakan Mazmur 118:22 sebagai penutup kepada salah satu daripada perumpamaannya (Mat. 21:42). Petrus melakukan yang sama dalam Kisah 4:11, dalam ceramahnya kepada kepimpinan bangsa Yahudi. Paulus juga menggunakan Yesaya 28:16 di dalam Roma 9:33.

Poin [maksud] Petrus adalah bahawa sekalipun Yesus telah ditolak dan disalib, Dia dipilih oleh Tuhan untuk menjadi batupenjuru kepada rumah rohani Tuhan. Maka, umat-umat Kristian adalah batu-batu yang hidup yang didirikan dalam rumah rohani ini. Petrus mempersembahkan gambaran tentang gereja dengan menggunakan terminologi mengenai batupenjuru dan bangunan blok. Gereja dimulakan di atas Yesus tetapi ia terdiri daripada mereka yang mengikuti Dia.

Perhatikan bahawa menjadi Kristian bermakna bahawa anda menjadi sebahagian daripada komuniti Kristian, atau gereja. Sama seperti batu bata yang disusun menjadi struktur yang besar, demikian juga dengan umat-umat Kristian, tidak akan disebut pengikut-pengikut Yesus jika tersisih daripada anggota lain. Seorang Kristian yang tidak menyembah dan tidak bekerjasama dengan Kristian lain demi melanjutkan kerajaan Tuhan, adalah bertentangan batasan. Kristian telah dibaptis di dalam Yesus; apabila dibaptis di dalam Yesus, mereka dibaptis juga ke dalam gerejanya.

Petrus juga berbicara mengenai fungsi gereja. Ia akan membentuk “imamat kudus” yang mempersembahkan “persembahan rohani.” Dalam Alkitab Ibrani, para imam adalah pengantara Tuhan dengan umatNya. Kata-kata yang Petrus dan juga yang lain di dalam Perjanjian Baharu, sering menggunakan bahasa ibadah dan rajani untuk persembahkan gereja sebagai tempat ibadah hidup Tuhan dan umat-umatNya adalah para imam. Dia merujuk kepada sistem penyembahan dalam Perjanjian Lama agar dapat menyatakan kebenaran mengenai bagaimana umat-umat Kristian harus hidup dan bertindak sekarang ini.

Baca semula 1Petrus 2:5. Apakah yang dimaksudkan untuk “mempersembahkan persembahan rohani”? Bagaimana umat-umat Kristian melakukannya sebagai sebahagian daripada komuniti pada waktu perbaktian?

SELASA 11 April

Umat Perjanjian Tuhan

Kebanyakan tulisan Petrus adalah pandangan asal daripada Perjanjian Lama. Pusat kepada perspektif tersebut adalah idea perjanjian – tema yang begitu penting kepada teologi Yahudi dan Kristian..

Apakah perjanjian itu?

“Perjanjian” (Bahasa Ibrani, *berit*) adalah perkataan yang menjelaskan persetujuan atau perjanjian formal di antara dua pihak. Ia juga boleh dilakukan di antara dua individu (sebagai contoh: Laban dan Yakub dalam Kejadian 31:44) atau di antara dua raja (sebagai contoh: Solomo dan Hiram dalam 1Raja-raja 5:12, di mana *berit* diterjemahkan sebagai “liga” dalam KJV, dan “persetujuan” dalam NRSV). Ia juga boleh dilakukan di antara raja dan rakyatnya, seperti Daud dengan para elder bangsa Israel (2Sam. 5:3).

Di antara tema utamanya adalah hubungan perjanjian istimewa yang wujud diantara Tuhan dan umat-umat pilihanNya iaitu keturunan Abraham.

Baca Kejadian 17:1-4; Keluaran 2:24; 24:3-8. Apakah yang diterangkan dalam ayat-ayat tersebut mengenai perjanjian Tuhan lakukan dengan bangsa Israel?

Kejadian adalah buku pertama dalam Alkitab menceritakan bagaimana Tuhan membuat perjanjian dengan Abraham (Kej. 15:9-21; 17:1-26). Tuhan “mingati” perjanjian ini apabila Dia membebaskan umat-umatNya daripada penindasan bangsa Mesir (Kel. 2:24). Tuhan membaharunya pada zaman Musa, apabila Dia berikan Hukum Sepuluh dan peraturan-peraturan lain kepada bangsa Israel (Kel. 19:1-24; 8; terutama sekali Kel. 24:3-8).

Bagaimanapun, perjanjian tersebut bukan tanpa syarat. “TUHAN membuat perjanjian tersebut bahawa jika mereka setia di dalam pemeliharaan terhadap setiap yang dikehendakiNya, Dia akan memberkati mereka di dalam semua perolehan mereka dan di dalam semua pekerjaan tangan mereka.” – Ellen G. White, *Testimonies for the Church*, vol. 2, ms. 574.

Sesungguhnya, para nabi berulang kali memberi amaran kepada bangsa Israel tentang bahaya ketidakpenurutan terhadap hukum Tuhan, seringkali menggunakan bahasa memperingatkan tentang perjanjian. Telah diperdebatkan bahawa dengan kemungkinan pengecualian nubuatan dalam buku Daniel dan Wahyu, banyak ramalan dalam Alkitab adalah bersyarat. Demikianlah, betapa berpusatnya idea penurutan berhubung dengan persetujuan-persetujuan perjanjian. Berkat ramalan permuafakatan adalah bersyarat iaitu ketaatan kepada hukum Tuhan sementara ramalan untuk kebinasaan hanya kepada mereka yang tidak taat.

Apakah maksudnya untuk anda berada dalam perhubungan perjanjian dengan Tuhan? Apakah kedudukan obligasi hubungan perjanjian pada diri anda?

RABU 12 April

Imamat Rajani

TUHAN mengatakan kepada Musa dalam Keluaran fasal 19: “Lalu naiklah Musa menghadap Allah, dan TUHAN berseru dari gunung itu kepadanya: "Beginilah kau katakan kepada keturunan Yakub dan kau beritakan kepada orang Israel: Kamu sendiri telah melihat apa yang Kulakukan kepada orang Mesir, dan bagaimana Aku telah mendukung kamu di atas sayap rajawali dan membawa kamu kepada-Ku. Jadi sekarang, jika kamu sungguh-sungguh mendengarkan firman-Ku dan berpegang pada perjanjian-Ku, maka kamu akan menjadi harta kesayangan-Ku sendiri dari antara segala bangsa, sebab Akulah yang empunya seluruh bumi. Kamu akan menjadi bagi-Ku kerajaan imam dan bangsa yang kudus. Inilah semuanya firman yang harus kaukatakan kepada orang Israel." (Kel. 19:3-6).

Di sinilah mesej injil, telah dinyatakan seribu tahun sebelum Salib: Tuhan tebus umatNya, menyelamatkan mereka daripada dosa dan perhambaan dosa. Lalu Tuhan perintahkan mereka untuk mengasihi dan taat kepadaNya sebagai umat perjanjian yang istimewa di hadapan Dia dan dunia.

Baca 1Pet. 2:5, 9 dan Keluaran 19:6. Apakah yang Petrus maksudkan apabila memanggil umat Kristian sebagai “imamat rajani” dan “bangsa yang kudus” (1Pet. 2:9)? Apakah bahasa ini katakana kepada kita sebagai Kristian Seventh-day Adventist mengenai obligasi kita?

“Rumah rohani,” “generasi pilihan,” “imamat rajani,” dan “umat Tuhan sendiri” merupakan istilah-istilah kebesaran di dalam Alkitab, menghuraikan hubungan istimewa bahawa Tuhan telah lakukan dengan keturunan Abraham. Sekarang, dalam konteks Perjanjian Baru, dalam konteks Yesus dan Salib, Petrus menggunakan bahasa perjanjian sama dan digunapakai ke atas anggota-anggota dalam gereja. Janji muafakat untuk Israel sekarang ini telah diperluaskan untuk memasukkan bukan sahaja bangsa Yahudi yang percaya kepada Yesus, tetapi juga kepada umat-umat percaya bangsa asing. Ya, melalui Yesus, orang asing juga boleh menuntut menjadi anak-

anak Abraham. “ Dan jikalau kamu adalah milik Kristus, maka kamu juga adalah keturunan Abraham dan berhak menerima janji Tuhan” (Gal. 3:29). Melalui Kristus, sesiapa sahaja, tidak kira keturunan, boleh menjadi sebahagian daripada “imamat rajani” ini.

Bangsa kudus? Imamat rajani? Katakan adalah untuk kita, apakah seharusnya istilah seperti ini maksudkan berdasarkan corak kehidupan yang kita alami, sama ada individu atau sebagai komuniti? Bagaimana kita boleh hidup lebih baik selaras dengan panggilan mulia ini?

KHAMIS 13 April

Mengisytiharkan Pujian

Kesejajaran dengan gereja Perjanjian Lama tidak berakhir hanya dengan keselamatan, terpanggil keluar dan pilihan oleh ‘Tuhan. Persoalannya adalah, *terpanggil dan dipilih untuk apa?* Petrus memberi jawapan dengan pantas. Petrus menunjukkan bahawa hubungan istimewa ini ada tujuan. Umat-umat Kristian adalah untuk “memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar dari Dia, yang telah memanggil kamu keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib” (1Pet. 2:9). Serupa inilah yang bangsa Israel kuno lakukan. Tuhan memanggil mereka menjadi saksiNya kepada dunia. Tujuan Tuhan adalah untuk memberkati seluruh dunia melalui keturunan Israel, umat-umat perjanjianNya.

Baca ayat-ayat berikutnya: Ula. 4:6; 26:18, 19; Yes. 60:1-3; Zak. 8:23. **Apakah satu poin bahawa mereka semua mempunyai persamaan?**

Sebagai umat perjanjian, Israel kuno mempunyai tujuan untuk mencapai dunia dengan pengabaran Injil – keselamatan ditawarkan oleh TUHAN. Umat-umat Kristian mempunyai tujuan ilahi yang sama. Mereka dipanggil untuk membahagikan kepada orang lain pengalaman dan pengetahuan mereka tentang Tuhan serta apa yang Tuhan telah lakukan kepada dunia melalui Kristus.

Baca 1Petrus 2:10. **Kenapakah teks ini begitu penting kepada seluruh mission dan tujuan umat-umat Kristian?**

Dunia ini penuh dengan dosa, kematian, menanti penghukuman. Tetapi, Yesus menyerahkan hidupNya untuk menyelamatkan setiap orang daripada kebinasaan tersebut. Seperti Israel purba, syarat pemuliaan [sebagai umat pilihan] adalah juga syarat-syarat tanggungjawab. Umat-umat Kristian mempunyai peringkat status luarbiasa sekali – bahawa dialah umat Tuhan. Tetapi, perkara ini menjadikan tanggungjawab untuk menjemput orang lain membahagikan status yang mulia itu. Seperti dalam 1Pet. 2:10 katakan, umat-umat Kristian kini membentuk orang mereka sendiri. Pada suatu ketika mereka bukanlah umat, tetapi, oleh kerana menerima belaskasihan untuk menjadi umat-umat kudus (lihat Hosea 1, 2). Dalam Alkitab, “kudus” biasanya mempunyai maksud diasingkan untuk tujuan ibadat. Oleh yang demikian, sebagai bangsa yang “kudus,” umat-umat Kristian haruslah berasingan daripada dunia, dapat dilihat perbezaan luarbiasa dalam cara-cara kehidupan mereka. Mereka juga adalah seperti api pada waktu malam yang sejuk, membawa orang lain mendekati lebih rapat agar mendapat bahangnya. Umat-umat Kristian berbebaskan tanggungjawab untuk membahagikan kepada orang lain tentang keselamatan agung yang mereka telah ambil bahagian.

JUMAAT 14 April

Renungan Lanjutan: “Gereja adalah sangat berharga mengikut kaca mata Tuhan. Dia menilainya bukan kerana kelebihan luaran, tetapi kepada kesalihan yang ikhlas yang membezakan daripada dunia. Dia menilainya berdasarkan kepada pertambahan anggota-anggota dalam pengetahuan Kristus, berdasarkan kepada peningkatan pengalaman rohani mereka.

“Kristus ingin sekali menerima buah-buah kekudusan dan tidak mementingkan diri daripada kebun anggurNya. Dia melihat kepada prinsip kasih dan kebaikan. Semua keindahan seni tidak dapat menandingi keindahan dan karakter yang dinyatakan oleh mereka yang merupakan wakil-wakil Kristus. Kasih karunia [rahmat dan pengampunan] menlingkupi jiwa yang beriman, Roh Kudus bekerja di fikiran dan hati, yang menjadikan dia haruman kehidupan yang menghidupkan, dan membolehkan Tuhan untuk memberkati kerjanya” – Ellen G. White, Christ’s Object Lessons, ms. 298.

Soalan Perbincangan:

1. Apakah rupabentuknya yang akan dipanggil keluar daripada kegelapan kepada “terangNya yang menakjubkan?” Apakah maksudnya itu? Jika anda akan menjelaskan idea ini kepada seseorang yang tidak percaya kepada

Yesus, apa yang anda mahu katakan? Apakah terang itu? Apa pula perbezaan di antara kedua-duanya itu dalam konteks yang Petrus bicarakan?

2. “Ingatlah, aku telah mengajarkan ketetapan dan peraturan kepadamu, seperti yang diperintahkan kepadaku oleh Tuhan, TUHANku, supaya kamu melakukan yang demikian di dalam negeri, yang akan kamu masuki untuk mendudukinya. Lakukanlah itu dengan setia, sebab itulah yang akan menjadi kebijaksanaanmu dan akal budimu di mata bangsa-bangsa yang pada waktu mendengar segala ketetapan ini akan berkata: Memang bangsa yang besar ini adalah umat yang bijaksana dan berakal budi. Sebab bangsa besar manakah yang mempunyai allah yang demikian dekat kepadanya seperti Tuhan, TUHAN kita, setiap kali kita memanggil kepada-Nya? Dan bangsa besar manakah yang mempunyai ketetapan dan peraturan demikian adil seperti seluruh hukum ini, yang kubentangkan kepadamu pada hari ini?” (Ula. 4:5-8). Dalam cara bagaimanakah kata-kata ini terpakai kepada kita sebagai Seventh-day Adventist dan apakah yang Tuhan minta kita untuk lakukan kerana semua yang telah diberikan kepada kita?
3. Baca 1Pet. 2:3. Apakah yang Petrus maksudkan bila dia berkata, “Jika kamu benar-benar telah mengecap kebaikan Tuhan.”? Bagaimana anda “mengecapi” kebaikanNya?
4. Lihat di sekeliling gereja setempat anda. Apakah mengenai gereja anda, jika ada, yang menjadikan gereja itu dan anda selaku anggotanya menarik kepada mereka yang tidak tahu apa-apa tentang Seventh-day Adventist atau tentang apa yang kita percaya?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 2:, 5, 9, 10

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Memahami panggilan luhur bahawa dia (lelaki/perempuan) merasa berhak bersama di dalam perjanjian umat Tuhan.

Merasakan: Menghargai status istimewa di mana Tuhan panggil perjanjianNya, berkumpul - “bangsa yang terpilih, imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Tuhan sendiri” (1 Pet. 2:9).

Melakukan: Memilih untuk memenuhi tujuan-tujuan di mana Tuhan telah panggilan umatNya.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Imamat Yang Rajani, Bangsa Yang Kudus

- A. Apakah yang dimaksudkan dengan menjadi batu yang hidup di dalam rumah rohani dibangun di atas Batu Penjuru, iaitu Batu yang hidup; pilihan dan sangat berharga?
- B. Apakah yang dibayangkan dengan ungkapan “imamat rajani, bangsa yang kudus” (1 Pet. 2:9)?

II. Merasakan: Pengenalan Bersama Komuniti Kristus

- A. Bagaimana rasanya telah digali dari kuari yang sama (bandingkan dengan Yes. 51:1) dan dibangun pada rumah yang sama seperti Batu Penjuru?
- B. Bagaimana kita berkelakuan sebaik kita menyedari bahawa kita digali dari kuari yang sama?

III. Melakukan: Pernyataan PujianNya

- A. Bagaimana Petrus menghuraikan maksud-maksud panggilan Tuhan ke atas perjanjian umatNya?
- B. Dalam cara apakah kita dapat memenuhi maksud-maksud di mana Tuhan telah panggilan kita kepada Dia sendiri?

Kesimpulan: Petrus memetik beberapa rangkap dalam Perjanjian Lama untuk memberi peringatan kepada para pembacanya tentang status istimewa mereka di hadapan Tuhan sebagai ahli kepada perjanjian komuniti Tuhan sebagai lanjutan kepada perjanjian berkumpul dalam Perjanjian Lama dan dibangun atas dasar yang sama - ia itu Mesias.

Cara Pembelajaran

LANGKAH I - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 2:4, 5

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Kita peroleh identiti rohani daripada Kristus, Batu Yang Hidup, batu pilihan dan Batu Penjuru yang sangat bernilai. Sebagai batu yang hidup digali daripada kuari yang sama (Yes. 51:1), kita telah dibangunkan menjadi rumah rohani untuk tujuan sebagai persembahan korban rohani yang kudus dan diterima oleh Tuhan melalui Yesus. Perihal belas kasihan, Tuhan memilih kita bagi diriNya agar kita menjadi umat yang rajani dan bangsa yang kudus supaya kita akan mengisytiharkan puji-pujian bagiNya. Dia memanggil kita keluar daripada kegelapan kepada cahayaNya yang menakjubkan. Kenyataan tentang perjanjian ini memperingatkan tentang Keluaran 19:5, 6, mewujudkan kesinambungan perjanjian Tuhan di antara umatNya dalam Perjanjian Lama dengan umatNya dalam Perjanjian Baru.

Hanya Untuk Guru: Adalah sangat penting untuk beri perhatian dalam bahagian kutipan daripada dan bayangan kepada Petrus iaitu Perjanjian Lama. Demikian juga petikan Petrus dalam Yesaya 28:16; Mazmur 118:22; Yesaya 8:14 dan Keluaran 19:5, 6. Sila pelajari ayat-ayat tersebut serta dengan bagaimana Petrus menggunakan untuk mengajar kebenaran yang perlu dimengertikan oleh para pembacanya. Bagaimanakah Yesus menggunakan kata-kata batu untuk merujuk kepada diriNya sendiri sebagai Mesias yang ditolak? (Sila rujuk Mat. 21:42; Markus 12:10 dan Luk 20:17.) Bagaimanakah Petrus menggunakan idea sama dalam Kisah 4:11? Apakah kegunaan bagi Paulus tentang idea tersebut dalam Efesus 2:20? Apakah bayangan kepada Keluaran 19:5, 6 yang mungkin telah terjadi dalam Wahyu 1:6; 5:10; 20:6?

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas membaca bersama 1 Petrus 2:4-6 dan Yesaya 51:1. Bincangkan makna hubungan di antara Batu yang hidup, iaitu pilihan dan Batu Penjuru yang sangat berharga dengan batu yang hidup digunakan untuk membangun bersama rumah rohani, supaya mereka dapat mempersembahkan korban-korban rohani yang berkenan kepada Tuhan melalui Yesus Kristus.

LANGKAH 2 - Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Beri perhatian tentang perubahan yang telah terjadi di antara ayat-ayat 1-3 dan ayat-ayat 4, 5 dalam 1 Petrus 2. Ayat-ayat 1-3 mengakhiri bahagian sebelumnya, mengatakan tentang kelahiran baru “melalui firman Tuhan yang hidup dan berkekalan” (1 Pet. 1:23). Para pembaca surat Petrus dicabar untuk menjadi, “seperti bayi yang baru lahir,” untuk “selalu ingin akan air susu yang murni dan yang rohani, supaya olehnya kamu bertumbuh dan beroleh keselamatan, jika kamu benar-benar telah mengecap kebaikan Tuhan” (1 Petrus 2:2, 3).

Bagaimanapun, metaforanya telah berubah apabila Petrus pergi kepada bahagian seterusnya dalam 1 Pet. 2:4, 5, tiba-tiba para pembaca bukan lagi bayi tetapi batu yang hidup dibangunkan bersama menjadi rumah rohani. Mereka juga rajani yang kudus mempersembahkan korban-korban rohani kepada Tuhan. Metafora seterusnya diteruskan dalam 1 Petrus 2:9 sebagai umat percaya dijelaskan sebagai “imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Tuhan sendiri,” dibangunkan di atas perjanjian, bahasa digunakan dalam Perjanjian Lama.

Ulasan Alkitab**I. Bayi Menyusu Air Susu Rohani Yang Murni.** (*Imbas kembali 1 Petrus 2:1-3 dalam kelas anda*)

Petrus beri amanat kepada mereka yang telah dilahirkan kembali melalui Firman Tuhan (1 Petrus 1:23) dan yang telah menikmati bahawa Tuhan itu baik (1 Petrus 2: 3) bagi bayi yang baru lahir mengidam air susu rohani yang murni seterusnya menghasilkan pertumbuhan rohani kepada mereka. Persamaan dengan 2 Petrus 3:18 dicadangkan bahawa air susu rohani yang murni adalah pengetahuan akan Yesus Kristus sebagai TUHAN dan penerimaan kasih kurniaNya. (Amanat Petrus untuk mengidamkan air susu rohani yang murni, seharusnya tidak dilihat seperti terdapat konflik dengan kritikan Paulus dalam 1 Korintus 3:1, 2 juga dalam Ibrani 5:12-14, tentang mereka yang gagal berubah kepada makanan keras apabila mereka dewasa. Sebaliknya, Petrus berbicara dalam konteks kelahiran baru.)

Perhatikan Hal ini: Apakah sifat-sifat kematangan rohani telah dinyatakan oleh Petrus bagi saya tunjukkan dalam kehidupan rohani saya sendiri? Bagaimana saya boleh menjadikan pembelajaran Firman Tuhan sebagai yang terutama?

II. Batu Yang Hidup Dibangunkan Di atas Rumah Rohani (*Imbas bersama kelas 1 Pet. 2:4,5*)

Petrus memulakan bahagian ini dengan firman, “datanglah kepada-Nya, Batu yang hidup” (1 Pet. 2:4), merujuk kepada TUHAN dalam ayat 3. Hal ini membentuk satu alasan bahawa “engkau juga seperti batu yang hidup,

dibangunkan kepada sebuah rumah rohani.” Seseorang itu tidak dapat dibangunkan kepada rumah rohani tanpa datang kepada TUHAN Yesus Kristus. Dialah satu-satunya Batu Hidup itu, kita hanya “seperti batu hidup” (1 Pet. 2:5) seperti Dia, seolah-olah digali daripada kuari yang sama (Yes. 51:1). Dia adalah pilihan dan Batu Penjuru yang sangat berharga (1 Pet. 2:6) kepada rumah rohani di mana kita dibangunkan. Umat percaya juga “bagi suatu imamat kudus, untuk mempersembahkan persembahan rohani yang karena Yesus Kristus berkenan kepada Allah” (1 Pet. 2:5). Berkenaan dengan yang mana satu korban-korban rohani yang berkenan kepada Tuhan, lihat Mazmur 4:5; 51:17; 107:22; Roma 12:1; dan Ibrani 13:15, 16.

Perhatikan Hal ini: Dengan cara bagaimanakah saya dibangunkan kedalam rumah rohani bagi Tuhan? Apakah korban-korban rohani akan saya persembahkan kepada Tuhan sebagai kepunyaan seorang imamat kudus?

III. Umat Pilihan Oleh dan Bagi Tuhan *(Imbas bersama kelas 1 Petrus 2:9-12)*

Di dalam Alkitab, Tuhan memilih dan memanggil; umat menerima. Mereka yang menerima secara positif dipanggil umat pilihan atau terpilih. Yesus mengatakan, “Sebab banyak yang dipanggil, tetapi sedikit yang dipilih” (Mat. 22:14). Fakta yang Petrus panggil para pembacanya “umat pilihan” (1 Pet. 2:9) dicadangkan bahawa mereka telah membuat sambutan kepada panggilan Tuhan dan menyertai kepada satu hubungan perjanjian dengan Dia.

“Imamat rajani, bangsa yang kudus” merujuk kepada Keluaran 19:5, 6, di mana Tuhan katakan kepada bangsa Israel, jika mereka pelihara perjanjianNya, mereka adalah milikNya “suatu kerajaan para imam dan bangsa yang kudus.” Pengisytiharan ini bukan bermakna bahawa semua akan menjadi imam, berupaya untuk melayani di hadapan Tuhan dalam rumah ibadah. Ia bermaksud bahawa umatNya akan dijangka sebagai “imamat kudus” (1 Pet. 2:5) untuk mempersembahkan korban-korban rohani seperti puji-pujian, sukacita, amalan-amalan wajar dan pelayanan kepada orang lain (lihat Ibrani 13:15, 16).

Dengan demikian, Petrus mengisytiharkan, umat percaya adalah umat pilihan supaya mereka “memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar dari Dia, yang telah memanggil kamu keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib” (1 Pet. 2:9). Kemungkinan tentang menawarkan pelayanan seperti itu adalah kerana belas kasih yang terbesar daripada Tuhan untuk memilih mereka (1 Pet. 2:10). Kurnia belas kasihan dalam jiwa terhasil di dalam kehidupan yang taat semasa di dunia kepada kemuliaanNya kelak (1 Pet. 2:11, 12).

Soalan- soalan Perbincangan:-

1. Apakah bentuk pendekatan yang kita ada untuk berapa banyak kita lakukan atau tidak mengingini sesungguhnya untuk mendapatkan air susu rohani yang murni?
2. Apakah bukti yang mungkin dikemukakan bahawa kita membangun sebagai batu-batu hidup kepada rumah rohani?
3. Apakah jenis-jenis korban rohani kita ini, sebagai anggota kepada imamat kudus, dipersembahkan kepada Tuhan setiap hari? Bagaimana kita memuliakan Dia yang memanggil kita keluar daripada kegelapan kepada cahaya yang terang?

Perhatikan Hal ini: Petrus mengaitkan gereja dengan Israel kuno, umat perjanjian Tuhan. Dalam cara apakah saya dapat merasakan hubungan dengan bangsa Israel yang bersejarah itu? Bagaimana pula dengan berdasarkan kepercayaan Advent pribadi saya?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Dalam buku tulisan Ellen G. White, *The Desire of Ages*, ms. 597, 598 menyatakan beberapa latarbelakang sejarah yang bermakna kepada gambaran tentang batu penjuru. Peristiwa sebenar berlaku dalam sejarah pembangunan rumah ibadah Solomo, jauh sebelum nubuatan Yesaya. Batu besar luarbiasa saisinya serta bentuk yang istimewa telah disediakan khusus untuk batu penjuru, tetapi, apabila dibawa ke tempat bangunan tersebut, pekerja-pekerjanya menolak batu tersebut. Sebaliknya, batu-batu yang lain telah dipilih. Bagaimanapun, satu persatu tidak memenuhi tuntutan cuaca dan tekanan. Akhirnya, batu yang ditolak pada mulanya, diangkut semula. Semuanya memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Hasilnya sangat sesuai dan tepat sekali, akhirnya diterima sebagai batu penjuru rumah ibadah tersebut. “Dalam ramalan nabi Yesaya, ia diperlihatkan bahawa batu tersebut adalah simbol Kristus.” – ms. 598.

Soalan-soalan Renungan:-

1. Dalam cara apakah saya mendemonstrasi bahawa saya adalah batu hidup telah dibangunkan ke dalam rumah rohani?
2. Apakah maksudnya kepada saya untuk menjadi sebahagian daripada imamat rajani dan bangsa yang kudus?
3. Bagaimana caranya agar saya tidak tersandung ke atas Batu hidup, Batu Penjuru yang sangat berharga?

Aktiviti: Ambil masa bersama ahli kelas untuk melahirkan pujian kepada Tuhan kerana telah dipanggil keluar daripada kegelapan menuju kepada cahayaNya yang luarbiasa.

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Ia mungkin berguna bagi ahli kelas agar menjadi biasa dengan alat-alat dan cara-cara kerja tukang batu. Bangunan yang menggunakan batu, selalunya bermula pada dasar sudut. Batu yang pertama diletak agak kritikal kerana ia harus selari mendatar dan menegak. Susunan batu-batu berikutnya haruslah selari dengan batu penjuru. Tali dibentang menegak di tepi batu penjuru setelah ukuran mendatar selari. Batu ladung digunakan untuk mendapatkan kelurusan menegak. Tape pengukur menentukan jarak mendatar dan menegak. Pada mulanya, batu besar empat segi, telah dipahat satu persatu di kuari dan tidak menggunakan sebarang letupan. Sais dan berat hampir serupa, kadang-kadang menggunakan logam yang dilebur dituang ke atas batu untuk menyumbat retak-retak yang tidak rata agar kelihatan serupa di antara satu dengan yang lain.

Aktiviti: Bandingkan metapora gereja sebagai bangunan yang bertumbuh, dalam Efesus 2:19-22, dengan metapora gereja sebagai pertubuhan yang bertumbuh, dalam Efesus 4:12-16. Bincangkan bersama ahli kelas, bagaimana mereka perlu membiasakan diri kepada struktur masing-masing bagi pertumbuhan yang efektif dalam setiap metapora. Bagaimana batu hidup menyesuaikan mereka sendiri?

PELAJARAN 4 | 15-21 April

Hubungan Sosial

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu ini: 1Pet. 2:13-23; 3:1-7; 1Kor. 7:12-16; Gal. 3:27, 28; Kis. 5:27-32; Ima. 19:18.

Ayat Hafalan: "Tetapi yang terutama: kasihilah sungguh-sungguh seorang akan yang lain, sebab kasih menutupi banyak sekali dosa." 1Pet. 4:8.

Surat Petrus juga menangani beberapa persoalan sosial di depan mata yang sukar pada zamannya: Sebagai contoh, bagaimana orang Kristian harus hidup bersama dengan kerajaan yang tidak adil dan korup; seperti kebanyakan mereka mengalaminya: Empayar pagan Roma; Apakah yang Petrus beritahu kepada pembacanya dan apakah maksud kata-katanya itu kepada kita sekarang ini?

Bagaimanakah hamba Kristian harus bertindak apabila tuan mereka melayani dengan kasar dan tidak adil? Sekalipun hubungan di antara pekerja-majikan zaman moden berlainan dengan hubungan tuan-hamba zaman abad pertama, tidak hairanlah apa yang Petrus katakan masuk akal kepada mereka yang cuba mengatasi perangai boss yang tidak munasabah. Betapa mempesona sekali di mana Petrus tujukan kepada Yesus dan bagaimana Dia menyahut perlakuan jahat itu. Inilah yang menjadi tauladan bagaimana umat-umat Kristian harus berkelakuan apabila berhadapan dengan masalah yang sama (1Pet. 2:21-24).

Bagaimanakah suami dan isteri perlu berinteraksi antara satu sama lain, terutamanya apabila mereka berbeza pendapat dalam perkara yang penting seperti kepercayaan agama?

Akhirnya, bagaimana umat-umat Kristian harus berurusan dengan peraturan-peraturan sosial, apabila, pada hakikatnya, struktur masyarakat atau politik mungkin nyata sekali korup dan bertentangan dengan iman Kristian?

**Pelajari pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 22 April.*

AHAD 16 April

Gereja dan Negara

Alkitab menyentuh berbagai isu yang sangat relevan hari ini, sekalipun ia ditulis beberapa tahun yang lalu, seperti hubungan umat Kristian dengan kerajaan mereka.

Dalam beberapa peristiwa, ia sangat jelas. Wahyu 13 bercakap tentang suatu masa apabila patuh kepada kuasa pemerintah bukan bererti tidak mematuhi Tuhan. Dalam hal seperti itu, pilihan kita adalah jelas. (Lihat pelajaran hari Khamis).

Baca 1Pet. 2:13-17. **Apakah Firman Tuhan beritahu kita secara keseluruhan tentang bagaimana berhubungan dengan kerajaan?**

Kejahatan-kejahatan Empayar Roma sangat terkenal kepada mereka yang tinggal dalam lingkungan sempadan kawasan kerajaan. Ia telah bertumbuh agak tidak tetap oleh orang yang bercita-cita tinggi menggunakan tenaga askar dengan kekejaman. Menghadapi apapun penentang dengan kekerasan. Penyiksaan cara sistematik dan kematian cara menyalib adalah dua di antara hukuman ngeri ke atas mereka yang dijatuhkan hukuman. Kerajaan Roma dipenuhi oleh korupsi dan nepotisma. Pemerintah elit menggunakan kuasa dengan penuh keangkuhan dan tidak mempunyai belas kasihan. Walaupun semuanya ini, Petrus mendorong pembaca-pembacanya menerima kekuasaan oleh setiap institusi bagi semua agama dalam empayar tersebut, daripada emperor kepada governor (1 Pet.2-13).

Petrus berhujah supaya emperor dan govenorlah yang menghukum mereka yang berbuat salah, sementara memuji mereka yang berbuat baik (1Pet. 2:14). Dengan melakukan seperti ini, mereka mempunyai peranan yang penting dalam membentuk masyarakat.

Malah, di samping semua kesalahannya, Empayar Roma menyediakan kestabilan. Kerajaan membawa kebebasan daripada peperangan. Melaksanakan keadilan yang keras kepada setiap individu tetapi keadilan yang berasaskan kepada kedaulatan undang-undang. Membina jalanraya dan sistem kewangan untuk menyokong keperluan militernya. Dengan melakukan sedemikian, kerajaan Roma telah mencipta persekitaran di mana penduduknya boleh bertumbuh dan maju dalam banyak hal. Melihat kepada terang ini, komen Petrus tentang kerajaan masuk akal. Tiada kerajaan yang sempurna, dan sudah tentu demikian juga dengan kerajaan di mana Petrus dan gereja yang ditulisnya hidup di bawah pemerintahannya. Jadi, apa yang kita dapat pelajari melaluinya ialah bahawa umat-umat Kristian perlu berusaha untuk menjadi warganegara yang baik, taat kepada hukum negara tersebut sedapat-dapat yang boleh, sekalipun kerajaan pada masa itu tidak sempurna.

Apakah yang penting bagi Kristian untuk menjadi warganegara yang sebaik mungkin, sekalipun dalam keadaan politik yang tidak stabil? Apakah yang anda boleh lakukan untuk menjadikan masyarakat anda lebih baik sekalipun dalam cara yang kecil?

ISNIN 17 April

Tuan dan Hamba

Baca 1Petrus 2:18-23. Bagaimanakah kita sekarang ini memahami kandungan ayat-ayat yang susah? Apakah prinsip yang kita boleh ambil daripada mereka untuk diri kita pula?

Pembacaan teliti 1 Pet. 2:18-23 menunjukkan bahawa ia bukannya sokongan terhadap perhambaan, ayat-ayat itu memberi nasihat spiritual bagaimana untuk berfikir tentang keadaan yang sukar itu, yang pada masa itu tidak dapat diubah.

Perkataan yang diterjemahkan sebagai “kuli” atau “hamba” dalam 1Petrus 2:18, *oiketes*, digunakan khusus untuk hamba tempatan. Perkataan yang biasa bagi hamba, *doulos*, digunakan dalam Efesus 6:5, satu petikan yang memberi maksud serupa dengan hamba.

Dalam Empayar Roma yang sangat berstrata [bertingkat-tingkat], hamba telah dianggap sebagai milik sah di bawah kawalan mutlak tuan mereka, yang boleh melayan mereka dengan baik atau dengan kejam. Hamba-hamba dapat diperolehi daripada banyak sumber: askar-askar yang telah dikalahkan, anak-anak hamba atau mereka yang “dijual” kerana membayar hutang. Beberapa hamba diberi terlalu banyak tanggungjawab. Ada yang mengendalikan estet yang luas. Sementara yang lain mengendalikan harta sipemilik dan kepentingan bisnesnya dan yang lain pula memberi pendidikan kepada anak-anak tuannya.

Kebebasan seorang hamba boleh dibeli, di mana hamba digambarkan sebagai telah “ditebus.” Paulus menggunakan bahasa ini untuk menghuraikan apa yang Yesus telah lakukan bagi kita (Efe. 1:7; Roma 3:24; Kol. 1:14; 1Pet. 1:18, 19).

Adalah penting untuk mengingat bahawa beberapa umat Kristian mula-mula adalah hamba. Oleh kerana itu, mereka dapati diri mereka terperangkap dalam sistem yang mereka tidak dapat ubah. Mereka yang tidak bernasib baik merasa kekasaran dan ketidakwajaran tuannya, berada benar-benar dalam situasi yang sukar; sekalipun mereka yang mempunyai tuan yang baik, masih menghadapi keadaan yang sukar. Penjelasan Petrus kepada semua Kristian yang menjadi hamba, adalah tetap dengan kenyataan-kenyataannya dalam Perjanjian Baharu. Mereka harus tunduk dan bertahan, sama seperti Kristus tunduk dan bertahan (1Pet. 2:18-20). Tidak ada penghormatan kepada mereka yang menderita hukuman kerana melakukan kesalahan. Tidak, semangat Kristus yang tulen akan ternyata apabila mereka menderita tidak adil. Seperti Yesus, pada masa seperti itu orang Kristian tidak harus membalas penderaan ataupun mengancam, tetapi mengamanahkan diri mereka kepada Tuhan, yang menghakimi dengan adil. (1Pet. 2:23).

Apakah aplikasi praktikal kita boleh buat daripada apa yang Petrus tulis di sini? Apakah ia bermaksud bahawa, kita tidak pernah berpegang kepada hak kita? Kemukakanlah jawapan anda dalam kelas pada hari Sabat.

SELASA 18 April

Para Suami dan Isteri

Baca 1Pet. 3:1-7. Apakah hal istimewa Petrus sampaikan dalam petikan ini? Bagaimanakah perkahwinan yang dikatakan relevan kepada masyarakat sekarang ini?

Terdapat satu petunjuk istimewa dalam ayat tersebut yang membuat pembaca berhati-hati menangani isu yang Petrus persembahkan dalam 1 Petrus 3:1-7. Dalam fasal 3, ayat 1, Petrus mengatakan bahawa dia bercakap tentang para suami yang “tidak taat kepada Firman.” Dalam kata lain, Petrus bercakap tentang apa yang seharusnya terjadi apabila si isteri, orang Kristian, berkahwin dengan suami yang bukan Kristian (biarpun bilangan mereka yang tidak percaya sangat sedikit).

Seorang isteri Kristian akan menghadapi banyak masalah bila berkahwin dengan suami yang tidak seiman. Apakah yang patut berlaku dalam keadaan seperti ini? Patutkah dia menceraikan suaminya? Petrus sama seperti Paulus, tidak mencadangkan bahawa isteri Kristian meninggalkan suami yang tidak percaya (lihat 1 Kor. 7:12-16). Sebaliknya, Petrus berkata, para isteri yang suami bukan seiman, harus tinggal hidup bersama-sama dengan dia.

Peranan yang ada pada seorang wanita abad pertama Empayar Roma, ditentukan secara meluas oleh individu masyarakat. Para isteri orang Roma, sebagai contoh, mempunyai lebih banyak hak di bawah undang-undang tentang harta dan tuntutan legal, berbanding dengan kebanyakan wanita di mana Petrus tujukan suratnya. Tetapi, pada beberapa masyarakat abad-pertama, wanita tidak dibenarkan melibatkan dalam hal politik, kerajaan dan kepimpinan di kebanyakan keagamaan. Petrus menyarankan kepada wanita Kristian untuk mengambil satu bentuk piawai yang boleh dikagumi dalam konteks kedudukan mereka sendiri. Dia sarankan kepada mereka agar tetap murni dan saleh (1 Petrus. 3:2). Dia cadangkan bahawa seorang wanita Kristian harus lebih menggemari kecantikan dalamannya daripada berdandan dan mengepang-ngepang rambut, perhiasan dan kain yang mahal-mahal (1 Petrus 3:3-5). Seorang wanita Kristian akan menghiasi dengan sederhana dirinya sendiri agar dapat menjaga Kekristianannya kepada orang yang tinggal sangat rapat dengan dia – suaminya.

Nasihat Petrus tidak sepatutnya dijadikan lesen oleh sang suami untuk melayan isteri dengan sesuka hati. Seperti yang Petrus katakan, suami harus menunjukkan timbangrasa kepada isteri mereka (1 Petrus 3:7).

Sementara Petrus memberi amanat khusus kepada isu - para isteri Kristian berkahwin dengan orang tidak sama iman - kita dapat melihat serba sedikit perkahwinan ideal orang Kristian: pasangan Kristian harus hidup saling bantu-membantu. Kehidupan mereka mencerminkan kejujuran sementara mereka menyembah Tuhan sepanjang aktiviti setiap hari.

RABU 19 April

Perhubungan Sosial

Baca Roma 13:1-7; Efe. 5:22-23; 1 Kor. 7:12-16 dan Gal. 3:27, 28. Bagaimanakah kita membandingkan apa yang Paulus katakan dengan apa yang Petrus katakan dalam 1 Petrus 2:11-3:7?

Paulus merujuk kepada isu yang timbul dalam 1 Petrus 2:11-3:7 di beberapa tempat.. Apa yang dia katakan amat konsisten dengan apa yang terdapat dalam 1 Petrus.

Sebagai contoh, seperti juga Petrus, Paulus sarankan pembacanya tertakluk kepada “kuasa pemerintah” (Roma 13:1). Pemimpin-pemimpin ditetapkan oleh Tuhan dan menghukum perbuatan yang tidak baik, (Roma 13:3). Oleh itu, Kristian harus “Bayarlah kepada semua orang apa yang harus kamu bayar: pajak kepada orang yang berhak menerima pajak, cukai kepada orang yang berhak menerima cukai; rasa takut kepada orang yang berhak menerima rasa takut dan hormat kepada orang yang berhak menerima hormat” (Roma 13:7).

Paulus juga menekankan bahawa wanita yang berkahwin dengan suami bukan percaya tinggal hidup saling bantu-membantu dan akhirnya, suami mereka akan turut sama ke gereja (1 Kor. 7:12-16). Perkahwinan Kristian mengikut Paulus, saling mengasihi di antara satu dengan yang lain. Para suami harus mengasihi isteri mereka sebagaimana Kristus telah mengasihi gereja (Efe. 5:25). Lebih lanjut lagi, dia menyarankan bahawa hamba-hamba harus taat kepada tuan mereka di atas bumi sebagaimana ketaatan mereka kepada Kristus (Efe. 6:5).

Paulus bersedia untuk bekerja dalam lingkungan undang-undang yang sudah ditetapkan dalam masyarakat. Dia memahami apa yang boleh diubah tentang kebudayaan dan apa yang tidak boleh. Namun, dia juga melihat sesuatu di dalam Kekristianan yang boleh mengubah cara masyarakat berfikir tentang orang lain. Sama seperti Yesus tidak berusaha untuk membawa apa-apa jenis revolusi politik untuk mengubah susunan sosial, demikian juga Petrus atau Paulus. Perubahan akan tiba melalui pengembangan pengaruh dari orang-orang yang taat kepada Tuhan di dalam masyarakat mereka.

Baca Galatia 3:27-29. Sekalipun sangat jelas bahawa itu adalah kenyataan berdasarkan ahli teologi, apakah ada implikasi masyarakat yang mungkin berkuasa dalam ayat tersebut mengenai bagaimana umat-umat Kristian dihubungkan di antara satu dengan yang lain kerana apa yang Yesus lakukan kepada mereka?

KHAMIS 20 April

Kekristianan dan Susunan Masyarakat

Walaupun diketahui bahawa organisasi dan kerajaan yang dibentuk oleh manusia mempunyai kecacatan dan kadang kala jahat, sekalipun mereka mengalami sesuatu perkara yang tidak baik dengan kerajaan dan pemimpin-pemimpin agama, kedua-dua Paulus dan Petrus menggesa umat Kristian yang mula-mula agar berserah sepenuhnya kepada kekuasaan manusia (1 Peet. 2:3-17; Roma 13: 1-10). Mereka berkata bahawa umat Kristian harus membayar cukai dan memberi sumbangan kepada obligasi kerja wajib. Umat Kristian haruslah menjadi contoh kepada masyarakat seberapa yang boleh.

Baca Kisah 5:27-32. Apakah hubungan di antara ketaatan sepenuhnya diserahkan kepada yang berkuasa menurut Petrus (1 Pet.2:13-17) dan dengan apa yang Petrus dan rasul-rasul lain lakukan berhubung dengan perkara tersebut?

Kejayaan awal gereja Kristian menuntun kepada penangkapan Petrus dan Yohanes (Kisah 4:1-4). Mereka telah disoal-siasat oleh imam-imam dan kepala pengawal Rumah Ibadah Tuhan serta orang-orang Saduki. Kemudian mereka dilepaskan dengan amaran keras bahawa mereka berhenti berkhotbah (Kisah 4:5-23). Selepas itu mereka ditangkap lagi dan ditanya mengapa mereka tidak mengikuti arahan daripada yang berkuasa (Kisah 5:28). Jawab Petrus, "Kita harus lebih taat kepada Tuhan daripada kepada manusia" (Ayat 29).

Apakah kebenaran yang sangat penting dapat kita peroleh daripada kenyataan ini?

Petrus bukan seorang hipokrit; mengatakan satu perkara tetapi melakukan yang lain. Apabila isunya ialah sama ada menurut Tuhan atau manusia, pilihan harus jelas. Sehingga sekarang, umat-umat Kristian harus bersifat menyokong dan taat kepada kerajaan, sekalipun mereka berusaha untuk mencuba membawa perubahan kepada keadaan sosial. Apabila isu moral dalam keadaan genting, umat Kristian telah dan masih harus terlibat secara sah dalam mempromosikan jenis perubahan sosial yang mencerminkan nilai-nilai dan pengajaran Yesus. Bagaimana perkara tersebut dilaksanakan bergantung kepada beberapa fakta, tetapi sebagai warga negara yang taat dan setia, tidak bermakna otomatik bahawa Kristian tidak boleh atau tidak perlu mendapatkan bantuan untuk memperbaiki masyarakat.

Baca Imamat 19:18 dan Matius 22:39. Bagaimana mungkin suatu arahan untuk mengasihi jiran tetangga kita seperti mengasihi diri sendiri, menyertakan keperluan untuk berusaha kepada perubahan sedangkan perubahan tersebut sesungguhnya akan menjadikan kehidupan lebih baik serta lebih adil kepada jiran tetangga anda?

JUMAAT

21 April

Renungan Selanjutnya: Baca tulisan Ellen G. White, "*The Impending Conflict*," ms. 582; "*The Scripture a Safeguard*," ms. 593-602; dan "*The Time of Trouble*," ms. 613-634 di dalam *The Great Controversy*.

Ellen G. White menasihatkan supaya Seventh-day Adventist menjadi warga negara yang baik serta taat kepada hukum negara. Dia juga memberitahu orang lain supaya *tidak* secara terbuka dan terang-terangan tidak taat kepada undang-undang hari Ahad; iaitu, sekalipun mereka harus memelihara Sabat hari ke tujuh kudus, sebagaimana Tuhan arahkan, mereka tidak perlu melanggar undang-undang yang tidak membenarkan bekerja pada hari Ahad. Pada satu keadaan tertentu, bagaimanapun, dia menjelaskan bahawa Adventist tidak mematuhi undang-undang tersebut. Jika seorang hamba telah terlepas daripada tuannya, undang-undang mengatakan bahawa hamba tersebut harus kembali kepada tuannya. Dia mencela menentang hukum tersebut dan memberitahu umat Adventist supaya tidak mematuhi, sekalipun menanggung akibatnya: "Apabila hukum manusia itu bertentangan dengan hukum Tuhan, kita patuh kepada hukum Tuhan walaupun kemungkinan akibatnya. Undang-undang negara menyuruh kita mengembalikan hamba kepada tuannya, dan kita tidak mematuhi maka kita harus tertakluk kepada akibat melanggar undang-undang tersebut. Seorang hamba bukanlah harta milik seseorang. Tuhanlah tuan yang sebenarnya dan manusia tidak ada hak untuk mengambilalih karya Tuhan ke dalam tangannya, sehingga mendakwa bahawa itu adalah miliknya." - *Testimonies for the Church*, vol. 1, ms. 201, 202.

Soalan-soalan perbincangan:

1. Bincang jawapan anda dalam kelas persoalan pada pelajaran hari Isnin tentang isu ini: Haruskah umat Kristian tidak perlu mempertahankan hak mereka? Sementara anda berbincang, fikirkan satu soalan lagi: Apakah sebenarnya hak kita?

2. Apakah contoh di mana impact umat Kristian dalam sebuah masyarakat telah menunjukkan kuasa dalam mengubah keadaan sebuah masyarakat kepada kebaikan? Apakah pelajaran yang kita peroleh melalui keterangan tersebut?
3. Apakah contoh di mana umat Kristian, daripada membantu penyakit masyarakat, sebaliknya menyokong tanpa bantahan dan sehingga membantu untuk mempertahankan mereka? Apakah pelajaran yang kita peroleh melalui cerita tersebut?
4. 1 Petrus 2:17 mengatakan "Hormatilah maharaja." Pada waktu itu, besar kemungkinan Nerolah maharajanya. Salah seorang maharaja yang korup dan hina daripada maharaja terdahulu yang korup dan hina. Apakah maksud mesej tersebut kepada kita sekarang ini? Apakah sepatutnya Petrus tulis sebagai permulaan ayat tersebut, "Hormatilah semua orang," lebih membantu kita memahami apa yang dia mahu katakana?
5. Baca 1 Petrus 2:21-25 dalam kelas. Bagaimanakah mesej Injil diringkaskan dalam ayat-ayat tersebut? Sejauh manakah kita mengerti seperti yang kita diberitahu melakukannya?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 2:13-17

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Mengenalpasti bahawa Tuhan telah tetapkan berbagai peringkat otoriti di dunia ini dan bahawa umat Kristian mempunyai tanggungjawab kepada semua jenis otoriti tersebut.

Merasakan: Menghargai sistem otoriti dan peraturan Tuhan serta mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi.

Melakukan: Menurut nasihat Petrus dan contoh-contoh Yesus berkenaan dengan bagaimana para pembaca seharusnya berhubung dengan ketetapan otoriti.

Garis Panduan Pelajaran

I. Mengetahui: Sistem Peraturan Tuhan

- A. Apakah yang Petrus beritahu tentang tanggungjawab kita dalam pandangan ketetapan peraturan Tuhan? (Bandingkan dengan petunjuk Paulus dalam Roma 13:1-7)
- B. Apakah wasiat Tuhan kepada umat-umatNya berkenaan dengan berbuat baik (1 Petrus 2:15-17)?

II. Merasakan: Menurut Contoh Kristus

- A. Dalam cara apakah Petrus jadikan Kristus sebagai model kita berhubung dengan tanggapan kita ke atas sebab-sebab berlakunya pencubaan-pencubaan dan penderitaan (1 Pet. 2:21-24)?
- B. Apakah bayangan Petrus dengan memanggil Yesus sebagai Gembala dan Pengawas jiwa-jiwa kita? (Bandingkan dengan 1 Petrus 5:2-4)

III. Melakukan: Penyerahan Sopan Kepada Peraturan Tuhan

- A. Dalam pengetahuan tentang 1 Petrus 2:21-23, bagaimana kita harus memahami nasihat Petrus tentang penyerahan hamba abdi atau orang gaji kepada tuan mereka?
- B. Apakah nasihat Petrus bagi para suami isteri dan model yang manakah yang dipetikinya dalam 1 Petrus 3:5, 6?

Kesimpulan: Petrus menghuraikan kehendak Tuhan dalam cara bagaimana orang Kristian berhubung dengan beberapa peringkat otoriti; melakukan apa yang benar dan baik demi mendatangkan kemuliaan Tuhan. Dia memetik contoh Yesus demikian juga dengan contoh daripada wanita saleh dahulu kala tua, sebagai percontohan kepada umat Kristian Perjanjian Baharu.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 2:13-15

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Jika kita mengikuti contoh daripada Yesus, demikian juga dengan mereka yang warak menjadi contoh daripada Alkitab, kita akan mengetahui bahawa Tuhan telah tetapkan berbagai peringkat autoriti di mana kita dikehendaki untuk mematuhi sepatutnya, berdasarkan

kehendakNya (1 Pet. 2:15) dan “demi Tuhan” (1 Pet. 2:13). (Paulus memberikan petunjuk yang serupa dalam Roma 13; Efesus 5:21-6:9 dan Kolose 3:18-4:1.) Orang percaya diharapkan untuk mencontohi kelakuan yang baik demi kemuliaan Tuhan dengan mematuhi otoriti yang ditetapkan, sama ada dalam kerajaan sivil, hubungan pekerjaan atau di dalam rumah dan gereja.

Hanya Untuk Guru: Sementara menyelidiki topik pelajaran, adalah sangat bermakna untuk mempelajari persamaan kenyataan dalam surat-surat Paulus di atas untuk tujuan dapat melihat gambaran besar mengikut hukum gereja. Roma 13:2 berbicara sangat tegas mengenai mereka yang menolak otoriti ketetapan Tuhan dan bagaimana mereka akan diadili (bandingkan dengan 2 Pet. 2:9, 10; Yudas 6, 8). Ahli kelas perlu bincangkan keadaan yang kompleks tentang nasihat-nasihat tersebut demi perhubungan semua manusia.

Pembuka Aktiviti dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas baca bersama 1 Petrus 2:13-15 dan Roma 13:1-5. Bincangkan persamaan-persamaan di antara dua petikan tersebut dan bagaimana mereka saling bantu membantu dan meninggikan di antara satu dengan yang lain. Apakah kepelbagaian kaedah yang mereka ketengahkan untuk memperkenalkan Tuhan dan kehendakNya ke dalam gambaran itu? Apakah petikan-petikan tersebut memberikan otoriti kepada individu, atau apakah otoriti berkuasa dalam pejabat-pejabat atau kedudukan jawatan mereka pegang? Jelaskan. Kepada apakah yang diharapkan daripada individu yang berotoriti lebih tinggi harus patuhi sebagai balasan?

LANGKAH 2 - Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Bandingkan 1 Petrus 2:16 dengan Galatia 5:13. Apakah poin yang ada pada kedua-dua petikan tersebut? Apakah bahaya yang ada dengan berfikir bahawa kita adalah bebas daripada semua pengekangan atau undang-undang? Perhatikan 2 Petrus 2:18-20. Bincangkan dengan ahli kelas alasan Paulus dalam Roma 6:15-20 mengenai keuntungan sebagai hamba kepada kebenaran sebagai menyangkal menjadi hamba kepada dosa. Bagaimanakah jurusan munasabah seperti ini memainkan peranan lebih besar dalam perbincangan 1 Petrus 2 tentang kepatuhan kepada otoriti? Mengapakah Petrus mengakhiri ayat 16, bermula dengan “Hidup sebagai seorang merdeka” dengan mengatakan “Hidup sebagai hamba Tuhan”? bagaimanakah kita mengerti antinomi (kontradiksi yang ketara di antara dua prinsip yang sama sah), kelihatannya mengatakan perkara-perkara berlainan?

Ulasan Alkitab

I. Hubungan Pekerja - Majikan (*Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 2:18-20*).

Selepas membincangkan kepatuhan kepada otoriti, secara amnya, terutama otoriti sivil, Petrus beralih kepada isu tentang hubungan hamba - tuan, di mana pada zaman moden, ia dikatakan perhubungan pekerja - majikan. Istilah ‘doulos’ termasuklah kepelbagaian orang gaji atau hamba; pekerjaan biasanya merujuk kepada kerja pribadi untuk membayar hutang. Dalam hal-hal lain, si doulos berhutang kesetiaan, hormat dan ketaatan berkerja kepada tuan di mana dia bertugas. Tuannya membayar upah bukan berdasarkan kebolehan orang gajinya bekerja, tetapi atas otoriti si tuan dan atas tanggungjawab si orang gaji untuk tunduk kepada otoriti. Sekalipun perlakuan kasar, kepatuhan dianggap boleh diterima kerana ia menunjukkan kesedaran tentang Tuhan sebagai Tuan atau Otoriti yang unggul (bandingkan dengan Efesus 6:5-9).

Perhatikan Hal ini: Apakah kesan akan terjadi dengan hubungan saya dengan majikan saya ke atas mereka yang memerhatikan kelakuan harian saya sebagai orang percaya?

II. Contoh Daripada Kristus (*Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 2:21-25*.)

Petrus menegaskan para pembacanya yang telah menanggung penderitaan untuk melakukan yang baik, telah dipanggil untuk mengikut contoh daripada Kristus - yang telah menderita bagi mereka sementara melakukan kebaikan. “Ia tidak berbuat dosa, dan tipu tidak ada dalam mulut-Nya” (1 Pet.2:22). Petrus memetik daripada kitab Yesaya 53:9 sebagai bukti bahawa Kristus telah melakukan yang baik, tambahan pula, “Ketika Ia dicaci maki, Ia tidak membalas dengan mencaci maki; ketika Ia menderita, Ia tidak mengancam, tetapi Ia menyerahkannya kepada Dia, yang menghakimi dengan adil” (1 Pet. 2:23). Kemudian Petrus meminjam sekali lagi nubuatan tentang Mesias dalam Yesaya 53, mengakhiri suratnya pada ayat 24, “ ‘Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuh-Nya di kayu salib, supaya kita, yang telah mati terhadap dosa, hidup untuk kebenaran. Oleh bilur-bilur-Nya kamu telah sembuh.’ ”

Korban gantian yang Yesus lakukan bagi kita, maka terletak pada kita satu obligasi untuk berkelakuan baik seperti kerendahan hati yang Dia lakukan, demikian juga kita siap sedia untuk menderita untuk melakukan apa yang benar. Rasional Petrus dalam 1 Petrus 2:25, menjelaskan bahawa sekalipun pada masa lalu kita seperti kambing yang

sesat, maka sekarang telahpun kembali kepada Gembala atau Pengawas jiwa-jiwa kita, maka obligasi kita adalah mengikuti jejak langkahNya, sama seperti kambing lakukan apabila mereka mempunyai hubungan yang amat bermakna dengan gembala.

Perhatikan Hal Ini: Yesus dapat bertahan daripada penderitaan dengan cara mengekalkan fokusNya kepada tujuan (Ibrani 12:2). Apakah tujuan dapat membantu kita agar berjaya bertahan sama seperti Dia yang telah berjaya bertahan?

III. Hubungan Suami Isteri (*Imbas bersama 1 Petrus 3:1-7*)

Melanjutkan tema kepatuhan kepada autoriti yang sudah ditetapkan, kini Petrus tujukan kepada para isteri, dia mengarahkan mereka agar patuh kepada suami mereka. Nasihat ini bersamaan sekali dengan nasihat yang diberikan oleh Paulus dalam Efesus 5:22-33 dan dalam Kolose 3:18, 19. Cuma di sini Petrus merangkumkan isteri-isteri yang suami mereka bukan di kalangan orang percaya, dengan penerapan yang lebih meluas. Dia mengusulkan bahawa suami-suami yang bukan orang percaya mungkin mereka juga tanpa perkataan dimenangkan oleh kelakuan isteri mereka, jika mereka melihat, bagaimana murni dan salehnya hidup isteri mereka itu (1 Petrus 3:1, 2).

Seterusnya Petrus membincangkan kecantikan tabiat orang-orang Kristian - "berbudi bahasa dan roh penyabar" (1 Petrus 3:3, 4) - bahawa isteri-isteri harus menunjukkan yang bertentangan dengan perhiasan luaran keatas rambut, pakaian dan barang-barang kemas. Kemudian dia memetik contoh "perempuan-perempuan yang kudus dahulu" (1 Pet. 3:5) seperti Sarah. Isteri-isteri memberi penghormatan kepada suami mereka, taat dan tunjuk hormat dengan melakukan apa yang benar (1 Pet. 3:6). Akhir sekali, Petrus tujukan nasihatnya kepada para suami di mana "dengan cara yang sama" haruslah bertimbangrasa terhadap isteri-isteri mereka, melayani mereka "[dengan penuh kelembahlembutan dan kebijaksanaan serta menunjukkan akal budi berhubungan dengan pertalian perkahwinan], sebagai kaum yang lebih lemah! Hormatilah mereka sebagai teman pewaris dari kasih kurnnia, yaitu kehidupan, supaya doamu jangan terhalang" (! Pet. 3:7).

Perhatikan Hal ini: Ungkapan "sebagai kaum yang lebih lemah" dalam ayat 7 mengikut beberapa terjemahan, tidak merujuk kepada kelemahan fisik atau emosi. Ia merujuk kepada pinggan mangkuk yang indah-indah buaatannya. Kemungkinan pasti ia merujuk kepada bagaimana si lelaki harus melayani wanita, berkelakuan baik terhadap mereka seolah-olah mereka itu barangan seramik China yang sangat bernilai, yang harus dikendalikan dengan penuh waspada dan perhatian supaya ia tidak pecah tanpa sengaja. Ungkapan tersebut adalah penilaian positif ke atas nilai-nilai seorang isteri serta timbang rasa dan tingkah laku yang lemah lembut seharusnya dia (isteri) diperlakukan. Bagaimanakah kita menentukan nilai wanita dalam kehidupan kita?

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Bagaimana seharusnya kita menunjukkan hormat kepada penguasa sivil yang mungkin tidak bertatertib sepatutnya seharmonis dengan prinsip-prinsip dasar berbuat baik dan menghukum perbuatan salah?
2. Mengapa tidak sah disisi undang-undang untuk menggunakan 1 Petrus 2:18-20 sebagai percubaan untuk membela perhambaan?
3. Apakah perkara-perkara tertentu Petrus utarakan dalam perbincangannya terhadap perhubungan suami-isteri?

LANGKAH 3 - Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Apabila Petrus mengatakan "Hormatilah semua orang" 1 Pet. 2:17, dia mengenalpasti tiga kumpulan khusus selain daripada orang gaji dan tuan, suami dan isteri di mana dia tujukan secara khusus. Mereka ini adalah keluarga (orang percaya), maharaja, dan Tuhan. Tuhanlah peringkat teratas sekali serta ditakuti atau menunjukkan hormat dan dimuliakan, termasuklah penyembahan. Maharaja atau raja, adalah mewakili peringkat yang tertinggi otoriti di atas bumi, dia itu akan dihormati melebihi penguasa sivil yang lain. keluarga orang-orang percaya adalah semua mereka yang mempunyai persamaan latar dengan kita sendiri, oleh kerana di dalam Kristus "Tidak ada orang Yahudi atau orang Yunani, tidak ada hamba atau orang merdeka, tidak ada laki-laki atau perempuan, kerana kamu semua adalah satu" (Gal. 3:28). Kita haruslah mengasihi gereja, keluarga beserta dengan korban kasih sendiri (agape?) tentang Tuhan dan Kristus. Bagaimanakah petunjuk tersebut meringkaskan niat Petrus?

Soalan Renungan:-

1. Mengapakah ia penting bagi seorang pekerja beriman untuk mematuhi sepenuhnya hanya kerana hormat kepada boss atau majikan sekalipun seorang yang kasar dan tidak adil, atau kepada seorang yang baik dan bertimbang rasa?
2. Bagaimanakah saya berkelakuan baik jika saya merasa bahawa saya telah dipanggil untuk mengikuti jejak langkah Yesus dalam penderitaan demi melakukan yang benar?

3. Bagaimanakah saya memfokus kepada kelakuan yang baik daripada perhiasan luaran sahaja? Bagaimanakah perempuan yang kudus masa lampau menjadikan diri mereka menarik menurut Petrus?

Aktiviti: Bincang bersama ahli kelas penderitaan khusus Kristus demi pembenaran dan cara-cara di mana kita boleh mengikuti jejak langkahNya.

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Dalam perbincangan Petrus tentang ketaatan kepada satu dengan yang lain (Efe. 5:21-6:9), semua empat contoh-contoh bagaimana seseorang itu terlibat dalam perhubungan di mana kepatuhan adalah satu-satunya cara dan tidak ada timbal balik: para isteri dan para suami, gereja kepada Kristus, kanak-kanak kepada ibubapa dan orang gaji atau hamba kepada tuan mereka. Suami tidak pernah diarahkan untuk patuh kepada isteri, demikian juga Kristus kepada gereja atau ibubapa kepada anak-anak atau tuan/majikan kepada orang gaji/hamba. Kekuasaan dan kepatuhan berlaku hanya satu arah. Prinsip ini menyerap dalam Alkitab dan sampai ke Syurga (1 Kor. 11:3), dalam ertikata yang lain – kepada kekekalan (1 Kor. 15:28).

Aktiviti: Minta ahli kelas melukis carta tentang perhubungan daripada Alkitab yang melibatkan otoriti dan kepatuhan kepada pemerintah, termasuklah di antara saksama manusia, di antara bumi dan Syurga serta di kalangan Keluarga Syurgawi. Catatkan petikan alkitabiah yang menyatakan hubungan tersebut. Perhatikan bagaimana mereka cocok dengan bentuk perhubungan seperti yang dikenalpasti oleh Petrus dalam pelajaran minggu ini.

PELAJARAN 5 | 22-28 April

Hidup Bagi Tuhan

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu Ini: 1 Pet. 3:8-12; Gal. 2:10; 1 Pet. 4:1, 2; Roma 6:1-11; 1 Pet. 4:3-11; 2 Sam.11:4.

Ayat Hafalan: “Sebab mata Tuhan tertuju kepada orang-orang benar, dan telingaNya kepada permohonan mereka yang minta tolong, tetapi wajah Tuhan menentang orang-orang yang berbuat jahat.” (1 Pet. 3:12).

Penulis-penulis Alkitab mengetahui hakikat keberdosaan manusia. Bagaimana mungkin mereka tidak tahu? Dunia berbau busuk dengan dosa. Di samping itu, mereka juga tahu kejahatan mereka (lihat 1 Tim. 1:15). Mereka juga tahu betapa serius akibatnya. Lihat sahaja akibatnya – salib Yesus Kristus – menyelesaikan masalah dosa. Demikianlah betapa dalam dan meresap hakikat dosa sebenarnya.

Tetapi, penulis-penulis Alkitab juga benar-benar sedar tentang kuasa Kristus untuk mengubah kehidupan kita dan seterusnya menjadikan kita baharu di dalam Dia.

Minggu ini, Petrus meneruskan di landasan yang sama ini: jenis kehidupan yang baharu di mana umat-umat Kristian akan perolehi di dalam Kristus selepas mereka menyerahkan diri mereka sendiri kepada Dia dan setelah dibaptis. Sebenarnya, perubahan itu sungguh luarbiasa di mana orang lain boleh melihat hasilnya. Petrus tidak berkata bahawa perubahan ini selalunya mudah; sesungguhnya, dia berkata mengenai keperluan untuk menderita di dalam daging (1 Pet. 4:1) agar mendapatkan kemenangan yang dijanjikan kepada kita.

Petrus meneruskan tema yang terbentang di seluruh Alkitab, hakikat kasih di dalam kehidupan umat percaya di dalam Yesus. Sebab “kasih,” dia menulis, “menutupi banyak sekali dosa” (1 Pet. 4:8). Apabila kita mengasihi dan mengampuni, kita memantulkan apa yang Yesus telah lakukan dan masih melakukan bagi kita.

**Pelajarilah Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada Sabat, 29 April.*

AHAD 23 April

Menjadi “Sefikir”

Baca 1 Pet. 3:8-12. **Apakah satu perkara yang Petrus letakkan di sini tentang bagaimana umat kristian harus hidup? Apa pula yang diulangnya seperti yang dia telah tulis dalam 1 Pet. 2:20, 21?**

Petrus memulakan pemberitahuannya kepada semua mereka menjadi “satu fikiran” (homophrones). Dia tidak bercakap tentang keseragaman, dalam hal semua orang fikirkan, lakukan dan percaya pada cara yang sama. Contoh yang paling baik tentang ide ini terdapat dalam 1 Korintus 12:1-26, di mana Paulus menunjukkan bahawa sama seperti tubuh yang terdiri daripada beberapa bahagian, seperti tangan dan mata, tetapi masih mempunyai kesatuan intrinsik, demikian juga gereja, terdiri daripada orang-orang individu dengan kurnia talenta yang berlainan. Namun, sekalipun dengan pelbagai perbezaan tersebut, mereka ada kesatuan tujuan dan rohani dari segi tugas bersama agar membentuk komuniti yang bersatu.

Sudah tentu, kesatuan seperti ini tidak selalunya mudah, sebagaimana sejarah gereja Kristian perlihatkan dengan meluas (dan menyedihkan). Bagaimanapun, sebaik selepas nasihat tersebut, dia beritahu pembacanya bagaimana mereka dapat menyata dan melahirkan umat Kristian yang ideal.

Sebagai contoh, umat Kristian harus bertindak penuh dengan simpati (1 Pet. 3:8). Simpati bermaksud bahawa apabila seorang Kristian menderita, maka semua yang lain juga menderita bersama mereka; apabila umat Kristian lain bergembira, umat Kristian yang lain juga turut bergembira bersama mereka (bandingkan dengan 1 Kor. 12:26). Simpati membolehkan kita untuk melihat perspektif orang lain. Satu langkah penting yang berterusan bagi kesatuan. Kemudian, Petrus berkata, kita harus “mengasihi saudara-saudara” (1 Pet. 3:8). Yesus sendiri mengatakan bahawa satu cara anda mengenali murid-murid yang sebenar ialah bahawa mereka saling mengasihi (Yoh. 13:15). Selanjutnya, Petrus berkata bahawa umat Kristian akan ada kerendahan hati (1 Pet. 3:8). Mereka harus ada belas kasihan terhadap berbagai kesulitan dan kegagalan di antara satu dengan yang lain.

“Menyalib diri sendiri, menghargai orang lain lebih daripada diri sendiri. Demikianlah anda akan dituntun kepada kesatuan dengan Kristus. Di hadapan langit alam semesta, di hadapan gereja dan dunia, anda akan menjadi saksi nyata bahawa anda adalah anak-anak lelaki dan perempuan Tuhan. Dia akan dipermuliakan dalam contoh yang anda tunjukkan.” – Ellen G. White, *Testimonies for the Church*, vol. 9, ms. 188.

Berapa kerapkah kita lakukan seperti yang Petrus katakan di sini, khususnya bahagian: “janganlah membalas kejahatan dengan kejahatan” (1 Pet. 3:9). Apakah jenis kematian sendiri harus kita alami agar dapat mengikuti kata-kata tersebut? Bagaimana kita memperoleh jenis kematian seperti itu? (Lihat Galatia 2:20).

ISNIN 24 April

Menderita Dalam Daging

Ya, Yesus mati untuk dosa-dosa kita dan pengharapan keselamatan kita hanya terdapat di dalam Dia; di dalam pembenaranNya, yang melindungi kita serta menyebabkan kita dianggap benar pada kaca mata Tuhan. Oleh kerana Yesus, anda “diterima di hadapan Tuhan seolah-olah anda tidak ada dosa.” – Ellen G. White, *Steps to Christ*, ms. 62.

Kasih kurnia Tuhan tidak berakhir hanya dengan pengucapan, pengisytiharan bahawa dosa-dosa kita telah diampuni. Tuhan juga memberi kuasa untuk mengalahkan setiap dosa.

Baca 1 Petrus 3:18, 21; 4:1, 2, demikian juga Roma 6:1-11. Apakah kaitan di antara penderitaan dan kemenangan ke atas dosa?

Terdapat perkataan dalam Bahasa Greek yang tidak begitu penting digunakan dalam 1 Petrus 3:18, ia menekankan pengertian lebih luas tentang sifat pengorbanan Yesus. Perkataan tersebut ialah *hapax*, yang bermaksud “semua sekali.” Petrus menggunakan *hapax* untuk menekankan pengertian lebih luas sifat penderitaan Yesus dan kematianNya bagi kita.

Frasa “jadi, kerana Kristus” dalam 1 Petrus 4:1 berkaitan dengan 1 Petrus 4:1, 2 dengan yang baharu sahaja dikatakan di dalam 1 Pet. 3:18-22. Dalam ayat-ayat awal, Petrus menunjukkan bahawa Kristus menderita bagi dosa-dosa kita supaya Dia dapat membawa kita kepada Tuhan (1 Pet. 3:18), dan bahawa “baptisan juga menyelamatkan kita sekarang ini” (1 Pet.3:21).

Jadi, baptisan mungkin cara terbaik untuk menolong kita untuk memahami kata-kata Petrus “...kerana barangsiapa telah menderita penderitaan badani, ia telah berhenti berbuat dosa” (1 Pet. 4:1). Dengan baptisan, umat Kristian mengambil bahagian di dalam penderitaan, kematian dan kebangkitan Yesus; umat Kristian telah membuat pilihan “supaya waktu yang sisa jangan kamu pergunakan menurut keinginan manusia, tetapi menurut kehendak Tuhan” (1 Pet. 4:2). Perkara ini boleh dicapai hanya dengan penyerahan diri sendiri setiap hari kepada Tuhan dan menyalibkan “daging dengan segala hawa nafsu dan keinginannya” (Gal. 5:24).

Dalam Roma 6:1-11, Paulus berkata bahawa pada baptisan umat-umat Kristian adalah bersatu dengan Yesus di dalam kematian dan kebangkitanNya. Pada baptisan juga, kita telah mati dengan dosa. Sekarang, kita mahu bahawa kematian ke atas dosa menjadi nyata dalam kehidupan kita. Kata-kata Paulus, “demikianlah hendaknya kamu memandangnya: bahawa kamu telah mati bagi dosa, tetapi kamu hidup bagi Tuhan dalam Kristus Yesus” (Roma 6:11), menjadi rahsia kepada kehidupan umat Kristian.

Bilakah anda dapati diri anda “menderita di dalam daging” kali yang terakhir, supaya dapat bertarung menentang dosa? Apakah yang anda boleh katakan tentang kehidupan Kristian anda?

SELASA 25 April

Dilahirkan Kembali

Kita ada kehidupan baharu dan permulaan yang baharu di dalam Yesus. Kita telah dilahirkan kembali. Jika sekiranya perkara ini mempunyai makna sesuatu, terutama sekali kepada mereka yang menerima Kristus selepas alam kanak-kanak, ia seharusnya bermakna bahawa mereka hidup berlainan dengan cara kehidupan mereka dahulu. Siapa yang tidak pernah mendengar cerita luarbiasa tentang mereka yang, setelah hidup menurut cara dunia, mengalami perubahan radikal kerana Yesus dan kurnia keselamatanNya?

Sesungguhnya, setelah bercakap tentang kematian sendiri dan kehidupan yang baharu terdapat di dalam Yesus (telah dibaptis kepada kematian dan kebangkitanNya), selepas itu, Petrus bercakap tentang perkara perubahan yang akan dialami.

Baca 1 Petrus 4:3-6. Apakah perubahan akan berlaku di dalam kehidupan seseorang dan bagaimana sambutan orang lain terhadap perubahan tersebut?

Tiga istilah Petrus gunakan berhubung dengan penyalahgunaan alkohol, “anggur berlebihan,” “kemabukan,” “pesta pora,” dan “perayaan,” “terlalu banyak minum.” Untuk menggunakan susunan kata moden, satu hari pertemuan telah berakhir. Sebenarnya, menurut Petrus, perubahan yang dialami oleh orang Kristian haruslah cukup hebat supaya mereka yang mengetahui kehidupan yang lalu, orang Kristian akan “hairan” bahawa dia, lelaki atau perempuan, tidak lagi mengambil bahagian ketidaksenonohan yang sama (1 Pet. 4:4). Oleh itu, di sini kita dapat melihat satu peluang untuk bersaksi kepada orang bukan percaya tanpa berkhotbah. Kehidupan umat Kristian yang mengasihi Tuhan boleh menjadi lebih daripada sekadar saksi berbanding dengan semua khutbah di dunia.

Apakah yang Petrus katakan di dalam teks tersebut mengenai penghakiman?

Seperti terdapat di tempat lain dalam Alkitab (Yoh. 5:29; 2 Kor. 5:10; Ibr. 9:27), Petrus menjelaskan bahawa pada suatu hari akan ada pengadilan ke atas semua perbuatan “di dalam daging” (1 Pet. 4:2). Apabila Petrus bercakap tentang injil harus “dikhotbahkan juga kepada orang mati” (1 Pet. 4:6), sebenarnya dia berkata bahawa pada masa lampau pun, mereka sekarang sudah meninggal, semasa mereka masih hidup, satu peluang untuk mengetahui kurnia keselamatan Tuhan. Oleh itu, Tuhan juga akan mengadili mereka dengan adil.

Sebagai orang yang percaya kepada Yesus, bagaimana perbezaan kehidupan anda berbanding dengan kehidupan anda sebelum percaya akan Dia? Apakah perbezaan yang Yesus lakukan di dalam hidup anda?

RABU 26 April

Dosa-dosa Pada Daging

Dengan menyenaraikan perkara-perkara salah yang orang telah lakukan masa lampau, lalu mereka berhenti melakukannya selepas menjadi orang percaya di dalam Yesus, Petrus juga senaraikan apa yang akan dipanggil “dosa seksual.”

Baca 1 Petrus 4:3 sekali lagi. Apakah lagi yang disenaraikan oleh Petrus?

Dua perkataan mempunyai perbezaan maksud tambahan: “sundal” (*aselgia* yang bermaksud “berhawa nafsu”) dan “hawa nafsu kuat” (*epithumia*, yang bermaksud “hawa nafsu kuat” atau “keinginan kuat”).

Namun, semuanya sangat mudah bagi umat Kristian menyatakan tanggapan yang salah tentang ciri-ciri seks. Alkitab tidak bertentangan dengan seks. Sebaliknya, Tuhan cipta seks dan Dia berikan ciri-ciri seks kepada manusia sebagai satu berkat yang indah. Ciri-ciri seks ada sejak permulaan di Taman Eden. “Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging.

Mereka keduanya telanjang, manusia dan isterinya itu, tetapi mereka tidak merasa malu” (Kej. 2:24, 25). Itulah yang akan menjadi salah satu kunci komitmen perhubungan sepanjang hidup suami isteri. Ia akan mengukir latar yang sangat indah dalam memelihara anak-anak. Hubungan intim dan rapat ini juga akan memantulkan apa yang Tuhan kehendaki daripada umat-umatNya. (*Lihat Jeremiah 3, Yehezkiel 16 dan Hosea 1-3*).

Ciri-ciri seks adalah satu berkat yang mendalam di antara suami isteri pada tempat yang betul. Sebaliknya, pada konteks yang salah dan pada tempat yang salah, ia akan menjadi satu daripada kuasa pemusnah terbesar dalam dunia. Akibat daripada pembinasaan di sini dan sekarang oleh dosa-dosa tersebut adalah di luar jangka manusia. Siapa di antara kita tidak mengetahui tentang kehidupan yang hancur kerana dengan menyalahgunakan hadiah yang sangat indah ini?

Apakah persamaan yang terdapat dalam ayat-ayat berikut? 2 Sam. 11:4; 1 Kor. 5:1; Kej. 19:5; 1 Kor. 10:8.

Sudah tentu, kita tidak memerlukan Alkitab untuk mengetahui cerita kesakitan dan penderitaan yang disebabkan oleh dosa-dosa ini. Namun, kita harus berhati-hati juga. Sudah tentu, dosa-dosa seperti ini boleh memberi kesan negatif yang hebat ke atas manusia, masyarakat tidak menyukai dosa ini dan orang yang melakukannya. Tetapi, dosa tetap dosa dan kematian Kristus menutupi dosa seks juga. Sebagai umat Kristian, anda perlulah berhati-hati, terutama sekali dalam bidang sensitif ini. Anda perlu memastikan supaya anda “keluarkanlah dahulu balok dari matamu, maka engkau akan melihat dengan jelas untuk mengeluarkan selumbar itu dari mata saudaramu” (Lukas 6:42).

KHAMIS 27 April

Kasih Menutup Semuanya

Pada zaman Petrus sekalipun, umat Kristian hidup dengan mengharapkan Yesus akan datang segera serta mengharapkan dunia ini akan segera berakhir. Kita tahu kerana dalam 1 Petrus 4:7 dia menulis: “Kesudahan

segala sesuatu sudah dekat. Kerana itu kuasailah dirimu dan jadilah tenang, supaya kamu dapat berdoa." Dalam kata lain, siap sedialah untuk hari terakhir. Pada satu hal yang nyata juga, "terakhir" sejauh yang kita tahu, tidak pernah melebihi masa sedetikpun selepas kematian kita. Mata kita tertutup dalam kematian, sama ada ribuan tahun telah berlalu atau hanya beberapa hari – yang kita tahu selanjutnya ialah kedatangan Yesus yang kedua kali dan dunia akan berakhir.

Menurut Petrus, oleh kerana "kesudahan segala sesuatu" sudah dekat, bagaimanakah umat Kristian harus hidup? Lihat 1 Petrus 4:7-11.

Disamping begitu serious dan sentiasa berjaga-jaga dalam doa, umat Kristian harus "kasihilah sungguh-sungguh seorang akan yang lain, sebab kasih menutupi banyak sekali dosa" (1 Petrus 4:8).

Apakah yang dia maksudkan? Bagaimana kasih itu menutupi dosa? Kuncinya terdapat di dalam ayat yang Petrus kutip, Amsal 10:12, kita baca: "Kebencian menimbulkan pertengkaran, tetapi kasih menutupi segala pelanggaran." Apabila kita mengasihi seorang dengan yang lain, kita bertambah-tambah bersedia dan mudah mengampuni mereka yang menyakiti kita atau melukakan hati kita. Kasih Yesus menuntun Dia untuk mengasihi kita; sebab itu, kasih kita harus menuntun kita untuk mengasih orang lain. Di mana kasih berlimpah, kesalahan-kesalahan kecil atau besar, dapat dilupakan dengan mudah.

Sudah tentu Petrus meluahkan idea yang sama dengan yang Yesus dan Paulus katakan, mengatakan bahawa seluruh hukum itu dapat diringkaskan dalam obligasi mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan mengasihi jiran kita seperti mengasihi diri sendiri (Mat. 22:34-39; Roma 13:8-10).

Petrus juga menyarankan umat Kristian supaya memberi layanan baik kepada orang lain. Kedatangan kedua kali itu mungkin sudah dekat, namun, umat Kristian tidak seharusnya menghindari perhubungan baik dengan masyarakat hanya kerana perkara tersebut. Akhirnya, apabila umat Kristian berkata, mereka mesti melakukan demikian seperti mereka yang telah mengucapkan firman Tuhan. Dalam kata lain, kesungguhan pada masa menyeruh agar komunikasi serious terhadap kebenaran kerohanian.

"Kasih akan menutupi timbunan dosa-dosa." Siapa yang telah berdosa terhadap anda? Bagaimana anda menyatakan kasih yang diperlukan agar dapat "menutupi" dosa tersebut? Mengapa hal itu menjadi satu-satunya peluang anda untuk melakukannya?

JUMAAT 28 April

Renungan Selanjutnya: "Kasih yang sabar dan baik hati tidak membuat kesalahan yang kecil kelihatan terlalu besar sehingga menjadi suatu kesalahan yang tidak boleh diampuni, atau menjadikannya modal bagi kesalahan orang lain. Injil jelas mengajar bahawa kesalahan tersebut harus dikendalikan dengan penuh kesabaran dan pertimbangan. Jika jalan yang betul diikuti, hati yang keras boleh dimenangi kepada Kristus. Kasih Yesus menutupi sejumlah besar dosa. AnugerahNya tidak pernah menuntun kepada pendedahan kesilapan orang lain, kecuali ia adalah keperluan positif." – Ellen G. White, *Counsels to Parents, Teachers, and Students*, ms. 267.

Fikir sejenak satu contoh, tentang Yesus dan wanita yang didapati berzina (Yoh. 8:1-11). Biasanya kita melihat kepada perkara ini cuma satu cerita tentang anugerah Kristus kepada wanita yang telah jatuh dan sememangnya benar. Tetapi, terdapat elemen yang lebih dalam juga. Berhadapan dengan pemimpin-pemimpin agama, yang membawa wanita itu kepada Yesus, mengapakah Yesus menulis "rahsia kesalahan dalam hidup mereka sendiri" (Ellen G. White, *The Desire of Ages*, ms. 461) di atas debu, di mana perkataan-perkataan tersebut akan mudah hilang? Mengapa Yesus tidak menyalahkan mereka dengan secara terbuka, mengumumkan di hadapan semua orang apa yang Dia tahu mengenai dosa-dosa mereka, yang mungkin sama teruk atau lebih teruk berbanding dengan kesalahan wanita tersebut? Sebaliknya, Yesus menunjukkan kepada mereka bahawa Dia mengetahui sifat hipokrit dan kejahatan mereka, namun, tidak mahu mendedahkan kepada orang lain. Barangkali, inilah cara Yesus yang tersendiri untuk menjangkau orang-orang seperti itu – menunjukkan kepada mereka, Yesus tahu tujuan mereka dan seterusnya memberi mereka peluang untuk diselamatkan. Satu pelajaran yang sangat berkuasa untuk kita bila kita berhadapan dengan mereka yang berdosa.

Soalan Perbincangan:

1. Renung semula soalan tentang kesatuan sebagai bertentangan dengan keseragaman. Apakah terdapat beberapa bahagian di mana kita perlukan kesatuan fikiran yang sepenuhnya agar dapat berfungsi sebagai gereja? Jika demikian, apakah perkara tersebut dan bagaimana kita ketahui keperluan keseragaman tersebut? Sebagai perbezaan, apakah beberapa bidang di mana pelbagai pendapat tidak membinasakan melainkan, sebenarnya, akan membantu?
2. Apakah yang anda alami sendiri berhubung dengan konsep keperluan "menderita di dalam daging" agar dapat berhenti daripada berbuat dosa? Apakah maksudnya? Apakah kuasa Tuhan dapat mengubah kehidupan kita agar lebih bermakna secara otomatik, sehingga kita tidak menderita di dalam daging demi mendapatkan kemenangan? Jika tidak, mengapa?

3. Perhatikan sekeliling tentang kebiasaan kehidupan begitu banyak yang dihasilkan oleh alkohol. Sebagai gereja, apakah yang kita perlu lakukan untuk membantu orang lain agar mereka dapat melihat bahaya dadah tersebut? Apakah yang kita perlu lakukan agar orang-orang muda kita sedia maklum tentang kesilapan mungkin sekalipun sekadar untuk mengalami benda tersebut, akhirnya mereka mengalami kerugian yang dahsyat?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 3:8, 9; 4:7, 8

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Memahami bahawa hidup dalam kehidupan kasih mengasihi, harmoni, kerendahan hati dan bersimpati merupakan keutamaan bagi setiap orang percaya.

Merasakan: Menyedari tanggungjawab mencontohi kehidupan Yesus untuk dibahagikan kepada orang lain.

Melakukan: Memilih untuk menerima panggilan Kristus untuk hidup bersama dengan prinsip-prinsip kerajaan Tuhan, di mana kasih adalah prinsip dasar dan utama.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Kehidupan dan Penyayang

- A. Apakah lima perkara mustahak “akhirnya” Petrus perintahkan kepada para pembacanya dalam 1 Petrus 3:8?
B. Apakah tiga lagi perkara tambahan dalam 1 Petrus 4:7, 8 memandangkan fakta bahawa masa akhir untuk semua perkara sudah dekat? Mana satukah “yang terutama”?

II. Merasakan: Mengalami Belas Kasihan Kristus

- A. Apakah yang perlu agar dapat mengalami simpati, kasih dan belas kasihan terhadap orang lain (1 pet. 3:8)?
B. Apakah yang dimaksudkan “kasihilah sungguh-sungguh seorang akan yang lain” (1 Pet. 4:8)?

III. Melakukan: Menerima Panggilan Tuhan

- A. Untuk apakah Petrus mengatakan (dalam 1 Pet. 3:9) kita telah dipanggil, supaya memperoleh berkat?
B. Dalam konteks apakah Petrus perintahkan para pembaca mempunyai fikiran yang tenang serta penguasaan diri supaya mereka dapat berdoa (1 Pet. 4:7)?

Kesimpulan: Petrus merayu agar para pembaca, dalam konteks pengadilan yang tidak lama lagi, untuk hidup dalam kehidupan yang diukur oleh kehidupan Kristus, menjadi contoh dalam kasih, simpati, kerendahan hati, harmoni dan belas kasihan, di antara ciri-ciri sifat yang baik Petrus beri pujian kepada para pembacanya. Dalam pandangannya untuk mencontohi standard ini sebagai panggilan Tuhan dalam kehidupan Kristian, akhirnya memperoleh berkat Tuhan.

Cara Pembelajaran

LANGKAH I - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 4:1, 2

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Yesuslah Contoh kita dalam semua perkara. Penderitaan yang Dia alami membolehkan Dia untuk mengalahkan dosa (bandingkan dengan Ibrani 2:10; 5:8, 9). Penderitaan kita juga bagi pihak Yesus akan membolehkan kita mengatasi dosa, jika kita belajar melalui pengalaman-pengalaman. Petrus menyatakan, “Kerana barangsiapa telah menderita penderitaan badani, ia telah berhenti berbuat dosa” (1 Pet. 4:1). Pengalaman pertumbuhan ini jelas sekali dalam konteks melakukan apa yang benar (1 Pet. 2:20, 21; 3:14, 17). Seseorang itu tidak menderita dengan melakukan apa yang benar sementara pada masa sama masih menghidupkan tabiat berdosa. Hanya orang yang komited untuk menghindari dosa daripada kehidupan yang rela untuk menderita demi melakukan apa yang benar. Peringatan ini seharusnya menjadi pendorong kepada mereka, para pembaca surat Petrus yang mengalami penderitaan oleh kerana ketaatan atas suatu keyakinan.

Hanya Untuk Guru: Banyak perbincangan telah dilakukan ke atas konteks penderitaan yang dimaksudkan oleh Petrus. Apakah ia hanya salah laku lisan, fitnah dan kata-kata dengki? Atau adakah ia melibatkan penderaan badani juga? Poin Petrus tidak fokus kepada jenis penganiayaan tetapi sebab-sebab penganiayaan. Karen Jobes membuat kenyataan bahawa bagi Petrus, “Halatuju Kristus adalah halatuju umat Kristian.” Mengenai dengan sebab berlaku penganiayaan, dia perhatikan, “Rasul tersebut sangat teliti membatasi jenis-jenis penderitaan memandangkan kepada penyebab penganiayaan tidak ada lain selain daripada kerana nama Kristus (4:14-16).” – *1 Peter (Grand Rapids, Mich.: Baker Academic, 2005), ms. 45.*

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas membaca 1 Petrus 3:13-17. Bincangkan apakah yang diharap-harapkan oleh Petrus daripada para pembacanya dalam hal kelakuan mereka sebagai saksi-saksi kepada mereka yang bukan orang percaya. Kunci utama kepada mereka adalah untuk “Kuduslah Kristus sebagai TUHAN” (1 Pet. 3:15) dalam hati mereka dan akan memelihara “hati nurani yang murni, supaya mereka, yang memfitnah kamu kerana hidupmu yang saleh dalam Kristus, menjadi malu kerana fitnahan mereka itu” (1 Pet. 3:16).

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Dalam fasal 3, ayat 8 dan 9 surat pertama, Petrus memasukkan perbincangannya mengenai bagaimana hidup dalam dunia; bermula seawal fasal 2 ayat 11. Diakhiri dengan ungkapan *de telos* (yang bererti “akhirnya,” “sebagai penutup,” atau “secara ringkasnya”), dia merayu kepada semua untuk hidup harmoni, simpati, penyayang, berbelas kasihan dan kerendahan hati. Orang-orang percaya tidak akan membalas jahat kepada kejahatan atau hina kepada penghinaan. Sebaliknya, mereka kembalikan berkat, kerana mereka telah dipanggil kepada jalan kehidupan agar mereka akan mewarisi berkat. Semua yang berikutnya, sehingga kepada “Amen” pada penutup 1 Petrus 4:1, termasuk dalam konteks ini.

Ulasan Alkitab

I. Mewarisi Berkat (*Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 3:8-12*)

Setelah mengatakan hidup seperti Kristus hidup kepada para pembacanya, Petrus memetik daripada buku Mazmur 34:12-16 untuk menjelaskan bagaimana seseorang akan mewarisi berkat sekalipun berhadapan dengan pertentangan daripada mereka yang jahat. Rahsianya dua serangkai: pertama, seseorang harus berbalik daripada bercakap dan melakukan kejahatan, sebaliknya, melakukan kebaikan dan mengejar keamanan (1 Pet. 3:10-11). Kedua, seseorang itu harus yakin bahawa TUHAN yang mendengar segala doa orang benar dan membela mereka menentang orang-orang yang membuat kejahatan (1 Pet. 3:12). Penulis Mazmur 34 iaitu Daud, sementara dia melarikan diri daripada mereka yang cuba membinasakan dia, telah mempelajari bagaimana dia mempunyai keyakinan kepada Tuhan serta membalas kebaikan ke atas kejahatan. Bacalah seluruh kitab Mazmur mengenai peristiwa dan pengalaman lamanya tentang layanan baik kepada musuhnya – Raja Saul, demikian juga dengan berkat-berkat yang diwarisinya.

Perhatikan Hal ini: Apakah yang saya akan lakukan di dalam hubungan saya dengan Tuhan untuk menuntun kepada mewarisi berkat?

II. Baptisan: Kematian Tubuh Badan, Kehidupan Di dalam Roh (*Imbas bersama 1 Pet. 3:18-22*).

Petikan yang sukar ini menghendaki agar kita tidak hilang tumpuan tentang poin dasar memandangkan isu bersinggungan (berkait satu sama lain) yang diperkenalkan oleh Petrus. Kristus telah mati bagi dosa-dosa kita supaya akan membawa kita kepada Tuhan sementara baptisan mewakili kematian kita kepada dosa supaya membawa kita kepada kehidupan baru di dalam Roh. Melalui baptisan, kita mengambil bahagian dalam kematian Kristus, pemakaman dan kebangkitan kepada hidup baharu (bandingkan dengan Roma 6:3, 4). Baptisan menyelamatkan kita bukan kerana proses luaran dengan membersihkan kotoran daripada tubuh badan, tetapi, oleh kebangkitan Kristus dan komitmen kita agar mempunyai pengertian hati nurani yang jelas dalam pandangan Tuhan (1 Pet. 3:21, 22).

Bahagian yang sukar dalam petikan ini ialah dalam ayat 19 dan 20. Peristiwa Air Bah telah diperkenalkan supaya kiasan tentang bahtera Nuh sebagai simbol baptisan (1 Pet. 3:21). “roh-roh dalam tahanan” merujuk kepada kisah purba, “mereka yang dahulu pada waktu Nuh tidak taat kepada Tuhan, ketika Tuhan tetap menanti dengan sabar waktu Nuh sedang mempersiapkan bahteranya” (1 Pet. 3:20). Kristus mengkhutbahkan Injil dalam Roh “kepada mereka yang telah mati” melalui khutbah Nuh supaya terdapat dasar kepada pengadilan mereka (1 Pet. 4:6). Mereka disamakan sebagai roh-roh dalam tahanan kerana mereka secara kiasan ditahan atau ditentukan untuk penghukuman pada hari kiamat nanti (bandingkan dengan 2 Pet. 2:4, 9; Yudas 6; Wah. 20:1-3).

Perhatikan Hal ini: Bagaimana saya boleh respond kepada khutbah Kristus di dalam Roh melalui agen-agenNya? Apa yang saya boleh lakukan untuk bekerjasama dengan Tuhan demi memastikan bahawa respond saya berakhir dalam keselamatan, sebagai menentang kepada persediaan bagi penghakiman?

III. Kehidupan Dalam Pandangan Penghakiman *(Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 4:7-11)*

Petrus mengakhiri seksyennya dengan bagaimana hidup sebagai orang asing dan pendatang dalam dunia. Dia menghimbau kepada para pembacanya kepada kesedaran akan hari kiamat – kesedaran tentang kemungkinan berlaku penghakiman tidak lama lagi: “Akhir kepada segala sesuatu sudah dekat” (1 Pet. 4:7). Memandangkan penghakiman ini, Petrus merayu untuk mengekalkan kejelasan mental yang diperlukan dalam doa yang efektif, terutama sekali untuk mengasihi satu dengan yang lain. Dia memetik daripada Amsal 10:12, menyatakan bahawa kasih menutupi semua jenis dosa (bandingkan dengan Yakobus 5:20), yang bermaksud bahawa “Ia tidak pemaarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain [ia tidak pendendam]” (1 Kor. 13:5). Tuhan melayani orang percaya dengan kasih yang tidak berkekurangan. Oleh yang demikian, tanggungjawab kita ialah “Layanilah seorang akan yang lain, sesuai dengan kurnia yang telah diperoleh tiap-tiap orang sebagai pengurus yang baik dari kasih kurnia Allah” (1 Pet. 4:10). Pelayanan seperti ini akan diberikan “baiklah ia melakukannya dengan kekuatan yang dianugerahkan Tuhan, supaya Tuhan dimuliakan dalam segala sesuatu kerana Yesus Kristus” (1 Pet. 4:11).

Perhatikan Hal ini: Apakah bukti-bukti di dalam hidup saya menunjukkan bahawa kehidupan saya dapat merasakan kemungkinan penghakiman akan berlaku? Bagaimana saya akan hidup jika saya percaya setiap hari adalah yang terakhir?

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Apakah berkat-berkat yang kita telah terima oleh kerana kita telah lakukan apa yang benar dan beri kepercayaan kepada Tuhan atas akibatnya?
2. Menurut 1 Petrus 3:12 dan 4:7, apakah peranan yang dimainkan oleh doa dalam rayuan kepada orang-orang percaya untuk hidup dengan kesedaran kemungkinan akan berlaku penghakiman?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Umat Kristian selalu disalahfaham oleh tetangga serta masyarakat mereka. Pertemuan keagamaan mereka biasanya dianggap sebagai satu rahsia, kerana mereka bertemu pada rumah persendirian dan berbakti secara luarbiasa. Oleh kerana mereka makan “tubuh” dan minum “darah” Seorang yang mereka sembah dalam perayaan Perjamuan Suci, mereka dituduh pemakan daging manusia. Oleh kerana mereka memanggil seorang dengan yang lain “saudara lelaki” dan “saudara perempuan,” merayakan “pesta kasih,” mencium seorang dengan yang lain sama seperti satu keluarga dengan “ciuman kasih” (1 Pet. 5:14); mereka juga dituduh berlaku sumbang dan berbagai tabiat kejahatan yang tidak bermoral. Memandangkan kesalahfahaman tabiat ini, Petrus menghendaki orang-orang percaya untuk mewakili agama Kristian yang benar di hadapan jiran tetangga mereka supaya tidak ada ketidaksefahaman atau dasar tuduhan-tuduhan palsu. Kristus masih juga dihukum mati, sekalipun Dia didapati tidak bersalah daripada satupun perbuatan salah; orang-orang percaya harus jangan mengharap anda dilayan dengan lebih baik.

Soalan Renungan:-

1. Bagaimanakah saya merasa malu dengan tuduhan-tuduhan palsu terhadap kelakuan atau kepercayaan saya?
2. Bagaimana saya hidup dalam kesedaran terhadap kependekan hidup dan kemungkinan akan berlaku penghakiman tidak lama lagi?

Aktiviti: Minta ahli kelas membincangkan pandangan masyarakat tentang Seventh-day Adventist serta kemungkinan salah anggap tentang penganut-penganut Advent. Apakah langkah-langkah proaktif akan diambil untuk menghindar atau membetulkan salah faham sedemikian? Bagaimanakah kita menjadi wakil Kristus dan gerejanya dengan lebih efektif kepada komuniti tersebut?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Ramai orang yang bergumul dengan sikap penerimaan dalam masyarakat atau berhadapan dengan bencana dalam bentuk sosial lalu mendapati bahawa mereka berhadapan dengan isu-isu puji diri sendiri atau bahkan tekanan. Mereka yang pengkhususannya dalam bidang psikologi telah memerhatikan bahawa salah satu cara terbaik mengatasi isu-isu tersebut adalah menjangkau keluar dan melayani orang lain. Kegembiraan

dan kepuasan hati melayani orang lain – barangkali ada yang lebih parah daripada diri sendiri membekalkan bahan-bahan kimia yang tinggi bagi otak – seperti endorphin, dopamin dan oksitoksin – bahawa akan meningkatkan rasa keseronokan, kebahagiaan, kepuasan serta membantu menurunkan kesakitan dan tekanan. Keuntungan daripada memuji diri sendiri timbul apabila orang yang dilayani melahirkan penghargaan mereka. Nasihat Petrus untuk mengasihi satu dengan orang lain secara mendalam, menawarkan pelayanan terhadap orang lain tanpa mengharapkan pujian serta menggunakan apa sahaja kurnia daripada Tuhan untuk melayani orang lain, adalah yang terbaik selaras dengan tujuan menerima berkat-berkat yang dijanjikan.

Aktiviti: Galakkan ahli kelas untuk menyediakan sinarai tentang keperluan segera dan perintah-perintah yang dikehendaki dalam 1 Petrus 3:8-4:11; bersama dengan sinarai tersebut adalah tentang keuntungan-keuntungan dan berkat-berkat yang diharap-harapkan akan bertambah sebagai hasil daripada melaksanakan perintah-perintah tersebut. Bincangkan satu atau dua tindakan yang ahli kelas lakukan agar nasihat-nasihat dalam pelajaran ini dapat dilaksanakan.

Pelajaran 6 | 29 April – 5 Mei

Menderita Bagi Kristus

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu ini: 1 Pet. 1:6; 3:13-22; 2 Tim. 3:12; 1 Pet. 4:12-14; Wah. 12:17; 1 Pet. 4:17-19

Ayat Hafalan: “Sebab untuk itulah kamu dipanggil, kerana Kristus pun telah menderita untuk kamu dan telah meninggalkan teladan bagimu, supaya kamu mengikuti jejak-Nya” (1 Pet. 2:21).

Sejarah penganiayaan agama Kristian terkenal pada beberapa tahun abad pertama. Alkitab sendiri, terutama sekali dalam buku Kisah, memberikan bayangan sekilas kepada apa yang sedang menunggu gereja. Penganiayaan yang menyebabkan penderitaan juga jelas menjadi kenyataan dalam kehidupan umat Kristian. Petrus menulis surat kepada mereka.

Pada fasal pertama, komen Petrus adalah “Bergembiralah akan hal itu, sekalipun sekarang ini kamu seketika harus berdukacita oleh berbagai-bagai pencubaan. Maksud semuanya itu ialah untuk membuktikan kemurnian imanmu—yang jauh lebih tinggi nilainya dari pada emas yang fana, yang diuji kemurniannya dengan api—sehingga kamu memperoleh puji-pujian dan kemuliaan dan kehormatan pada hari Yesus Kristus menyatakan diri-Nya” (1 Pet. 1:6,7). Pada akhir-akhir komennya, dia juga menulis tentang hal yang sama: “Dan Tuhan, sumber segala kasih kurnia, yang telah memanggil kamu dalam Kristus kepada kemuliaan-Nya yang kekal, akan melengkapi, meneguhkan, menguatkan dan mengokohkan kamu, sesudah kamu menderita seketika lamanya” (1 Pet. 5:10).

Di dalam suratnya yang pendek ini, terdapat tidak lebih daripada tiga petikan tambahan kepada para pembacanya, berhubung dengan penderitaan bagi Kristus (1 Pet. 2:18-25); 3:13-21; 4:12-19). Oleh itu, kita dapat lihat bahawa penderitaan yang disebabkan oleh penganiayaan adalah tema utama 1 Petrus, dan kepada tema itulah pelajaran kita berpaksi.

**Pelajarilah pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 6 Mei.*

AHAD **10 April**

Penganiayaan Umat Kristian Yang Mula-mula

Baca 1 Petrus 1:6; 5:10. Apakah yang Petrus katakan dan bagaimana dia memberitahu para pembacanya untuk menyahut kepada apa yang mereka hadapi?

Untuk beberapa abad pertama, hanya kerana menjadi seorang Kristian boleh menyebabkan kematian yang mengerikan. Surat yang ditulis kepada Trajan, Maharaja Roma, menjelaskan betapa berbahayanya keselamatan bagi umat Kristian yang mula-mula. Surat tersebut datang daripada Pliny, Gabenor Pontus dan Bithynia; pada masa surat itu ditulis (TM 111-113), dua daripada wilayah yang dikatakan dalam 1 Petrus 1:1.

Pliny telah menulis surat kepada Trajan untuk memohon panduan berhubung dengan tuduhan kepada orang yang menjadi Kristian. Dia terangkan bahawa mereka yang mengaku bahawa mereka adalah Kristian telah dijatuhkan hukuman mati. Sementara orang lain, sekalipun mereka adalah Kristian pada mulanya, mengatakan bahawa mereka bukan lagi Kristian. Pliny benarkan mereka membuktikan ketidakbersalahan dengan memberitahu mereka persembahkan kemenyan kepada patung Trajan, tuhan-tuhan lain seterusnya mengutuk Yesus.

Menyembah maharaja yang masih hidup adalah satu praktis yang tidak lazim dilakukan di Roma, meskipun di bahagian sebelah timur Empayar Roma, di mana 1 Petrus dikirimkan, maharaja membenarkan dan kadangkadangkang menggalakkan pembinaan rumah ibadat mereka sendiri. Beberapa daripada rumah ibadat tersebut mempunyai imam mereka sendiri dan juga mezbah tempat korban dijalankan. Apabila Pliny mendapati umat Kristian menunjukkan kesetiaan mereka kepada Empayar dengan mempersembahkan kemenyan bakaran serta menyembah patung maharaja; praktis inilah yang dijalankannya untuk beberapa lama di Asia Kecil.

Pada abad pertama juga, terdapat masa-masa tertentu umat Kristian berhadapan dengan ancaman yang serious hanya kerana menjadi Kristian. Perkara ini benar khususnya di bawah pemerintahan Maharaja Nero (TM 54-68) dan Maharaja Domitian (TM 81-96).

Namun, penganiayaan yang digambarkan dalam 1 Petrus berlaku di tempat mereka sendiri sahaja. Contoh spesipik tentang penganiayaan yang Petrus katakan dalam sebahagian suratnya hanya sedikit, tetapi, barangkali mereka masukkan tuduhan-tuduhan palsu (1 Pet. 2:12) caci maki dan penghinaan (1 Pet.3:9; 4:14). Walaupun percubaan-percubaan itu hebat sekali, ia tidak kelihatan telah menyebabkan peminjaraan secara meluas atau kematian, sekurang-kurangnya pada waktu itu. Biarpun demikian, kehidupan sebagai seorang Kristian akan meletakkan para orang percaya bertentangan dengan undang-undang dan amalan di kalangan masyarakat yang lebih luas pada abad pertama. Juga, mungkin mereka akan menderita kerana kepercayaan mereka. Oleh itu, Petrus menyatakan kebimbangan yang serius ketika menulis suratnya yang pertama ini.

ISNIN

1 Mei

Penderitaan dan Contoh Daripada Yesus

Baca hingga ke akhirnya 1 Petrus 3:13-22. Bagaimana umat Kristian harus menyahut kepada mereka yang akan mendatangkan penderitaan oleh kerana iman mereka? Apakah hubungan di antara penderitaan Yesus dengan penderitaan yang dialami oleh orang percaya berdasarkan iman mereka?

Apabila Petrus berkata, “tetapi sekalipun kamu harus menderita juga kerana kebenaran, kamu akan berbahagia” (1 Pet.3:14), sebenarnya dia mengulangi kata-kata Yesus: “Berbahagialah orang yang dianiaya oleh sebab kebenaran” (Mat. 5:10). Kemudian Dia berkata lagi bahawa umat Kristian tidak seharusnya takut kepada mereka yang menyerang mereka, sebaliknya, mereka harus menguduskan (memuja) Kristus sebagai TUHAN di dalam hati mereka (1 Pet. 3:15). Pengakuan terhadap Yesus di dalam hati mereka akan dapat membantu bertahan daripada ketakutan yang dihadapi disebabkan oleh orang yang menentang mereka.

Dia juga mencadangkan bahawa umat Kristian harus sentiasa dapat menjelaskan pengharapan yang mereka ada, melakukan dengan cara merayu – dengan lemah lembut dan rasa takut (“takut” kadang-kadang diterjemahkan sebagai “menghormati”; lihat 1 Pet. 3:15, 16).

Petrus mengharapkan bahawa umat Kristian harus memastikan bahawa mereka tidak membekalkan orang lain dengan alasan untuk menyatakan kesalahan mereka. Mereka mesti menjaga hati nurani yang murni (1 Pet. 3:16). Inilah yang perlu, kerana akhirnya, mereka yang menyalahkan orang Kristian akan merasa malu disebabkan oleh kehidupan tidak bercela orang Kristian yang dipersalahkan.

Jelas sekali, tidak ada merit di dalam penderitaan sebagai pelaku kesalahan (1 Pet. 3:17). Sesungguhnya, penderitaan untuk melakukan kebaikan, untuk melakukan perkara yang baik yang menyebabkan perbezaan yang genting. “Sebab lebih baik menderita kerana berbuat baik, jika hal itu dikehendaki Tuhan, dari pada menderita kerana berbuat jahat” (1 Pet. 3:17).

Selepas itu Petrus menggunakan contoh daripada Yesus. Kristus sendiri menderita bagi kebenarannya; kekudusan dan kesucian hidupnya teguh dan tegas memberi amaran keras kepada mereka yang membenci Dia. Jikapun ada orang menderita kerana melakukan yang baik dan tidak bersalah, Dia adalah Yesus.

Namun, penderitaannya juga mendatangkan satu-satunya makna keselamatan. Dia mati menggantikan orang berdosa (“yang benar untuk orang-orang yang tidak benar,” (1 Pet. 3:18), supaya mereka yang percaya kepada Dia akan menerima janji hidup kekal.

Pernahkah anda menderita, bukan kerana anda telah melakukan kesalahan, tetapi, kerana anda melakukan yang baik? Apakah pengalaman dan apa yang anda pelajari tentang apa yang dimaksudkan sebagai Kristian serta untuk memantulkan karakter Kristus?

SELASA 2 Mei

Percubaan Berapi-api

Baca 1 Petrus 4:12-14. Mengapakah Petrus berkata bahawa mereka tidak perlu merasa terkejut dengan penderitaan mereka? Lihat juga 2 Tim.3:12; Yoh. 15:18).

Petrus menjelaskan bahawa untuk menderita penganiayaan kerana menjadi Kristian adalah untuk mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus. Ia bukanlah sesuatu yang tidak dijangka. Sebaliknya, seperti Paulus telah

tulis: "Memang setiap orang yang mahu hidup beribadah di dalam Kristus Yesus akan menderita aniaya" (2 Tim. 3:12). Yesus sendiri memberi amaran kepada pengikut-pengikutNya tentang sesuatu yang mereka hadapi: " 'Pada waktu itu kamu akan diserahkan supaya disiksa, dan kamu akan dibunuh dan akan dibenci semua bangsa oleh kerana namaKu, dan banyak orang akan murtad dan mereka akan saling menyerahkan dan saling membenci'" (Mat. 24:9, 10).

Menurut Ellen G. White: "Demikian juga dengan semua yang hidup saleh di dalam Yesus Kristus. Penganiayaan dan celaan menanti semua yang dipenuhi oleh Roh Kristus. Sifat penganiayaan akan berubah mengikut masa, tetapi, prinsipnya – semangat yang yang mendasarinya – tetap sama dengan yang telah yang telah membunuh mereka yang dipilih oleh Tuhan sejak zaman Habel." – *The Acts of the Apostles*, ms. 576.

Baca Wahyu 12:17. Apakah yang dikatakan mengenai kenyataan penganiayaan bagi umat Kristian pada akhir zaman?

Tanpa keraguan, bagi orang Kristian yang setia, penaniayaan boleh menjadi realiti yang sentiasa wujud, iaitu apa yang Petrus katakan di sini dalam mengamarkan para pembacanya tentang "pencubaan berapi-api" yang mereka hadapi.

Api adalah metafora yang baik. Api boleh menjadi pembinasakan, tetapi, ia juga boleh memurnikan kotoran. Ia bergantung kepada kepenggunaan api tersebut. Bangunan rumah boleh dimusnahkan oleh api; emas dan perak dapat dibersihkan olehnya. Sekalipun tiada seorangpun yang sengaja mendatangkan penganiayaan, Tuhan boleh mendatangkan kebaikan daripadanya. Sebab itulah Petrus memberitahu para pembacanya (juga kita): *Memang, penganiayaan itu jahat, tetapi, tidak perlu berputusasa oleh kerananya, anggaplah sebagai sesuatu yang tidak disangka-sangka. Maju ke hadapan dengan iman.*

Apakah yang kita boleh lakukan agar meninggikan semangat, mendorong dan seterusnya membantu mereka yang menderita dalam iman?

RABU

3 Mei

Pengadilan dan Umat Tuhan

Bandingkan 1 Petrus 4:17-19 dengan Yesaya 10:11, 12 dan dengan Maleaki 3: 1-6. Apakah persamaan di dalam ayat-ayat tersebut?

Dalam semua petikan ini, proses pengadilan menggambarkan seperti bermula dengan umat Tuhan. Petrus menghubungkan segala penderitaan para pembacanya dengan pengadilan Tuhan. Bagi dia, penderitaan-penderitaan yang dialami oleh para pembaca Kristian, mungkin tidak lebih dari hanya penghakiman Tuhan, di mana akan bermula dalam isi rumah Tuhan. "Kerana itu baiklah juga mereka yang harus menderita kerana kehendak Tuhan, menyerahkan jiwanya, dengan selalu berbuat baik, kepada Pencipta yang setia" (1 Pet. 4:19).

Baca Lukas 18:1-8. Bagaimana ayat-ayat tersebut membantu kita untuk memahami pengadilan Tuhan?

Pengadilan biasanya sesuatu yang sangat-sangat dikehendaki pada zaman alkitabiah. Gambaran ke atas janda miskin dalam Lukas 18:1-6 mengisahkan sifat terhadap pengadilan dengan lebih luas. Perempuan janda itu tahu bahawa dia akan beroleh kemenangan ke atas kesnya jika hanya dia mendapatkan hakim yang sanggup menangani kesnya. Dia tidak mempunyai wang yang cukup dan status untuk membawa kesnya ke muka pengadilan untuk didengar. Tetapi, akhirnya dia merayu agar hakim mendengar dan membuat keputusan apa yang setimpal dan patut dia terima. Seperti Yesus telah berkata, "Tidakkah Tuhan akan membenarkan orang-orang pilihanNya yang siang malam berseru kepadaNya?" (Lukas 18:7). Dosalah yang membawa masuk kejahatan ke dalam dunia, sementara umat-umat Tuhan menanti sepanjang zaman, sekian lama, bagi Tuhan untuk memulihkan kesejahteraan. " 'Siapakah yang tidak takut, ya Tuhan, dan yang tidak memuliakan namaMu? Sebab Engkau sahaja yang kudus; kerana semua bangsa akan datang dan sujud menyembah Engkau, sebab telah nyata kebenaran segala penghakimanMu' " (Wah. 15:4).

Fikirkan semua kejahatan yang telah berlaku di dunia dan sedang berlaku tanpa penghukuman. Maka, mengapakah konsep keadilan dan pengadilan Tuhan yang benar begitu penting bagi kita umat-umat Kristian? Apakah pengharapan yang akan anda peroleh daripada janji-janji bahawa keadilan kelak akan dilaksanakan?

KHAMIS 4 Mei

Iman Ditengah-tengah Pencubaan

Seperti yang kita lihat, Petrus menulis kepada orang-orang percaya yang menderita kerana iman mereka. Seperti yang telah ditunjukkan oleh sejarah Kristian, perkara hanya bertambah buruk, sekurang-kurangnya untuk sementara waktu. Sesungguhnya ramai orang Kristian pada tahun-tahun berikutnya mendapat kedamaian dan penghiburan dari apa yang Petrus telah tulis. Tidak syak lagi, hari inipun ramai yang mendapat penghiburan.

Mengapa ada penderitaan? Itu, sememangnya, satu persoalan sepanjang zaman. Buku Ayub adalah salah satu buku terdapat dalam Alkitab memuatkan masalah penderitaan sebagai tema. Sesungguhnya, jika ada seorang (selain daripada Yesus) yang sengsara bukan sebagai “pembunuh atau pencuri atau penjahat, atau pengacau” (1 Pet. 4:15), sudah pasti Ayub orangnya. Akhirnya, Tuhan sendiri berkata tentang Ayub: “ ‘Apakah engkau memperhatikan hambaKu Ayub? Sebab tiada seorangpun di bumi seperti dia, yang demikian saleh dan jujur, yang takut akan Tuhan dan menjauhi kejahatan?’ ” (Ayub 1:8). Namun, lihatlah apa yang Ayub yang malang itu telah tanggung, bukan kerana dia jahat, tetapi, disebabkan oleh kebbaikannya!

Bagaimanakah ayat-ayat ini dapat membantu untuk menjawab persoalan tentang asal mula penderitaan? 1 Pet. 5:8; Wah. 12:9; 2:10.

Jawapan ringkasnya ialah bahawa kita menderita kerana berada di tengah-tengah pertentangan besar di antara Yesus dengan Syaitan. Perkara ini bukan sekadar metafora atau hanya simbol kepada kebaikan dan kejahatan dalam kehidupan kita. Sememangnya kejahatan itu benar ada dan Yesus juga benar ada untuk melawan dalam pertempuran yang nyata bagi manusia.

Baca 1 Pet. 4:9. Bagaimanakah surat Petrus dapat membantu kita di dalam apa sahaja bentuk pergumulan yang kita hadapi sekarang ini?

Apabila kita berasa sengsara, terutama sekali apabila kesengsaraan itu *bukan* disebabkan akibat perbuatan salah kita secara langsung; menjadi kebiasaan kita mempersoalkan seperti soalan yang Ayub ajuhkan berulang-ulang: Mengapa? Seperti biasa, kita tidak mempunyai jawapan. Seperti Petrus katakan, apa yang kita boleh buat sekalipun di tengah-tengah penderitaan, ialah dengan menyerahkan jiwara kepada Tuhan, percaya kepada Dia sebagai “Pencipta yang setia” ke atas kita dan terus menerus “berbuat baik” (1 Pet. 4:19).

Mengapakah dengan mengetahui sifat Tuhan bagi diri sendiri; dengan mengetahui kebaikan dan kasihNya bagi pribadi anda, menjadi komponen penting bagi seorang Kristian, terutama bagi seseorang yang menderita? Bagaimanakah kita belajar untuk mengenali Tuhan dan kenyataan kebaikan tentang kasihNya?

JUMAAT

5 Mei

Renungan Selanjutnya: Pelajaran hari Ahad adalah tentang penganiayaan yang dihadapi oleh umat-umat Kristian. Berikut ini adalah kutipan penulis daripada surat Petrus kepada maharaja tentang penderitaan umat Kristian pada zaman awal abad: “...kaedah yang saya jalankan terhadap mereka yang telah diadakan kepada saya sebagai orang Kristian adalah ini: Saya menyoal siasat sama ada mereka Kristian; jika mereka mengaku, saya akan mengulang soalan tersebut dua kali lagi, dengan menambahkan ancaman hukuman mati; jika mereka masih mengambil ketetapan hati, saya arahkan mereka dihukum mati. Apapun sifat kepercayaan mereka, sekurang-kurangnya saya berasa tiada keraguan bahawa kedegilan dan kekerasan kepala pantas mendapat hukuman.

"Mereka yang menafikan bahawa mereka adalah Kristian, atau pernah menjadi Kristian, "Mereka yang menafikan bahawa mereka adalah Kristian, atau pernah menjadi Kristian, yang ikut menyebut doa-doa saya kepada tuhan-tuhan dan mempersembahkan pemujaan dengan wain dan kemenyan, kepada patung kamu, yang saya telah perintahkan untuk dibawa bagi maksud itu, bersama-sama dengan tuhan-tuhan lain, dan yang akhirnya mengutuk Kristus—telah dikatakan bahawa orang-orang yang benar-benar Kristian tidak dapat dipaksa untuk melakukan apapun dari perkara ini—saya fikir wajar dilepaskan. Manakala yang lain yang dinamakan oleh pemberi maklumat bahawa pada mulanya mengaku diri mereka Kristian, dan kemudian menafikannya; memang benar, mereka telah berada dalam agama itu tetapi mereka telah meninggalkannya, sebahagian selama tiga tahun, yang lain beberapa tahun, dan ada yang lebih kurang dua puluh lima tahun yang lalu. Mereka semua menyembah patung kamu dan patung tuhan-tuhan, dan mengutuk Kristus ." —Pliny Letters (London: William Heinemann, 1915), book 10:96 (vol. 2, pp. 401–403).

Soalan Perbincangan:

1. Appakah isu utama yang dihadapi umat Kristian seperti yang dinyatakan di dalam surat yang menarik tersebut? Apakah persamaan yang kita dapat lihat di sini dengan apa yang akan berlaku pada akhir zaman, sebagaimana dinyatakan dalam perkhbaran tiga malaikat dalam Wahyu 14:9-12? Apakah semua perkara ini beritahu kita tentang beberapa isu asas di dalam pertentangan besar itu sendiri?
2. “Mereka yang hormat kepada hukum Tuhan telah dipersalahkan kerana menyebabkan penghakiman kepada dunia, sehingga mereka dianggap sebagai penyebab kepada goncangan alam semesta yang menakutkan serta perbalahan dan pertumpahan darah di antara manusia yang memenuhi bumi ini dengan kesengsaraan. Kuasa yang menyertai amaran akhir membangkitkan amarah kepada orang-orang jahat; kemarahan mereka disebarkan dengan menentang semua yang telah menerima perkhbaran dan Syaitan akan ghairah untuk

terus memperhebatkan lebih besar lagi semangat kebencian dan penganiayaan.” - Ellen G. White, *The Great Controversy*, ms. 614, 615. Sekalipun kita tidak tahu bilakah semua perkara ini akan berlaku, bagaimanakah supaya kita sentiasa siap sedia untuk menghadapi penentang kepada iman kita, dalam apa sekali bentukpun pertentangan itu? Apakah kunci persediaan tersebut?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 4:12-14, 19

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Memahami konsep bahawa pencubaan-pencubaan dan penderitaan adalah sebahagian daripada pengharapan pengikut-pengikut Kristus dan harus kedua-dua dilihat sebagai kesempatan dan berkat.

Merasakan: Mengalami kegembiraan apabila mengetahui bahawa segala pencubaan adalah sebahagian daripada rencana Tuhan untuk menyelamatkan orang-orang berdosa.

Melakukan: Berjanji bagi diri sendiri kepada Pencipta yang setiawan dan terus-menerus melakukan yang baik.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Menjangkakan Pencubaan-pencubaan dan penderitaan

- Mengapa harus bagi orang-orang percaya menjangkakan segala pencubaan menjadi bahagian yang kecil dalam kehidupan orang-orang Kristian?
- Bagaimana nasihat Petrus sejajar dengan ayat-ayat yang lain dalam Perjanjian Baharu (Lihat: Mat. 5:10; 24-9; Yoh. 15:20; 2 Kor. 12:10; 1 Pet. 1:6, 7; Yak. 1:2-4, 12.)

II. Merasakan: Bergembira Apabila Bertahan Keatas Segala Pencubaan

- Menurut Petrus, mengapakah orang percaya perlu bergembira apabila melalui pencubaan-pencubaan hebat?
- Bagaimana kita harus beri respons ke atas penghinaan akibat nama Kristus?

III. Melakukan: Janji Menjadi Taat Setia

- Apakah perbezaan di antara keinginan menjadi taat setia dengan bertekad menjadi taat setia?
- Mengapakah Petrus menyebut “Pencipta yang setia” kita (1 Pet. 4:19)? (Bandingkan dengan Wah. 3:14) Apakah implikasi-implikasi bagi perjanjian kita kepada ketaatan setia?

Kesimpulan: Para pembaca surat Petrus telah diberitahu untuk menjangkakan beberapa kesusahan yang menakutkan akan berlaku di antara mereka agar mereka teruji, “kerana sekarang telah tiba saatnya penghakiman dimulai, dan pada rumah Tuhan sendiri yang harus pertama-tama dihakimi” (1 Pet. 4:17). Mereka tidak akan menemukan perkara anih tetapi sebaliknya untuk bergembira kerana turutserta di dalam penderitaan-penderitaan Kristus dan berjanji pada diri mereka sendiri kepada Pencipta untuk taat setia serta terus-menerus mengamalkan perbuatan yang benar.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 4:12, 13, 19

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Tuhan yang melihat penghujung dari permulaan, sesungguhnya mengetahui apa yang terbaik bagi kita serta pertumbuhan rohani kita. Dia dapat melihat proses pertumbuhan sikap yang dibawa oleh pencubaan dan ujian yang datang kedalam kehidupan kita (1 Pet. 1:6,7; Yak. 1:2, 4). Sama seperti Yesus mempelajari ketaatan dan telah berkembang dalam segi kesempurnaan sikap menerusi perkara-perkara kesengsaraan yang Dia lalui (Ibr. 2:10; 5:8, 9), demikian jugalah dengan kita, dapat menjadi matang menerusi penglibatan kepada cara yang sama, kalaulah kita, sama seperti Dia, menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan yang setia dan terus-menerus melakukan apa yang benar. Proses pertumbuhan sikap melalui penderitaan ini adalah kehendak belas kasihan Tuhan kepada kita (1 Pet.4:19).

Hanya Untuk Guru: Ramai pengulas telah mencatat dengan jelas permulaan ayat dalam 1 Petrus di antara 4:11 dan 4:12. Ayat 11 berakhir dengan doksologi (ungkapan pujian kepada Tuhan) dan “Amen.” Ayat 12 dimulakan dengan kata nama amanat, bagaikan Petrus hendak memperkenalkan perbincangan baharu berdasarkan peristiwa yang baharu berlaku dan telah berkembang. Beberapa pengulas mencadangkan bahawa, barangkali Petrus baharu sahaja menerima berita tentang api di Roma dalam zaman Maharaja Nero (A.D. 64) lalu Petrus melihat bahawa kebakaran besar itu berkembang menjadi “nyala api siksaan” kepada para pembacanya. Masanya lebih kurang benar bagi peristiwa tersebut, walaupun kita tidak ada cara mengetahui rujukan Petrus itu, sesungguhnya terjadi kebakaran di Roma. Dalam hal apapun, Petrus melihat pertambahan peristiwa berlaku dalam hal penganiayaan yang para pembacanya kira-kira akan hadapi. Dia juga dapat melihat penganiayaan seperti itu sebagai suatu kejadian berlaku tepat pada masanya dengan urutan peristiwa-peristiwa eskatologikal (“Kesudahan segala sesuatu sudah dekat” [1 Pet. 4:7]). Dia memetik Yehezkiel 9:6 sebagai penutupnya: “Kerana sekarang telah tiba saatnya penghakiman dimulai, dan pada rumah Tuhan sendiri” (1 Pet. 4:17). Apakah Yesus sendiri tidak meramalkan senario yang sama (Mat. 24:9; Yoh. 16:2)?

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Minta anggota kelas membaca 2 Timotius 3:12. Bincangkan fakta-fakta yang cenderung menuntun kepada penganiayaan umat-umat Tuhan yang taat setia. Apakah yang mungkin menjelaskan kepada fakta bahawa ahli-ahli kelas sama ada ya atau tidak mengalami, kemarahan si naga seperti yang dijelaskan dalam Wahyu 12:17?

LANGKAH 2 - Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Tatabahasa dalam bahasa Greek bagi ayat 1 Petrus 4:12, tidak dapat menjelaskan sama ada nyala api siksaan merupakan pengalaman masa kini, pengalaman yang hanya bermula atau pengalaman yang masih tergantung pada masa hadapan bagi para pembaca surat Petrus. Nyala api siksaan (persis/berlanjutan) dijelaskan dengan dua partisipasi berlaku; kedua-duanya boleh digambarkan sebagai *diskriptif present* (menggambarkan peristiwa-peristiwa yang sedang dalam progres), *tendensial present* (menggambarkan peristiwa-peristiwa yang hampir sahaja mahu terjadi) atau *futuristik present* (menggambarkan peristiwa-peristiwa yang masih tergantung di masa hadapan tetapi dilihat sebagai akan berlaku pada masa kini). Bagaimanapun, komen Petrus dalam ayat 17 mengatakan bahawa, inilah masanya bagi penghakiman akan bermula, mempunyai hal kecenderungan yang jelas adil dan saksama. Demikian juga dengan kata nahu “tetapi” dalam ayat-ayat 14-16, menyatakan peristiwa-peristiwa akan berlaku namun belum mengambil tempat.

Ulasan Alkitab

I. Sifat Kita Terhadap Penderitaan (*Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Petrus 4:12, 13*)

Petrus memberikan dua kunci utama dalam ayat 12 dan ayat 13. Pertama, bahawa kita harus tidak dikejutkan oleh percubaan-percubaan dan penderitaan seperti sesuatu perkara ganjil telah berlaku ke atas diri kita; kerana kita telah diberi amaran sebelumnya (Yoh. 15:18, 21; 16:2-4). Kedua, bahawa kita harus bergembira apabila adanya penderitaan, kerananya kita mempunyai kesempatan untuk mengambil bahagian dalam penderitaan-penderitaan Kristus. Apabila kemuliaanNya dinyatakan (pada kedatanganNya), kegembiraan kita akan lebih besar (1 Pet. 1:6, 7; Yak. 1:2-4). Tidak ada perkara-perkara yang kita tidak dapat atasi melalui kasih kurnia Tuhan – jika hanya kita bertahan dengan sifat tersebut.

Perhatikan Hal ini: Bagaimana seharusnya kita menghadapi percubaan-percubaan dan penderitaan? Mengapa perkara-perkara tersebut tidak seharusnya membuatkan kita terkejut?

II. Pengalaman Kita Dalam Penderitaan (*Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 4:14-16*)

Ayat 14 dan 16 mempunyai dua kata nahu “jika,” kedua-duanya adalah benar seperti fakta keadaan (dalam Bahasa Greek) dan juga dianggap fakta menista dan penderitaan, sama ada masa kini atau akan berlaku di masa hadapan. Petrus memberi nasihat kepada para pembacanya bagaimana mereka harus berhadapan dengan pengalaman-pengalaman sebenar; menyimpulkan kata-kata nista ke atas nama Kristus sebagai satu berkat sementara penderitaan orang Kristian sebagai alasan untuk memuji Tuhan. Dalam perantaraan ayat 15, Petrus menggunakan susunan kata-kata bersifat mencegah yang memerlukan perhatian; ia mempunyai hal-hal masa hadapan tersendiri, Petrus menasihatkan para pembacanya bahawa tiada di antara mereka seharusnya menderita kerana melakukan yang salah. Sebaliknya, mereka harus menderita tanpa rasa malu sebagai seorang Kristian, sangat-sangat berterima kasih kerana mempunyai peluang menggunakan nama Kristus.

Perhatikan Hal ini: Penggunaan istilah “Kristian” dalam Perjanjian Baru hanya di sini dan dalam Kisah 11:26 dan 26:28. Sementara bukan Kristian, biasanya menggunakan istilah tersebut sebagai menghina. Dalam zaman para rasul, bagaimana agaknya penderitaan demi melakukan yang benar dapat membantu untuk mengubah sifat penggunaan istilah tersebut?

III. Masa Pengadilan (*Imbas bersama ahli kelas 1 Petrus 4:17, 18*)

Dalam ayat 17, Petrus membekalkan rasional dalam hal mengapa para pembacanya harus menjangkakan api siksaan pada masa kini. Dia telah mengatakan, “Kesudahan segala sesuatu sudah dekat” (1 Pet. 4:7). Dalam eskatologinya, dia membayangkan pengadilan pra-Advent seperti yang diramalkan dalam Yehezkiel 9, di mana akan bermula pada rumah Tuhan (sekarang ini gereja lebih tepat daripada rumah ibadah). Ia akan memurnikan anggota-anggota penghuni rumah Tuhan dengan cara mengasingkan orang berdosa daripada mereka yang telah “berkeluh kesah kerana segala perbuatan-perbuatan keji yang dilakukan di sana” (Yeh. 9:4). Api siksaan penganiayaan akan tercapai sebaik sahaja tugas selesai. Dalam Yehezkiel 9:6 mencatatkan firman TUHAN: “ ‘mulailah (pembunuhan) dari tempat kudus-Ku!’” Lalu mereka mulai dengan tua-tua yang berada di hadapan Rumah Ibadah.” Petrus memetik peristiwa yang telah berlaku terlebih dahulu dalam Amsal 13:11, dia bertanya, “Dan jika penghakiman itu dimulai pada kita, bagaimanakah kesudahannya dengan mereka yang tidak percaya pada Injil Tuhan?” (1 Pet. 4:17).

Perhatikan Hal ini: Dalam Yehezkiel 8, kita telah membaca bahawa Tuhan menampakkan kepada nabi melalui khayal, empat perkara yang sangat menjijikkan sedang berlaku di dalam rumah Tuhan (rumah ibadah di Jerusalem), membangkitkan kemarahan Tuhan. Yehezkiel 9 mencatatkan pengadilan Tuhan ke atas umat-Nya yang telah melakukan hal-hal yang membencikan dalam rumahNya. Tuhan mengarahkan orang yang berpakaian lenan dan di sisinya terdapat suatu alat penulis pergi ke tengah kota dan “ ‘tulishlah huruf T pada dahi orang-orang yang berkeluh kesah kerana segala perbuatan-perbuatan keji yang dilakukan di sana’” (Yeh. 9:4). Dalam hal ini, Petrus melihat bahawa ia menunjukkan pengadilan bermula pada rumah Tuhan. Apakah yang dilambangkan melalui tanda tersebut dan mengapa umat Tuhan harus berusaha untuk menerimanya dengan sungguh-sungguh?

Soalan Perbincangan:-

1. Apakah sifat kita terhadap percubaan-percubaan dan penderitaan di dalam kehidupan kita sendiri?
2. Mengapa kita harus mempercayakan diri kepada Tuhan sebagai Pencipta yang taat setia dan terus- menerus melakukan apa yang benar, sekalipun pada masa bergumul dengan ujian-ujian dan percubaan-percubaan yang sukar?

LANGKAH 3 - Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Dengan memetik Amsal 11:31, Petrus menulis, “ ‘Jika orang benar hampir-hampir tidak diselamatkan, apakah yang akan terjadi dengan orang fasik dan orang berdosa?’ ” (1 Pet. 4:18). Keadaan ini benar pada fakta bahawa ia bermaksud, sesungguhnya dengan kesukaran orang benar akan selamat. Apakah yang Alkitab maksudkan dengan kenyataan ini? Sesetengah orang berkeras bahawa adalah lebih mudah untuk selamat daripada tidak selamat. Bagaimanakah seharusnya pengertian orang Kristian tentang isu tersebut?

Soalan Renungan:-

1. Jika saya mendapati diri saya sendiri bertanyakan soalan, mengapa harus saya menanggung percubaan-percubaan dalam kehidupan; mengapakah sifat seperti ini adalah salah?
2. Apakah yang perlu akan terjadi di dalam kehidupan saya agar membolehkan saya mendapatkan sifat yang benar apabila ujian-ujian dan percubaan-percubaan tiba? Bagaimanakah sambutan saya terhadap percubaan-percubaan serupa itu pada masa kini?
3. Dalam cara apakah ketaat-setiaan Tuhan, Pencipta yang boleh dipercayai di dalam kehidupan saya?

Aktiviti: Bincang dalam kelas tempat-tempat di dunia di mana umat Kristian sedang menghadapi penderitaan penganiayaan bagi iman mereka serta dengan cara-cara mereka menanganinya. Bentukkanlah kelompok berdoa untuk mereka, berdoa juga kepada ahli kelas yang mungkin sedang dan akan menghadapi percubaan-percubaan atau lambat laun akan mengalami ujian-ujian dan percubaan-percubaan.

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Ramai daripada ahli kelas secara pribadi tidak pernah mengalami signifikan penganiayaan atas nama Kristus, sekalipun ramai yang telah mengalami beberapa bentuk percubaan dalam hidup. Petrus tidak

berbicara tentang percubaan-percubaan secara semulajadi, tetapi tentang penganiayaan khusus sebagai Kristian (1 Pet. 4:14, 16). Adalah mungkin perlu mengambil tempat atau melakukan bagi pihak orang lain tentang pengalaman-pengalaman mereka agar dapat merasakan empati dengan situasi para pembaca pertama surat Petrus. Ia akan membantu agar dapat membahagikan peristiwa-peristiwa benar berlaku masa kini dalam hidup, kepada ahli kelas supaya mereka juga dapat merasakan hal-hal yang dialami oleh orang lain masa sekarang ini. Contoh-contoh peristiwa tersebut terdapat pada sumber: live.opendoorsusa.org/stories.

Aktiviti: Kalau boleh, dapatkan sebuah peta dunia. Gantungkan pada tempat yang sesuai. Mulakan dengan mengenalpasti tempat-tempat di seluruh dunia di mana cerita tentang penganiayaan atas nama Kristus telah berlaku atau sedang berlaku. Berjanjilah untuk berdoa berterusan kepada umat percaya tersebut. Adalah lebih elok dengan menyebut nama-nama yang terlibat dalam penganiayaan iman mereka.

PELAJARAN 7 | 6-12 Mei

Kepimpinan Seorang Hamba

PETANG SABAT

Bacaan Pelajaran Minggu Ini: 1 Pet. 5:1-10; Kis. 6:1-6; Jer. 10:21; Mat. 20:24-28; Ams. 3:34; Wah. 12:7-9.

Ayat Hafalan: "Serahkanlah segala kekuatiranmu kepada-Nya, sebab Ia yang memelihara kamu" (1 Pet. 5:7).

Kajian tentang gereja-gereja yang bertumbuh hampir selalu menekankan kepentingan kepemimpinan yang berkesan. Para pemimpin ini mendapatkan pengetahuannya daripada Tuhan dan FirmanNya dan memberi peluang kepada semua orang dalam jemaat untuk menggunakan karunia rohani mereka sendiri dalam usaha menyebarkan Injil yang diamanatkan.

Memimpin gereja sangat mencabar, memandangkan gereja digerakkan oleh sebahagian besar sukarelawan yang selalu memberikan masa mereka walaupun mereka sudah sedia sibuk. Para anggota boleh "membuat keputusan dengan kaki mereka" dengan berhenti menghadiri jika sesuatu berlaku yang mereka tidak boleh sokong. Tambahan pula, seorang pemimpin Kristian yang berkesan juga mestilah sangat spiritual. Kita tidak harus lupa bahawa Petrus menulis kepada gereja-gereja yang mengalami penganiayaan. Pemimpin gereja terutamanya adalah mangsa yang sangat terdedah pada masa seperti itu. Maka, siapakah lagi yang dilengkapi untuk tugas ini?

Dalam 1 Petrus 5:1-10, Petrus menyampaikan hal kepemimpinan Kristian pada peringkat gereja tempatan. Dalam ayat-ayat tersebut, dia menulis tentang beberapa karakteristik penting yang diperlukan bukan sahaja pada pemimpin-pemimpin tempatan, tetapi juga para anggota. Kata-katanya masih relevan bagi kita hari ni sama seperti mereka pada waktu itu.

**Pelajari Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 13 Mei.*

AHAD

7 Mei

Para Elder Gereja Awal

Perhatikan ayat-ayat berikut: Kisah 6:1-6; 14:23; 15:6; 1 Tim. 5:17; 1 Pet. 5:2. Apakah yang kita faham dan perolehi melalui ayat-ayat tersebut mengenai dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh gereja awal serta peranan pemimpin-pemimpinnya?

Sekumpulan besar manusia yang menjadi percaya dan menyertai gereja, adalah satu rahmat yang besar daripada Tuhan. Namun, seperti yang dijelaskan melalui pengalaman umat-umat Kristian awal, pertumbuhan besar tersebut boleh menyebabkan berbagai masalah.

Sebagai contoh, Kisah 1-5, mencatatkan kepemimpinan Roh Kudus dan penganut-penganut Kristian yang baharu. Kisah 6:1-6 menunjukkan hasilnya: kumpulan tersebut menjadi terlalu besar untuk para pemimpinnya, ia perlu distrukturkan agar dapat mengendalikan fungsi gereja hari demi hari.

Isu yang menyebabkan kelemahan struktur organisasi untuk maju adalah disebabkan oleh sungutan adanya diskriminasi. Kumpulan berbahasa Greek bersungut bahawa para janda mereka diabaikan ketika mengagihkan makanan harian. Sebagai sambutan, sekumpulan orang, ia itu diakon, dilantik khusus sebagai pembantu kepada dua belas orang murid dalam mengendalikan sumber-sumber gereja.

Adalah benar bahawa gereja awal dipimpin oleh Roh Kudus dalam hal-hal tertentu. Namun demikian, masih terdapat keperluan untuk membentuk struktur gereja. Satu kumpulan pemantau pemimpin-pemimpin gereja diperlukan seawal-awalnya ialah para elder, telah dibentuk di setiap kongregasi tempatan. Sebenarnya, melantik para elder untuk memimpin kumpulan Kristian yang baru dibentuk tersebut adalah yang dilakukan oleh Paulus dan Barnabas ketika mereka pergi ke tempat-tempat yang belum mendengar tentang Yesus (Kis. 14:23).

Para elder diamanatkan banyak peranan dalam Kekeristianan awal. Sebagai elder kepada komuniti tempatan, mereka bertindak sebagai jurulatih dalam mengajar saudara-daudara baharu dari masa ke semasa. Mereka berkhotbah serta memastikan perkara-perkara penting dilaksanakan demi kebaikan kepada komuniti (Kis. 15:6; 1 Tim. 5:17; 1 Pet.5:2).

Apakah cara-cara yang anda dapat pelajari untuk bekerja lebih baik dengan para elder dalam gereja tempatan anda, sekalipun anda tidak bersetuju dalam beberapa perkara?

ISNIN

8 Mei

Para Elder

Baca 1 Pet. 5:1-4. Apakah sifat yang harus ada pada seorang pemimpin dalam peranan mereka di gereja? Bagaimanakah prinsip-prinsip tersebut dapat dipraktikkan oleh sesiapa pun di antara kita, tidak kira apakah tanggungjawab kita?

Petrus memulakan arahannya kepada para elder dengan melihat bahawa dia sendiri adalah rakan elder. Kemudian dia menyatakan dua perkara mengenai dirinya sendiri: dia adalah saksi bagi penderitaan Kristus dan dia berharap untuk mendapat bahagian dalam kemuliaan yang akan dinyatakan nanti. Dengan berkata demikian, Petrus menekankan keutamaan karakteristik yang pertama yang harus ada pada seorang pemimpin: seorang elder harus mengerti kepentingan tentang apa yang Kristus tanggung menderita bagi pihak kita serta dengan pengharapan agung yang ditawarkan kepada kita.

Petrus menyamakan peranan seorang elder dengan seorang gembala yang menjaga domba-domba Tuhan. Dia menganjurkan persamaan gereja dengan domba di mana, seperti domba, anggota-anggota kadang-kadang boleh merayau sendiri. Oleh yang demikian, mereka perlu gembala untuk menuntun mereka kembali semula ke dalam kumpulan serta membantu mereka bekerjasama dengan harmoni. Seorang elder juga harus berfungsi sebagai seorang contoh yang rendah hati bagaimana seorang Kristian perlu bertindak.

Apakah amaran kita dapat lihat di sini kepada mereka selaku gembala? Jer. 10:21; Yeh. 34:8-10; Zak. 11:17.

Peranan yang penting sebagai seorang pemimpin Kristian ialah untuk bekerjasama dengan semua orang dalam gereja, sama sabar dengan para gembala ketika menggembalakan domba-domba mereka. Seorang elder harus dengan lemah lembut menyatukan mereka dalam perbaktian dan dalam membahagikan mesej tentang Yesus kepada mereka yang perlu mengetahui Dia dan keselamatan yang terdapat di dalam Dia.

Petrus juga perhatikan bahawa para elder harus melaksanakan penggembalaan dengan rela dan bukan di bawah paksaan. Bukanlah selalu mudah untuk mendapatkan seorang yang rela untuk mengambil cabaran-cabaran untuk memimpin sebuah gereja. Buktinya ternyata sekali pada waktu komiti melancarkan pemilihan. Supaya gereja berfungsi dengan baik, ada beberapa peranan berasingan yang harus dilengkapi. Terdapat beberapa sebab mengapa ramai orang yang enggan menerima peranan sebagai pemimpin. Beberapa daripada peranan tersebut memerlukan memerlukan pelaburan masa yang agak banyak, tambahan pula, orang yang sesuai untuk sesuatu peranan mungkin sudahpun mempunyai beberapa komitmen. Sementara orang lain mungkin berfikir bahawa mereka belum bersedia untuk memegang peranan tersebut. Tetapi, kata-kata Petrus adalah, jika diminta, kita harus rela menerima kepimpinan jika semuanya ada kemungkinan.

SELASA

9 Mei

Kepimpinan Seorang Hamba

Baca 1 Petrus 5:3 dan Matius 20:24-28. Apakah prinsip penting kepimpinan Kristian terdapat dalam ayat-ayat tersebut?

Dalam Bahasa Yunani, kata kunci dalam 1 Pet.5:3 ialah *katakuriuontes*. Perkataan yang sama dalam Matius 20:25, bermaksud "bidang kuasa" atau untuk "tuan kepada" ke atas seseorang. Oleh itu, pengajaran yang diberikan kepada para elder dalam 1 Pet. 5:3 mungkin boleh diterjemahkan sebagai "Janganlah menjadi tuan ke atas mereka yang di bawahmu", serta dapat memantulkan kata-kata Yesus dalam Matius 20:25.

Dalam Matius 20:20-23 menyatakan konteks tentang apa yang dikatakan Yesus dalam ayat 24-28, fasal yang sama. Ibu kepada Yakobus dan Yohanes telah bertemu dengan Yesus dengan permintaan bahawa, apabila Yesus berada pada takhta kerajaannya nanti, salah satu daripada anaknya harus duduk pada sebelah kananNya sementara yang satu pula duduk pada sebelah kiriNya.

"Yesus melayani dengan penuh kelembutan dengan mereka, tidak mencela fikiran mereka yang mementingkan diri sendiri dalam mencari keutamaan di atas daripada saudara-saudara mereka. Dia dapat membaca hati mereka, Dia tahu secara mendalam pertalian mereka dengan Dia. Kasih mereka bukan sekadar perasaan cinta manusia; namun, dicemari oleh keduniawian menerusi saluran kemanusiaan semulajadi. Ia adalah pengaliran

keluar dari punca penebusan kasihNya sendiri. Dia tidak akan mencela, tetapi akan menjalankan penapisan dan difikirkan secara mendalam.” – **Ellen G. White**, *The Desire of Ages*, ms. 548.

Yesus menjelaskan bahawa kedudukan terhormat tersebut adalah diperkenankan oleh Bapa dan bukan oleh Dia. Lalu Dia meneruskan penjelasan bahawa kunci perbezaan kerajaanNya dengan kerajaan-kerajaan asing ialah jenis pemimpin yang akan muncul dalam kerajaanNya. Mereka yang berharap untuk memimpin dalam kerajaan di mana Yesus sebagai Raja, harus menjadi hamba, kerana pemimpin-pemimpin di dalam kerajaan Yesus akan menjadi seperti Yesus. “ Sama seperti Anak Manusia datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawaNya menjadi tebusan bagi banyak orang ” (Mat. 20:28).

Oleh yang demikian, Petrus menyeruh kepada para pemimpin gereja melakukan ideal yang sama: penyerahan dan penyangkalan diri yang dapat dilihat pada Yesus harus dapat dinyatakan di dalam diri mereka juga.

Baca Filipi 2:4-8. Bagaimanakah kata-kata Paulus tersebut sependapat dengan apa yang ditulis oleh Petrus? Lebih penting lagi, kepada kita yang dipanggil, bagaimanakah kita boleh melakukan perkara-perkara seperti yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut?

RABU

10 Mei

Dibalut Dengan Kerendahan Hati

Masyarakat pada zaman dahulu kala sangat tersusun, demikian juga pada zaman Petrus. Pemerintah elit bersifat seperti yang disebut sekarang “commanding presence/kehadiran pemerintah.” Mereka dikelilingi oleh kelompok manusia jawatan rendah dan susunan terendah sekali ialah hamba. Kerendahan hati haruslah menjadi sifat yang sesuai peringkat bawahan ke atas mereka peringkat atasan. Dalam Bahasa Greek bagi kerendahan hati memberi makna “tidak sombong,” “tidak berharga,” “tidak bertenaga,” dan “miskin.” Ia menjelaskan seseorang tanpa status dan kuasa dalam masyarakat. Sementara di dunia luar daripada Judaisme dan Kekristianan, perkataan *kerendahan*, dikaitkan dengan mereka yang berstatus rendah, maka berkelakuan rendah hati tidak mungkin perlu diberi penghargaan seperti kelakuan orang yang bebas.

Baca 1 Pet. 5:5-7. Berdasarkan konteks dan masa di mana mereka hidup, apakah yang paling menarik perhatian tentang surat Petrus di sini?

Dalam Alkitab, kerendahan hati dapat dilihat perbezaan bergantung bagaimana ia dilihat pada zaman dan kebudayaan tempat di mana Petrus tinggal. Petrus memetik Amsal 3:34 daripada Septuagint (Perjanjian Lama dalam Bahasa Greek), satu ayat yang juga dipetik dalam Yakobus 4:6. Dalam Perjanjian Lama, sebahagian daripada sejarah pekerjaan Tuhan, ialah meletakkan di bahagian rendah mereka yang berpangkat tinggi dan berkuasa (Yes. 13:11; 23:9; Ayub 40:11).

Satu daripada sifat yang benar di hadapan Tuhan ialah kerendahan hati. “Kerana itu rendahkanlah dirimu di bawah tangan Tuhan yang kuat, supaya kamu ditinggikanNya pada waktunya” (1 Pet. 5:6). Kerendahan hati lebih baik berbanding dengan hati yang bongkak, seharusnya membayangkan perhubungan di kalangan umat Kristian, bukan sahaja dengan Tuhan tetapi di antara seorang dengan seorang (1 Pet. 5:5).

Semua umat Kristian, termasuklah pemimpin-pemimpin gereja, sedia maklum bahawa mereka adalah orang berdosa diselamatkan oleh kasih kurnia Tuhan. Dalam hal yang sangat penting ini, maka, semua kita adalah sama dan di hadapan Salib, kita semua harus merendahkan diri. Kerendahan hati ini mestilah dinyatakan di dalam perhubungan kita dengan orang lain, terutama sekali kepada mereka yang dibawah tanggungjawab kita. Sudah pasti, sesiapa pun perlu rendah hati di hadapan Tuhan, Pencipta langit dan bumi. Demikian juga, secara perbandingan, adalah mudah untuk merendahkan diri di hadapan mereka yang kedudukannya di atas daripada kita, mereka yang berkuasa ke atas kita dan mereka yang “lebih tinggi” status daripada kita. Ujian yang sebenarnya akan tiba apabila kita menyatakan kerendahan hati kepada mereka yang “di bawah” kita dan mereka yang tidak berkuasa ke atas diri kita. Jenis-jenis kerendahan hati tersebutlah yang dimaksudkan oleh Petrus di sini.

Apakah hubungan serta perlambangan dengan Salib sehingga harus selalu membantu kita sentiasa rendah hati?

KHAMIS

11 Mei

Seperti Singa Mengaum

Seperti yang kita telah lihat, tulisan Petrus bertentangan dengan latarbelakang penganiayaan. Tema kepada pertentangan-besar bukan hanya teologi abstrak kepada para pembacanya; malahan mereka mahu

mengalaminya supaya dengan cara itu ramai orang di antara kita yang belum mengalaminya, sekurang-kurangnya sekarang inilah masanya.

Baca 1 Petrus 5:8-10 dan Wahyu 12:7-9. Apakah ayat-ayat tersebut ajarkan kepada kita tentang asal-usul kejahatan serta pekerjaan Syaitan dalam dunia kita?

Kitab Wahyu menyatakan bahawa umat Kristian memainkan bahagian dalam peperangan duniawi di antara kuasa kebaikan dengan kuasa kejahatan. Kuasa kebaikan dalam Wahyu diketuai oleh Yesus – iaitu Firman Tuhan, Raja di atas segala raja dan TUHAN di atas segala tuhan (Wah. 19:13, 16). Sementara kuasa kejahatan diketuai oleh iblis – yang juga disebut Syaitan dan digambarkan sebagai naga (Wah. 12:7-9; 20:7, 8). Sungguhpun para bomoh terkenal dan beberapa orang Kristian menafikan kenyataan Syaitan, faktanya ialah si iblis itu adalah makhluk yang sangat berkuasa, hanya berniat untuk berbuat kejahatan ke atas kita. Namun, berita baiknya ialah si iblis itu akan dibinasakan secara muktamad pada akhirnya (Wah. 20:9, 10).

Petrus tidak memperkecil-kecilkan bahayanya kehadiran Iblis. Dia adalah seperti singa yang mengaum-ngaum mencari mangsa yang dapat ditelannya (1 Pet. 5:8). Petrus juga menunjukkan kepada para pembacanya agar dapat melihat kuasa si Iblis pada waktu mereka menderita. Namun, penderitaan tersebut akan berakhir dengan kemuliaan kekal (1 Pet. 5:10).

Baca semula 1 Petrus 5:10. Apakah yang Petrus sampaikan kepada kita?

Sekalipun kita tidak mungkin tahu keadaan sebenar percubaan mereka, namun kita dapat melihat pengharapan yang dipaparkan oleh Petrus. Sesungguhnya, si Iblis itu nyata. Peperangan itu nyata dan penderitaan kita juga nyata. Tetapi, oleh “kasih kurnia Tuhan” telah mengalahkan Iblis. Oleh itu, apapun kesengsaraan kita, jika kita tetap setia sampai pada kematian (rujuk Ibr. 11:13-16), kita berterima kasih kepada Yesus – telah menjamin kemenangan.

Bagaimanakah kita belajar agar tetap teguh dalam iman, bertahan sampai pada kesudahan, tidak mengira apapun yang kita lalui dalam perjalanan?

JUMAAT 12 Mei

Renungan Selanjutnya: Contoh yang termasyhur daripada Yesus tentang kepimpinan seorang hamba terdapat di dalam sifatnya pada Perjamuan Akhir. Pada masa itu, Yesus benar-benar mengetahui siapa Dia sebenarnya (Dia adalah Anak Tuhan) dan tidak lama lagi Dia akan kembali kepada BapaNya (Yoh. 13:1). Selepas makan bersama Dia membasuh kaki murid-muridNya. Lalu Dia berkata, “Jadi jikalau Aku membasuh kakimu, Aku yang adalah Tuhan dan Gurumu, maka kamupun wajib saling membasuh kakimu; sebab Aku telah memberikan suatu teladan kepada kamu, supaya kamu juga berbuat sama seperti yang telah Kuperbuat kepadamu” (Yoh. 13:14, 15). Setiap kali pengikut-pengikut Yesus membasuh kaki seseorang, bukan sahaja mereka melakukan semula peristiwa itu; malahan dapat memperingatkan mereka bahawa untuk menjadi pemimpin di dalam Kerajaan Yesus, harus menjadi seorang hamba. Tidak hairanlah, di sepanjang hidup mereka, terutama sekali selepas mereka benar-benar mengetahui siapa Yesus sebenarnya, murid-murid mengingati tindakan kerendahan hati tersebut demi melakukan bagi pihak Tuan mereka. Tidak hairan juga, dalam fikiran Petrus apabila memberi nasihat kepada para elder gereja supaya jangan menjadi tuan kepada orang lain melainkan menjadi “dibalut dengan kerendahan hati.”

“Apabila diperkenankan untuk menjadi manusia, Yesus menyatakan bahawa kerendahan hati itu adalah satu sifat kebijaksanaan syurgawi yang menakjubkan. Tindakan memperkenankan menjadi manusia bukanlah menjadi satu penghinaan kepada Yesus, bukan juga kerana fakta kewujudan Yesus dipermuliakan. Kita harus membukaluar fahaman kita untuk mengetahui bahawa Kristus telah kesampingkan jubah DirajaNya, mahkota kemaharajaanNya, kekuasaanNya dan ketuhananNya dibalut oleh kemanusiaan supaya Dia boleh bertemu dengan manusia di mana sahaja Dia berada serta mendatangkan kuasa moral kepada keluarga manusiawi untuk menjadi anak-anak lelaki dan perempuan Tuhan.

“Kelemahlembutan dan kerendahan hatilah yang menjadi sifat kehidupan Kristus telah dinyatakan di dalam kehidupan dan sifat mereka yang ‘mengikuti jejak langkahNya’ ” – Ellen G. White, *Sons and Daughters of God*, ms. 81).

Soalan perbincangan:

1. Yesus memulakan pelayananNya dengan menentang Iblis. Menjadi lemah setelah berpuasa 40 hari. Dia berjaya mengalahkan percubaan-percubaan daripada Iblis dengan mengutip ayat-ayat Alkitab (Mat. 4:1-11; Mar. 1:12, 13; Luk. 4:1-13). Apakah pengalamanNya ini beritahu kita bagaimana agar dapat mengalahkan kejahatan di dalam kehidupan kita?
2. Apakah contoh-contoh yang pernah anda lihat sebagai menyokong kebenaran sifat kerendahan hati orang lain? Apakah pelajaran yang anda peroleh melalui contoh-contoh tersebut?

3. Dalam kelas, jawab soalan tersebut ini: Di samping ayat-ayat yang kita pelajari minggu ini, apakah pengajaran yang Petrus sampaikan dan apakah kualiti seorang pemimpin Kristian? Bagaimanakah kualiti tersebut mengatasi kualiti yang baik daripada pemimpin-pemimpin sekular? Bagaimanakah perbezaan mereka?
4. Bagaimanakah anda menjawab pengakuan seseorang bahawa Syaitan itu tidak nyata melainkan hanya simbol kepada kejahatan terdapat dalam sifat semulajadi manusia?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 5:1-6

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Mengakui bahawa kerendahan hati adalah kunci resepi kepada kepemimpinan dan pelayanan yang efektif terhadap orang lain.

Merasakan: Menghargai semangat kerendahan hati dan pelayanan kasih yang Yesus telah beri contoh, seterusnya berkeinginan untuk menunjukkan yang sama kepada orang lain.

Melakukan: Memberi perhatian kepada rayuan untuk menjadi rendah hati dibawah kekuatan tangan Tuhan supaya Dia dapat menggunakan dia (lelaki/perempuan) dengan lebih berkesan seperti yang dikehendaki.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Kepimpinan Kristian Yang Efektif

- A. Petrus merayu kepada pemimpin-pemimpin gereja untuk menunjukkan sifat-sifat rohani secara am.
- B. Petrus berseru kepada para elder untuk memenuhi dua fungsi spesifik (Bandingkan dengan Kisah 20:8).

II. Merasakan: Panggilan Untuk Kerendahan Hati dan Pelayanan

- A. Petrus menasihati para elder untuk mendapatkan tiga sifat-sifat khusus dalam 1 Petrus 5:2, 3
- B. Apakah sifat-sifat yang Petrus harapkan kepada semua elder (1 Petrus 5:5, 6)?

III. Melakukan: Merendahkan Diri Sendiri Dibawah Kekuatan Tangan Tuhan

- A. Dalam cara apakah pemimpin-pemimpin gereja boleh mencontohi kepemimpinan hamba sementara pada masa sama berfungsi sebagai pemerhati?
- B. Apakah yang diharapkan oleh Petrus kepada pemuda-pemudi dalam gereja sehubungan dengan mereka yang lebih tua (1 Petrus 5:5)?

Kesimpulan: Para elder berfungsi sebagai gembala (pastor) dan pemerhati di dalam gereja. Petrus menyeruh agar mempunyai semangat rendah hati dan kepemimpinan dalam pelayanan baik dikalangan semua lapisan orang percaya, sama ada muda atau tua. Tuhan akan mengangkat mereka yang merendahkan diri sendiri apabila tiba masanya dibawah kekuatan tanganNya.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 5:5, 6, 10

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Gereja memerlukan pemimpin-pemimpin yang baik dan akan berfungsi dengan baik dalam kedua-dua bidang – pemelihara dan pemerhati. Oleh kerana itu, mereka perlu rendah hati, ingin melayani dan siap sedia berfungsi sebagai contoh dan bukan sebagai diktator. Seseorang pemimpin dipanggil untuk menunjukkan semangat pelayanan. Orang muda dipanggil untuk mematuhi kepemimpinan seperti ini. Semua anggota bersatu untuk mengalaskan diri mereka dengan kerendahan hati. Kongregasi gereja yang menunjukkan semangat kerendahan hati dan pelayanan seperti ini akan diperkuatkan serta diperkukuhkan sebagaimana Tuhan mengangkat mereka di hadapan komuniti mereka.

Hanya Untuk Guru: Gereja awal mempunyai struktur organisasi yang minima. Para rasul adalah pemimpin yang terawal, namun, pertumbuhan gereja yang pesat mengatasi kemampuan para rasul menguruskannya dengan

berkesan. Kisah 6:1-6 menjelaskan usaha yang terawal untuk merancang tambahan para pemimpin demi membahagikan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Orang-orang tersebut akhirnya dikenali sebagai diakon, yang bererti: mereka yang melayani mencapai keperluan orang lain (*diakonoi*). Peristiwa berikutnya, para rasul juga mendapati keperluan untuk melantik pemimpin-pemimpin rohani dalam setiap sebuah kongregasi (Kisah 14:23; Titus 1:5). Mereka dikenali sebagai elder (*presbyteroi*) – secara literal, mereka adalah orang tua, orang yang berumur dan berpengalaman. Para rasul adalah pemimpin-pemimpin *itineren* (sentiasa bergerak), sementara para elder adalah pemimpin-pemimpin gereja tempatan. Menurut Kisah 15, kedua-dua kumpulan tersebut telah berkumpul bersama mewakili gereja masing-masing pada perhimpunan pertama di Jerusalem.

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas membaca Kisah 20:17, 18, 28-31. Bincangkan fungsi-fungsi yang Petrus harap-harapkan ada pada para elder gereja. Bandingkan dengan fungsi-fungsi yang Petrus harapkan kepada para elder dalam gereja-gereja di mana dia tujukan suratnya. Apakah fungsi kepada dua gambaran tersebut dan apakah mereka mempunyai persamaan? Apakah yang dinyatakan tentang penggunaan istilah yang betul dalam penulisan tersebut?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Dalam 1 Petrus 5:1-3, terdapat tiga istilah istimewa digunakan bagi pemimpin-pemimpin gereja – pemimpin-pemimpin, pemerhati-pemerhati dan gembala-gembala; kedua yang terakhir ditegaskan dalam bentuk verbal. Tiga istilah sama ini juga digunakan dalam Kisah 20:28. Pertama iaitu “elder,” telah dibincangkan di atas. Gelaran ini merupakan penggunaan istilah yang betul secara am digunakan bagi pemimpin-pemimpin gereja tempatan. Dalam Perjanjian Lama, para elder bertugas sebagai kaunselor dan hakim di kalangan penduduk. Para elder (“penyelia”) mempunyai kelayakan spesipik jika mereka berfungsi sebagai pemimpin-pemimpin rohani di dalam gereja Perjanjian Baharu (1 Tim. 3:1-7; Titus 1:6-9). Petrus merujuk kepada dirinya sendiri sebagai “rakan pemimpin” (*sympresbyteros*), menandakan identifikasinya dengan mereka (1 Pet. 5:1).

Istilah kedua dan ketiga berfungsi seperti yang ditegaskan dalam bentuk verbal. “Gembala” atau “menjadi gembala” (*poimain?*, 1 Pet. 5:2) menjelaskan fungsi memelihara. Ia juga boleh diterjemahkan sebagai “pastor” atau “menjadi pastor,” nama khusus sebagai pastor (*poimn?*) adalah orang yang menuntun domba-domba kepada padang rumput. Dalam 1 Petrus 2:25, Yesus bergelar sebagai Gembala bagi jiwa-jiwa kita.

Dalam 1 Petrus 5:4, Dia bergelar Gembala Agung (*archipoimn?*), menandakan bahawa para pastor dan para elder, berkerja di bawah otoriti dan bimbinganNya. Ibrani 13:20 menggelar Yesus “menjadi Gembala Agung bagi domba-dombaNya,” sama seperti Dia menggelar DiriNya sendiri “ ‘gembala yang baik’ ” (Yoh. 10:11, 14), menjadikan DiriNya Tauladan bagi orang lain.

Istilah yang lain digunakan oleh Petrus ialah “menjalankan tugas sebagai pemerhati/penilik” (1 Pet.5:2), atau “menjaalakan pemerhatian” (*episcopo?*), satu istilah yang menunjukkan fungsi penyelia atau pengurus. Dalam 1 Petrus 2:25, Yesus juga diberi gelaran sebagai Penilik (*episkopos*) terhadap jiwa-jiwa kita. Fungsi kepimpinan rohani sebagai sebahagian tugas elder adalah sama dengan tugas yang dijalankan oleh Yesus seperti Dia ambil peduli terhadap jiwa-jiwa kita. Adalah tidak menghairankan ketika itu bahawa Ibrani 13:17 menegur orang-orang percaya, “Taatilah pemimpin-pemimpinmu dan tunduklah kepada mereka, sebab mereka berjaga-jaga atas jiwamu, sebagai orang-orang yang harus bertanggung jawab atasnya.”

Ulasan Alkitab

I. Kualiti Keberkesanan Pemimpin-pemimpin Gereja (*Imbas bersama ahli kelas 1 Pet. 5:1-4*)

Sebagai seorang elder, Petrus merayu kepada rakan-rakan elder untuk memelihara kawanan domba-domba Tuhan dibawah tanggungan mereka. Melakukan pemerhatian supaya tidak ada seekorpun domba Kristus akan hilang. Sesudah itu, apabila Gembala Agung tiba, mereka akan menerima mahkota kemenangan yang tidak akan pudar. Terdapat tiga syarat harus para elder lakukan: (1) kerelaan, bukan tidak bekerja atau kewajipan; (2) keinginan, tanpa mengharap keuntungan kewangan; dan (3) rendah hati, tidak mengusir kawanan domba, melainkan mengutamakan tauladan.

Perhatikan Hal ini: Dalam cara apakah Yesus, Gembala Agung, menjadi contoh bagi tiga syarat-syarat tersebut?

II. Berbagai Nasihat Kepada Para Anggota (*Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Petrus 5:5-7*)

Orang yang lebih muda adalah diharapkan untuk menyerahkan kepada pihak otoriti, mereka yang lebih tua, supaya mempunyai semangat yang sama mendahulukan kepentingan orang lain. Penyerahan sedemikianlah yang berada di dalam semangat nasihat awal Petrus dalam 1 Petrus 2:13-3:7.

Akhirnya, semua diberi petunjuk untuk membalut diri sendiri dengan kerendahan hati di dalam perhubungan mereka, menurut nasihat dan teguran dalam 1 Petrus 3:10-12, berdasarkan Amsal 3:34. Sesuai dengan pandangan pertentangan Tuhan kepada orang yang bongkok dengan kerelaannya memberikan kasih kurnia kepada yang rendah hati; semua orang dinasihatkan agar merendahkan hati sendiri di hadapan Tuhan serta menanti Dia untuk mengangkat mereka pada masa yang sesuai. Sekalipun kerendahan hati pada masa dahulu dan juga masa sekarang ini, secara amnya ia berkaitan dengan kemiskinan dan taraf kedudukan sosial yang rendah, orang-orang percaya tidak perlu bimbang terhadap sesuatu perkara. Mereka hanya perlukan – biarlah Tuhan yang bimbang terhadap kehidupan mereka, kerana Dia memelihara mereka serta boleh dipercayai dapat memenuhi keperluan mereka.

Perhatikan Hal ini: Apakah beberapa cara praktikal di mana saya boleh membalut diri saya sendiri dengan kerendahan hati dalam hubungan pribadi dengan Tuhan.

III. Kehidupan Di dalam Kawasan Kekuasaan Iblis. *(Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Petrus 5:8-11)*

Tuhan memelihara kita. Pada masa sama, kita harus jangan pernah lupa bahawa kita tinggal pada kawasan musuh. Oleh kerana itu, kita seharusnya dapat mengawal diri dan sentiasa berwaspada, kerana musuh kita, si Iblis, seperti singa yang lapar, berkeliaran “mencari orang yang dapat ditelannya” (1 Pet. 5:8). Dalam keadaan sembunyi-sembunyi atau rahsia, singa-singa menghendap musuh mereka, sehingga pada saat-saat akhir ia menyerang dan menerkam. Mungkin kita tidak sedar bahayanya kecuali kita sentiasa berwaspada, berfikiran waras dan pengawalan diri sendiri supaya tidak ada yang dapat menghindari keupayaan kita berdoa (1 Pet. 4:7). Bukan sahaja kita perlu sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga, tetapi kita juga diberitahu untuk “lawanlah dia dengan iman yang teguh” (1 Pet. 5:9).

Petrus memberi peringatan kepada para pembacanya bahawa mereka tidak sendirian dalam menghadapi kemurkahan si musuh, “sebab kamu tahu, bahawa semua saudaramu di seluruh dunia menanggung penderitaan yang sama” (1 Pet. 5:9). Namun itu, Petrus sudahi kata-katanya, “Sesudah kamu menderita sekian lamanya,” Tuhan yang penuh dengan kasih “akan melengkap, meneguhkan, menguatkan dan mengukuhkan kamu” (1 Pet. 5:10). Kekuatan kita bukan pada diri kita sendiri; ia adalah di dalam Tuhan yang memanggil kita kepada kemuliaannya yang kekal.

Pertimbangkan Hal ini: Iblis (naga) sesungguhnya sangat marah pada akhir-akhir zaman ini kepada mereka yang memelihara hukum-hukum Tuhan dan memiliki kesaksian Yesus (Wah. 12:17). Sebagai askar-askar bagi Yesus, kita perlu waras dan berwaspada. Bagaimana mungkin saya hidup sebagai askar bagi Tuhan dalam kawasan musuh?

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Apakah bentuk semangat kita pamerkan di dalam perhubungan kita dengan orang lain, sama ada kita adalah pemimpin-pemimpin rohani, orang muda atau apa sahaja kategori keanggotaan gereja?
2. Apakah langkah-langkah yang kita ambil supaya sentiasa berwaspada, fikiran waras dan pengawalan diri sendiri? Apakah cara-cara di mana kita sentiasa sedar dengan kaedah-kaedah daripada Iblis? Bagaimanakah kita berjaga-jaga dengan berdoa?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Gereja sekarang ini adalah lebih tersusun rapih daripada gereja yang mula-mula. Organisasi bertaraf tinggi ini perlu disebabkan oleh wujudnya beberapa kesulitan dalam gereja dan dunia.

Para elder dalam Perjanjian Baharu sama pentingnya dengan para pastor dan penilik (“*bishop*”; rujuk contoh dalam 1 Tim. 3:1, 2; Titus 1:7; 1 Pet.2:25), mempraktikkan kedua-dua fungsi tersebut. Para pemimpin lain yang serupa hanyalah rasul-rasul dan diakon-diakon, sekalipun tugas diakon khusus kepada fungsi-fungsi kerohanian (Kisah 6:1-4; 15:2, 4, 6, 22, 23; 16:4; 1 Tim. 5:17).

Soalan Renungan:-

1. Apakah dasar sistem perwakilan Organisasi gereja kita dan apakah prinsip-prinsip alkitabiah yang berhubungan dengannya?
2. Mengapa kita perlu ada keyakinan berterusan di dalam petunjuk daripada Tuhan bagi kepimpinan dalam gerejanya? Selaku Gembala Agung, apakah kepentingan yang Yesus peroleh dengan membimbing kawanan dombanya dalam keadaan selamat?

Aktiviti: Mintalah ahli kelas membaca 1 Timotius 5:17 dan Ibrani 13:7, 17. Bincangkan cara-cara di mana ahli-ahli kelas dapat menunjukkan sokongan dan penghargaan bagi pemimpin-pemimpin kerohanian dalam gereja. Rancanglah sekurang-kurangnya satu idea segera menjadi kenyataan.

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Ramai anggota gereja tidak berapa perasan dengan susunan organisasi gereja Seventh-day Adventist sekarang ini. Demikian juga bagaimana ia lebih berfungsi berdasarkan pemilihan perwakilan serta kewangannya datang daripada gereja peringkat lokal dan seterusnya peringkat-peringkat ke atasnya. Mereka juga tidak sedar bahawa sebaik sahaja susunan tersebut terbentuk untuk jangkamasa yang ditetapkan, beberapa piawai pemegang-kuasa pengendali diwujudkan – berkuatkuasa sehingga kepada pemilihan akan datang pada mesyuarat agung atau General Conference session. Mungkin boleh membantu dengan meneliti semula beberapa dasar pengertian sehubungan dengan cara-cara pembentukan kepimpinan dan otoriti dalam gereja Advent, supaya akan terdapat sefahaman yang lebih baik tentang proses dan mengapa gereja berfungsi sedemikian rupa. Sebuah buku berjudul 'Church Manual' dapat membantu untuk memahami organisasi gereja.

PELAJARAN 8 | 13-19 Mei

Yesus Dalam Surat Petrus

PETANG SABAT

Ayat-ayat Bacaan Pelajaran Minggu Ini: 1 Pet. 1:18, 19; Kol. 1:13, 14; Yes. 53:1-12; Yoh. 11:25; Maz. 18:50; 2 Pet. 1:1.

Ayat Hafalan: *“Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuh-Nya di kayu salib, supaya kita, yang telah mati terhadap dosa, hidup untuk kebenaran. Oleh bilur-bilurNya kamu telah sembuh” (1Pet. 2:24).*

Sementara kita mempelajari 1 Petrus, harus jelas sehingga sekarang ini bahawa dalam konteks apa sekalipun dan apa sahaja isu spesifik yang dikemukakanannya, fokus Petrus adalah Yesus. Yesus serapkan semua yang ditulis oleh Petrus; bagaikan tenunan benang emas melalui surat.

Bermula pada baris pertama, Petrus memperkenalkan bahawa dia adalah “rasul” (“orang yang diutus”) oleh Yesus Kristus, sehingga pada akhir tulisannya, “Damai sejahtera menyertai kamu sekalian yang berada dalam Kristus” (1 Pet. 5:14), tema utamanya ialah Yesus. Dalam suratnya ini, dia berbicara tentang kematian Yesus sebagai korban kita. Petrus berbicara tentang penderitaan besar yang dilalui oleh Yesus. Dia juga menggunakan contoh Yesus dalam penderitaan tersebut sebagai contoh kepada kita. Dia berbicara tentang kebangkitan Yesus serta maknanya untuk kita. Sebagai tambahan, dia berbicara tentang Yesus, bukan sahaja sebagai Mesias, Kristus dan “yang diurapi,” tetapi, tentang Yesus sebagai Mesias Ilahi. Demikianlah yang kita lihat dalam 1 Petrus, banyak bukti tentang sifat keilahian Yesus. Dia adalah Tuhan sebenar, telah datang dalam bentuk manusia; hidup dan mati supaya kita mendapat pengharapan janji-janji kehidupan kekal.

Minggu ini, kita akan melihat semula surat 1 Petrus secara dekat apa yang dinyatakannya tentang Yesus.

**Pelajarilah Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 20 Mei.*

AHAD 14 Mei

Yesus Korban Kita

Tema bersifat menyeluruh Alkitab ialah pekerjaan Tuhan untuk menyelamatkan manusia yang telah jatuh. Bermula dengan kejatuhan Adam dan Hawa dalam Kejadian kepada jatuhnya Babel dalam Wahyu. Dalam apa cara sekalipun, Injil menyatakan pekerjaan Tuhan untuk mencari “mereka yang hilang” (Luk. 9:10). Tema itu jugalah yang ternyata dalam surat-surat Petrus.

Baca 1 Petrus 1:18, 19 dan Kol. 1:13, 14. **Apakah yang dimaksudkan dengan ditebus serta apa yang darah boleh lakukan berkaitan dengan penebusan?**

1 Petrus 1:18, 19 menghuraikan makna kematian Yesus yang sebenar seperti begini: “Sebab kamu tahu, bahawa kamu telah ditebus daripada cara hidupmu yang sia-sia yang kamu warisi daripada nenek moyangmu itu bukan dengan barang yang fana, bukan pula dengan perak atau emas, melainkan dengan darah yang mahal, yaitu darah Kristus yang sama seperti darah anak domba yang tak bernoda dan tak bercacat.” Terdapat dua kunci perlambangan dalam ayat-ayat tersebut: penebusan dan korban binatang.

Berbagai cara bagaimana perkataan penebusan digunakan dalam Alkitab. Sebagai contoh, anak pertama keldai (yang tidak boleh digunakan sebagai korban) dan anak pertama manusia (Kel. 34:19, 20) telah ditebus dengan mengorbankan domba sebagai pengganti. Wang boleh digunakan untuk membeli semula (menebus) benda-benda yang telah dijual disebabkan kemiskinan (Ima. 25:25, 26). Lebih penting lagi, seorang hamba boleh ditebus (Ima. 25:47-49). 1 Petrus memberitahu para pembaca bahawa harga untuk membeli mereka semula (menebus) daripada “kamu warisi dari nenek moyangmu” (1 Pet. 1:18) tidak berbeza dengan “darah Kristus yang sama seperti darah anak domba yang tak bernoda dan tak bercacat” (1 Pet. 1:19). Sememangnya, lambang domba tersebut membangkitkan konsep mengorbankan binatang.

Petrus menyamakan kematian Kristus dengan mengorbankan binatang dalam Kitab Ibrani. Orang berdosa membawa kambing tanpa cacat-cela ke sanktuari. Orang berdosa itu meletakkan tangannya ke atas binatang (Ima. 4:32, 33). Binatang tersebut disembelih dan beberapa daripada darahnya akan dipercikkan ke atas altar, selebihnya dituang ke lantai bawah altar (Ima. 4:35). Seterusnya Petrus mengatakan bahawa Yesus mati untuk mengambil tempat kita serta kematianNya telah menebus kita daripada kehidupan lama dan daripada kebinasaan yang sepatutnya kita miliki.

Apakah fakta bahawa pengharapan keselamatan hanya terdapat pada penggantian hukuman pada tempat kita ajarkan tentang kebergantungan amat sangat kepada Tuhan?

ISNIN

5 Mei

Penderitaan Kristus

Umat Kristian seringkali berkata tentang “penderitaan Kristus.” Perkataan penderitaan tersebut berasal daripada Bahasa Greek yang membawa maksud “menjadi sengsara,” dan frasa “penderitaan Kristus” biasanya merujuk kepada kesengsaraan yang dialami Yesus dalam period akhir kehidupan di dunia; bermula dengan kemenangan keatas kemasukan ke kota Yerusalem. Petrus juga berlandaskan kepada tema penderitaan Yesus pada akhir-akhir zaman tersebut.

Baca 1 Petrus 2:21-25 dan Yesaya 53:1-12. Apakah yang dikatakan dalam ayat-ayat tersebut beritahu kita tentang penderitaan Yesus bagi pihak kita?

Terdapat makna tertentu tentang penderitaan Yesus. Dia pikul, “Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuh-Nya di kayu salib, [bandingkan dengan Kisah 5:10] supaya kita, yang telah mati terhadap dosa, hidup untuk kebenaran” (1 Pet.2:24). Dosa membawa kematian (Roma 5:12). Sebagai orang berdosa, kita berhak untuk mati. Namun, Yesus yang sempurna – tanpa dusta keluar daripada bibirNya (1 Pet.2:22)-telah mati menggantikan tempat kita. Dengan penggantian sedemikianlah, kita mendapat rencana keselamatan.

Baca Yesaya 53:1-12 sekali lagi. Apakah ayat-ayat tersebut katakana tentang derita Yesus sementara Dia berusaha melakukan rencana keselamatan bagi pihak kita? Bagaimanakah perkara tersebut memberitahu kita tentang sifat Tuhan?

“Pencubaan-pencubaan yang ganas daripada Syaitan telah memulas hati Yesus. Sang Juruselamat tidak dapat melihat melalui pintu liang kubur. Pengharapan tidak diperlihatkan kepadaNya pada ketika Dia menakluki kubur atau memberitahu Dia tentang penerimaan BapaNya ke atas korban tersebut. Yesus berasa bimbang bahawa dosa bersifat menghina kepada Tuhan sehingga perpisahan Mereka akan berkekalan. Yesus merasakan siksaan di mana orang berdosa akan rasa apabila belas kasihan bukan lagi rayuan keatas peraduan kesalahan. Rasa insaf ke atas dosalah membawa kemarahan Bapa kepada Dia sebagai pengganti manusia, menjadikan cawan yang Dia minum sangat pahit dan menghancurkan hati Anak Tuhan.” – Ellen G. White, *The Desire of Ages*, ms. 753.

Apakah seharusnya respons kita tentang apa yang Kristus tanggung bagi kita? Bagaimana kita mengikuti contohNya seperti yang dikatakan dalam 1 Petrus 1:21?

SELASA 16 Mei

Kebangkitan Yesus

Baca 1 Petrus 1:3, 4, 21; 3:21; Yohanes 11:25; Fil. 3:10, 11; Wah. 20:6. Apakah pengharapan besar yang mereka maksudkan dan apa maksudnya bagi kita?

Sebagaimana yang kita telah lihat, 1 Petrus ditujukan kepada mereka yang sengsara kerana kepercayaan kepada Yesus. Adalah tepat sekali khususnya, bahawa sejak permulaan surat Petrus dituju khusus kepada perhatian para pembaca kepada pengharapan yang bakal menanti mereka. Seperti yang dia katakan, pengharapan orang Kristian adalah pengharapan yang hidup; tepat sekali kerana ia adalah pengharapan yang terletak pada kebangkitan Yesus (1 Pet. 1:3). Disebabkan oleh kebangkitan Yesus, umat Kristian boleh melihat ke hadapan, pesaka di Syurga yang tidak akan binasa atau pudar (1 Pet.1:4). Dalam kata lain, tidak kira betapa jahat sekalipun perkara-perkara berlaku, fikirkan tentang sesuatu perkara yang sedang menanti kita apabila semuanya berakhir.

Sesungguhnya, kebangkitan Yesus daripada kematian adalah satu jaminan bahawa kita juga boleh dibangkitkan (1 Kor. 15:20,21). Sebagaimana Paulus katakan “Jika Kristus tidak dibangkitkan, maka sia-sialah kepercayaan kamu dan kamu masih hidup dalam dosamu” (1 Kor. 15:17). Namun, oleh kerana Yesus telah

dibangkitkan daripada kematian, Dia telah menampakkan bahawa Dia mempunyai kuasa untuk mengalahkan kematian itu sendiri. Oleh itu, pengharapan umat Kristian berdasarkan asas sejarah kejadian kebangkitan Kristus. KebangkitanNya adalah dasar kepercayaan kita pada masa akhir zaman.

Di manakah kita mungkin, jika tanpa pengharapan dan janji tersebut? Semua perbuatan yang Kristus lakukan untuk kita memuncak pada janji kebangkitan. Jika tidak, apakah pengharapan yang kita ada, terutama sekali kerana kita tahu bahawa bertentangan dengan kepercayaan Kristian terkenal – orang mati dalam keadaan tidur – nyenyak dalam kubur?

“Bagi umat Kristian, kematian hanyalah bagaikan tidur, waktunya sunyi senyap dan gelap. Kehidupan bersembunyi bersama Yesus didalam Tuhan dan ‘apabila Kristus, yang juga kehidupan kita, akan muncul, kemudian dia juga akan muncul bersama Yesus dalam kemuliaan.’ Yoh. 8:51, 52; Kol.3:4. ... Pada waktu kedatangan Yesus yang kedua, semua orang mati yang bernilai akan mendengar suaranya dan akan bangun dalam kemegahan, beroleh hidup yang tidak akan binasa.” – Ellen G. White, *Desire of Ages*, ms. 787.

Fikirkan tentang kenyataan mutlak terhadap kematian. Ianya sangat kejam, sangat tidak ada ampun dan juga sangat nyata. Lalu mengapakah bahawa janji-janji kebangkitan itu sangat penting bagi iman dan seluruh kepercayaan kita dalam pengharapan tersebut?

RABU

17 Mei

Yesus Sebagai Mesias

Sebagaimana kita lihat lebih awal, satu daripada saat perubahan penting dalam pelayanan Yesus di dunia ialah tentang sambutan ke atas persoalan siapa Dia sebenarnya, Petrus menjawab: “ ‘Engkau adalah Mesias, Anak Tuhan yang hidup!’ ” (Mat. 16:16). Perkataan *Christ* (Kristus) (dalam bahasa Greek *Christos*) bermakna “yang diurapi,” sementara “Messiah” (Mesias); dalam bahasa Hebrew ialah *mashiyach*. Perkataan berasal daripada kata dasar yang bererti “untuk mengurapi,” ia digunakan dalam beberapa petikan dalam Perjanjian Lama.

(Ia juga digunakan pada suatu tempat merujuk kepada raja orang kafir, Cyrus [*lihat Yes. 45:1*].) Oleh itu, apabila Petrus memanggil Yesus sebagai Kristus, dia sebenarnya menggunakan perkataan luahan sempurna berasal daripada Kitab Ibrani.

Sila baca ayat-ayat berikut daripada Perjanjian Lama yang menggunakan perkataan *Mesias* atau *diurapi*. Apakah dalam petikan tersebut ajar kita tentang maksud-maksudnya? Bagaimana mungkin Petrus memahami maksudnya sehingga dia memanggil Yesus sebagai Mesias?

Maz. 2:2 _____

Maz. 18:50 _____

Dan. 9:25 _____

1 Sam. 24:6 _____

Yes. 45:1 _____

Sekalipun Petrus mendapat ilham daripada TUHAN untuk mengisytiharkan Yesus sebagai Mesias (Mat. 16:16, 17), tidak dapat dinafikan bahawa dia tidak mengerti sepenuhnya maksud sebenarnya. Dia tidak mengerti siapa sebenarnya Mesias itu, apa yang hendak dilaksanakanNya dan barangkali yang lebih penting, bagaimana Dia menyelesaikannya.

Dengan pemahaman yang kurang itu, Petrus tidak sendirian. Terdapat banyak perbezaan pendapat tentang Mesias di Israel. Dalam dan diri mereka sendiri, penggunaan perkataan Mesias atau yang diurapi dalam petikan di atas, tidak memperlihatkan gambaran yang penuh, berapa banyak sekalipun mungkin mereka membayangkan apa sebenarnya yang akan dilakukan oleh Mesias.

Yohanes 7:40 menyatakan sebahagian daripada yang dijangkakan tentang Mesias: Dia adalah berasal daripada keturunan Daud, dari kota Bethlehem (Yes. 11:1-16; Mik. 5:2). Pada bahagian itu mereka benar. Bagaimanapun, pada imaginasi ramai, Mesias daripada keturunan Daud, akan melakukan seperti yang Daud telah lakukan: mengalahkan musuh-musuh orang Yahudi. Satu-satunya yang orang tidak dapat jangka ialah Mesias itu akan disalibkan oleh orang Roma.

Sudah pasti, sehingga pada waktu Petrus menulis surat-suratnya, dia faham dengan jelas bahawa Yesus sesungguhnya Mesias (dia memanggil Yesus sebagai Mesias 15 kali dalam 1 dan 2 Petrus) serta semua yang Yesus telah laksanakan kepada manusia.

KHAMIS

18 Mei

Yesus, Tuhan Mesias

Bukan sahaja Petrus mengetahui bahawa Yesus adalah Mesias, bahkan, dia tahu bahawa Yesus adalah juga TUHAN. Iaitu, sehingga pada waktu surat Petrus ditulis, dia tahu bahawa Yesus adalah Tuhan itu Sendiri. Meskipun pangkat nama "TUHAN" mempunyai makna sekular, istilahnya juga jelas merujuk kepada ketuhanan. Dalam 1 Petrus 1:3 dan 2 Petrus 1:8, 14, 16, Petrus merujuk kepada Yesus sebagai Mesias, Kristus sama seperti TUHAN sebagai Tuhan Sendiri.

Sama seperti penulis lain dalam Perjanjian Baharu, Petrus menghuraikan hubungan di antara Yesus dan Tuhan dengan perkataan *Bapa dan Anak*. Sebagai contoh, "Terpujilah TUHAN dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus" (1 Pet. 1:3); bandingkan dengan 2 Pet.1:7). Yesus dijelaskan sebagai Anak yang dikasihi (2 Pet.1:17), dan beberapa otoriti Yesus sebagai TUHAN sementara status syurgawinya, kerana terdapat hubungan istimewa bahawa Dia telah bersama dengan Tuhan Bapa syurgawi.

Sila baca 2 Petrus 1:1; Yoh. 1:1 dan Yoh. 20:28. Apakah ayat-ayat tersebut terangkan kepada kita tentang ketuhanan Yesus?

2 Petrus 1:1 mengatakan, "Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus." Dalam bahasa ori Greek, penggunaan tatabahasa (itulah dan "itu") digunakan untuk kedua-dua Tuhan dan Juruselamat. Dari segi nahu, ia bererti bahawa kedua-dua "Tuhan" dan "Juruselamat" digunakan untuk Yesus. Maka, 2 Petrus 1:1 adalah salah satu daripada petunjuk yang sangat jelas dalam Perjanjian Baharu tentang ketuhanan Yesus sepenuhnya.

Sementara umat Kristian yang mula-mula bergumul untuk mengerti siapa Yesus, akhirnya, secara perlahan-lahan mereka dapati bukti di dalam Perjanjian Baharu. Dalam surat Petrus, Bapa, Anak dan Roh Kudus adalah berbeza (sebagai contoh, Bapa/Anak: 1 Pet. 1:3; 2 Pet.1:17; Roh Kudus: 1 Pet.1:12; 2 Pet.1:21), sesungguhnya mereka menjadi tumpuan dalam Perjanjian Baharu. Namun, pada masa sama, Yesus digambarkan sebagai penuh ketuhanan, demikian juga dengan Roh Kudus. Setelah perbincangan lebih banyak masa, gereja perkembangan doktrin Trinita, menjelaskan seberapa banyak yang boleh tentang misteri ketuhanan. Gereja Seventh-day Adventist memasukkan doktrin Trinita sebagai salah satu daripada 28 Dasar Kepercayaan. Oleh yang demikian, kita lihat dalam surat Petrus jelas memaparkan bahawa Yesus bukan sahaja Mesias bahkan Tuhan Sendiri.

Apabila anda fikirkan tentang kehidupan dan kematian Yesus kemudian mengetahui bahawa Dialah Tuhan, apakah perkara ini beritahu anda tentang Tuhan yang kita sembah dan mengapa kita harus mengasihi dan yakin kepada Dia? Kemukakan jawapan anda dalam kelas pada hari Sabat nanti.

JUMAAT 19 Mei

Renungan Selanjutnya: "Nampaknya adalah logik untuk memulakan dengan 'Mesias,' oleh kerana Kristian pinjam nama tersebut daripada bahasa Greek yang sama maksud dengan *Christos*, 'Orang yang Diurapi.' Dalam Bahasa Hebrew, perkataan tersebut dikaitkan dengan gambaran penyelamat di mana bangsa Yahudi sekian lama nanti-nantikan. Dia juga yang akan menjadi agen Tuhan pada pembukaan rasmi lembaran baru bagi umat Tuhan. Kedua-dua istilah Hebrew dan Greek berpunca daripada makna kata dasar 'untuk mengurapi.' Secara kenyataan, dengan memanggil Dia 'Kristus,' penulis-penulis Perjanjian Baharu menganggap Yesus sebagai satu pengecualian istimewa bagi tugas-tugas tertentu.

"Pangkat nama *Christos* dalam Perjanjian Baharu, terdapat lebih 500 kali. Sekalipun terdapat lebih daripada satu konsep tentang Kemesiasan di antara zaman semasa Yesus, secara amnya telah diterima bahawa pada abad pertama bangsa Yahudi telah memulakan pencarian seorang Mesias yang mempunyai hubungan istimewa dengan Tuhan. Dia akan melayani pada akhir zaman. Dia adalah orang yang mana Tuhan akan memulakan sejarah untuk membebaskan umatNya. Yesus menerima pangkat nama 'Mesias,' tetapi tidak menggalakkan penggunaannya; kerana istilah tersebut akan membawa kehancuran politik sehingga menjadikan lebih sukar lagi. Sekalipun keberatan menggunakannya Sendiri di kalangan orang awam untuk menjelaskan tujuannya, Yesus mencelanya demikian juga Petrus (Mat. 16:16, 17) begitu juga dengan perempuan Samaria (Yoh. 4:25, 26) untuk menggunakannya. Yesus tahu sendiri bahawa Dialah Mesias, seperti yang terlihat dalam laporan Markus tentang perkataan Yesus mengenai pemberian kepada salah seorang muridNya segelas air 'oleh kerana kamu adalah pengikut Kristus' (Mar. 9:41)." - *The SDA Bible Commentary*, vol. 12, ms. 165.

Soalan-soalan Perbincangan:

1. Sila baca Yesaya 53:1-12. Menurut ayat-ayat tersebut, apakah yang Yesus telah lakukan kepada kita? Tulis secara spesifik apa yang dilakukanNya bagi pihak anda. Dalam cara apakah kita dapat melihat dengan jelas idea bahawa Yesus sebagai pengganti kita di dalam ayat-ayat tersebut? Mengapakah kita perlu Dia sebagai pengganti kita?
2. Menerusi sejarah, beberapa orang telah menggunakan janji alkitabiah selepas kehidupan untuk membantu orang yang tertekan. Memanglah benar, kehidupan anda agak sukar di dunia sekarang ini, tetapi, fokuslah kepada janji-

janji Tuhan kepada kita apabila Yesus kembali. Oleh kerana kebenaran tersebut diajar di dalam Firman Tuhan telah disalahguna, ramai yang menolak tanggapan orang Kristian tentang selepas kehidupan; sebaliknya, mereka melihat perkara tersebut hanya pekerjaan jelik oleh beberapa orang untuk memberi tekanan kepada orang lain. Bagaimana anda respons ke atas dawaan seperti itu?

3. Dalam kelas anda, lihat semula jawapan soalan hari Khamis tentang ketuhanan Yesus. Apakah yang diterangkan kepada kita tentang sifat Tuhan? Apa hal dengan ketuhanannya dan apakah yang dinyatakan tentang Tuhan sebagai satu berita gembira?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 1 Petrus 1:18-21

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Melihat bahawa Yesus Kristus berada pada pusat teologi dan pengajaran Petrus, termasuklah Kemesiasannya, penderitaan dan kematianNya, kebangkitanNya dan kedatangan kedua kalinya.

Merasakan: Mengambil kesempatan kepada panggilan Tuhan untuk mengambil bahagian di dalam penderitaan-penderitaan Kristus serta mengalami iman dan pengharapan di dalam kemuliaan bahawa ia akan menjadi kenyataan di dalam kita pada kedatanganNya.

Melakukan: Mengabaikan cara-cara kehidupan yang kosong dan melakukan dengan taat-setia apa yang benar serta melayani orang lain dengan kasih.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Yesus adalah Mesias, Penebus dan TUHAN.

- A. Apakah beberapa aspek khusus kehidupan dan pelayanan Yesus yang Petrus tekankan pada penulisannya ini?
- B. Apakah mungkin pusat tumpuan rujukan-rujukan Petrus kepada kehidupan dan pelayanan Yesus?

II. Merasakan: Panggilan Untuk Mengikuti Langkah-langkah Yesus

- A. Dalam apakah konteks khusus yang Petrus mohon kepada para pembacanya ikuti di dalam jejak kaki Yesus?
- B. Bagaimanakah nubuat-nubuat Perjanjian Lama terlaksana di dalam Yesus dapat mempengaruhi keputusan-keputusan kita mengenai mengikut Yesus hari ini?

III. Melakukan: Persediaan Bagi Kedatangan Yesus

- A. Apakah nasihat Petrus kepada para pembaca lakukan sementara mereka bersedia bagi kedatangan Yesus?
- B. Bagaimanakah kita melihat pengadilan yang akan datang? Apakah dengan ketakutan atau dengan keinginan mengharapkan ia berlaku? Bincangkan.

Kesimpulan: Petrus menganyam mesej yang jelas tentang Yesus ke dalam semua perbincangannya. Yesus adalah Mesias, Ilahi dalam nubuatan Perjanjian Lama, telah diutus untuk menebus orang-orangnya daripada cara-cara kehidupan yang berada dalam dosa dengan mengorbankan DiriNya sendiri. Dia telah dibangkitkan daripada kematian dan segera akan menjadi kenyataan di dalam kemuliaan. Pengharapan umat Kristian terletak di dalam Dia.

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 1 Petrus 1:3-9

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Tuhan telah menjadikan umat Kristian kepada hidup berpengharapan melalui Kebangkitan Yesus Kristus daripada kematian. Pengharapan ini termasuklah pesaka di Syurga yang tidak akan pernah binasa, rosak atau layu. Ia telah dijaga-rapih bagi kita yang dinaungi menerusi iman, dengan kuasa Tuhan sehingga pada kedatangan keselamatan kelak akan dinyatakan pada kedatangan Kristus. Kita memuji Tuhan dengan kegembiraan oleh kerana pengharapan keselamatan ini, sementara tabiat kita akan diubah terlebih dahulu oleh kemuliaan yang akan dinyatakan di dalam kita. Kita mengasihi Yesus dan juga seorang dengan yang lain. Kita dapat bertahan daripada percubaan-percubaan dengan sabar dan ketabahan. Kita percaya kepada Tuhan dan FirmanNya; akhirnya, kita akan menerima matlamat iman kita – keselamatan bagi jiwa-jiwa kita.

Hanya Untuk Guru: Yesus mengubah kehidupan Petrus. Pada kebiasaannya, Petrus berani dan kasar; bertindak terburu-buru dan lantang bercakap. Dia selalu bercakap sebelum memikirkan dengan teliti kata-kata yang diucapkannya. Akibatnya, dia membuat janji bahawa dia tidak lagi seperti kebiasaannya sehingga berakhir dengan penafian kepada TUHANNya. Bagaimanapun, tidak seperti Yudas, daripada kehilangan pengharapan dan berputus asah, Petrus bertaubat dan mencari pengalaman baharu dengan Kristus; menjadi salah seorang pengikut dan saksi yang sangat bersemangat. Barangkali Petrus telah menjadi pemimpin yang sangat menonjol sebagai rasul kepada orang Kafir. Paulus menganggap Petrus menjadi “tonggak” utama kepada gereja (Gal. 2:9). Petrus tahu siapa Yesus sebenar serta dengan kuasaNya di dalam kehidupan. Adalah tidak mengejutkan bahawa tulisannya ini dipenuhi dengan beberapa rangkap yang berbicara tentang betapa pentingnya Yesus dalam kehidupan orang percaya.

Permulaan Aktiviti dan Perbincangan: Mohon ahli kelas untuk membaca bersama 1 Petrus 1:3-9, 18-21. Mintalah daripada ahli kelas untuk mengenalpasti berbagai elemen proses keselamatan yang telah dikatakan dalam kutipan-kutipan tersebut serta yang berkaitan dengan kehidupan dan pekerjaan Yesus.

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Kehidupan dan pekerjaan Yesus menyerap ke dalam surat pertama Petrus. Tetapi, pusat tumpuan kehidupan dan pekerjaan Yesus terdapat dalam 1 Petrus 3:18, yakni, sebagai ganti kepada kematian Yesus bagi dosa-dosa kita dan kebangkitan berikutNya kepada kehidupan di dalam Roh. Terdapat sepuluh rujukan jelas tentang penderitaan dan kematian Yesus di dalam surat (1 Pet. 1:2, 11, 19; 2:21, 23, 34; 3:18; 4:1, 13; 5:1), dengan sekurang-kurangnya satu rujukan dalam setiap fasal. Terdapat empat rujukan jelas tentang kebangkitan (1 Pet. 1:3, 21; 3:18, 21). Sebagai tambahan, terdapat satu rujukan tentang keberangkatanNya (1 Pet. 3:22) dan lima rujukan tentang kedatangan ke dua kaliNya (1 Pet. 1:5, 7, 13; 5:1, 4).

Ulasan Alkitab

I. Penderitaan dan Kematian Yesus (*Imbas Kembali bersama kelas 1 Petrus 18, 19; 2:24; 3:18*)

Majoriti rujukan tentang kehidupan dan pekerjaan Yesus merujuk kepada penderitaan dan kematianNya. penderitaanNya sangat banyak kali disebut, secara keseluruhannya, sebagai contoh kepada mereka yang juga mengalami penderitaan (1 Pet. 1:11, 12; 2:21-23; 4:1, 13-16), tetapi, kematian Yesus sebagai korban kepada dosa-dosa kita dalam segi teologi, ia lebih bermakna kepada keselamatan kita (1 Pet. 1:18, 19; 2:24; 4:18). Kutipan-kutipan tersebut mengajarkan pengganti menebus untuk membayar harga penyelamatan ke atas dosa-dosa kita. Selain daripada korban pengganti iaitu Yesus, tidak mungkin ada peruntukan ke atas keselamatan kita. Rencana inilah satu-satunya jalan kita dapat datang kepada Tuhan (1 Pet. 3:18; Yoh. 14:6; Kisah 4:10-12; Ibr. 9:27, 28; 10:19-22).

Pertimbangkan Hal ini: Berapa banyak masa harian atau mingguan dapat saya gunakan untuk merenung penderitaan dan kematian Yesus?

II. Kebangkitan Yesus (*Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Pet. 1:3, 21; 3:18, 21*)

Walaupun kematian Yesus penting untuk keselamatan kita, tetapi itu tidak berguna tanpa kebangkitanNya (1 Pet. 1:3; 3:21; 1 Kor. 15:14, 17-19). Kita mempunyai pengharapan untuk mendapatkan kehidupan kekal kerana Dia tidak mati melainkan Dia telah bangkit (Mat. 28:5, 6; Luk. 24:5, 6). Dia juga telah menjadi “buah pertama daripada mereka yang telah mati” (1 Kor. 15:20). Dalam kebangkitanNya kita mendapatkan keyakinan terhadap potensi kebangkitan kita kepada kehidupan kekal. Petrus dengan jelas mengerti prinsip ini dan berpegang kepadanya di hadapan para pembacanya sebagai satu dasar kepada pengharapan mereka, tidak kira penderitaan atau kematian, sekalipun mereka mungkin akan ditempuh bencana dalam hidup.

Pertimbangkan Perkara ini: Dalam Roma 6:4, Paulus menjadikan kebangkitan Yesus bukan sahaja pengharapan untuk hidup kekal kelak, tetapi juga mejadi satu bentuk kerohanian yang baru dalam kehidupan semasa. Berdasarkan kepada apakah pengharapan kehidupan kekal kita?

III. Keberangkatan Yesus ke Syurga dan Kembali Semula (*Imbas kembali 1 Petrus 1:5, 7, 13; 3:22; 5:1, 4*)

Sebagai tambahan kepada penderitaan dan kebangkitan Yesus, Petrus merujuk kepada beberapa peristiwa penting dalam kehidupan dan pekerjaanNya. Dalam 1 Petrus 3:22, dia merujuk kepada keberangkatan ke Syurga, sehingga membayangkan keunggulan pelayanan keimamatanNya dengan menyatakan bahawa Dia “ duduk di sebelah kanan Tuhan” (Bandingkan dengan Kis. 5:31; Ibr. 8:1; 9:24; 10:11, 12). Selepas itu, lima kali dia merujuk

kepada kedatangan kembali Kristus dengan berkata bahawa seperti pernyataanNya dalam kemuliaan pada masa terakhir (1 Pet. 1:5, 7, 13; 5:1), atau kedatangannya (1 Pet.5:4). Kedatangan dalam kemuliaan ini adalah penggenapan kepada segala pengharapan umat Kristian (Titus 2:13). Ianya adalah akan menjadi pesaka yang diberkati, telah disediakan bagi kita di Syurga. Itu jugalah yang selama ini kita nanti-nantikan serta sebab mengapa kita dipanggil (1 Pet. 1:4; 3:9).

Pertimbangkan Perkara ini: Pada amnya Yesus dikenal sebagai Yesus Kristus (Kristos, Yang Diurapi, Mesias). Oleh yang demikian, Petrus berulang kali mengumumkan bahawa Yesus adalah Mesias yang dijanjikan dalam nubuat Perjanjian Lama dan dia dengan tegas menunjukkannya dalam 1 Petrus 1:10-12. Dalam cara apakah Yesus sebagai Mesias yang dijanjikan – dengan semua pengertian ke atas gelaran – bagi saya?

Soalan Perbincangan:-

1. Apakah peranan yang dipegang oleh Petrus dengan memfokus kepada Yesus dan kehidupan serta pelayanannya; dia merujuk kepada para nabi dan ramalan-ramalan mereka di dalam Perjanjian Lama?
2. Dengan menunjuk kepada penderitaan-penderitaan dan kematian Yesus sebagai fokus utama kepada tulisannya; mengapakah Petrus juga mengambil peluang dalam 1 Pet. 3:15 untuk memerintah para pembacanya untuk “kuduskanlah Kristus di dalam hatimu sebagai TUHAN” di dalam hati mereka?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Kita sering mendapati bahawa adalah lebih mudah untuk memfokus kepada isu-isu doktrin daripada isu-isu pertalian. Pelajaran minggu ini fokus kepada kedua-duanya; melihat kepada beberapa peristiwa di dalam kehidupan Yesus yang penting bagi keselamatan kita. Demikian juga dengan hubungan pribadi Petrus dengan Yesus bersifat mengubah kehidupannya sendiri serta pelayanannya. Dengan mengajarkan pengalaman ini, pastikan bahawa isu-isu pertalian atau perhubungan tidak terlepas pandang, setuju dengan ayat-ayat yang menunjukkan kepada isu-isu doktrin bagi keselamatan. Ambillah peluang untuk membincangkan perhubungan Petrus dengan Yesus, di mana telah membimbing dia untuk menjadikan Yesus sebagai pusat di dalam suratnya. Janganlah kiranya lalai untuk mengenali secara pribadi hubungan Petrus dengan Yesus. Dalam cara apakah kita kesampingkan Kristus sebagai TUHAN di dalam hati kita?

Soalan Renungan:-

1. Apakah fakta-fakta kritikal di dalam perbualan Petrus dengan Yesus pada pusat pengajaran dan pengharapannya yang telah meletakkan dia sebagai seorang pemimpin rohani?
2. Setelah menetapkan Yesus sebagai Kristus dan TUHAN di dalam hati, kita harus berusaha menjadikan perhubungan bermakna bersama Dia. Jika kita belum melakukannya, apakah yang kita boleh lakukan untuk turut menghidupkan pengharapan di dalam Yesus?

Aktiviti: Mintalah ahli kelas membaca bersama 1 Petrus 4:1, 2, 7, 8; 5:6-10. Bincangkan cara-cara di mana contoh daripada Yesus seharusnya telah mempengaruhi perubahan di dalam kehidupan kita seperti yang berlaku di dalam kehidupan Petrus. Bagaimana komuniti kita akan memandang perhubungan kita dengan Yesus, berdasarkan kepada apa yang mereka perhatikan melalui kehidupan kita? Apakah perubahan-perubahan yang perlu kita lakukan?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Petrus memulakan suratnya dengan menunjukkan kepada perubahan-perubahan yang Tuhan kehendaki akan terjadi dalam kehidupan kita. Tuhan telah memilih kita melalui kesucian pekerjaan Roh Kudus, bagi ketaat-setiaan kepada Yesus Kristus dan memercik (metaphora penyucian) oleh darahNya (1 Pet. 1:2). “Kerana rahmat-Nya yang besar telah melahirkan kita kembali oleh kebangkitan Yesus Kristus dari antara orang mati, kepada suatu hidup yang penuh pengharapan, untuk menerima suatu bahagian yang tidak dapat binasa, yang tidak dapat cemar dan yang tidak dapat layu” (1 Pet. 1:3, 4). Setelah menjelaskan bagaimana perubahan-perubahan tersebut mengambil tempat dalam kehidupan kita dan bagaimana kita menuntut kepada pengharapan yang hidup itu, Petrus menutup suratnya dengan kepastian bahawa Tuhan penuh dengan kasih “akan melengkapi, meneguhkan, menguatkan dan mengukuhkan kamu” (1 Pet. 5:10). “Ini [pemulihan],” dia berikan keyakinan kepada para pembacanya dalam 1 Petrus 5:12, “adalah kasih kurnia yang benar-benar daripada Tuhan. Berdirilah teguh di dalamnya!”

Aktiviti: Perkembangkan bersama ahli kelas strategi yang dikatakan kasih kurnia benar-benar daripada Tuhan – sebagaimana ternyata melalui kehidupan dan pelayanan Yesus Kristus – boleh diumumkan kepada komuniti gereja anda; beri tawaran kepada mereka suatu kelahiran baharu dan pengharapan yang hidup serta akan

mewarisi harta yang tidak akan binasa mahupun layu. Bagaimanakah mesej dalam 1 Petrus boleh memainkan peranan dalam strategi tersebut?

PELAJARAN 9 | 20-26 Mei

Jadilah Seperti Siapa Anda

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu ini: 2 Pet. 1:1-15; Efe. 2:8; Roma 5:3-5; Ibr. 10:38; Roma 6:11; 1 Kot. 15:12-17.

Ayat Hafalan: “Justru kerana itu kamu harus dengan sungguh-sungguh berusaha untuk menambahkan kepada imanmu kebajikan, dan kepada kebajikan pengetahuan, dan kepada pengetahuan penguasaan diri, kepada penguasaan diri ketekunan, dan kepada ketekunan kesalehan, dan kepada kesalehan kasih akan saudara-saudara, dan kepada kasih akan saudara-saudara kasih akan semua orang” (2 Pet. 1:5-7).

Satu perkara yang menakutkan tentang Perjanjian Baharu ialah berapa banyak kebenaran dapat “dimuatkan” ke dalam ruangan yang begitu terhad. Perhatikan pelajaran minggu ini, meliputi 2 Petrus 1:1-14. Dalam 14 ayat tersebut, Petrus mengajar kita tentang pembenaran melalui iman. Kemudian dia menyelami kuasa Tuhan dalam kehidupan seseorang yang telah menyerahkan diri mereka kepada Yesus. Dia berbicara tentang keajaiban kebenaran sehingga kita boleh “mengambil bahagian dalam kudrat ilahi” (2 Pet. 1:4) sehingga kita dapat dibebaskan daripada hawa nafsu dan kerosakan dunia.

Sebenarnya, kita peroleh bukan sahaja jenis katalog tentang kebajikan Kristian, malah, Petrus persembahkan mereka dengan urutan yang spesifik. Satu diikuti oleh yang lain, kemudian diikuti oleh yang lain dan demikianlah seterusnya sehingga kepada klimaksnya, sesuatu yang paling penting daripada semua yang lain.

Dia juga menulis tentang hakikat sebenar maksud berada di dalam Kristus serta akan “dibersihkan” (2 Pet. 1:9) daripada segala dosa lama. Dia juga menyetengahkan idea keyakinan keselamatan, janji kehidupan kekal di dalam “kerajaan kekal” (2 Pet. 1:11) TUHAN kita.

Akhirnya, kita juga mendapati sedikit kuliah tentang topik genting mengenai keadaan orang mati. Sesungguhnya, banyak kebenaran yang sangat berharga dan mendalam terdapat hanya pada 14 ayat!

**Sila pelajari pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada Hari Sabat, 27 Mei.*

AHAD **21 Mei**

Iman Yang Bernilai

Sila baca 2 Petrus 1:1-4. **Apakah Petrus katakan tentang yang telah diberikan kepada kita di dalam Yesus Kristus? Bagaimana kenyataan kasih kurnia dapat dilihat dalam ayat-ayat ini?**

Petrus memulakan suratnya dengan mengatakan bahawa ianya ditujukan kepada mereka yang “bersama-sama dengan kami memperoleh iman” (2 Pet. 1:1); atau “iman yang sebanding dengan iman kami.” Perkataan yang diterjemahkan sebagai “berharga” bermaksud “nilai sama,” atau “keistimewahan sama.” Dia mengatakan bahawa mereka telah “memperolehi” iman yang bernilai ini; bukan kerana mereka layak atau berhak mendapatkannya, tetapi mereka telah menerimanya atas pemberian daripada Tuhan. Petrus menulis: “Sebab kerana kasih kurnia kamu diselamatkan oleh iman; itu bukan hasil usahamu, tetapi pemberian Tuhan” (Efe. 2:8). Sangat berharga kerana “tanpa iman tidak mungkin orang berkenan kepada Tuhan” (Ibr. 11:6). Ia sangat berharga kerana, oleh kerana iman inilah kita berpegang kepada banyak janji yang menakutkan.

Petrus menekankan bahawa “kuasa ilahi” Yesus telah menganugerahkan kepada kita segala sesuatu yang berguna untuk hidup yang saleh (2 Pet.1:1). Hanya melalui kuasa Tuhan sahaja kita wujud. Demikian juga, hanya melalui kuasaNya kita boleh memperoleh kesalehan. Kuasa ilahi ini diberikan kepada kita “melalui pengenalan kita akan Dia, yang telah memanggil kita oleh kuasaNya yang mulia dan ajaib” (2 Pet. 1:3, lihat juga Yoh. 17:3).

Kita diseruh untuk mengasihi Tuhan, tetapi, bagaimana kita mengasihi Tuhan yang kita tidak tahu? Kita akan mengetahui Tuhan menerusi Yesus; melalui Firman/Alkitab; melalui penciptaan dunia dan melalui pengalaman hidup dalam kehidupan beriman dan ketaatan. Kita mengenal Tuhan dan kebenaranNya sementara kita mengalami apa yang kita lakukan dalam kehidupan - pengetahuan itulah yang akan mengubah kita. Pengenalan kita tentang Dia juga adalah melalui hakikat kebenaran kasih kurnia yang dilimpahkan kepada kita.

Petrus juga mengatakan sesuatu yang lagi mustahil: bahawa kita juga telah diberikan “janji-janji yang berharga dan yang sangat besar” termasuklah mengambil bahagian dalam “kudrat ilahi” (2 Pet. 1:4). Kemanusiaan telah dicipta pada mulanya menurut gambar Tuhan; gambaran tersebut terlalu sangat dicatitkan dan tidak bermaruah. Apabila kita mengalami kelahiran kembali, kita mempunyai kehidupan baharu di dalam Yesus kerana Dialah yang mengembalikan gambar ilahinya di dalam kita. Tetapi, kita harus keluar daripada kehancuran dan hawa nafsu dunia jika kita mahu perubahan tersebut berlaku.

Bagaimanakah bentuk hidup anda jika anda mempunyai iman yang kosong? Bagaimanakah jawapan untuk soalan tersebut membantu kita untuk memahami mengapa kurnia iman itu sesungguhnya amat bernilai?

ISNIN

22 Mei

Sifat Baik Matlamat Umat Kristian ialah Kasih

Sila baca 2 Petrus 1:5-7; Roma 5:3-5; Yak. 1:3, 4 dan Gal. 5:22, 23. **Apakah persamaan tema dalam ayat-ayat tersebut?**

Adalah menjadi kebiasaan di antara ahli filosofi zaman lampau untuk menyenaraikan sifat-sifat baik. Senarai tersebut selalunya disebut “daftar kebaikan” dan terdapat beberapa contoh dalam Perjanjian Baharu (Roma 5:3-5; Yak. 1:3, 4 dan Gal. 5:22, 23). Kelihatan seperti para pembaca surat Petrus arif dengan senarai tersebut, walaupun terdapat beberapa perbezaan menarik di antara senarai ahli filosofi dengan senarai oleh Petrus. Diingatkan bahawa Petrus telah menyusunnya secara terperinci dan mengikut urutan, supaya setiap jenis kebaikan berkembang mengikut urutan jenis kebaikan yang sebelumnya sehinggalah ia mencapai pada klimaks dalam kasih!

Setiap jenis kebaikan Petrus senaraikan mempunyai makna yang sangat penting:-

Iman: Dalam konteks ini, iman tidak kurang daripada kepercayaan keselamatan di dalam Yesus (lihat Gal. 3:11; Ibr. 10:38)

Sifat baik: Dalam Bahasa Greek *arête* – berkualiti tinggi dalam semua perkara, telah diwartakan sehingga di kalangan ahli-ahli filosofi orang pagan. Sesungguhnya iman itu sangat penting, tetapi, ia harus menuntun kepada perubahan hidup setelah seseorang itu melahirkan sifat-sifat baik.

Pengenalan: Sudah pasti Petrus tidak bercakap tentang pengetahuan secara am, melainkan pengetahuan yang datang daripada hubungan penyelamatan oleh Yesus Kristus.

Temperance/Kawal Diri Sendiri: Umat Kristian yang matang dapat mengawal gerak hati mereka, khususnya desakan yang menuntun kepada keterlaluhan.

Kesabaran/Keteguhan: Keteguhan adalah ketabahan, terutama sekali ketika berhadapan dengan percubaan-percubaan dan penganiayaan.

Kesalehan: Dalam dunia orang pagan, perkataan yang diterjemahkan sebagai “kesalehan” bermaksud tingkahlaku etikal hasil daripada kepercayaan kepada Tuhan. Di dalam Perjanjian Baharu juga terdapat konsep tingkahlaku etikal hasil daripada kepercayaan kepada satu-satunya Tuhan yang benar (1 Tim. 2:2).

Sifat Baik Adik Beradik: Umat Kristian adalah seperti satu keluarga dan kesalehan akan menuntun ke arah satu masyarakat di mana orang-orangnya bersifat baik di antara satu dengan yang lain.

Kasih: Petrus menyenaraikan satu perkara klimaks iaitu kasih. Nampaknya selaras dengan Paulus: “Demikianlah tinggal ketiga hal ini, yaitu iman, pengharapan dan kasih, dan yang paling besar di antaranya ialah kasih” (1 Kor. 13:13).

Sebelum Petrus memulakan senarai sifat-sifat kebaikan, dia berkata bahawa kita harus “sungguh-sungguh berusaha” (2 Pet. 1:5) untuk mencapai tahap kebaikan tersebut. Apakah yang dia maksudkan tentang itu? Apakah bahagian yang dimainkan oleh usaha manusia dalam kerinduan untuk hidup saleh dan ketaatan yang berterusan.

SELASA

23 Mei

Jadilah Seperti Anda Yang Sebenar

Selepas memberikan kepada kita senarai tentang beberapa perkara yang kita harus usahakan dengan tekun sebagai seorang Kristian, Petrus membuat kenyataan akan hasil-hasilnya.

Sila baca 2 Petrus 1:8-11. Apakah kaitan di antara apa yang telah dilakukan sebagai seorang Kristian dan bagaimana seorang Kristian harus hidup?

Petrus menggesah para pembacanya untuk hidup berdasarkan kenyataan baru iaitu mereka benar di dalam Yesus. Sifat-sifat iman, kebaikan, pengetahuan, mengawal diri, keteguhan, kesalehan, kasih sayang adik-beradik dan kasih “semuanya itu ada padamu dan berlimpah-limpah” (2 Pet. 1:8).

Masalahnya bukan semua umat Kristian hidup berdasarkan kenyataan yang baru ini. beberapa orang tidak berkesan atau tidak berhasil di dalam pengenalan TUHAN kita, Yesus Kristus (2 Pet. 1:8). Orang seperti itu telah lupa bahawa mereka telah disucikan daripada “dosa-dosa lama” (2 Pet. 1:9). Jadi, umat Kristian harus hidup dalam kenyataan baru iaitu benar bagi mereka di dalam Yesus. Di dalam Kristus, mereka telah terima pengampunan, pembersihan dan hak untuk mengambil bahagian di dalam sifat hidup ilahi. Oleh yang demikian, mereka harus “berusahalah sungguh-sungguh, supaya panggilan dan pilihanmu makin teguh” (2 Pet. 1:10). Tidak ada alasan untuk terus hidup dengan cara kehidupan dahulu, tidak ada alasan untuk menjadi Kristian yang “mandul” atau “tidak berhasil.”

“Kita mendengar kata-kata terkenal tentang iman, tetapi kita juga perlu mendengar kata-kata lebih terkenal tentang pekerjaan. Ramai yang menipu diri sendiri dengan kehidupan senang-lenang, tidak cerewet dan tidak memiliki salib dalam keagamaan.” – Ellen G White, Faith and Works, ms. 50.

Sila baca Roma 6:11. Apakah yang Paulus katakan sebagai pantulan kepada apa yang Petrus tulis dalam ayat-ayat hari ini?

Maksudnya, kedua-dua Petrus dan Paulus mengatakan, “Jadilah seperti anda yang sebenar.” Oleh kerana kita adalah ciptaan-ciptaan baharu di dalam Kristus, dihapus daripada dosa dan turut serta dalam sifat keilahian. Itu sebabnya kita boleh tinggal pada jenis kehidupan sebagaimana kita diundang. Sepatutnya kita menjadi “seperti Kristus,” yang sebenarnya maksud “Kristian.”

Sejauh manakah anda “seperti Kristus”? Dalam bidang manakah anda lebih baik?

RABU**24 Mei****Menanggalkan Khemah**

“Aku menganggap sebagai kewajibanku untuk tetap mengingatkan kamu akan semuanya itu selama aku belum menanggalkan kemah tubuhku ini. Sebab aku tahu, bahwa aku akan segera menanggalkan kemah tubuhku ini, sebagaimana yang telah diberitahukan kepadaku oleh Yesus Kristus, Tuhan kita” (2 Pet. 1:13,14).

Dalam tahun 1956, Oscar Cullman menulis satu kajian pendek yang disebut *Jiwa Yang Abadi atau Kebangkitan Orang Mati?: Saksi Dalam Perjanjian Baharu*. Dia membantah bahawa konsep kebangkitan tidak begitu selaras dengan konsep keabadian jiwa. Tambahan pula katanya, Perjanjian Baharu terbentang berhadapan di samping dengan kebangkitan orang mati.

Kemudian dia mengatakan, “Tidak ada lagi penerbitan daripada saya yang menimbulkan kemarahan ke atas semangat seperti itu ataupun perseteruan yang hebat.”

Sila baca 1 Kor. 15:12-57. Apakah bayangan akan terjadi kepada kematian menurut Paulus?

Kajian tentang kematian dan kebangkitan menurut Perjanjian Baharu telah menyakinkan para sarjana bahawa apa yang diperkatakan oleh Cullman adalah benar. Sesungguhnya, Perjanjian Baharu menganggap benar konsep kebangkitan, bukan konsep keabadian jiwa yang menyebabkan tubuh simati itu dapat bertahan lama. Sebagai contoh, dalam 1 Kor. 15:12-57, Paulus memberikan penjelasan terperinci tentang kebangkitan. Dia memulakan dengan menjurus kepada iman Kristian berdasarkan kebangkitan Yesus. Jika Yesus tidak dibangkitkan, maka sia-sialah beriman dengan Dia. Tetapi, oleh kerana sesungguhnya Kristus benar-benar telah bangkit daripada kematian, kata Paulus, sebagai buah pertama daripada mereka yang telah lama tertidur. Kebangkitan Kristus daripada kematian juga menjadikan kepastian kepada semua mereka yang berada di dalam Dia akan bangkit daripada kematian.

Paulus berbicara tentang kebangkitan tubuh dalam 1 Kor. 15:35-50. Dia bandingkan tubuh baharu yang kita miliki kepada kebangkitan dengan keadaan tubuh kita sekarang. Tubuh yang ada pada kita sekarang akan mati, sebaliknya, kematian tidak akan pernah terjadi lagi selepas kebangkitan.

Sebagai rumusan, apabila Perjanjian Baharu berbicara tentang kematian, ia juga berbicara tentang kebangkitan, bukan keabadian jiwa. Perkara ini sangat penting untuk diketahui sebagai dasar untuk membaca 2 Pet. 1:12-14.

KHAMIS**25 Mei**

Iman Dalam Menghadapi Kematian

Sila baca 2 Pet. 1:12-15. Apakah yang Petrus maksudkan apabila dia mencadangkan bahawa dia tidak lama lagi akan menanggalkan khemah/tubuhnya?

2 Petrus 1:12-14 menyatakan suatu kejadian tentang surat tersebut. Petrus berfikir bahawa dia tidak lama lagi akan mati, sementara surat tersebut memuatkan mesej atau wasiat terakhirnya.

Jangkaan Petrus bahawa dia tidak lama lagi akan mati, dinyatakan dalam frasa: "...selama aku belum menanggalkan khemah tubuhku ini. Sebab aku tahu, bahawa aku akan segera menanggalkan khemah tubuhku ini," terdapat dalam 2 Pet. 1:13-14. Dia menyamakan tubuhnya dengan khemah (rumah ibadah orang Kristian), yang akan ditanggalkan pada kematiannya. Sebenarnya, sangat jelas bahawa Petrus maksudkan tubuhnya apabila merujuk kepada menanggalkan khemahnya. Terjemahan moden cuba menterjemahkan frasa tersebut sebagai "selama aku belum menanggalkan khemah tubuhku ini. Sebab aku tahu, bahawa aku akan segera menanggalkan khemah tubuhku ini" (2 Pet. 1:13, 14). Tidak terdapat pada kata-kata wasiat Petrus bahawa dia "menanggalkan" khemah atau tubuhnya, maka jiwanya tetap bertahan sebagai entiti yang berlainan.

Sila baca 2 Pet. 1:12-15 sekali lagi. Bagaimana Petrus timbulkan perkara tentang kenyataan kematian akan terjadi pada dirinya. Apakah yang kita pelajari tentang sifat Petrus ke atas iman kita?

2 Petrus 1:12-15 menambahkan kemuraman kepada kata-kata Petrus. Dia menulisnya dengan pengenalan bahawa hidupnya segera akan berakhir. Dia mengetahuinya kerana, apabila dia mengatakan, "diberitahukan kepadaku oleh TUHAN Yesus." Namun, tidak ada rasa takut, bimbang ataupun perasaan bahawa sesuatu yang tidak baik akan berlaku. Sebaliknya, dia menekankan hal kesejahteraan kepada mereka yang ditinggalkannya. Dia mahukan mereka agar berpegang teguh kepada "kebenaran sekarang," dan selagi dia masih hidup, dia terus menasihati agar mereka beriman.

Di sini kita dapat lihat pengalaman Petrus tentang kebenaran lagi mendalam hubungannya dengan TUHAN. Benar bahawa dia segera akan mati dan sudah pasti tidak menyenangkan, sama ada (lihat Yoh. 21:18; Ellen G. White, *The Acts of the Apostles*, ms. 537, 538), namun keprihatinannya yang tidak mementingkan diri adalah mengenai keuntungan orang lain. Sesungguhnya, Petrus adalah orang yang berpegang pada iman seperti yang diajarkannya.

Bagaimanakah iman kita membantu kita berhadapan dengan realiti kematian yang dahsyat? Bagaimanakah kita belajar untuk berpaut kepada pengharapan kita yang indah, kerana apa yang Yesus telah lakukan kepada kita, sekalipun berada diambang kematian?

JUMAAT 26 Mei

Renungan Selanjutnya: Seperti yang kita telah lihat, Petrus tahu bahawa dia segera akan mati. Dia juga tahu (dan juga sudah sekian lama), bagaimana dia akan mati. Oleh kerana Yesus sendiri telah memberitahu dia. "Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya ketika engkau masih muda engkau mengikat pinggangmu sendiri dan engkau berjalan ke mana sahaja kau kehendaki, tetapi jika engkau sudah menjadi tua, engkau akan mengulurkan tanganmu dan orang lain akan mengikat engkau dan membawa engkau ke tempat yang tidak kau kehendaki" (Yoh. 21:18).

Bagaimanakah ia berakhir?

"Sebagai seorang Yahudi dan orang asing, Petrus telah dijatuhkan hukuman sebat dan disalib. Dalam jangkaan kepada kematian yang mengerikan ini, rasul tersebut teringat dosanya yang sangat besar dengan menafihkan siapa Yesus pada saat-saat perbicaraan Yesus. Pada mulanya tidak mengakui salib itu, kini dia mengaggap sebagai satu kegembiraan untuk menyerahkan kehidupannya kepada kebenaran injil. Apabila merasakan hanya dengan kematian sedemikianlah sesuai baginya yang telah menafihkan TUHANnya iaitu mati sama seperti kematian Gurunya, merupakan satu kematian penghormatan teragung. Petrus dengan ikhlasnya telah bertaubat daripada dosa tersebut dan telahpun diampuni oleh Kristus, sebagaimana dapat dilihat suruhan agung telah diamanatkan kepadanya iaitu untuk memberi makan kepada kawan kambing dan domba. Bagaimanapun, dia tidak dapat mengampuni dirinya sendiri. Bukan pula tentang memikirkan kesengsaraan pada peristiwa ngeri yang terakhir dapat mengurangkan rasa pahit penderitaan dan pertaubatannya. Usahnya yang terakhir ialah merayu kepada orang yang menjatuhkan hukuman mati agar dia dipakukan di atas salib dengan cara terbalik, kepala ke bawah. Permohonannya dikabulkan, maka demikianlah kematian rasul Petrus yang agung." - Ellen G. White, *The Acts of the Apostles*, ms. 537, 538. Namun demikian, sekalipun kematiannya dalam jangkaannya, keprihatinan Petrus adalah kesejahteraan rohani kawan domba-domba.

Soalan- soalan Perbincangan:-

1. Penjelasan tentang semua yang Petrus (juga semua penulis Alkitab lainnya) telah tulis mengenai keperluan umat Kristian agar hidup dalam kehidupan yang kudus; mengapakah masih ramai di antara kita gagal untuk “menjadi seperti kita yang sebenar” di dalam Yesus?
2. Dalam kelas, rujuk semula senarai yang terdapat dalam 2 Petrus 1:5-7. Bicarakanlah setiap item dan tanya diri sendiri: Bagaimanakah kita boleh menunjukkan sifat kebaikan tersebut dan bagaimana kita boleh bantu orang lain yang ingin melakukan yang sama?
3. Memandangkan apa yang kita tahu mengenai Petrus seperti yang dinyatakan dalam Injil, apa yang dia tulis menunjukkan kekuasaan terbesar Yesus lakukan kepadanya, sekalipun dia melalui kegagalan-kegagalan sebelumnya. Apakah harapan dan keyakinan dapat kita timbah untuk diri kita sendiri daripada tauladannya?
4. Dalam 2 Pet. 1:12, Petrus menulis tentang “kebenaran yang diterima.” Apakah perbezaan “kebenaran yang diterima” pada zaman Petrus dengan “kebenaran yang diterima” pada zaman kita?
5. Ada orang yang menulis, “Berapa pasti si mati selepas kematian.” “Kematian akan dipikul bersama oleh orang yang hidup.” Bagaimanakah dengan kita orang Kristian, harus “memikul” kematian?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 1:3, 4, 10, 11

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Memahami bahawa semua yang diperlukan dalam hidup dan bertaqwa boleh diperolehi melalui kurnia kuasa ilahi.

Merasakan: Mengalami suatu keyakinan yang datang daripada mengetahui rahsia-rahsia kejayaan di dalam kehidupan Kristian yang memberi jaminan penuh pada kerajaan Kristus yang kekal.

Melakukan: Menjadi orang yang lebih ingin bahawa panggilannya serta pilihannya yang pasti, dengan mendapatkan sifat-sifat kebaikan Kristian dalam mempertingkatkan langkah-langkah usahanya.

Cara Pembelajaran:-

I. Mengetahui: Rahsia kejayaan di dalam kehidupan Kristian

- A. Apakah hubungan janji-janji Tuhan yang agung dan berharga dengan menghindari kebinasaan yang ada di dunia melalui kemahuan yang kuat?
- B. Bagaimanakah setiap sifat baik Kristian berkaitan di antara satu dengan yang lain sehingga mereka menjadi “tangga” sehingga kita boleh menaiki seterusnya berhasil dalam pengetahuan kita tentang TUHAN Yesus Kristus?

II. Merasakan: Mendapatkan Keyakinan Tentang Kehidupan Kekal

- A. Bagaimanakah Petrus menghuraikan proses mendapatkan keyakinan mencapai kehidupan kekal?
- B. Mengapakah Petrus mengundang agar mempunyai kemahuan yang kuat untuk menjadikan panggilan dan pilihan kita itu menjadi kepastian?

III. Melakukan: Memperoleh Pengetahuan Tentang Yesus Kristus

- A. Bagaimanakah Petrus menghuraikan kaedah untuk menerima semua yang diperlukan dalam kehidupan dan kewarakan?
- B. Apakah kepentingan-kepentingan yang Petrus katakan akibat daripada menjadikan panggilan dan pilihan suatu kepastian?

Kesimpulan: Petrus mengenal-pasti kaedah-kaedah di mana orang percaya boleh diyakinkan untuk menjadikan panggilan dan pilihannya suatu kepastian, tidak akan pernah jatuh dan “akan dikurniakan hak penuh untuk memasuki Kerajaan kekal, yaitu Kerajaan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus” (2 Pet. 1:11).

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Petrus 1:2-4

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Pasti boleh berlaku akan turut serta dalam sifat-sifat ketuhanan serta akan terlepas daripada kerosakan dunia ini oleh sebab-sebab keinginan dosa. Adalah pasti dapat mencapai keyakinan kejayaan di dalam kehidupan Kristian akan diterima masuk ke dalam kerajaan TUHAN kita yang berkekalan.

Dalam petikan kami, Petrus memberitahu bagaimana kita dapat mencapai semua tujuan tersebut. Mesti mempunyai pengetahuan yang efektif dan produktif tentang Tuhan dan Yesus Kristus yang telah memanggil kita untuk mencontohi kesalehanNya (bandingkan dengan 1 Pet. 1:15, 16). Selepas menghuraikan tangga sifat-sifat baik umat Kristian, Petrus mengatakan, "Sebab apabila semuanya itu ada padamu dengan berlimpah-limpah, kamu akan dibuatnya menjadi giat dan berhasil dalam pengenalanmu akan Yesus Kristus, Tuhan kita" (2 Pet.1:8, 9). Melalui kekuasaan ilahi janji-janji FirmanNya dapat diperolehi; Tuhan membenarkan kita untuk mengambil bahagian dalam sifat semulajadi Tuhan serta terlepas daripada kerosakan alam yang kita warisi dalam dunia ini. Dengan itu, Dia melayakkan kita bagi kekekalan.

Hanya Untuk Guru: Adalah penting supaya perkaitan-perkaitannya yang benar dalam petikan ini dibuat supaya ahli kelas tidak membuat kesimpulan bahawa ia adalah perlu mengusahakan perjalanan menaiki tangga dalam kehidupan Kristian mereka langkah demi langkah sehinggalah mereka mencapai kejayaan melalui usaha mereka sendiri. Walaupun benar bahawa Petrus berkata, "...sungguh-sungguh berusaha untuk menambahkan..." 2 Pet. 1:5. Dia tidak mendorong para pembacanya untuk mencuba menaiki tangga dengan keupayaan mereka sendiri atau untuk membuat kesimpulan bahawa Tuhan memberikan penghargaan berdasarkan usaha mereka. Dia memulakan perbincangan dalam ayat 3, dengan memberi peringatan, "Kerana kuasa ilahi-Nya telah menganugerahkan kepada kita segala sesuatu yang berguna untuk hidup." Petrus menambah lagi bahawa kemuliaan dan kebaikan Tuhan sendiri, "Ia telah menganugerahkan kepada kita janji-janji yang berharga dan yang sangat besar, supaya olehnya kamu boleh mengambil bahagian dalam kudrat ilahi" dan luput daripada hawa nafsu dunia (2 Pet. 1:4). Setiap yang baik merupakan hadiah pemberian daripada Tuhan, tetapi kita perlu melatih kuasa pilihan kita dengan sentiasa berkeinginan untuk menjadikan panggilan dan pilihan kita suatu kepastian (1 Pet. 1:10).

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas membaca bersama 2 Petrus 1:2-4. Bincangkan unsur-unsur penentuan ketuhanan yang Petrus katakan untuk mencapai kemenangan rohani.

LANGKAH 2 - Mengkaji

Ulasan Alkitab

I. Yesus Kristus Sebagai Pusat (Imbas kembali bersama ahli kelas 2 Petrus 1:1, 2)

Sementara Petrus memulakan suratnya yang kedua (2 Pet. 3:1), dia meneruskan penekanannya kepada Yesus Kristus sebagai pusat, seperti yang kita lihat pada tulisannya yang pertama. Dalam 15 ayat pertama kita akan pelajari minggu ini, terdapat enam rujukan yang jelas tentang Yesus Kristus. Biasanya sama ada sebagai TUHAN/Lord atau sebagai Tuhan/God. Ditambah dengan beberapa rujukan lain tentang Dia melalui cara penggunaan katanama persendirian. Dalam ayat 1, melalui penggunaan tatabahasa Greek, Yesus dipanggil kedua-duanya sekali iaitu Tuhan dan Juruselamat kita. Dalam ayat 2, 8, 11 dan 14, Yesus ditetapkan sebagai TUHAN kita. Dalam semua ayat kecuali ayat 2, Dia disebut Yesus Kristus atau Yesus Juruselamat. Dalam ayat 11, Dia adalah TUHAN dan Juruselamat kita. Jelas sekali bahawa Petrus mempunyai begitu tinggi Kristologinya dan dia mahu memberitahu penerangan tersebut kepada para pembacanya. Dia begitu bangga menggunakan nama yang Yesus telah berikan kepadanya yakni Simon Petrus ("batu karang") dan juga sebagai hamba dan murid Yesus Kristus (ayat 1).

Pertimbangkan Hal ini: Yang mana satukah aspek pribadi dan pekerjaan Yesus yang terutama penting bagi kehidupan saya? Dalam cara apakah saya dapat menjadikan Dia pusat kehidupan harian saya?

II. Kasih Kurnia Tuhan (Imbas kembali bersama ahli kelas 2 Petrus 1:3, 4)

Semua perkara yang kita perlukan dalam kehidupan bahkan kewarakan, telah diberikan kepada kita oleh kuasa ilahi Tuhan melalui pengetahuan tentang Dia yang telah memanggil kita oleh kebaikan dan kemuliaanNya. Menurut ayat 2, pemberian dan kedamaian kita nikmati dengan limpah melalaui pengetahuan tentang Tuhan dan tentang Yesus TUHAN kita. Dalam ayat 8 pula, kita perlu leka daripada tidak efektif dan tidak produktif di dalam pengetahuan tentang TUHAN kita Yesus Kristus.

Petrus juga mengundang kita agar bertumbuh dalam kasih kurnia serta pengetahuan tentang TUHAN dan Yesus Kristus Juruselamat kita. Bagi Petrus, pengetahuan tentang Yesus Kristus sebagai TUHAN dan Juruselamat adalah kunci kepada kejayaan pertumbuhan kita sebagai Kristian. Tuhan juga telah memberikan kepada kita janji-janji yang sangat besar lagi bernilai. Menerusi kepercayaan kepada janji-janji tersebut, kita akan menjadi sebahagian daripada sifat semulajadi ilahi, terlepas daripada kerosakan duniawi melalui keinginan-keinginan terhadap kejahatan yang dihasilkan akibat sifat-sifat dosa. Kuasa tersebut terletak pada janji (Roma 4:21).

Perhatikan Hal ini: Dalam cara apakah kasih dan kuasa Tuhan melalui Yesus Kristus dapat dinyatakan di dalam kehidupan harian saya? Bagaimana saya dapat mengalami kuasa yang terdapat pada janji-janji tersebut?

III. Tangga Kepada Sifat Baik Kristian (*Imbas bersama 2 Petrus 1:5-11.*)

Dalam hal ini, Petrus mengenalpasti beberapa kualiti yang harus diperolehi dan dipraktis oleh seorang Kristian supaya menjadi efektif dan produktif di dalam pengetahuan tentang TUHAN Yesus Kristus. Mereka yang mengingati bahawa mereka telah disucikan oleh darah daripada dosa-dosa mereka (ayat 9) dan mereka yang ingin sekali menjadikan panggilan dan pemilihan suatu kepastian (ayat 10) akan berkembang ciri-ciri tersebut dalam bentuk ukuran pertambahan bilangan (ayat 8). Selepas itu, barulah mereka mendapat kepastian bahawa mereka tidak akan pernah jatuh (ayat 10) dan bahawa mereka “akan dikurniakan hak penuh untuk memasuki Kerajaan kekal, yaitu Kerajaan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus” (ayat 11). Jemputlah ahli kelas mengambil beberapa waktu untuk melihat semula sifat-sifat baik tersebut. Bincangkan dengan mereka sehubungan dengan bentuk “tangga” dan yang sejenis dengannya, menuntun kepada peningkatan pertumbuhan dan kemajuan.

Pertimbangkan Hal ini: Berapa banyakkah sifat-sifat kebaikan di dalam senarai Petrus yang ternyata di dalam kehidupan harian saya? Dalam cara apakah saya boleh bertumbuh atau mendatar?

Soalan Perbincangan:-

1. Bagaimanakah katalog sifat-sifat kebaikan Petrus berbanding dengan senarai Paulus tentang buah-buah Roh dalam Galatia 5:22, 23? Dalam cara apakah kita boleh mencontohi kualiti-kualiti pertumbuhan Kristian tersebut?
2. Apakah yang dimaksudkan oleh Petrus dengan “khemah tubuhku ini” (2 Pet. 2:13)? Bandingkan dengan 2 Kor. 5:1-4. Apakah yang ayat tersebut beritahu kita tentang pandangannya terhadap sifat semulajadi manusia?

LANGKAH 3 - Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Beberapa anggota gereja Seventh-day Adventist percaya bahawa pada akhir zaman akan ada kumpulan-kumpulan orang percaya yang akan mencapai tahap kesempurnaan yang sepenuhnya. Ada pula yang percaya bahawa kesempurnaan akan dicapai dengan perbandingan tentang kematangan iman dan pelaksanaan lebih tepat daripada kesempurnaan sepenuhnya. Menurut Ellen G. White berkenaan dengan perintah Kristus dalam Matius 5:48, untuk menjadi sempurna, “Kita boleh sahaja sempurna di atas dunia kita sama seperti Tuhan sempurna di atas duniaNya.” - Testimonies for the Church, vol. 4, ms. 455. Kenyataan ini mencadangkan perbandingan atau moral ke atas sifat-sifat kesempurnaan (rujuk Christ Object Lessons, ms. 330, 331). Bagaimanapun, berlakulah bijak agar tidak akan menyimpang. Tidak terdapat dalam 2 Petrus 1:8-11 mengatakan tentang kesempurnaan sepenuhnya, hanya kemenangan dan kepastian. Pertahankan fokus ayat tersebut.

Soalan Renungan:-

1. Apakah janji-janji alkitabiah yang saya dapati menjadi alat yang berkuasa berhubungan dengan kerosakan dalam dunia oleh kerana perbuatan keinginan kepada kejahatan?
2. Pada tangga sifat-sifat kebaikan Kristian, dimanakah saya berada? Dalam cara bagaimanakah saya sedang bertumbuh?

Aktiviti: Ahli kelas membaca bersama 2 Petrus 1:8-11. Bincangkan implikasi (seperti yang terdapat pada ayat 8 dan 9) dengan mempunyai kualiti (ayat 5-7) bertentangan dengan tanpa memilikinya. Mengapa ianya agak penting untuk menunjukkan kemahuan demi menjadikan panggilan dan pilihan suatu kepastian?

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Terdapat ketidakseimbangan di antara kepastian dan keyakinan diri sendiri dalam hal keselamatan. Ellen G. White memberi amaran, “Mereka yang menerima Kristus, pertama-pertama mereka merasa pasti dan mengatakan, saya sudah selamat; berada dalam keadaan bahaya dengan percaya kepada diri sendiri. Mereka terlepas pandang tentang kelemahan-kelemahan serta keperluan terus-menerus terhadap kekuatan ilahi.

Mereka tidak bersedia kepada tipu helah Syaitan serta percubaan-pencubaan yang sedang berlaku, sebagaimana Petrus, telah jatuh begitu jauh kedalam dosa. Kita telah diberi teguran, 'Sebab itu siapa yang menyangka, bahawa ia teguh berdiri, hati-hatilah supaya ia jangan jatuh.' 1 Kor. 10:12. Satu-satunya cara selamat ialah terus-menerus tidak mempercayai diri sendiri, sebaliknya bergantung kepada Kristus." - Christ's Object Lessons, ms. 155.

Aktiviti: Adakan undian rahasia dalam kelas (demi mempertahankan keyakinan penuh) agar dapat menentukan (1) berapa banyak mendapat keyakinan keselamatan dan (2) Apa yang mereka fahamkan dengan akan menjadi dasar kepada kepastian mereka (atau kurang keyakinan). Bincangkan keputusannya bersama dalam kelas.

PELAJARAN 10 | 27 Mei-2Jun

Nubuatan dan Kitab Injil

PETANG SABAT

Bacaan Untuk Pelajaran Minggu ini: Yes. 53:1-12; Dan. 7:13, 14; 2 Pet. 1:16-20; Mat. 17:6; 2 Tim. 3:15-17.

Ayat Hafalan: “Dengan demikian kami makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi. Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikannya sama seperti memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyingsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu” (2 Pet. 1:19).

Sementara kita terus mempelajari tulisan-tulisan Petrus, satu poin harus lebih terkemuka: Petrus begitu yakin dan pasti dengan tulisannya. Kita dapat melihat perkara sama dengan Paulus: jelas dan keyakinan kukuh tentang proklamasi mereka terhadap Yesus Kristus dan Salib. Ayat-ayat yang kita akan pelajari minggu ini, memperlihatkan kepada kita beberapa kepastian daripada Petrus. Dia juga memberitahu kita mengapa dia memiliki ketentuan seperti itu. Katanya, kita tidak percaya kepada “dongeng-dongeng isapan jempol manusia” (2 Pet.1:16) - sama seperti pada zamannya, agama mereka masih mengandungi kepercayaan pagan. Sebaliknya, Petrus sangat pasti dengan apa yang dia percaya atas dua sebab. Pertama, dia adalah saksi yang melihat sendiri “Yesus Kristus TUHAN kita” (2 Pet. 1:8). Kedua, dan mungkin yang lebih penting (kerana bukan semua yang menjadi saksi yang hadir), adalah “makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi” (2 Pet. 1:19).

Sekali lagi Petrus kembali kepada Alkitab, merujuk kepada Injil sebagai pengesahan yang pasti tentang Yesus, terutama sekali tentang hal nubuatan yang berbicara tentang Dia. Tidak hairanlah bahawa bahagian-bahagian yang sama di mana Yesus rujuk tentang diriNya sendiri (Mat. 26:54; Luk. 24:27). Jadi, jika Yesus dan Petrus merujuk kepada Alkitab secara serius, bagaimana dengan kita melakukan sebaliknya pula?

*Sila pelajari pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 3 Jun.

AHAD

28 Mei

Yesus dalam Perjanjian Lama

Petrus menulis dengan penuh kepastian pada keseluruhan suratnya. Dia tahu apa yang dia katakan, sebab dia tahu siapa yang dia perkatakan. Salah satu sebab ialah, dia tahu bahawa Yesuslah yang dimaksudkan - telah diperkatakan oleh para nabi dalam Perjanjian Lama. Atas keyakinan Petrus terhadap Firman Bertulis juga membantu dia untuk mengetahui bahawa Firman itu telah “menjadi manusia” (Yoh. 1:14).

Dalam 1 Pet. 1:10-12, Petrus mengarahkan para pembacanya merujuk kepada Kitab Ibrani - para nabi dahulu kala; apa yang mereka ajarkan tentang Yesus. Menurut Petrus, Roh Kudus telah menyatakan di dalam Perjanjian Lama dua kebenaran yang penting tentang Yesus: kesengsaraan Kristus dan kemuliaan yang menyusul kemudian (1 Pet. 1:11). Dua rangkaian tersebut dapat dilihat sepanjang Kitab Ibrani.

Apakah pengajaran tentang Yesus terdapat dalam ayat-ayat dalam Perjanjian Lama berikutnya ini? Maz. 22; Yes. 53:1-12; Zak. 12:10, 13:7; Yer. 33:14, 15; Dan. 7:13, 14.

Dalam 1 Pet. 1:10-12, Petrus memberi jaminan kepada para pembacanya bahawa mereka menduduki tempat yang istimewa sekali dalam sejarah penyelamatan. Telah dinyatakan kepada mereka lebih banyak berbanding dengan yang telah dinyatakan kepada para nabi Perjanjian Lama. Sesungguhnya para nabi berbicara pada zamannya, tetapi bahagian-bahagian penting mesej mereka tidak terpenuhi sehinggalah pada kedatangan Kristus.

Beberapa ramalan para nabi hanya menjadi kenyataan pada zaman para pembaca surat Petrus hidup. Para pembaca tersebut mempunyai kesempatan untuk mendengar mereka yang “telah diberitakan sekarang kepada kamu dengan perantaraan mereka, yang oleh Roh Kudus, yang diutus dari sorga,” bahawa para malaikat juga ingin mengetahuinya (1 Pet. 1:12). Oleh kerana injil tersebut telah dikhutbahkan kepada mereka, orang ramai mengetahui lebih terperinci berbanding pada zaman para nabi tentang kenyataan dan sifat-sifat kesengsaraan

dan penghinaan Sang Penebus. Sudah pasti mereka harus menunggu “segala kemuliaan yang menyusul sesudah itu” (1 Pet. 1:11). Demikian juga dengan kita sekarang ini, perlu menunggu dengan sabar. Oleh kerana bahagian pertama ramalan tersebut telah digenapi, sudah pasti bahagian yang terakhir juga akan menjadi kenyataan.

Apakah janji-janji alkitabiah yang anda lihat telah digenapi di dalam kehidupan anda? Mana satu yang anda masih menanti; apakah maknanya buat anda dan dalam apapun perkara, bagaimana anda belajar untuk tetap bertahan?

ISNIN

29 Mei

Saksi Mata Bagi Maharaja

Sila baca 2 Pet. 1:16-18. Apakah bukti lain menurut Petrus tentang imannya di dalam Yesus?

Di samping kata-kata nubuat, Petrus adalah saksi yang melihat sendiri kepada banyak perkara tentang hal-hal yang dia khutbahkan. Dia berkata, Kekristianan tidak terdapat dalam “dongeng-dongeng isapan jempol manusia” (2 Pet. 1:16), tetapi ianya terdapat pada peristiwa-peristiwa benar-benar terjadi dalam sejarah – peristiwa-peristiwa terjadi di mana dia sendiri menjadi saksi.

Petrus hadir pada tempat beberapa peristiwa berlaku di sepanjang pelayanan Yesus, sebagaimana terdapat dalam Kitab Injil. Dia ada di sana waktu Yesus berkhotbah, mengajar dan mengadakan mukjizat-mukjizat. Bermula pada mukjizat tentang ikan (Luk. 5:4-6) hinggalah ke Galilea, melihat Yesus selepas kebangkitanNya (Yoh.21:15). Sesungguhnya, Petrus merupakan saksi pertama kepada banyak perkara berlaku.

Dalam 2 Pet. 1:17, 18, apakah peristiwa yang menjadi fokus utama Petrus mengenai sesuatu yang dia lihat sendiri secara pribadi? Apakah signifikan yang istimewa tentang peristiwa tersebut?

Petrus jadikan satu peristiwa yang sangat istimewa khusus bagi yang dilihatnya sendiri: iaitu penjelmaan Yesus. Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes bersama Dia pergi ke kemuncak bukit untuk berdoa (Luk. 9:28). Ketika bersama mereka di atas bukit, mereka melihat di hadapan mereka sendiri Yesus berubah. MukaNya bercahaya, pakaianNya juga bertukar menjadi putih berkilau (Mat. 17:2; Luk. 9:29). Bersama Dia ialah Musa dan Elia. Lalu kedengaranlah suara dari Syurga “Inilah Anak yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan, dengarkanlah Dia (Mat. 17:5).

Petrus telah melihat banyak peristiwa ketika bersama dengan Yesus; namun, kejadian tersebutlah yang terunggul. Ia menyatakan Yesus adalah Anak Tuhan, bahawa semasa Dia berada di atas bumi, semua yang Dia lakukan berdasarkan rencana Tuhan dan Dia mempunyai hubungan istimewa dengan Bapa. Sekalipun Petrus telah melihat semuanya itu atau akan melihatnya, peristiwa inilah – termasuklah “suara itu kami dengar datang dari Syurga” (2 Pet. 1:18) – adalah yang menjadi fokus utama dalam suratnya.

Imbas kembali peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang pengaruhnya tidak dapat dilupakan di dalam iman dan kehidupan rohani anda. Apakah dan bagaimana impaknya serta kesan yang masih membawa makna dalam kehidupan anda sekarang ini? Mengapa anda berfikir ia mempunyai impak seperti mana kesannya? Bahagikan jawapan anda dalam kelas pada hari Sabat.

SELASA

30 Mei

Bintang Timur Dalam Hati Kita

“Dengan demikian kami makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi. Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikannya sama seperti memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyingsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu” (2 Pet.1:19). Sila baca ayat ini dengan sungguh-sungguh. Apakah yang Petrus katakan bahawa ia masih penting bagi kita sampai hari ini?

Kita dapat melihat di beberapa tempat dalam Alkitab (Kej. 1:4; Yoh. 1:5; Yes. 5:20; Efe. 5:8), pemisahan berlaku di antara terang dan kegelapan. Bagi Petrus, Firman Tuhan itu menerangi bagai cahaya pada tempat “gelap” (beberapa terjemahan tentang perkataan ‘gelap’ sebagai “menjijikkan” atau “sangat kotor”). Sebab itulah dia begitu pasti bahawa kita perlu “ambil peduli” kepada cahaya tersebut; mengikutinya sehingga “fajar menyingsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hati (kita)”. Kita adalah makhluk yang telah jatuh, tinggal dalam dunia yang gelap dan merosot. Kita perlu kuasa ghaib Tuhan untuk menuntun kita keluar daripada kegelapan tersebut, seterusnya menuju kepada terang dan terang itu ialah Yesus.

Petrus mengarahkan para pembacanya kepada satu tujuan. Beberapa orang percaya bahawa ungkapan “sehingga fajar menyingsing” merujuk kepada kedatangan Yesus yang kedua kali. Sekalipun itulah yang menjadi pengharapan utama kita, namun, idea “bintang timur” terbit pada hati anda, rasanya lebih rapat dan lebih bersifat pribadi. “Bintang timur” merujuk kepada Yesus (Wah. 2:28; 22:26). KemunculanNya di dalam hati

mereka nampaknya untuk mengenali tentang Yesus, dengan berpegang teguh kepada Dia serta mengalami realiti kehidupan Kristus di dalam kehidupan mereka secara individu. Yesus bukan hanya kebenaran doktrin; sebaliknya, Dia harus dijadikan sebagai pusat kepada kewujudan kita serta sumber kepada pengharapan dan iman kita. Dengan demikian, Petrus mengukuhkan perhubungan yang jelas di antara belajar Firman Tuhan dengan menetapkan persaudaraan dengan “bintang timur,” iaitu Yesus.

Tentu sekali, bahawa dengan cahaya menerangi kita, maka kita akan mengembangkan kepada orang lain. “Seluruh bumi harus diterangi dengan kemuliaan kebenaran Tuhan. Cahaya itu harus menyinari semua tempat dan kepada semua orang. Sementara kepada mereka yang telah menerima cahaya, akan menerangi selanjutnya. Bintang pagi telah terbit di antara kita, maka kita memancarkannya ke atas lorong-lorong jalan mereka dalam kegelapan.” – **Ellen G. White**, *Christian Experience and Teachings of Ellen G. White*. ms. 221.

Bagaimana pembelajaran anda kepada Firman membantu anda mengetahui lebih tentang Yesus?

RABU **31 Mei**

Firman Lebih Pasti Tentang Nubuatan

Sila baca 2 Pet. 1:19-21. Nubuatan tentang apakah Petrus maksudkan? Apakah yang dia maksudkan dengan berkata bahawa tidak ada nubuatan dalam Alkitab yang boleh ditafsirkan mengikut kehendak sendiri?

Dengan menekankan bahawa Kekristianan tidak berdasarkan dongeng-dongeng isapan jempol (2 Pet. 1:16) atau tipu muslihat dongeng, sebaliknya, Petrus menawarkan dua jurusan bukti: pertama, saksi mata (2 Pet.1:16-18); kedua, nubuat-nubuat dalam Kitab Suci (2 Pet.1:19-21), seperti yang dibahasnya lebih awal (1 Pet. 1:10-12).

Petrus juga menyatakan bahawa “nubuat-nubuat dalam Kitab Suci tidak boleh ditafsirkan menurut kehendak sendiri” (2 Pet. 1:20). Dengan berkata demikian, bukan pula Petrus menghalang kita untuk mempelajari Alkitab. Perkara sedemikian adalah sangat jauh daripada buah fikiran seorang yang telah berkata di dalam 1 Petrus 1:13, “sebab itu siapkanlah akal budimu” atau “sediakan minda untuk bertindak.” Demikian juga, tidak dikatakan oleh seorang yang memberi sanjungan kepada para nabi dahulu kala di atas kerajinan mereka mencari makna nubuat-nubuat bahawa telah diberikan kepada mereka (1 Pet. 1:10).

Jadi, apakah yang Petrus maksudkan? Gereja Perjanjian Baharu maju bersama dan belajar bersama. Penganut-penganut Kristian adalah sebahagian daripada tubuh yang besar (1 Kor. 12:12-14). Dalam hal ini, Petrus memberi amaran bertentangan dengan pembelajaran seperti itu di mana menolak setiap pandangan daripada persekutuan umat percaya. Dalam berinteraksi dengan orang lain kita boleh bertumbuh bersama-sama sebagai satu komuniti. Roh berkerja di kalangan masyarakat dan individu-individu di dalamnya. Semua pandangan boleh dikongsikan, diperhalusi dan diperdalamkan. Tetapi, orang yang bekerja sendiri, enggan menerima input daripada orang lain, besar kemungkinan mengemukakan intepritasi yang salah, terutama sekali yang berkaitan dengan nubuat.

Pada ayat-ayat berikutnya, kita dapati alasan yang baik bagi Petrus membuat penilaian tersebut. Dia menulis untuk umat Kristian di mana di antara mereka terdapat nabi-nabi palsu dan guru-guru palsu (2 Pet.2:1). Petrus menggesah mereka menyerahkan intepritasi Alkitab mereka kepada pemimpin gereja secara keseluruhan. Berapa orangkah yang telah tenggelam ke dalam fanatisme dan kesalahan kerana mereka enggan mempedulikan nasihat daripada persekutuan umat percaya yang dituntun oleh Roh? Itulah bahayanya pada zaman tersebut dan bahayanya berterusan sehingga hari ini.

Adalah sangat penting untuk bersifat terbuka kepada nasihat dan pendapat daripada gereja secara keseluruhan. Mengapa? Dalam masa sama, apakah hadnya sejauh mana kita perlu tunduk kepada orang lain?

KHAMIS **1 Jun**

Firman Di dalam Kehidupan Kita

Seperti yang kita lihat, Petrus memberi penekanan utama ke atas Kitab Suci. 2 Petrus 1:19-21 adalah satu pengesahan berpengaruh sekali tentang betapa pentingnya Alkitab itu keatas pengalaman umat Kristian dan juga inspirasi ilahi tentang Kitab Suci. Alasannya jelas sekali dalam 2 Petrus 1:21. Alkitab bukanlah hasil daripada kehendak manusia, tipudaya manusia seperti buku-buku yang lain. Alkitab adalah buku yang dihasilkan melalui kuasa Roh Alkidus bekerja melalui “orang saleh Tuhan.”

Sila baca 2 Tim. 3:15-17. Bagaimana ayat-ayat tersebut membantu kita memahami peranan Alkitab di dalam kehidupan kita? Bagaimana mereka memperkukuhkan kebenaran tersebut dalam 2 Petrus 1:19-21?

Paulus memberikan ringkasan butiran penting tentang betapa pentingnya Alkitab sebaik sahaja dia memberi amaran kepada Timotius mengenai beberapa bahaya di hadapannya dan juga gereja. "Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran" (2 Tim. 3:16).

Mari kita perhatikan tiga perincian tersebut:-

Doktrin: Doktrin-doktrin adalah pengajaran-pengajaran gereja. Ia menyatakan Kepercayaan-kepercayaan komuniti dalam berbagai topik alkitabiah didapati penting dalam Firman Tuhan. Secara umumnya, setiap doktrin haruslah berpusat pada Kristus dan setiap doktrin harus mengajar kita sesuatu yang boleh membantu kita mengetahui bagaimana hidup bersesuaian dengan "yang berkenan kepada Tuhan dan yang sempurna" (Roma 12:2)

Panduan: Paulus memberitahu Timotius bahawa Alkitab itu bermanfaat untuk "mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran" (2 Tim. 3:16). Petrus juga memberikan perincian yang serupa apabila dia berkata bahawa nubuatan dalam Alkitab adalah serupa lampu yang menerangi pada tempat yang gelap (2 Pet. 1:19). Dalam kata lain, Alkitab menyediakan panduan bagaimana kita harus hidupkan kehidupan kita serta mengetahui tingkahlaku sama ada benar atau salah. Sesungguhnya, Alkitab menyatakan kehendak Tuhan kerana semua penulisnya menerima ilham daripada Roh Kudus.

"Menuntun kepada keselamatan": Apabila dia berkata bahawa Alkitab itu dapat "menuntun engkau kepada keselamatan" (2 Tim. 3:15), Paulus menekankan bahawa Alkitab itu menunjukkan kita kepada Yesus. Keselamatan dapat dibangunkan dengan mempercayai bahawa Yesus telah mati untuk dosa-dosa kita.

Doktrin, panduan moral dan pengetahuan tentang keselamatan: Tidak hairanlah bahawa Firman Tuhan sama seperti "pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyingsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu" (2 Pet. 1:19).

JUMAAT

2 Jun

Renungan Selanjutnya: "Adalah yang pertama dan tugas tertinggi bagi setiap manusia biasa untuk belajar apa yang benar daripada Alkitab; lalu berjalan melalui terang tersebut untuk menggalakkan orang lain agar mengikuti contohnya. Kita harus giat belajar Alkitab setiap hari, merenung dengan teliti setiap pengajaran serta membandingkan kitab dengan kitab yang lain. Dengan bantuan ilahi, kita akan persatukan semua pendapat untuk kita sendiri sementara kita menjawab diri sendiri di hadapan Tuhan.

"Kebenaran yang dinyatakan sangat jelas dalam Alkitab, telah terlibat dalam kebimbangan dan kegelapan oleh orang yang terpelajar, yang, dengan berpura-pura berpengetahuan luas,, mengajar bahawa Alkitab itu mempunyai sesuatu mistikal, suatu rahsia dan makna rohaniah tidak ketara dalam bahasa yang digunakan. Orang-orang seperti ini adalah guru-guru palsu. Jenis orang seperti demikianlah Yesus maksudkan: "kamu tidak mengerti Kitab Suci mahupun kuasa Tuhan" (Mar. 12:24). Bahasa dalam Alkitab harus dijelaskan sesuai dengan ketepatan maksudnya, kecuali simbol atau gambaran digunakan. Kristus telah berikan janji: "Barangsiapa mahu melakukan kehendakNya, ia akan tahu entah ajaranKu ini berasal dari Tuhan, entah Aku berkata-kata dari diriKu sendiri" (Yoh. 7:17). Barangsiapa percayakan Alkitab seperti yang dia baca, jika tidak ada guru-guru palsu yang salah tuntun minda mereka, pekerjaannya telah terlaksana, yang akan membuatkan malaikat-malaikat gembira. Ia juga membawa kepada persekutuan dengan Yesus bersama beratus-ratus ribu orang di mana pada masa sekarang ini dalam perjalanan yang salah." - Ellen G. White, *The Great Controversy*, ms. 598, 599.

Soalan-soalan Perbincangan:

1. Apakah dasar prinsip penting yang lain terlibat di dalam pencarian pemahaman yang jelas tentang Alkitab?
2. Dalam tulisan Martin Luther, "Alkitab mempunyai terang tersendiri." Dengan berkata demikian dia bermaksud bahawa terdapat kesatuan asas di dalam Alkitab dan satu bahagian itu boleh digunakan untuk membantu kita memahami bahagian-bahagian yang lainnya. Apakah beberapa contoh prinsip-prinsip seperti itu anda boleh dapat?
3. Dalam kelas, pergi kepada jawapan anda pada soalan hari Isnin tentang perkara atau perkara-perkara yang sungguh-sungguh mendatangkan impak kepada pengalaman Kristian anda. Jika ada; apakah di dalam peristiwa-peristiwa tersebut menjadi kebiasaan? Apakah yang anda dapat pelajari melalui pengalaman orang lain?
4. Jika ada orang yang bertanya kepada anda, bagaimana mempelajari Alkitab dapat memperdalamkan perjalanan anda dengan TUHAN, apakah jawapan anda? Apakah dasar prinsip yang anda telah pelajari melalui pengalaman anda sendiri mencari jalan untuk mengetahui TUHAN Yesus melalui pembelajaran Firman BertulisNya?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 1:16- 21

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Mengakui bahawa Alkitab itu adalah sumber pengetahuan yang berkuasa daripada Tuhan terhadap kehendakNya dan demi keselamatan kita melalui Yesus Kristus.

Merasakan: Menemukan objektif pernyataan tentang Kristus dalam Alkitab untuk melengkapkan sumber iman dan pengharapan yang lebih baik daripada apapun pengalaman subjektif pribadi yang seseorang itu alami.

Melakukan: Memberi keutamaan kepada kedudukan Alkitab di dalam kehidupan seseorang agar sentiasa bercahaya pada tempat yang gelap.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Kata-kata Ramalan (nubuat) Yang Lebih Dapat Dipercayai

- A. Dengan apakah Petrus bandingkan kata-kata ramalan yang lebih boleh dipercayai?
- B. Apakah yang menjadikan kata-kata ramalan itu begitu objektif dan dapat dipercayai seperti cahaya di dalam gelap?

II. Merasakan: Risiko Terhadap Pengalaman-pengalaman Subjektif

- A. Bagaimanakah Petrus meluahkan keyakinannya di dalam pengalaman pribadinya dengan Yesus?
- B. Apakah yang Petrus katakan agar kita harus mengerti "di atas semuanya"? Apakah sifat semulajadi terhadap proses pernyataan dan apa yang diilhamkan serta digambarkan dalam ayat 21.

Kesimpulan: Petrus mengambil dirinya sendiri sebagai contoh dalam bidang pengalaman-pengalaman yang telah dilalui bersama dengan Yesus sebagai satu dasar yang boleh dipercayai; juga penerangannya tentang kuasa dan kedatangan kembali Yesus. Tetapi, kemudian dia membuat kenyataan bahawa Firman nubuat Tuhan adalah lebih pasti daripada pengalaman-pengalaman pribadi yang subjektif, kerana asalnya di dalam Roh Kudus itu sendiri.

Cara Pembelajaran

LANGKAH I - Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Petrus 1:20, 21

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Sebagai manusia biasa, kita mempunyai kecenderungan untuk meletakkan keyakinan kita kepada pengalaman-pengalaman dan di dalam kenyataan berbagai deria kita. Sekalipun kita menganggap bahawa kecenderungan ini boleh dipercayai secara rasional dan saintifik. Pemerhatian adalah dasar bagi sains pengalaman dan penelitian. Namun, kita boleh diperbodohkan oleh semua deria kita. Selepas merayu terhadap nilai-nilai pengalaman perasaan sebagai pernyataan kepada kebenaran mesej injil Petrus, dia menambahkan ujian bagi kebenaran dengan menyatakan bahawa terdapat dasar lebih jujur bagi menentukan realiti dan kebenaran, yakni, nubuat Firman Tuhan. Asal mulanya bukan dalam kehendak manusia tetapi, pergerakan Roh Kudus atas fikiran agen-agenNya.

Hanya Untuk Guru: Kita hidup pada zaman sains; namun, perihalnya wujud dengan banyaknya berhubung dengan kemungkinan menentukan kebenaran dengan cara objektif. Perkara di mana kebenaran sepatutnya ditentukan dalam zaman Moden adalah cara empirikal iaitu suatu cara berdasarkan pengalaman dan penelitian. Menghapuskan perkara-perkara yang tidak dapat dikawal seperti kuasa di luar kemampuan manusia, supaya semua aspek dapat diambilkira dibawah keadaan ujian terkawal dengan pemerhati lebih masa yang ramai agar dapat menghasilkan keputusan yang meyakinkan. Dalam banyak bahagian, termasuklah agama, tidak ada persetujuan yang dihasilkan keatas kelewatan lebih masa, maka sinisisme akan berkembang berkenaan dengan kemungkinan bahawa keputusan setiap keyakinan daripada cara tersebut. Dengan sebab itu, maka timbullah postmodernisme, menafikan setiap kebenaran mutlak atau setiap metanaratif iaitu dapat menjelaskan sesuatu dengan sepenuhnya. Pengalaman pribadi menjadi dasar kepada kebenaran, dengan cara semua kebenaran adalah subjektif dan bersangkut-paut dengan pengalaman-pengalaman tertentu. Bagaimanakah mesej Petrus menangani ketegangan ini?

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Ahli kelas anda membaca bersama 2 Petrus 1:16-18 dan Matius 16:27-17:8. Bincangkan bukti-bukti yang Petrus sebut sebagai sifat menyatakan kebenaran tentang tuntutanannya mengenai Yesus. Mengapakah dia mempertahankan apa yang dia sebutkan tentang pengalamannya sendiri sebagai bukti bahawa dia tidak pandai mereka-cipta cerita? Bagaimanakah Petrus dapat membezakan diantara pengalaman ini dengan sesuatu yang mungkin dia hanya bayang-bayangkan?

LANGKAH 2 – Mengkaji (Ayat Alkitab 2 Petrus 1:16)

Hanya Untuk Guru: Petrus bertentangan secara terus dengan golongan skeptisisme (fahaman sifat mencurigai) tentang keaslian dan otoriti pengajarannya, bukan sahaja pada zamannya tetapi juga pada zaman kita sekarang ini. Dia tidak membahagikan kepada para pembaca cerita-cerita yang direka-cipta sendiri; dia membahagikan peristiwa yang dia alami sendiri dalam kehidupan. Orang menganggap bahawa tuntutanannya itu akan menandakan keaslian tentang kesaksiannya sebagai seorang penulis surat tersebut; bagaimanapun, bagi skeptik ianya hanya efek yang bertentangan. Mereka memberi alasan bahawa si penulis mencuba sedaya upaya untuk membuktikan siapa dia sebenarnya. Mereka melihat usaha tersebut sebagai bukti bahawa Petrus bukanlah penulisnya, tetapi sebaliknya, bahawa surat tersebut ditulis oleh orang lain. Mereka yang skeptikal terhadap usaha Petrus sebagai pengarang, gagal melihat dengan sendiri 2 Petrus 3:3 – mereka sebagai pencemuh-pencemuh yang menurut keinginan kejahatan mereka sendiri serta menafihkan kebenaran Firman Tuhan sendiri. Bagaimanakah kita seringkali seperti faham-skeptik, gagal untuk melihat keterterapan Alkitab pada situasi kita sendiri?

Ulasan Alkitab

I. Kesaksian Yang Lebih Jujur (Imbas kembali bersama ahli kelas 2 Petrus 1:19)

Walaupun saksi-mata kepada kesaksian Petrus dapat dipercayai, kini dia menyatakan alasan yang lebih jujur ke atas kesaksian, sesuatu yang tidak akan gagal. Bukti yang dipersembahkan ke atas deria kita akan menuntun kearah lain, seperti yang telah berlaku sekali-sekala. Alkitab berulang kali memberi amaran menentang untuk membenarkan panca indra kita yang menuntun kepada penipuan kita sendiri (Mat. 7:15; 24:24; 2 Kor. 11:13, 14; 2 Tes. 2:9, 10; Wah. 13:13, 14).

Ramai ahli silap mata hidup mewah dengan melakukan tipu muslihat yang dapat memperdayakan fikiran, tetapi, Syaitanlah dalang segala ahli sihir. Dia melakukan kerja tanda-tanda dan keajaiban-keajaiban penipuannya, biasanya melalui individu-individu yang telah melanggan alasan-alasan pemalsuannya. Petrus menyedari akan segala bahaya dengan mengikuti kesaksian pancaindera kita serta menyarankan sesuatu sumber yang lebih selamat untuk belajar kebenaran. Firman Tuhan adalah satu-satunya sumber kebenaran yang sesungguhnya selamat dan dapat dipercayai. Kita “memperhatikannya sama seperti memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyingsing dan bintang timur terbit bersinar” di dalam hati kita (2 Pet. 1:19)

Pertimbangkan Hal ini: “Hari itu” adalah rujukan kepada mengharapkan “hari TUHAN” (2 Pet. 3:10) atau “hari Tuhan” (2 Pet. 3:12), juga disebut “hari penghakiman” (2 Pet. 2:9; 3:7) dan “pada hari lawatan” (1 Pet. 2:12). Hari itu adalah Kedatangan Kedua Kali. “Bintang Timur” adalah merujuk kepada Yesus Sendiri. Dia isytiharkan dalam Wahyu 22:16, “Aku adalah... bintang timur yang gilang-gemilang.” “Bintang Timur” mendapatkan namanya berdasarkan cahaya “bintang” yang terang benderang di angkasa pada waktu pagi; cahaya yang terakhir pada waktu menjelang subuh pagi. Para pengkaji bintang mengenalpasti planet Venus sebagai bintang timur, tetapi Yesus mengambil pangkat ini untuk diriNya sendiri. Bintang Timur akan terbit sepenuhnya dalam hati kita apabila menjelang subuh. Apakah yang kita lakukan sebagai persediaan bagi terbitnya Bintang Timur yang tulen di dalam hati kita?

II. Asal Mula Firman Nubuatan (Baca bersama ahli kelas 2 Petrus 1:20, 21)

Petrus memulakan ayat 20 dengan mengatakan, “Di atas semuanya, kamu harus mengerti...” Tidak ada lagi perkara yang para pembacanya perlu memahami lebih jelas selain daripada dasar keyakinan di dalam nubuatan Firman Tuhan. Ia tidak bermula dengan kehendak manusia. Sebaliknya, “sebab tidak pernah nubuat dihasilkan oleh kehendak manusia, tetapi oleh dorongan Roh Kudus orang-orang berbicara atas nama Tuhan” (2 Pet. 1:21). Hujah Petrus adalah tentang pernyataan penjelmaan di mana mesej ilahi telah diamanahkan kepada agen-agen manusia sebagai alat untuk mendedahkan pengajaran-pengajaran Tuhan melalui pekerjaan Roh Kudus. Sementara mesej dan inisiatif adalah daripada Tuhan; Dialah yang bertanggungjawab ke atas kandungan dan pemeliharannya.

Mengenai dengan elemen manusia dalam Injil, Ellen G. White menerangkan, “Alkitab ditulis oleh orang-orang yang mendapat ilham, tetapi gaya dan cara pemikiran dan perluahan bukan daripada Tuhan. Sebaliknya, daripada

manusia. Sebagai penulis, dia tidak mewakili Tuhan. Manusia selalunya berkata bahawa luahan seperti itu tidak sama seperti luahan daripada Tuhan. Tetapi, Tuhan tidak meletakkan Dirinya dalam perkataan, logik, retorik atau percubaan di dalam Alkitab. Para penulis Alkitab adalah jurutulis Tuhan dan bukan tulisan Tuhan." -Selected Messages, vol. 1, ms. 21. Dia menambah penjelasannya: "Bukanlah perkataan-perkataan dalam Alkitab yang diilhamkan, melainkan orangnya (penulis) yang telah diilhamkan. Tindak-tanduk inspirasi bukan atas kata-kata manusia atau cara perluhannya, melainkan pada orang itu sendiri. Ia dipengaruhi oleh Roh Kudus; ia diliputi dengan berbagai buah fikiran. Tetapi perkataan-perkataan tersebut mempengaruhi minda individu. Sementara minda ilahi bersifat berselerak. Minda dan kehendak ilahi bersatu dengan minda dan kehendak manusia; maka cara manusia menyebut sesuatu perkataan adalah firman Tuhan." - page 21.

116

Pertimbangkan Hal ini: Sejauh manakah kepastian keyakinan kita terhadap elemen keilahian di dalam penghasilan ke atas mesej Alkitab?

Soalan Perbincangan:-

1. Apakah yang kita pelajari daripada pengalaman-pengalaman kita bersama Tuhan dan janji-janjiNya? Dalam cara apakah mereka meyakinkan kepercayaan kita kepada Dia? Mengapa kita boleh - sesungguhnya kita harus - sentiasa percaya kepada Tuhan ke atas semua deria kita?
2. Tentang apakah dalam hal Firman nubuat yang membuatkan dia boleh dipercayai? Bagaimanakah rekod terkabulnya nubuatan membantu untuk membangun keyakinan kita di dalam kejujuran kepada Firman Tuhan?

LANGKAH - 3 Menerapkan

Soalan Renungan:-

1. Dalam cara apakah mungkin kadang-kadang kita bersifat seolah-olah kita tidak yakin kepada catatan Alkitab? Bagaimana kita menangani jenis percubaan seperti ini?
2. Jika tidak terdapat nubuat dalam Alkitab hasil penjelasan para nabi sendiri, apakah mungkin terdapat metodologi yang selamat untuk memperoleh pengertian daripada Alkitab sesuai dengan kehendak Tuhan?

Aktiviti: Ahli kelas membaca bersama 2 Timotius 3:14-16. Bincangkan dasar pemahaman Alkitab menurut Paulus dalam Timotius, serta nilai-nilai pemahaman Alkitab kepada semua orang percaya.

LANGKAH - 4 Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Kita cenderung untuk berbicara dengan lancar tentang betapa pentingnya kepercayaan terhadap keselamatan. Tetapi, kita lebih perlu daripada hanya percaya secara intelek atau kesetujuan kepada sesuatu kebenaran atau beberapa kenyataan. Yakobus 2:19 memberitahu kita bahawa Syaitan sekalipun percaya kepada Tuhan, cuma kepercayaan mereka itu tidak dapat menyelamatkan mereka. Menurut Yakobus, KEPERCAYAAN perlu diiringi oleh tindakan-tindakan yang seimbang (Yakobus 2:14-17). Istilah yang lebih baik bagi "kepercayaan" ialah "keyakinan." Keyakinan bermakna bukan sahaja penerimaan intelektual terhadap kenyataan-kenyataan tertentu, tetapi ia melibatkan kesediaan untuk melakukan tindakan berdasarkan keyakinan bahawa Tuhan mengetahui apa yang terbaik. Dia telah menyatakan kehendakNya kepada kita di dalam FirmanNya dan Dia akan memberi kuasa kepada kita untuk melaksanakan kehendakNya sementara kita menyerahkan diri kita untuk perkara tersebut.

Aktiviti: Ahli kelas mencatatkan senarai nubuat-nubuat alkitabiah yang telahpun terkabul serta dengan bukti-bukti perlaksanaannya. Bincangkan keyakinan terhadap Alkitab yang kita peroleh - dan bahagikan kepada orang lain - sebagai hasil daripada melihat bukti bahawa Tuhan mengetahui semua perkara, termasuklah masa akan datang dan bahawa kita beroleh keyakinan kepada Dia beserta dengan rencanaNya kepada kehidupan kita.

PELAJARAN 11 | 3-9 Jun

Guru-guru Palsu

PETANG SABAT

Ayat-ayat Bacaan Pelajaran Minggu Ini: 2 Pet. 2:1-22; Yoh. 8:34-36; Mat. 12:43-45; Yudas 4-19; Kej. 18:16-33.

Ayat Hafalan: "Mereka menjanjikan kemerdekaan kepada orang lain, padahal mereka sendiri adalah hamba-hamba kebinasaan, kerana siapa yang dikalahkan orang, ia adalah hamba orang itu" (2 Pet. 2:19).

Dalam suratnya yang pertamanya, Petrus, dengan kebimbangan besar seorang penggembala,, berusaha untuk memberi dorongan kepada para pembacanya berhubung dengan betapa bahayanya penganiayaan. Sekalipun kita tidak tahu bentuk penganiayaan sebenarnya dia maksudkan secara spesifik, apa yang kita tahu ialah gereja akan menghadapi pencubaan-pencubaan yang dahsyat. Empayar pagan Roma misalnya, berusaha untuk menumpaskan pergerakan yang semakin bertumbuh dari orang-orang yang dipanggil "Kristian."

Syaitan telah melancarkan serangan dua-hala. Sudah pasti, penganiayaan dari luar – iaitu memaksa dengan ganas dan kekerasan - merupakan senjata yang berkuasa. Gereja berhadapan dengan satu lagi ancaman yang mungkin lebih merbahaya daripada penganiayaan datang daripada luar. Demikianlah ancaman dalaman. Sama seperti negara Yahudi dahulu, harus berurusan dengan nabi-nabi palsu, pengikut-pengikut Yesus pada zaman Petrus harus berurusan dengan guru-guru palsu. Merekalah yang telah "memasukkan pengajaran-pengajaran sesat yang membinasakan" (2 Pet. 2:1) ke dalam gereja itu sendiri. Lebih buruk lagi, Petrus memberi amaran bahawa ramai yang akan mengikuti "cara hidup yang membinasakan" itu (2 Pet. 2:2)

Apakah beberapa di antara pengajaran-pengajaran yang Petrus beri amaran? Bagaimana reaksi Petrus terhadap mereka dan apakah pelajaran yang kita peroleh daripada amaran-amaran tersebut hari ini sementara kita berhadapan dengan berbagai ancaman dalaman?

**Sila pelajari Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 10 Jun.*

AHAD

4 Jun

Nabi-nabi dan Guru-guru Palsu

Kadang-kadang adalah mudah untuk menganggap kesempurnaan gereja awal, memikirkan bahawa pada zaman mereka adalah masa yang amat aman dan harmoni di antara orang-orang percaya kepada Yesus yang mula-mula.

Sebenarnya tanggapan tersebut adalah salah. Sedangkan pada zaman Yesus sekalipun gereja berhadapan dengan pergelutan, biasanya daripada dalaman itu sendiri (fikirkan tentang Yudas). Seperti yang ditunjukkan dalam surat-surat Perjanjian Baharu, kebanyakan daripada masalah datang daripada pengajar-pengajar palsu di tengah-tengah mereka sendiri. Gereja yang mula-mula bergumul bukan hanya dengan penganiayaan daripada luar, bahkan masalah-masalah dalaman itu sendiri. Di dalam tulisan Petrus ini, berhubung dengan beberapa daripada cabaran-cabaran dalaman. Apakah semuanya itu? "Sebagaimana nabi-nabi palsu dahulu tampil di tengah-tengah umat Tuhan, demikian pula di antara kamu akan ada guru-guru palsu. Mereka akan memasukkan pengajaran-pengajaran sesat yang membinasakan, bahkan mereka akan menyangkal Penguasa yang telah menebus mereka dan dengan jalan demikian segera mendatangkan kebinasaan atas diri mereka. Ramai orang akan mengikuti cara hidup mereka yang dikuasai hawa nafsu, dan kerana mereka, Jalan Kebenaran akan dihujat. Oleh kerana serakahnya guru-guru palsu itu akan berusaha mencari untung dari kamu dengan cerita-cerita isapan jempol mereka. Tetapi untuk perbuatan mereka itu hukuman telah lama tersedia dan kebinasaan tidak akan tertunda" (2 Pet. 2:1-3). Hampir tidak kedengaran seperti suatu masa yang amat aman dan keharmonian dalaman di antara saudara mara, bukankah?

Sila baca 2 Pet.2:1-3, 10-22. Apakah amaran yang Petrus berikan di sini? Apakah beberapa perkara yang salah telah dipromosikan di dalam gereja?

Besar kemungkinan 2 Petrus 2:1 menyatakan sebab TUHAN memberi ilham kepada Petrus untuk menulis surat tersebut. Dia telah beri amaran kepada mereka bahawa sebagaimana terdapat nabi-nabi palsu zaman dahulu, maka terdapat juga guru-guru palsu di masa-masa akan datang. Petrus berikan butiran alah ungkapan litan menentang guru-guru tersebut, semuanya daripada “pengajaran-pengajaran sesat yang membinasakan” (2 Pet.2:1) menuntun mereka yang tidak berhati-hati ke jurang perhambaan (2 Pet. 2:19) demikian juga, masih banyak kesalahan-kesalahan lain. Melalui tulisannya, kita dapat melihat bahawa sesungguhnya pengajaran-pengajaran tersebut sangat bahaya. Sebab itu, dalam penjelasannya dia bertindak begitu kuat sekali menentang mereka. Petrus tidak mengetahui tentang idea bahawa doktrin tidak merupakan hal yang penting.

Lihat bagaimana kuatnya tindakan Petrus terhadap pengajaran-pengajaran palsu. Apakah pula tindakannya itu beritahu kepada kita betapa pentingnya kebenaran itu? Bagaimanakah kita mengawal diri kita sendiri bertentangan dengan setiap dan semua usaha membawa masuk doktrin palsu ke dalam gereja?

ISNIN 5 Jun

Kebebasan Dalam Kristus?

“Sebab mereka mengucapkan kata-kata yang congkak dan hampa dan mempergunakan hawa nafsu cabul untuk memikat orang-orang yang baru sahaja melepaskan diri daripada mereka yang hidup dalam kesesatan” (2 Pet, 2:18). Apakah amaran Petrus dalam ayat tersebut? Apakah yang dia katakan dalam 2 Petrus 2:19 boleh membantu menjelaskan kepeduliannya? Apakah pentingnya perkataan “kebebasan” atau “kemerdekaan” dalam ayat 19?

Dalam bahasa yang mungkin lebih bersemangat, Petrus beri amaran terhadap bahaya guru-guru palsu. Dalam 2 Petrus 2:18-21, dia amarkan bahawa guru-guru palsu tersebut, sementara menjanjikan kemerdekaan dan kebebasan, sebenarnya akan menuntun orang kepada perhambaan.

Alangkah lengkapnya perbuatan yang menyalahi hukum kesusilaan Alkitab! Kebebasan di dalam Kristus harus bermaksud kebebasan daripada perhambaan dosa (Roma 6:4-6). Jika ada konsep kebebasan di dalam Kristus sedangkan orang itu tetap berada dalam perhambaan dosa; itulah jenis kesalahan yang Petrus maksudkan dan diberi amaran. Sekalipun para pengkaji Alkitab telah perdebatkan fahaman yang bertentangan dengan tepat sekali bahawa inilah yang dia maksudkan di sini, ianya benar-benar jelas berhubungan dengan persoalan seluruhnya tentang dosa dan yang pernah menjadi hamba kepada dosa.

Sila baca Yohanes 8:34-36. Bagaimanakah firman Kristus di sini dapat membantu kita untuk memahami apa yang Petrus katakan?

Apapun yang dipersembahkan oleh guru-guru palsu ini, menuntun mangsanya – mereka yang baru sahaja menerima TUHAN Yesus – kembali semula kepada gaya hidup lama yang berdosa. Adalah mudah untuk mengandaikan beberapa bentuk kurnia injil murahan telah menjatuhkan keperluan untuk kemurnian dan kesalehan. Sesuatu yang menyebabkan mereka dapat ditipu semula menjadi hamba-hamba “kebinasaan” (2 Pet. 2:19) dunia di mana sebentar tadi mereka telah lepaskan. Tidak hairanlah Petrus berkata begitu tajam dan menentang kuat pengajaran-pengajaran palsu tersebut. Dia beri amaran tentang kesudahan akhir hasil mengikuti mereka.

Apakah yang anda faham tentang kebebasan di dalam Kristus? Apakah yang Kristus telah bebaskan daripada anda?

SELASA 6 Jun

Anjing Kembali Kepada Muntahnya Sendiri

Sila baca 2 Petrus 2:17-22 dan Matius 12:43-45. Apakah bahaya-bahaya apabila seorang penganut Kristian yang baru, kembali semula kepada gaya hidup lamanya?

Petrus prihatin khususnya tentang nasib mereka yang tergoda oleh pengajaran guru-guru palsu kembali semula kepada dosa-dosa lama mereka (2 Pet. 2:18). Guru-guru palsu menjanjikan kebebasan, tetapi, seperti yang Petrus tegaskan, kebebasan yang mereka janjikan berbeza secara radikal dengan jenis kebebasan yang Yesus telah janjikan kepada mereka yang mengikuti Dia.

Perhatikan amaran keras daripada Petrus. Adalah lebih baik “jika mereka tidak pernah mengenal Jalan Kebenaran” (2 Pet. 2:21) daripada mengenalinya lalu kembali semula kepada jalan lama mereka.

Memangpun perkara tersebut bukan bermakna mereka tidak berpengharapan. Kita semua tahu banyak contoh cerita mereka yang meninggalkan TUHAN, kemudian hari, kembali juga. Kita juga tahu bahawa TUHAN sangat gembira apabila mereka kembali, bahkan gembira untuk menerima mereka kembali. (Lihat Lukas 15:11-32.) Ia hanya bermaksud bahawa berpaling adalah jalan yang sangat berbahaya untuk diambil, juga bukan sesuatu yang menyenangkan. Anjing kembali kepada muntahnya sendiri adalah cara yang kasar dan kejam untuk menghuraikannya, namun, demikianlah gambaran tujuan kata-kata Petrus.

Barangkali gema kepada kata-kata Yesus dalam 2 Petrus 2:20 disengajakan (lihat Mat. 12:45; Luk. 11:26). Yesus memberikan perumpamaan tentang seorang yang bebas daripada kerasukan roh jahat. Roh jahat tersebut mengembara ke tempat-tempat yang tandus mencari perhentian, lalu kembali melihat “ke rumah yang telah ku tinggalkan itu” (Mat. 12:44). Dia mendapati rumah itu kosong dan tersusun rapih. Lalu ia keluar dan mengajak beberapa roh lain yang lebih jahat daripadanya. Seperti Yesus katakan, “maka akhirnya keadaan orang itu lebih buruk daripada keadaannya semula” (Mat. 12:45). Bahaya yang Yesus jelaskan dan yang Petrus huraikan adalah nyata. Umat percaya yang baru perlu memastikan bahawa perkara-perkara yang menguasai diri mereka harus diambilalih oleh Roh Tuhan. Jika penglibatan dalam gereja dan membahagikan iman baharunya, tidak mengambilalih aktiviti-aktiviti sekular lamanya, maka sangat mudah untuk kembali kepada keadaan asalnya.

Sebagai sebuah keluarga gereja, apakah cara-cara yang baik demi memelihara dan menjadikan semua anggota murid, terutama sekali bagi saudara baru?

RABU

7 Jun

Petrus dan Judas

Ramai orang telah meneliti bahawa Yudas 4-19 merupakan ulangan mesej dalam 2 Petrus 2:1-3:7. Apabila mesej dalam Injil itu diulang, kita harus maklum bahawa Tuhan mahu menyampaikan sesuatu perkara penting. Di dalam petikan sama ini, Petrus dan Yudas memanjanglebarkan untuk memberitahu kita suatu kebenaran yang sangat penting: Tuhan mengawal halatuju orang berdosa. Kedua-dua Petrus dan Yudas meyakinkan kepada kita bahawa Tuhan begitu rapat mengawasi kejahatan. Sama ada sifat jahat manusia atau malaikat-malaikat yang telah jatuh, Tuhan telah mengambil nota istimewa tentang kejahatan mereka dan telah merencanakan hukuman mereka pada hari pengadilan (2 Pet. 2:9, 17; Yudas 6).

Sila baca 2 Pet. 2:1-3:7 dan Yudas 4-19. Apakah contoh-contoh pembalasan awal Tuhan yang Petrus dan Yudas berikan penekanan fakta bahawa Tuhan sungguh-sungguh akan menangani dosa?

Petrus dan Yudas merekodkan tiga contoh pembalasan Tuhan di masa lalu. Mereka memasukkan kebinasaan dunia purba dengan air bah, pembakaran Sodom dan Gomorrah dan menahan malaikat-malaikat demi kebinasaan (2 Pet. 2:4-6; 3:7; Yudas 6, 7). Semua episod tersebut merupakan perhiasan berpanjangan sehingga muktamad. Sekalipun Alkitab berbicara lebih banyak mengenai belas kasihan dan kasih kurnia Tuhan, demi keadilan Tuhan juga memainkan peranan penting dalam pembinasaan terakhir ke atas dosa. Apakah jenis dosa sehingga menyebabkan hukuman yang berat? Dosa-dosa tersebut termasuklah memperkenalkan ajaran sesat yang merosakkan; menghina autoriti; menjadi hamba kepada apa sahaja yang menguasai mereka; menyalahgunakan kasih karunia Tuhan menjadikannya lesen untuk melakukan perkara yang tidak bermoral; menafikan Yesus Kristus sebagai satu-satunya Tuhan dan Mahakuasa; pencemaran tubuh mereka sendiri; penutur kosong, kata-kata sombong; dan pemfitnah (2 Pet. 2:1, 10, 19; Yudas 4, 8; 2 Pet. 2:18; Yudas 10).

Menariknya, penerangan ini tidak termasuk keganasan dan kekejaman jahat lain yang sering menimbulkan kemarahan kita. Sebaliknya, huraian itu menggambarkan dosa-dosa yang lebih halus yang mempunyai satu persamaan. Ia adalah dosa yang kadang-kadang diberi kelonggaran (dimaafkan) dalam komuniti gereja itu sendiri. Fakta ini perlu menyedarkan kita kepada keperluan yang besar untuk pertaubatan yang sungguh-sungguh dan reformasi dalam gereja.

Sila baca 2 Petrus 2:12 dan Yudas 10. Kedua-dua Petrus dan Yudas menggambarkan mereka yang berhadapan dengan kebinasaan sebagai seorang yang tidak bermaruah kepada “tidak masuk akal” (2 Pet. 2:12) atau seperti binatang “tidak rasional” (Yudas 10) sebaliknya diperintah oleh desakan hati semulajadi. Bagaimanakah gambaran tersebut dibandingkan dengan bagaimana orinya Tuhan mencipta manusia dan bagaimana anda dapat mengelak daripada ianya akan berlaku dalam kehidupan anda?

KHAMIS 8 Jun

Lebih Banyak Pelajaran dalam Perjanjian Lama

Sila baca 2 Petrus 2:6-16. Apakah contoh-contoh lain yang digunakan oleh Petrus sebagai amaran tentang kemanakah halatuju akibat daripada kejahatan?

Rujukan pertama keadaan Sodom di dalam Alkitab ialah Kejadian 13:12, 13. Lot dan Abraham mengambil keputusan untuk berpisah atas sebab-sebab “kewangan.” Lot memilih Lembah Jordan lalu “berkhemah dekat Sodom” (Kej. 13:12). Alkitab mengatakan, “Adapun orang Sodom sangat jahat dan berdosa terhadap TUHAN” (Kej. 13:13). Setelah itu, apabila Tuhan memberi amaran kepada Abraham bahawa Dia bercadang untuk membinasakan Sodom. Abraham membuat perundingan dengan Tuhan bahawa Dia tidak akan jalankan pembinasaan jika didapati ada sepuluh orang yang masih taat di sana (Kej. 18:16-33). Ketidakmungkinan untuk mendapatkan biarpun hanya sepuluh orang yang didapati masih taat kepada Tuhan di Sodom dapat dilihat dengan luas melalui kejadian kepada utusan-utusan yang melawat Lot. Kota itu sesuai dibinasakan; hanya Lot dan dua orang gadisnya yang terlepas (Kej. 19:12-25).

Petrus memperoleh dua pelajaran melalui cerita tersebut. Pertama, dua buah kota tersebut menyediakan contoh kepada penghakiman yang melanda kepada yang tidak taat kepada Tuhan (2 Pet.2:6). Kedua, menunjukkan bahawa TUHAN tahu bagaimana menyelamatkan orang yang taat daripada pencubaan (2 Pet. 2:7-9). Setelah itu, Petrus nyatakan juga beberapa karakter mereka yang dibinasakan di Sodom dan Gomorrah: mereka menuruti hawa nafsunya kerana ingin mencemarkan diri dan yang menghina pemerintahan Tuhan. Mereka begitu berani dan angkuh, sehingga tidak segan-segan menghujat malaikat-malaikat (2 Pet. 2:10, 11). Sifat-sifat tersebut mempunyai persamaan dengan bagaimana Petrus menjelaskan kepalsuan guru-guru dan pengikut-pengikutnya.

Cerita Bileam terdapat dalam Bilangan 22-24. Dia telah disogok oleh Balak, raja Moab, untuk mengutuk bangsa Israel. Pada mulanya dia enggan, akhirnya telah dipujuk menjalankan tugas dengan tawaran lebih besar jumlah wang (Bil. 22:7-21). Dalam perjalanan, Bileam bertemu dengan “malaikat TUHAN” dan dia terselamat daripada kematian hanya kerana keldainya menyimpang. Lalu Bileam memukul keldainya. Dia menyedari kesalahannya hanya setelah matanya terbuka dan melihat sendiri “malaikat TUHAN” (Bil. 22:22-35). Pada akhirnya, Bileam memberkati Israel (Bil. 23:4- 24:24). Petrus menggunakan cerita Bileam sebagai contoh kepada mereka yang tergoda oleh perbuatan zina dan loba (2 Pet. 2:14, 15). Orang seperti itu serupa dengan Bileam. Mereka telah tinggalkan jalan yang sepatutnya mereka lalui.

Fikirkan tentang semua yang diberikan kepada kita; kedua-dua dalam Alkitab dan tulisan-tulisan Ellen G. White. Dengan demikian, mengapa kita sebagai Seventh-day Adventist tidak jangan sekali-kali mengatakan bahawa kita tidak pernah diberi teguran?

FRIDAY 9 Jun

Renungan Selanjutnya: Seringkali kita mendengar orang-orang Kristian berbicara tentang “kebebasan di dalam Kristus.” Sudah pasti konsep tersebut valid sekali. Bebas daripada kutukan hukum dan untuk mendapatkan jaminan keselamatan oleh kerana Kristus telah lakukan kepada kita daripada pekerjaan kita sendiri, sesungguhnya untuk dibebaskan. Cerita Martin Luther dan perhambaan di mana dia sengsara sebelum memahami kasih kurnia, menjadi satu contoh yang hebat seperti maksud kebebasan itu sebenarnya. Bagaimanapun, seperti yang kita perhati dalam Petrus, kebenaran yang indah boleh sahaja diputar-belitkan. “Kebenaran agung kebergantungan sepenuhnya kepada Kristus demi keselamatan terletak berhampiran dengan anggapan yang silap. Kebebasan dalam Kristus bagi beribu-ribu orang disalah anggap dengan meniadakan hukum Tuhan; oleh kerana Kristus datang untuk melepaskan kita daripada kutukan hukum, ramai orang mengisytiharkan bahawa hukum itu sendiri telah dihapuskan, dan bahawa mereka yang memeliharanya terlepas dari kasih karunia. Oleh itu, kebenaran dan kesalahan muncul-sama tidak jauh berbeza, minda yang tidak dituntun oleh Roh Kudus akan dipandu untuk menerima kesalahan itu dan dengan berbuat demikian, menempatkan mereka sendiri di bawah kuasa penipuan Syaitan. Akhirnya, menuntun orang untuk menerima kesalahan dalam kebenaran. Setan sedang berusaha untuk mengekalkan dunia Protestan menghormati [menyembah] dia.” – Ellen G. White, *Christ Triumphant*, ms. 324.

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Renungkan ayat dalam 2 Petrus 2:19 dan perkara-perkara lain Petrus katakan tentang akibat daripada pengajaran palsu. Mengapakah kita harus memastikan untuk belajar sendiri kebenaran-kebenaran penting kepercayaan kita? Berapa pentingkah persetujuan kita tepat seperti yang kita perlu percaya? Bilakah ia menjadi “merbahaya” memikirkan idea yang berlainan daripada saudara-saudara seiman kita yang lain?
2. Perhatikan beberapa bahasa penekanan Petrus berkaitan dengan seluruh persoalan tentang hukuman dan pengadilan: “mendatangkan kebinasaan atas diri mereka” (2 Pet. 2:1); “sehingga oleh perbuatan mereka yang jahat mereka sendiri akan binasa” (2 Pet. 2:12); menyimpan orang-orang jahat untuk disiksa pada hari penghakiman, (2 Pet. 2:9); “dan kebinasaan tidak akan tertunda” (2 Pet. 2:3). Apakah seharusnya ayat-ayat tersebut beritahu kita tentang bukan sahaja realiti penghakiman tetapi juga tentang betapa sungguh-sungguhnya Tuhan membinasakan mereka yang akan menuntun orang-orangNya kejurang kesalahan?

3. Pada pandangan anda, apakah maksud bila mereka berbicara tentang “kebebasan di dalam Kristus” dilakukan secara am, bukan dalam konteks hukum secara am (sekalipun beberapa orang melakukannya), tetapi, dalam konteks memelihara hukum keempat, iaitu hukum Sabat? Bagaimanakah perdebatan ini membantu kita untuk melihat pada sudut pandang lain bahawa idea “kebebasan dalam Kristus” dapat disalahertikan?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 2:1-3

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Mengenalpasti bahawa sementara kita mempunyai saksi mata terhadap bukti sesuatu kebenaran dan nubuatan Firman Tuhan, guru-guru palsu akan muncul memperkenalkan pendapat-pendapat bertentangan yang membinasakan berdasarkan mesej yang direka-reka.

Merasakan: Takut akan kebinasaan yang disebarkan oleh guru-guru palsu tersebut.

Melakukan: Sentiasa berwaspada untuk membezakan di antara benar dan palsu.

Cara Pembelajaran

I. Mengetahui: Strategi Syaitan Menentang Kebenaran

- Untuk setiap kebenaran terdapat tiruan. Apakah tiruan-tiruan terhadap pokok kebenaran Firman Tuhan yang ada zaman sekarang ini?
- Apakah tanda-tanda di mana kita boleh membezakan sifat-sifat penipuan?

II. Merasakan: Aktiviti Tuhan Dalam Menghadapi Kejahatan

- Apakah contoh-contoh awal Petrus nyatakan untuk menunjukkan betapa rakus dan berkemahuan yang kuat menuntun kepada kebinasaan?
- Apakah contoh-contoh yang dia nyatakan untuk menunjukkan bagaimana Tuhan boleh melepaskan orang kudus?

III. Melakukan: Mengenal TUHAN dan Yesus Kristus Juruselamat Kita

- Bagaimana kita boleh terlepas daripada kerosakan dalam dunia dengan mengetahui Yesus Kristus?
- Bagaimana kita menghindarkan daripada ditipu, terbabit dalam dosa dan menjadi lemah kerananya?

Kesimpulan: Dalam dunia yang bersifat berdosa, hawa nafsu, haloba, penipuan dan benci terhadap otoriti. Tuhan tahu bagaimana untuk melepaskan orang kudus daripada percubaan-percubaan seperti ini dan menahan mereka yang tidak taat di bawah penghukuman pada hari penghakiman. Keselamatan kita adalah mengenali TUHAN dan Yesus Kristus.

Cara Pembelajaran

LANGKAH I - Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Petrus 2:1-3, 20, 21

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Sama seperti kewujudan nabi-nabi yang benar (2 Pet. 1:21), nabi-nabi palsu dan guru-guru palsu muncul begitu banyak pada setiap abad (2 Pet. 2:1). Bagi setiap kebenaran terdapat tiruannya. Mereka yang telah mengetahui TUHAN Yesus Kristus tetapi masih terbabit dengan korupsi dunia, merekalah yang lebih para berbanding dengan mereka yang tidak pernah mengetahui jalan kebenaran. (2 Pet. 2:20). Guru-guru palsu yang Petrus amarkan, pada mulanya orang-orang percaya, tetapi untuk keuntungan material – mereka meninggalkan jalan yang lurus (2 Pet. 2:3, 15) lalu memperkenalkan fahaman bertentangan yang membinasakan, hingga menafikan TUHAN yang menebus mereka (2 Pet. 2:1). Penghakiman mereka adalah pasti (2 Pet. 2:3, 9, 10, 12). Namun, TUHAN mengetahui bagaimana melepaskan orang kudus daripada percubaan-percubaan tersebut (2 Pet. 2:9). Petrus merayu kepada para pembacanya untuk menghindari segala jenis penipuan yang ditawarkan oleh guru-guru palsu.

Hanya Untuk Guru: Terdapat hubungan yang sangat rapat di antara ayat-ayat 2 Petrus 2:1 – 3:3 dengan Yudas 3-19. Panduan belajar dalam Alkitab Standard Edition, telah menunjukkan sebahagian daripada kesejajaran di antara

dua kutipan ini. Banyak lagi kesejajaran yang lain. Adalah perlu untuk mempelajari persamaan-persamaan tersebut demi untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas tentang kedudukan dalam gereja pada zaman Petrus dan Yudas. Sementara terdapat persamaan-persamaan yang menarik, terdapat juga beberapa perbezaan yang bermakna demi untuk memperkayakan pemahaman pada situasi mereka, apataklagi seperti membaca empat Injil, dapat membantu seseorang mendapatkan gambaran penuh terhadap kehidupan dan pelayanan Yesus. Lebih daripada itu, telah dibuktikan bahawa mustahil untuk mengetahui sifat perhubungan di antara 2 Petrus dan Yudas, tetapi keseajarannya tidak dapat disangkal.

Aktiviti Permulaan dan Perbincangan: Ahli kelas membaca bersama 2 Petrus 2:1-19 dan Yudas 3-16. Bandingkan dua kutipan tersebut dari segi keserupaan-keserupaan dan perbezaan-perbezaan; bincangkan situasi gereja Kristian yang mula-mula pada tahap keprihatinan oleh kedua-dua penulis. Pada had apakah kutipan-kutipan tersebut perbincangkan tentang keadaan masalah yang selalu dihadapi di dalam gereja Kristian?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Hanya Untuk Guru: Kita dikelilingi oleh desakan-desakan yang melemahkan tenaga kerohanian serta membinasakan hidup kerohanian kita. Sama ada kita menyerah kalah kepada desakan-desakan tersebut lalu kita dikuasainya atau mendapatkan kasih dan kuasa Tuhan untuk mengalahkan mereka. Petrus mengatakan bahawa apabila kita dikalahkan oleh desakan-desakan tersebut, keadaan kita lebih parah daripada tidak pernah mengetahui jalan kebenaran.

Ulasan Alkitab

I. Benar dan Yang Palsu (*Imbas kembali 2 Petrus 2:1-3 bersama ahli kelas*)

Petrus membandingkan para nabi yang benar dalam 1:21 dengan nabi-nabi dan guru-guru palsu yang telah muncul di dalam gereja. Mereka telah memperkenalkan faham bertentangan yang membinasakan, termasuk penafian terhadap Yesus dan tindakanNya terhadap penebusan dosa. Tetapi, dengan melakukan demikian, hanya akan menyebabkan kebinasaan yang segera ke atas diri mereka sendiri (2 Pet. 2:1). Malangnya, “Banyak orang akan mengikuti cara hidup mereka yang dikuasai hawa nafsu, dan kerana mereka Jalan Kebenaran akan dihujat” (2 Pet. 2:2). Individu-individu tersebut dimotivasikan oleh kelobaan, mengeksploit jiwa-jiwa yang tidak bersalah dengan pengharapan untuk mendapatkan keuntungan material (2 Pet. 2: 3, 15). Sebenarnya perbuatan mereka itu hukuman telah lama tersedia daripada Tuhan (2 Pet. 2:3).

Pertimbangkan Hal ini: Apakah bentuk-bentuk pegangan nabi-nabi palsu di dalam gereja khususnya dan dalam dunia amnya pada hari ini? Bagaimanakah kita dapat memastikan pengenalan ke atas mereka apabila kita melihat mereka?

II. Contoh-contoh Orang Saleh Di kalangan Orang Jahat (*Imbas bersama 2 Pet.2:4-10*).

Petrus telah menyediakan beberapa contoh untuk menjelaskan kenyataan pada ayat 3 tentang penghakiman ke atas guru-guru palsu tidak dibiarkan begitu sahaja dan kebinasaan mereka tidak tidur lena. Pertama, dia memberi contoh malaikat-malaikat yang telah dilontar keluar daripada Syurga dan ditempatkan “ke dalam gua-gua yang gelap untuk menyimpan mereka sampai hari penghakiman” (2 Pet. 2:4). Dia juga menyebut tentang dunia purba, di mana Tuhan telah kirimkan kebinasaan melalui Air Bah untuk menghapuskan orang-orang yang tidak setia. Sementara Nuh, seorang pemberita kebenaran, bersama dengan tujuh orang lain telah diselamatkan (2 Pet. 2:5). Kemudian dia menyebut contoh Sodom dan Gomorah, yang telah dibakar menjadi debu, akan menjadi peringatan kepada orang-orang fasik (2 Pet. 2:6) berbanding dengan tindakan Tuhan ke atas Lot, “menyelamatkan Lot, orang yang benar, yang terus-menerus menderita oleh cara hidup orang-orang yang tidak mengenal hukum dan yang hanya mengikuti hawa nafsu mereka sahaja, sebab orang benar ini tinggal di tengah-tengah mereka dan setiap hari melihat dan mendengar perbuatan-perbuatan mereka yang jahat” (2 Pet. 2:7, 8).

Jika Tuhan menyelamatkan Nuh dan Lot daripada antara orang-orang yang tidak setia, ditentukan untuk kebinasaan, maka, Petrus menegaskan bahawa Tuhan juga mengetahui bagaimana menyelamatkan orang-orang yang kudus daripada percubaan-percubaan dan segala jenis dugaan (peirasmos) serta menyimpan orang-orang jahat untuk disiksa pada hari penghakiman (2 Pet. 2:9). Petrus menambah bahawa Tuhan mempunyai keupayaan untuk melakukannya “terutama mereka yang menuruti hawa nafsunya kerana ingin mencemarkan diri dan yang menghina pemerintahan Tuhan” (2 Pet. 2:10). Korupsi dan penghinaan seperti itu adalah akar masalah kepada mereka yang menjadi guru-guru palsu.

Pertimbangkan Hal Ini: Bandingkan 1 Korintus 10:13 dengan Matius 6:13. Apakah jenis-jenis persediaan Tuhan telah lakukan untuk membebaskan kita daripada percubaan?

III. Bagaimana Mengenalpasti Guru-guru Palsu (*Imbas kembali 2 Petrus 2:10-19*)

Beberapa sifat yang biasa terdapat pada guru-guru palsu seperti yang Petrus jelaskan tentang mereka. Disamping mereka yang telahpun disebutkan, bahagian yang terdapat dalam surat ini mengenalpasti fitnah dan hujat (2 Pet. 2:10-12), berfoya-foya bersama dalam parti-parti (2 Pet. 2:13), menggoda dan berbuat zinah (2 Pet. 2:14), tamak untuk keuntungan material (2 Pet. 2:14, 15), mengucapkan kata-kata yang congkak dan hampa dan mempergunakan hawa nafsu cabul untuk memikat orang-orang yang baru sahaja melepaskan diri dari mereka yang hidup dalam kesesatan (2 Pet. 2:18). (Bandingkan dengan Yudas 4, 8, 10-13, 16)

Pertimbangkan Hal ini: Menurut Petrus dan Yudas, apakah sifat-sifat mereka yang mendakwa bahawa mereka mempunyai "kebenaran" yang baru atau sangat menarik untuk ditawarkan?

IV. Bahaya Kembali Kepada Kebiasaan (*Imbas kembali 2 Petrus 2:20-22 dalam kelas*)

Petrus telah membuat kenyataan bahawa mereka yang telahpun melepaskan diri daripada kebiasaan dunia dengan mengembangkan perhubungan dengan Yesus Kristus tetapi kemudian terbabit sekali lagi kepada sifat kebiasaan yang sama, lalu dikalahkan olehnya, kedudukan mereka adalah lebih parah daripada sebelumnya. Binatang-binatang ganas, ciptaan-ciptaan yang cenderung untuk bertindak (bandingkan dengan 2 Pet. 2:12), mereka sama binatang seperti anjing dan babi, masing-masing kembali kepada muntah dan kubangnya (2 Pet. 2:22). Tetapi, Tuhan mempunyai rasional ke atas manusia pada tempat dan standard yang lebih tinggi. Dia telah berikan kepada mereka satu "perintah kudus" (2 Pet. 2:21) untuk dituruti. Adalah lebih baik bagi mereka yang kembali berbuat dosa; jika mereka tidak pernah mengenal jalan kebenaran. Kini, mereka bertanggungjawab ke atas lebih berat lagi – dan sebagai akibatnya, mereka akan menerima penghakiman yang keras. (Bandingkan dengan Ibrani 6:4-6; 10:26-28).

Pertimbangkan Hal ini: Yakobus 3:1 menyatakan bahawa guru-guru mempunyai tanggungjawab yang lebih tegas, maka, guru-guru palsu mempunyai hak istimewa untuk menerima penghakiman yang keras. Apakah contoh-contoh tentang guru-guru palsu dalam Alkitab yang boleh memberikan amaran kepada kita sekarang ini?

Soalan-soalan Perbincangan:

1. Telah dikatakan bahawa jika kita tidak belajar daripada pengalaman lama, kita mentakdirkan diri untuk mengulanginya. Bagaimana kita dapat berhasil dengan mengimbas kembali contoh-contoh pengalaman lampau seperti yang dinyatakan oleh Petrus dan Yudas? Bandingkan dengan 1 Korintus 10:6-12.
2. Bagaimana kita merasa pasti untuk mengenalpasti kebanyakan daripada sifat-sifat sama guru-guru palsu hari ini?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Ramai pengkhotbah dan penceramah televisyen hari ini menjadi kaya dan mempunyai pengaruh yang kuat untuk mengisytiharkan kemewahan kebenaran Injil yang kenyataannya tidak menurut Injil Yesus atau model kehidupan dan pelayanannya. Tanda-tanda dan mujizat-mujizat biasanya bertujuan mengiringi khutbah mereka, bermaksud untuk memberikan kepercayaan ke atas tuntutan-tuntutan mereka menggunakan kuasa Tuhan dan Roh KudusNya. Kepada had apakah seharusnya sifat-sifat luaran seperti ini menjadi asas untuk mengadili kebenaran pengajaran mereka? Petrus mencadangkan bahawa terdapat hubungan yang rapat di antara sifat-sifat guru-guru palsu dengan tipu daya pengajaran mereka.

Soalan Renungan:-

1. Mengapakah Petrus menulis begitu banyak tentang sifat-sifat guru-guru palsu secara terperinci? Mengapakah perkara tersebut membayangkan bahawa mempertahankan doktrin yang benar adalah lebih penting daripada beberapa tanggapan seperti itu?
2. Apakah isu-isu doktrin terutama sekali seperti tonggak dalam amaran-amaran Petrus? Dalam cara apakah kita harus sentiasa berjaga-jaga ke atas pengajaran-pengajaran palsu dalam bidang tersebut?

Aktiviti: Ahli kelas membaca bersama Kisah 10:28-31. Bincangkan tanggungjawab pemimpin-pemimpin gereja untuk menjaga dengan sebaik-baiknya domba-domba Tuhan bertentangan dengan guru-guru palsu; di mana, seperti serigala-serigala yang buas, tidak akan menjaga kumpulan domba tersebut melainkan akan memutarbelitkan kebenaran supaya dapat mengheret jauh murid-murid daripada mereka sendiri. Apakah had yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua kepada satu sama lain?

LANGKAH 4 – Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Para sarjana telah bergumul untuk menjelaskan persamaan-persamaan di antara bahagian-bahagian yang sejajar dalam 2 Petrus dan Yudas. Seperti tidak dapat dinafikan, melihat dari segi bukti-bukti tekstual, kedua-dua terhutang budi kepada yang lain atau kedua-duanya terhutang budi kepada sumber umum yang lain. Beberapa orang berpendapat bahawa Yudas semestinya terhutang budi kepada Petrus, kerana Petrus adalah lebih terkenal di antara mereka berdua, Yudas juga mungkin telah menggunakan material Petrus sebagai tambahan kebolehpercayaan suratnya. Ada pula orang berfikir bahawa barangkali Petrus menggunakan material Yudas (menanggalkan rujukan-rujukan non-canonical yang disebutkan oleh Yudas) agar dapat menambahkan kebolehpercayaan ke atas material Yudas. Bagaimanapun, perbandingan yang lebih rapat tentang Yudas 17, 18 dengan 2 Petrus 3:2,3 mencadangkan bahawa kedua-dua penulis menghalakan kepada sumber umum yang lebih awal dipercayai menjadi ilham, membayangkan pengajaran Yesus melalui murid-murid (bandingkan dengan Yeh. 12:22; Mat. 24:48).

Aktiviti: Mintalah ahli kelas untuk menyusun beriringan dalam bentuk kotak empat segi, kesejajaran di antara 2 Petrus 2:1-22 dan Yudas 3-16. Sebagai pilihan, mereka boleh senaraikan kesejajaran dengan sebutan yang jelas. Arahkan mereka untuk menandakan setiap kesejajaran yang lebih rapat di antara dua fasal serta dengan poin-poin yang mereka bezakan. Bagaimanakah petikan-petikan dalam Alkitab tersebut saling lengkap melengkapi di antara satu dengan yang lain di dalam apa yang mereka pilih untuk diucapkan? Bagaimanakah Petrus akan menerangkan persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan bertentangan dengan pandangannya tentang pendedahan dan inspirasi seperti yang terdapat dalam 2 Petrus 1:21?

PELAJARAN 12 | 10-16 Jun

Hari TUHAN

PETANG SABAT

Ayat-ayat Bacaan Pelajaran Minggu Ini: 2 Pet. 3:1, 2; Yoh. 21:15-17; 2 Pet. 3:3-13; Maz. 24:43-51; 2 Pet. 3:14-18.

Ayat Hafalan: “Kerana semuanya itu akan dihancurkan dengan cara yang demikian, bagaimanakah seharusnya kalian hidup? Kalian harus hidup suci dan khusus untuk Tuhan” (2Pet. 3:11).

Pada zaman dahulu kala, orang-orang yang tidak percaya kepada Tuhan, dilihat sebagai orang yang tidak boleh dipercayai, bahkan, besar kemungkinan merbahaya. Mengapa? Ideanya mudah sekali: jika mereka tidak percaya kepada Tuhan; maka mereka tidak percaya kepada apapun pengadilan di hari yang akan datang, di mana mereka harus akan menjawab di hadapan Dia atas segala perbuatan mereka. Tanpa pendorong, orang akan mempunyai tendensi yang lebih besar untuk melakukan kesalahan.

Sekalipun pemikiran demikian bagai ketinggalan zaman (dan “tidak benar secara politik”) namun hari ini, ia tidak boleh dinafikan logik dan sebab-sebab disebaliknya. Tentu sekali ramai orang tidak perlu takut pengadilan mendatang hanya untuk melakukan yang benar. Tetapi, pada masa sama, prospek menjawab pertanyaan Tuhan, sesungguhnya akan membantu memotivasikan sifat-sifat yang benar.

Seperti yang kita perhatikan, Petrus tidak takut untuk memberi amaran tentang penghakiman yang akan dihadapi oleh pembuat-pembuat kejahatan dihadapan Tuhan, oleh kerana Alkitab sangat jelas mengatakan bahawa penghakiman itu akan datang. Dalam konteks ini, Petrus berbicara dengan begitu yakin tentang hari-hari terakhir, kedatangan Yesus yang kedua kali dan suatu masa bahawa “unsur-unsur dunia akan hangus dalam nyala api” (2Pet.3:10). Petrus tahu bahawa semua kita adalah orang berdosa, oleh yang demikian, dengan pandangan luas seperti itu di hadapan kita, dia bertanya: “betapa suci dan salehnya kamu harus hidup” (2 Pet.3:11).

**Sila pelajari Pelajaran Minggu ini sebagai persediaan pada hari Sabat, 17 Jun.*

AHAD

11 Jun

Sumber Autoriti

Petrus telah beri amaran kepada para pembacanya tentang jenis-jenis bahaya pengajaran yang gereja akan hadapi. Harus berhati-hati terhadap mereka yang menjanjikan kebebasan sebaliknya, menuntun orang kembali kepada perhambaan dosa, yang bertentangan dengan kebebasan yang telah dijanjikan kepada kita di dalam Kristus.

Malangnya, bukan hanya pengajaran seperti itu yang mereka temui dalam gereja. Bahaya-bahaya yang lain juga telah muncul. Bagaimanapun, sebelum Petrus berbicara tentang amaran spesifik, dia berbicara tentang perkara yang lain terlebih dahulu.

“Saudara-saudara yang kekasih, ini sudah surat yang kedua, yang kutulis kepadamu. Di dalam kedua surat itu aku berusaha menghidupkan pengertian yang murni oleh peringatan-peringatan, supaya kamu mengingat akan perkataan yang dahulu telah diucapkan oleh nabi-nabi kudus dan mengingat akan perintah Tuhan dan Juruselamat yang telah disampaikan oleh rasul-rasulmu kepadamu” (2 Pet. 3:1, 2). Apakah poin Petrus berikan tentang mengapa para pembacanya perlu mendengar kepada perkara yang terdapat dalam suratnya? *Sila lihat Yohanes 21:15-17.*

Dalam 2 Pet. 3:1, 2, Petrus mengingatkan mereka tentang firman yang diilhamkan telah diucapkan dahulu oleh “nabi-nabi kudus.” Dengan itu, sekali lagi dia merujuk kepada Alkitab Perjanjian Lama. Dia memberi peringatan kepada mereka bahawa mereka “diteguhkan oleh firman nubuatan” (2 Pet. 1:19). Dia mahu menegaskan bahawa kepercayaan mereka berdasarkan kepada Firman Tuhan. Tidak ada di dalam Perjanjian Baharu yang mewajarkan idea bahawa Perjanjian Lama tidak lagi sah atau kurang penting. Sebaliknya, ia adalah kesaksian

dalam Perjanjian Lama, dapat membantu mengukuhkan kesahian bagi yang Baharu serta dakwaan dibuat oleh Petrus tentang Yesus.

Bagaimanapun, masih banyak lagi. Lalu Petrus menegaskan suatu sumber yang jelas daripada “nabi-nabi kudus” dalam Perjanjian Lama kepada ororitinya sendiri selaku salah seorang daripada “murid-murid TUHAN dan Juruselamat.” Dia sangat pasti kepada panggilan bahawa dia menerimanya daripada TUHAN melakukan apa yang dia buat. Tidak hairanlah, dia begitu yakin dan pasti dalam apa yang dia katakan. Dia tahu dari mana sumber mesejnya.

Mengapa harus dengan Firman Tuhan dan bukan kebudayaan atau pertimbangan dan alasan sendiri yang menjadi otoriti utama dalam kehidupan kita? (Akhirnya, mengapa pula kita akan memelihara Sabat Hari Ketujuh berlainan kerana Firman Tuhan?)

ISNIN

12 Jun

Para Pengejek

Selepas berusaha untuk membuat pembacanya, “mengingat akan perkataan yang dahulu telah diucapkan oleh nabi-nabi kudus dan mengingat akan perintah Tuhan dan Juruselamat yang telah disampaikan oleh rasul-rasulmu kepadamu” (2 Pet. 3:2), lalu dia memberikan amaran spesifik. Barangkali, oleh kerana mengetahui betapa bahayanya bentuk pengajaran tersebut, dia berusaha menekankan bahawa tulisannya berautoriti memberi keterangan mengenai perkara tersebut.

Sila baca 2 Petrus 3:3, 4. Apakah perbalahan-perbalahan akan ditimbulkan oleh orang yang mencurigai terhadap kedatangan Yesus kembali?

Terdapat persamaan penting di antara mereka yang mempromosikan kebebasan palsu dengan mereka yang menyatakan keraguan tentang Kedatangan Yesus Kedua Kali. Kumpulan yang pertama bekerja “menuruti hawa nafsunya kerana ingin mencemarkan diri” (2 Pet. 2:10); sementara itu, mereka yang menafikan kedatangan Kristus kembali, adalah mereka “yaitu orang-orang yang hidup menuruti hawa nafsunya” (2 Pet. 3:3).

(Adalah tidak secara kebetulan bahawa dosa terburu nafsu boleh menuntun kepada pengajaran-pengajaran palsu, bukannya?)

Para pencemooh, kata Petrus mengamarkan, akan bertanya soalan yang tajam, “dimanakah janji tentang kedatanganNya itu?” (2 Pet. 3:4). Dengan berbuat demikian, mereka mencabar kepercayaan sekian lama orang Kristian bahawa Yesus akan kembali ke atas bumi ini, dengan segera. Akhirnya, oleh kerana dia berbicara khusus tentang akhir zaman, para pengejek tersebut akan mengemukakan suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa ramai umat Kristian telah mati, dan sesungguhnya ia berterusan, demikianlah akan terjadi.

Secara dangkal, soalan tersebut bukan tidak berasas. Sedangkan Enokh yang saleh, kata Ellen G. White dalam tulisannya, telah melihat bahawa orang benar dan orang jahat “sama-sama kembali kepada debu dan itulah yang terakhir bagi mereka” (*Patriarchs and Prophets*, ms. 85), dan dia bergumul dengan persoalan tersebut. Jika Enokh sekalipun hidup sebelum Air Bah, bergumul dengan persoalan tersebut, apatah lagi dengan mereka yang hidup ribuan tahun selepas itu, dan sehingga kepada “akhir zaman” sekalipun.

Nah, bagaimana pula dengan kita sekarang, sebagai Seventh-day Adventist? Sesungguhnya nama denominasi kita sendiri mempromosi idea kedatangan Kristus kembali. Itupun, Dia belum kunjung tiba. Benar sekali, kita berhadapan dengan para pengejek, sama seperti ramalan Petrus akan terjadi ke atas kita.

Di dalam pengalaman iman anda sendiri, bagaimana anda menangani fakta bahawa Kristus belum kembali lagi? Kemukakan jawapan anda pada hari Sabat nanti.

SELASA 13 Jun

Sehari Sama Dengan Seribu Tahun

Dalam 2 Petrus 3:8-10, bagaimanakah respons Petrus tentang hujah dan alasan yang dikemukakan oleh para pengejek? Apa yang mereka katakan sehingga pada hari inipun dapat membantu kita untuk memahami mengapa Kristus belum kembali lagi?

Petrus merespons sehubungan dengan isu alam semulajadi dunia yang tidak berubah. Dia memberi peringatan kepada para pendengarnya bahawa adalah tidak benar bahawa dunia tidak akan terus-menerus tiada perubahan sejak penciptaan. (Perhatikan bagaimana Petrus kembali kepada Firman Tuhan sebagai sumber dan otoritinya.) Ada masa-masa tertentu berlaku kejahatan besar, selepas itu Tuhan memusnahkan dunia dengan Air Bah (2 Pet. 3:6). Sesungguhnya, Air Bah tersebut membawa perubahan yang amat sangat kepada dunia,

sebagaimana peninggalannya masih bersama kita sekarang. Lalu Petrus berbicara bahwa pembinaaan seterusnya adalah dengan api dan bukan lagi dengan air (2 Pet.3:10).

Petrus juga menulis, “satu hari sama seperti seribu tahun dan seribu tahun sama seperti satu hari” (2 Pet. 3:8). Dengan berkata demikian, Petrus telah mengambilkira firman yang terdapat dalam Mazmur 90:4: “Sebab di mataMu seribu tahun sama seperti hari kemarin, apabila berlalu, atau seperti suatu giliran jaga di waktu malam.” Dalam kata lain, konsep kita berhubungan dengan masa, tidak sebagaimana konsep Tuhan. Oleh itu, kita perlu berhati-hati bagaimana mengambilkira tentang masa.

Daripada perspektif manusia, kelihatan seperti terdapat penangguhan ke atas kedatangan Kristus kembali. Tetapi, kita hanya melihat perkara-perkara menerusi perspektif manusia. Sedangkan, menerusi perspektif Tuhan, tidak ada penangguhan. Sebenarnya, Petrus berbicara tentang masa tambahan telah diberikan kerana Tuhan menunjukkan kesabarannya. Dia tidak ingin melihat ada seorangpun yang akan binasa. (2 Pet. 3:9). Masa tambahan itu telah dibenarkan untuk memberi peluang ramai orang akan bertaubat.

Bagaimanapun, Petrus memberi amaran bahawa kesabaran Tuhan tidak seharusnya diambil sebagai satu peluang untuk menunda satu keputusan pasti tentang Yesus. Hari Tuhan itu akan tiba tanpa dijangka, sama seperti pencuri pada waktu malam. Seorang pencuri pada waktu malam barangkali menyelip masuk tanpa diketahui. Tetapi, walaupun hari TUHAN itu akan tiba seperti pencuri, ia sebenarnya boleh diketahui. Seperti Petrus katakan, “langit akan lenyap dengan gemuruh yang dahsyat dan unsur-unsur dunia akan hangus dalam nyala api” (2 Pet. 3:10). Maka, kata-kata Petrus sama seperti Paulus: “Sesungguhnya, waktu ini adalah waktu perkenanan itu; sesungguhnya, hari ini adalah hari penyelamatan itu” (2 Kor. 6:2).

RABU 14 Jun

Jadi, Apa Hal? Lalu, Apa?

Seorang anak muda cuba bersaksi kepada ibunya. Dia beritahu ibunya tentang kematian Yesus dan juga janji-janji bahawa Dia akan kembali. Dia agak bangga bagi dirinya sendiri, dengan memikirkan bahawa dia telah melakukan kerja yang agak baik. Apabila dia mengakhiri khutbah mininya tentang Yesus dan Kedatangan Kedua kalinya, ibunya merenung mukanya lalu berkata: “Jadi, apakah maksud semuanya itu bagi saya sekarang ini?”

Sila baca 2 Pet. 3:11-13. Bagaimana Petrus menjawab soalan, “Jadi, apakah maksud semuanya itu bagi saya sekarang ini?” Lihat Mat. 24:43-51.

Seperti yang kita telah katakan, nama denominasi kita sahaja – Seventh-day Adventist, menyatakan kepercayaan di dalam pernyataan tentang kedatangan kembali Kristus. Pengajaran berasaskan kepercayaan; iman Kristian sepenuhnya akan menjadi tidak bermakna tanpa kedatangan kembali Kristus serta janji-janji yang diberikan.

Tetapi, apakah kita tidak dalam bahaya dan menjadi seperti hamba yang jahat di dalam perumpamaan terdapat dalam Matius 24:43-51? Mungkin kita tidak melakukan khusus perkara-perkara kejahatan seperti yang digambarkan dalam perumpamaan tersebut, tetapi, itu bukanlah poinnya (ia hanya sekadar perumpamaan). Sebliaknya, amaran dalam perumpamaan tersebut adalah bahawa adalah mudah untuk merendahkan standad kita, terutama sekali mengenai bagaimana kita memperlakukan seseorang, menjadi lebih serupa dengan dunia sementara keghairahan dalam keyakinan terhadap kedatangan TUHAN, berkurangan.

Sudah pasti, sekarang dan berikutnya kita berhadapan dengan mereka yang mengaku mempunyai tarikh kedatangan kembali Kristus. Mereka mempamerkan bersama carta-carta dan perhitungan berdasarkan nubuatan. Namun, bahaya yang lebih besar Seventh-day Adventist akan hadapi bukanlah tentang menentukan tarikh kedatangan kembali Kristus dengan segera. Sebaliknya, bahayanya ialah, sementara tahun berganti tahun, janji-janji Kedatangan Kembali mula menurun peranannya di dalam fikiran kita.

Tepat sekali, lebih lama kita di sini, semakin dekat kita kepada Kedatangan Kedua Kali. Dalam kata lain, lebih lama kita di sini, semakin mudah bagi kita membayangkan kedatangan kembaliNya, meskipun masih jauh, tidak ada impaknya ke atas kehidupan kita seharian. Alkitab memberi amaran bertentangan dengan jenis yang mudah berpuas hati. Seperti Petrus katakan, jika Yesus mahu datang kembali, sementara kita berhadapan dengan pengadilan, Kristian harus hidup kehidupan yang suci dan saleh (2 Pet. 3:11). Kenyataan mengenai Kedatangan Kembali yang akan berlaku pada bila-bila masa, seharusnya memberi impak kepada bagaimana kita hidup sekarang.

Bagaimanakah kenyataan Kedatangan Kembali itu mempengaruhi kehidupan harian dan fikiran anda? Jika ada, apakah jawapan anda mengatakan tentang kehidupan dan iman anda?

KHAMIS

15 Jun

Rayuan Yang Terakhir

Petrus akhiri suratnya dengan tema yang telah diserapkannya daripada mula: tinggal dalam kehidupan yang suci serta berwaspada agar tidak dituntun menyimpang oleh “kesesatan orang-orang yang tak mengenal hukum” (2 Pet.3:17).

Sila baca 2 Petrus 3:14-18. Kepada siapakah Petrus memohon belas kasihan dan apakah amaran terkandung dalam rayuannya?

Betapa menarik bahawa Petrus mengakhiri suratnya dengan meminta para pembacanya mengingati tulisan-tulisan “Paulus, saudara kita yang kekasih” (2 Pet.3:15). Paulus juga menulis tentang keperluan kehidupan yang aman damai sementara menanti kedatangan Yesus yang kedua kali, demikian juga, menggunakan masa untuk memperkembangkan hidup yang kudus (lihat Roma 2:4; 12:18; Fil. 2:12).

Perhatikan juga cara Petrus merujuk surat-surat Paulus, menunjukkan bahawa surat-surat Paulus begitu tinggi nilainya di dalam sejarah Kristian. Sama ada ya atau tidak, Petrus merujuk kepada seluruh himpunan semua surat Paulus yang kini terdapat dalam Perjanjian Baharu, atau hanya sebahagian daripadanya sahaja. Tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun, komen-komen Petrus menunjukkan bahawa surat-surat Paulus sangat-sangat dihargai.

Akhir sekali, komen Petrus terhadap tulisan-tulisan Paulus ialah bahawa boleh disalah mengertikan, sama seperti Kitab-kitab yang lain. perkataan Bahasa Greek *grapha* secara literal bererti “tulisan,” tetapi, dalam konteks ini, ia jelas bermaksud “tulisan suci,” sebagaimana buku-buku Musa dan para nabi yang lain. Di sinilah bukti awal bahawa semua tulisan Paulus berdasarkan otoriti, sama seperti otoriti Alkitab Ibrani.

Berdasarkan apa yang kita telah baca awal-awal lagi tentang guru-guru palsu yang menjanjikan kebebasan, tidaklah begitu sukar untuk menggambarkan bagaimana orang menggunakan tulisan-tulisan Paulus tentang kebebasan dan kasih kurnia sebagai satu alasan sifat berdosa. Paulus memberi penekanan tentang kebenaran hanya melalui iman (Roma 3:21, 22), tetapi, tidak ada dalam tulisannya memberikan lesen untuk berdosa (lihat Roma 6:1-14). Paulus sendiri terpaksa mengatasi kesalahan berkaitan dengan apa yang telah dikhutbahkan serta pengajaran tentang membenaran melalui iman. Namun, Petrus beri amaran, mereka yang memesongkan tulisan-tulisannya, padanya ada risiko “menjadi kebinasaan mereka sendiri” (2 Pet. 3:16).

Apakah pilihan-pilihan yang anda boleh lakukan sekarang ini sehingga dapat membantu anda untuk hidup satu-satunya kehidupan yang dikatakan hidup di dalam Yesus Kristus?

JUMAAT

16 Jun

Renungan Selanjutnya: Daripada perspektif manusia, seolah-olah ia boleh seperti satu penundaan besar berkaitan dengan Kedatangan Kedua Kali. Yesus sedia maklum mengetahui bahawa kita merasakan demikian. Dalam beberapa perumpamaan, Dia memberi amaran terhadap dengan apa yang akan terjadi jika kita tidak berwaspada dan berhati-hati pada masa sekarang ini. Perhatikan perumpamaan tentang dua orang hamba dalam Matius 24:45-51, (telah disebut pada pelajaran hari Rabu). Kedua-dua hamba tersebut mengharapkan kedatangan kembali tuan mereka. Namun, mereka mencapai dua keputusan yang berlainan tentang ketibaannya. Seorang mengambil keputusan bahawa ia harus bersedia kerana tuannya akan tiba bila-bila masa. Hamba yang kedua pula mengatakan, bahawa tuannya telah menunda ketibaan, oleh itu, dia menjadikan sebagai satu peluang untuk melakukan adab yang jahat.

“Oleh kerana kita tidak tahu masa sebenarnya KedatanganNya, kita diberi arahan untuk berhati-hati. ‘Berbahagialah hamba-hamba yang didapati tuannya berjaga-jaga ketika ia datang.’ Mereka yang berjaga-jaga menunggu kedatangan Tuhan seharusnya tidak menunggu dalam keadaan berpeluk tubuh. Kepercayaan kepada kedatangan Kristus akan menuntun orang takut akan Tuhan, dan takut kepada penghakimanNya ke atas pelanggaran. Ia adalah untuk menyedarkan mereka akan dosa besar penolakan tawaran kemurahanNya. Mereka yang sedang menunggu kedatangan Tuhan membersihkan jiwa mereka dengan mentaati kebenaran.” - Ellen G. White, *The Desire of Ages*, p 634.

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Dalam kelas, bincang jawaban anda terhadap soalan hari Isnin tentang Kedatangan Kedua Kali. Apakah beberapa cara berhubungannya fakta di mana Yesus belum juga datang? Apakah yang kita pelajari daripada jawapan teman-teman yang lain?
2. Apakah pengajaran, kebiasaan dan kepercayaan yang kita pegang sebagai Seventh-day Adventist yang bukannya berasal daripada kebudayaan, sebab dan cara tradisi tetapi, semata-mata hanya daripada Firman Tuhan?
3. Seperti yang kita perhatikan sepanjang minggu ini, Petrus mengaitkan dosa kecenderungan dan kesabaran dengan ajaran palsu. Pelajarannya terdapat dalam kenyataan ini: "Ianya bukan hanya secara kebetulan bahawa dosa kesabaran boleh menuntun kepada pengajaran-pengajaran palsu, bukankah?" Mengapakah ia bukan hanya secara kebetulan? Apakah hubungan-hubungan lain di antara dua perkara tersebut?
4. Albert Einstein telah persembahkan kepada dunia satu idea yang menakjubkan bahawa masa adalah tidak mutlak. Bergantung di mana anda dan berapa cepat pergerakan anda, masa dalam bentuk rujukan anda akan berubah berbanding dengan bentuk masa rujukan orang lain. Poinnya ialah, masa atau waktu adalah sesuatu yang sangat misteri di mana ia bertindak dengan beberapa cara yang kita tidak mengerti sepenuhnya. Bagaimana mungkin idea tersebut membantu kita untuk mengetahui bahawa waktu bagi Tuhan tidak sama dengan waktu yang kita ada, terutama sekali dalam konteks Kristus belum juga kunjung tiba?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 3:1-7, 11-13

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Memahami bahawa pengadilan akan datang adalah pasti sebagaimana tindakan-tindakan Tuhan pada masa lampau.

Merasakan: Sangat-sangat berterimakasih kerana Tuhan begitu sabar dan tidak rela melihat sesiapa pun akan binasa, yakin bahawa Dia berusaha seberapa boleh agar semua dapat diselamatkan.

Melakukan: Hidup pada kehidupan yang kudus dan taat kepada Tuhan, tanpa cacat cela dan berdamai dengan Tuhan, melihat ke hadapan dan mempercepatkan kedatangan Kristus kembali.

Garis Panduan Pelajaran:-

I. Mengetahui: Kepastian Terhadap Pengadilan

- A. Pada dasar apakah ahli-ahli pencemuh kehendaki untuk menafikan kepastian kedatangan Kristus kembali?
- B. Pada bukti apakah Petrus nyatakan kepada para pembacanya tentang pengadilan pasti berlaku?

II. Merasakan: Menaruh Kepercayaan Ketika Berhadapan Dengan Pengadilan

- A. Mengapakah Tuhan dan manusia mempunyai pandangan berbeza terhadap waktu? Mengapakah kita seringkali tidak sabar sementara Tuhan begitu penyabar? Apakah penjagaan kita terhadap jiwa-jiwa sama seperti cara Tuhan menjaga mereka?
- B. Apakah latarbelakang keyakinan yang Petrus sebutkan ketika berhadapan dengan pengadilan yang pasti akan terjadi?

III. Melakukan: Persiapan Menghadapi Pengadilan

- A. Apakah rayuan Petrus tentang sifat-sifat dan tindakan-tindakan melihat kepada kehancuran akan datang?
- B. Mengapakah Petrus menggalakkan kita untuk mempercepatkan kedatangan kembali Kristus melihat kepada fakta bahawa Tuhan adalah penyabar menanti agar semua dapat bertaubat?

Kesimpulan: Petrus membandingkan sifat-sifat mereka yang sungguh-sungguh menanti masa pengadilan, pembasmian dosa dan ciptaan baharu. Bersama dengan tingkahlaku para pencemuh yang mahu menafikan Ciptaan asal, pengadilan pada Airbah dan pengadilan terakhir serta ciptaan baharu yang akan datang. Dia merayu kepada para pembacanya untuk bertindak sepatutnya memandangkan kepada perkara-perkara yang pasti akan berlaku.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 - Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Petrus 3:1, 10-14

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Petrus menulis kedua-dua suratnya agar dapat mendorong para pembacanya untuk “menghidupkan pengertian” (2 Pet. 3:1). Pengertian ini ada kaitan dengan persiapan menghadapi pengadilan pada kedatangan “hari Tuhan,” apabila keadaan udara cakerawala akan dibinasakan oleh api, maka unsur-unsur bumi akan lebur disebabkan oleh kepanasan api yang sangat hebat (2 Pet. 3:12). Para pencemuh berkeras untuk menafikan bahawa pengadilan seperti itu akan tiba. Mereka berbalah bahawa Tuhan tidak akan campur tangan pada masa lalu, jadi kita tidak seharusnya menjangkakan penglibatanNya pada masa-masa akan datang. Orang-orang yang percayakan Alkitab mengetahui bahawa Tuhan campur tangan dalam Penciptaan dan pada Airbah sejagat. Tuhan akan melakukan sekali lagi, tetapi dengan api (2 Pet. 3:3-7). Pengetahuan tersebut memotivasikan untuk hidup kudus dan kehidupan yang taat dan benar dalam persiapan menghadapi pengadilan yang tegas kelak (2 Pet. 3:11, 14).

Hanya Untuk Guru: Roma 1:18-21 menunjukkan bahawa, berdasarkan bukti-bukti yang banyak dalam semulajadi dunia, tidak ada alasan bagi orang jahil tentang kuasa dan ketuhanan Tuhan. Namun, Petrus merujuk kepada para pencemuh pada zaman akhir – mereka yang menafikan campur tangan Tuhan dalam sejarah, sama ada pada masa lampau atau pada masa akan datang.

Para pencemuh akhir zaman mengajarkan sifat-sifat keseragaman. Pandangan tersebut menganjurkan bahawa sejarah adalah kitaran punca dan efek sejagat yang tidak akan pecah, ia melibatkan semua data tanpa sebarang campur tangan kuasa di luar kemampuan manusia. Mendakwa bahawa sejarah adalah terbatas dan berterusan, mereka menegaskan bahawa terdapat dasar persamaan jenis di antara semua peristiwa seperti dengan analogi yang boleh dijadikan salah satu di antara dua atau lebih maksudnya. Sementara masa kini menyediakan pendekatan-pendekatan untuk menjelaskan masa lampau dan masa akan datang. “ ‘segala sesuatu tetap seperti semula, pada waktu dunia diciptakan’ ” tegas para pencemuh (2 Pet. 3:4).

Dengan menolak ghaib priori, mereka meragui daripada Alkitab yang dapat mengawal pembolehubah dan, dengan mengandaikan keseragaman dalam kadar perubahan, membuat anggaran ke belakang untuk postulat abad lamanya masa di mana mikroevolusi akhirnya menyebabkan makroevolusi. Mereka boleh menafikan kebelakangan ini kata sebenar penciptaan enam hari, seperti yang terdapat dalam Alkitab, demikian juga dengan Airbah sejagat Nuh, di mana menghasilkan dunia lebih kurang seperti yang kita tahu hari ini.

Menafikan aktiviti Tuhan pada sejarah masa lampau, termasuklah Penciptaan dan pengadilan, mereka merasa yakin tentang penafian terhadap aktiviti Tuhan pada masa akan datang, termasuklah pengadilan terakhir dan penciptaan baharu. Petrus berkata bahawa dakwaan-dakwaan tersebut merupakan kejahatan yang disengajakan dalam menghadapi realiti sejarah.

Pembuka Aktiviti dan Perbincangan: Minta ahli kelas membaca 2 Petrus 3:1-4 dan Yudas 17-19. Bincangkan isu sifat meragui tentang tuntutan-tuntutan alkitabiah mengenai aktiviti Tuhan dalam sejarah. Kepada apakah Petrus rujuk apabila dia berkata “perkataan yang dahulu telah diucapkan oleh nabi-nabi kudus” (2 Pet. 3:2)? Apakah “perintah Tuhan dan Juruselamat yang telah disampaikan oleh rasul-rasul” (2 Pet. 3:2) dan kepada siapa dia tujukan? Dalam cara apakah mungkin kita rasa bersalah kerana meragui tentang tuntutan-tuntutan alkitabiah?

LANGKAH 2 – Mengkaji***Ulasan Alkitab*****I. Penghakiman Tertanggung Bukan Suatu Pengkahiman Terpesong** (*Imbas bersama kelas 2 Petrus 3:8-13*)

Walalupun kelewatan jelas dalam hari penghakiman yang dinanti-nantikan, yang telah menuntun ramai orang mencemuh sesuatu yang diharapkan, Petrus memberi jaminan kepada para pembacanya bahawa seolah-olah Tuhan menyebabkan apapun kelambatan untuk menunaikan janji tentang penghakiman, tidak ada cara mengurangkan kepastian penghakiman. Tuhan tidak melihat waktu daripada pandangan manusia tentang betapa singkatnya masa, tetapi, daripada perspektif ilahi tentang kekekalan (bandingkan dengan Maz. 90:4). Tuhan adalah sabar untuk membawa penghakiman, tidak sanggup walau seorompokpun akan binasa, melainkan menghendaki agar semua datang untuk bertaubat.

Namun demikian, hari Yahweh itu akan datang. Seperti pencuri pada waktu malam, ramai orang tertipu kehairanan kerana mereka tidak menghiraukan arahan Yesus untuk bersiap sedia dan berjaga-jaga. Ia adalah suatu kejadian bencana. Kedua-dua langit atmospera dan unsur-unsur bumi akan dimusnahkan sepenuhnya oleh deru api neraka, yang disebut oleh Yohanes sebagai tasik atau lautan api (Wah. 20:14).

Rayuan Petrus adalah jelas: “jika segala sesuatu ini akan hancur secara demikian, betapa suci dan salehnya kamu harus hidup yaitu kamu yang menantikan dan mempercepat kedatangan hari itu” (2 Pet. 3:11, 12). (Harus ingat bahawa Petrus menggabungkan semua peristiwa penghakiman akhir zaman kepada satu huraian. Dia tidak mencuba untuk memisahkan Kedatangan Kedua daripada penghakiman terakhir, melainkan disatukan bersama kepada hari eskatologikal Yahweh. Seseorang tidak boleh mencuba untuk membina semula urutan masa tentang peristiwa-peristiwa daripada petikan ini, kerana itu bukanlah maksud Petrus. Sebaliknya, dia berbicara tentang persediaan pada hari penghakiman.)

Pertimbangkan Hal ini: Apakah bahayanya di dalam teologi memperlambatkan melainkan sebaliknya, tentang teologi di mana jam kosmik Tuhan menentukan semua perkara berdasarkan kemahatahuanNya?

II. Bagaimana Persiapan Untuk Penghakiman (*Imbas 2 Petrus 3:15, 16*).

Petrus mengakhiri suratnya dengan rayuan untuk bersedia pada penghakiman yang akan datang. Para pembacanya harus “berusaha, supaya kamu kedapatan tak bercacat dan tak bernoda di hadapanNya, dalam perdamaian dengan Dia” (2 Pet. 3:14). Kalau-kalau mereka menjadi keciwa dengan perjalanan masa, mereka perlu ingat bahawa kesabaran Tuhan bertujuan untuk menyebabkan keselamatan kepada seberapa banyak yang mungkin. Mereka juga perlu sentiasa berjaga-jaga agar tidak dituntun menyimpang oleh kesalahan-kesalahan orang yang tidak berpegang kepada hukum, kalau tidak mereka akan terjatuh daripada kedudukan pasti di dalam Kristus. Akhirnya, mereka perlu bertumbuh di dalam kasih dan pengetahuan tentang Yahweh mereka dan Yesus Kristus Juruselamat.

Setiap kenyataan yang telah disebut dahulu adalah ulangan kepada poin-poin yang Petrus telah berikan lebih awal di dalam suratnya. Apa yang baharu dalam bahagian ini ialah rujukan kepada surat-surat “Paulus, saudara kita yang kekasih, telah menulis kepadamu menurut hikmat yang dikurniakan kepadanya. Hal itu dibuatnya dalam semua suratnya, apabila ia berbicara tentang perkara-perkara ini” (2 Pet. 3:15, 16). Masalahnya adalah kerana surat Petrus “Dalam surat-suratnya itu ada hal-hal yang sukar difahami, sehingga orang-orang yang tidak memahaminya dan yang tidak teguh imannya, memutarbalikkannya menjadi kebinasaan mereka sendiri, sama seperti yang juga mereka buat dengan tulisan-tulisan yang lain” (2 Pet. 3:16). Petrus perlu menyeterakan dengan surat-surat Paulus dan seterusnya pada Alkitab, menghargai otoriti pengajaran mereka kepada gereja.

Pertimbangkan Hal ini: Petrus dan Paulus adalah kontemporari, mengenali secara pribadi serta menghormati di antara satu sama lain. Ramai ulama telah mendapati dan melambangkan bahawa mereka mempunyai teologi yang berbeza serta mempunyai persaingan di antara satu dengan yang lain, tetapi Petrus menunjukkan hormat yang tinggi kepada Paulus dan surat-suratnya, sehinggalah membuat persamaan dengan Alkitab. Apakah bukti dalam kedua-dua surat Petrus dalam segi perspektif teologi umum yang mereka kongsi bersama?

Soalan Perbincangan:-

1. Apakah kaitan di antara isu Penciptaan dengan airbah Nuh sehingga menjadi persoalan bagi para pencemuh dengan berkata, “Dimanakah kedatangan yang Dia telah janjikan?”
2. Petrus menggunakan pembinaaan ke atas ciptaan ini dengan kebakaran yang hebat sebagai pendorong untuk hidup kudus dan saleh (2 Pet. 3:11). Mengapakah bagi fikiran anda Petrus menggunakan cara memotivasi seperti ini?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Dalam Ibrani 11:6 memaklumkan kepada kita bahawa “tanpa iman tidak mungkin orang berkenan kepada Tuhan. Sebab barangsiapa berpaling kepada Tuhan, ia harus percaya bahawa Tuhan ada, dan bahawa Tuhan memberi upah kepada orang yang sungguh-sungguh mencari Dia.” Jika kita tidak percaya bahawa kita bertanggungjawab untuk Tuhan dan bahawa akan ada penghakiman menentang dosa, demikian juga ganjaran bagi orang benar; sudah tentu tidak ada jalan untuk percaya kepada Tuhan, kerana kita tidak mempunyai sesiapa untuk menjawab dan juga tidak ada masa hadapan untuk dinanti-nantikan.

Soalan Renungan:-

1. Para pencemuh yang dirujuk oleh Petrus, melihat sejarah sebagai terus-menerus tanpa gangguan sebab-musebab, sementara kesannya barangkali sangat perlahan berlaku perubahan evolusinya. Bagaimanapun tidak ada peristiwa-peristiwa pemangkin berlaku. Mengapakah ianya kritikal bagi kesejahteraan kerohanian kita serta untuk menghindari cara berfikir seperti ini?
2. Beberapa orang melihat masa hadapan terhadap ketibaan penghakiman dengan antisipasi yang giat, sementara orang lain merasa takut dimakan api neraka. Apakah sifat-sifat saya terhadap penghakiman yang akan datang dan mengapa?

Aktiviti: Ahli kelas membaca bersama Malaeki 4:1-3. Bincangkan dua kumpulan dan dua pilihan yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut. Kepada kumpulan manakah kita pilih? Apakah yang perlu akan terjadi agar kita kedatangan berada pada kumpulan terpilih?

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Isu terhadap kelewatan yang nyata terhadap kedatangan kembali Kristus bukan sesuatu yang mudah, tetapi, Petrus mencadangkan bahawa adalah semata-mata perspektif. Seperti yang kita tahu, Tuhan tahu hari dan jam kedatangannya (Mat. 24:36) dan bahawa Dia "akan datang, sudah akan ada, tanpa menangguhkan kedatangannya" (Ibr. 10:37), tidak ada penundaan dalam perspektif Tuhan. Seperti E.G. White katakan, "maksud Tuhan mengetahui tidak terburu-buru dan tiada penangguhan." - *The Desire of Ages*, ms. 32. Penangguhan hanya pada perspektif manusia, kerana kita tidak melihat masa sebagaimana Tuhan melihatnya. Seperti adanya penangguhan kerana kita menjangkakan peristiwa ketibaan kembali itu segera akan terjadi; namun rencana Tuhan tetap tidak berubah. Sesungguhnya Dia ingin supaya boleh datang segera, tetapi Dia tidak boleh, kerana kita belum melakukan kerja persiapan yang Dia mahu kita perbuat. Kegagalan ini dipihak kita, bagaimanapun, ianya tidak mengejutkan Tuhan atau menyebabkan Dia menangguhkan rencananya. Dia tahu apa yang akan berlaku sekalipun kedatangannya lambat.

Aktiviti: Mintalah ahli kelas melakarkan pada papan tulis atau poster, garis masa sejarah menerusi persepektif alkitabiah, merancang acara-acara utama menggunakan skel lebih kurang untuk mewakili kronologi kasar. Tentukan kedudukan kita sekarang ini pada garis masa sejarah dan nubuatan. Bincangkan dengan ahli kelas bagaimana mesej persediaan Petrus untuk penghakiman terakhir, relevan kepada para pembaca hari ini. Sebagai ganti bagi yang tidak terdapat papan tulis atau poster, minta mereka menyinarakan peristiwa-peristiwa utama dalam sejarah alkitabiah dengan susunan kronologi. Sesudah itu, tuntun mereka kepada perbincangan bagaimana mesej Petrus tentang persiapan untuk penghakiman terakhir adalah relevan bagi kita hari ini.

PELAJARAN 13 | 17-23 Jun

Tema-tema Utama Dalam 1 dan 2 Petrus

PETANG SABAT

Sila Baca Ayat-ayat Pelajaran Minggu ini: Yes. 53:5, 6, 9; Ima. 16:16-19; 11:44; Roma 13:1-7; 1 Kor. 14:40; 2 Tim. 3:16.

Ayat Hafalan: “Ia sendiri telah memikul dosa kita di dalam tubuhNya di kayu salib, supaya kita, yang telah mati terhadap dosa, hidup untuk kebenaran. Oleh bilur-bilurNya kamu telah sembuh” (1 Pet. 2:24).

Satu dan dua Petrus ditulis bagi tujuan praktikal. Dalam 1 Petrus, isu yang paling besar ditemui oleh Petrus ialah penganiayaan yang dihadapi oleh umat Kristian. Dalam 2 Petrus pula, isu paling besar ialah guru-guru palsu. Petrus menulisnya dengan penuh bertenaga dan dengan kuasa yang penuh sementara dia berusaha untuk memberi semangat kepada para pembaca suratnya serta memberi amaran kepada mereka berkenaan dengan cabaran di hadapan mereka.

Signifikannya ialah bahawa Petrus merespons kepada kedua-dua isu tersebut menerusi terma-terma teologikal. Kesengsaraan disebabkan oleh penganiayaan menuntun Petrus untuk merenung segala kesengsaraan dan kematian Yesus, yang akhirnya menghasilkan keselamatan kita. Guru-guru palsu akan menghadapi realiti pengadilan yang akan berlaku sesudah Yesus kembali ke atas bumi. Inilah sebahagian daripada tema yang Petrus perkatakan dalam dua suratnya.

Pelajaran minggu terakhir ini, kita akan melihat dengan lebih detail kepada lima daripada tema yang Petrus tuliskan: kesengsaraan Yesus yang menuntun kepada keselamatan kita; sambutan praktikal kita kepada pengetahuan bahawa Tuhan akan mengadili segala tindakan kita pada hari terakhir pengadilan; pengharapan kita pada kedatangan kembali Yesus dengan segera; susun-galur dalam masyarakat dan di dalam gereja; dan peranan Alkitab dalam menyediakan panduan kepada kehidupan kita.

**Sila pelajari Pelajaran minggu ini sebagai persediaan pada Hari Sabat, 24 Jun.*

AHAD

18 Jun

Penderitaan, Yesus dan Keselamatan

Sila baca petikan ayat-ayat di bawah dan tulislah apa yang dinyatakan tentang keselamatan:-

1 Pet. 1:2 _____
 1 Pet. 1:8, 9 _____
 1 Pet. 1:18, 19 _____
 1 Pet. 2:22-25 _____
 1 Pet. 3:18 _____

Apabila Petrus menyebut tentang keselamatan, selalunya dalam konteks penderitaan Yesus sebagai Pengganti kepada orang berdosa. Contohnya dalam 1 Petrus 2:22-24, apabila Petrus menulis mengenai penderitaan Yesus, dia menggunakan bahasa yang memantulkan Yesaya 53: 5, 6, 9 “Ia (Yesus) telah memikul dosa kita di dalam tubuh-Nya di kayu salib dan “Oleh bilur-bilur-Nya kamu telah sembuh” (1 Pet. 2:24), menyatakan idea pengganti dan pengorbanan.

Dalam banyak-banyak pengorbanan telah dijelaskan dalam Kitab Ibrani, orang berdosa membawa persembahan mereka ke kaabah dan meletakkan tangan-tangan mereka ke atas nya. Tindakan ini secara simbolik memindahkan dosa daripada pendosa ke atas tubuh binatang yang akhirnya mati mengambil tempat si pendosa. (Ima. 4:29, 30, 33, 34; 14:10-13). Kecemaran dosa yang terkumpul di atas mezbah itu dibersihkan dan dibuangkan pada Hari Pendamaian (Ima. 16:16-19).

Darah pengorbanan memainkan peranan penting dalam penebusan dosa. Umat Kristian telahpun dilunaskan oleh darah Yesus yang sangat mahal (1 Pet. 1:18, 19). Demikian juga Paulus, melahirkan idea pengganti yang sama: Yesus, yang tidak kenal dosa, menjadi berdosa bagi kita (2 Kor. 5:21). Sama seperti tulisan Petrus dalam 1 Petrus 3:18, Kristus sengsara bagi dosa-dosa, yang benar (Yesus) bagi yang tidak benar (kita).

Sama seperti Paulus (Roma 3:21, 22), Petrus memberi penekanan kepada keperluan iman. Dia katakan kepada para pembacanya: "Sekalipun kamu belum pernah melihat Dia, namun kamu mengasihiNya... kerana kamu telah mencapai tujuan imanmu, yaitu keselamatan jiwamu" (1 Pet. 1:8, 9). Keselamatan tidak dapat diperolehi kerana sifat yang saleh, melainkan satu pemberian apabila kita percaya kepada apa yang dilakukan oleh Yesus bagi kita serta menerima Dia sebagai Juruselamat pribadi. Jaminan kita terletak di dalam Dia, bukan dengan kita. Kerana, jika di dalam diri kita, apakah jaminan nyata kita akah diperolehi?

Mengapakah Yesus sebagai pengganti dan Pengharapan Agong keselamatan kita? Apakah kata-kata penghibur yang anda dapat peroleh menerusi kebenaran mengkagumkan ini?

ISNIN

19 Jun

Bagaimana Kita Harus Hidup?

Tema yang Petrus rujuk lebih kerap berbanding dengan tema yang lain dapat dilihat melalui persoalan yang dia tanyakan di dalam 2 Petrus 3:11: "Jadi, jika segala sesuatu ini akan hancur secara demikian, betapa suci dan salehnya kamu harus hidup.?"

Sila baca teks berikutnya. **Apakah yang Petrus katakan mengenai tingkahlaku umat Kristian? 1 Pet. 1:15-17, 22; 1 Pet. 2:1; 1 Pet. 3:8, 9; 1 Pet. 4:7-11; 2 Pet. 3:11.**

Petrus mengingat akan tingkah laku Kristian dalam banyak perkara di dalam dua suratnya dan sebilangan daripada tema sering berulang. Pertama, dua kali Petrus memberi penekanan hubungan di antara penghakiman Tuhan dan tingkah laku Kristian (1 Pet. 1:17 dan 2 Pet. 3:11). Tuhan akan menghakimi setiap tindak-tanduk semua orang. Sebab itu, sebagai seorang Kristian harus hidup pada satu kehidupan yang kudus.

Kedua, banyak kali Petrus bercakap bahawa umat Kristian harus kudus. Dalam Alkitab Ibrani, perkara-perkara kudus diasingkan penggunaannya dalam rumah ibadat (Kel. 26:34; 28:36; 29:6, 37) atau bagi tujuan Tuhan (sebagai contoh: Sabat dalam Kejadian 2:3). Sebenarnya, rencana Tuhan adalah supaya umatNya harus kudus, sama seperti Dia adalah kudus. Inilah tema yang Petrus sentuh (Ima. 11:44; 19:2; 1 Pet. 1:15, 16). Proses untuk mengasingkan sesuatu yang kudus dipanggil "dikuduskan." Adalah kerinduan Petrus bahawa para pembacanya menjadi kudus oleh Roh dan berlaku taat kepada Yesus (1 Pet. 1:2).

Ketiga, Petrus telah menyediakan beberapa bentuk tingkah laku yang spesifik, sesuai bagi mereka yang dimurnikan. Mereka harus menghapus sifat-sifat dengki, kelakuan yang tidak jujur, tipu muslihat dan segala macam kemunafikan, kedengkian dan fitnah (1 Pet. 2:1). Mereka haruslah seia sekata, seperasaan, mengasihi saudara-saudara, penyayang dan rendah hati (1 Pet. 3:8, 9). Mereka harus ada kebaikan, kesalehan dan kasih akan saudara-saudara (2 Pet. 1:5-7). Sesungguhnya, mereka harus mengekalkan kasih tidak berkesudahan (1 Pet. 4:7-11) Akhirnya, Petrus menggesa para pendengarnya untuk mengikis segala kekhuatiran terhadap Yesus (1 Pet. 5:7).

Bagaimanakah kita belajar untuk menggalakkan di antara satu dengan yang lain dalam ertikata tidak mengadili melainkan hidup dalam bentuk kehidupan yang Petrus nyatakan dalam surat-suratnya?

SELASA

20 Jun

Pengharapan Pada Kedatangan Kedua Kali

Sila baca teks berikutnya dan perhatikan apa yang dikatakan tentang perkara-perkara akan datang:-

1 Pet. 1:4 _____

1 Pet. 1:17 _____

1 Pet. 4:5, 6 _____

1 Pet. 4:17 _____

2 Pet. 3:1-10 _____

Satu daripada isu yang genting dihadapi oleh mereka yang pertama membaca Surat Satu Petrus ialah penganiayaan. Petrus memberi penghiburan kepada para pembacanya dengan nasihat bahawa, sekalipun kehidupan mereka dirintangi oleh penganiayaan, namun pada masa akan datang, sedang menanti ganjaran kepada mereka di Syurga, satu-satunya ganjaran yang tidak boleh dirampas. Pada awal permulaan 1 Petrus, dia mengatakan bahawa umat Kristian mempunyai warisan harta yang tidak boleh binasa - tersimpan di Syurga untuk mereka (1 Pet. 1:4).

Petrus memberitahu bahawa dua perkara istimewa akan berlaku di masa akan datang: penghakiman terakhir dan pembinaaan kejahatan yang menggerunkan. Dalam kata lain, dia menunjukkan bahawa walaupun terdapat penganiayaan sekarang, keadilan dan penghakiman akan dijalankan maka, orang-orang percaya akan menerima ganjaran kekal mereka.

Dalam hal penghakiman, Petrus menyebut tentang tiga peristiwa berlainan akan terjadi (1 Pet. 1:17; 4:5, 6, 17). Dia mengatakan bahawa Tuhan SiBapa, mengadili semua manusia dengan saksama selaras dengan perbuatan mereka (1 Pet. 1:17). Dia menyatakan bahawa Yesus Sendiri siap sedia untuk menghakimi yang masih hidup dan yang telah mati (1 Pet. 4:5). Dia juga membuat pemerhatian yang cenderung kepada sesuatu bahawa penghakiman tersebut bermula pada rumah Tuhan sendiri (1 Pet. 4:17).

Petrus juga memberi penekanan bahawa "orang-orang fasik" akan dibinasakan oleh ribut api yang menyeluruh (2 Pet. 3:7).

Petrus mengambil beberapa waktu menangani berbagai masalah yang timbul sama ada Yesus benar-benar akan kembali atau tidak (2 Pet. 3:1-10). Dia tekankan bahawa "penangguhan" kedatangan kembali Yesus adalah bertujuan untuk memberi peluang lebih ramai orang akan bertaubat dan akan diselamatkan. Dia juga tekankan bahawa kepastian tentang perhitungan masa akan datang, harus meyakinkan semua orang agar hidup kudus dan tanpa cacat cela.

Oleh yang demikian, betapapun fokus Petrus di sini dan sekarang serta pada kehidupan praktikal Kristian, dia tetap meletakkan harapan masa akan datang menanti para pembacanya. Pendek kata, apapun keadaan dalam jangka waktu yang pendek, mereka perlu beri perhatian pada masa hadapan dalam iman dan ketaatan.

Mengapakah anda juga perlu beri perhatian pada masa hadapan dalam iman dan ketaatan, walaupun keadaan? Apakah ada pilihan lain?

RABU

21 Jun

Peraturan Dalam Masyarakat dan Dalam Gereja

Sila baca petikan berikut. Apakah yang Petrus katakan di dalam ayat-ayat tersebut berkenaan dengan kepentingan kepimpinan kedua-dua sebuah kerajaan dan gereja? Bagaimana umat Kristian harus respons kepada kedua-duanya? Bagaimanakah kata-kata tersebut dapat digunapakai pada keadaan kita sekarang, tanpa mengira di mana kita tinggal?

1 Pet. 2:11-21 _____

1 Pet. 5:1-5 _____

Petrus hidup pada ketika umat Kristian kadang kala dianiaya oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama. Ini menjadikan semua apa yang dia dan Paulus katakan tentang peranan yang sepatutnya pihak berkuasa kerajaan lebih singifikan (1 Pet. 2:13-17; Roma 13: 1-7). Menurut Petrus dan Paulus, penguasa-penguasa kerajaan telah ditempatkan ke dalam kedudukan mereka oleh Tuhan Sendiri - bertindak sebagai pemeriksa, sama ada betul atau salah dan menentang sesiapa yang melakukan kejahatan. Sudah pasti ada masanya bahawa kuasa pemerintah yang menyebabkan masalah. Perkara itulah yang dihadapi oleh umat Kristian pada zaman Petrus. Ianya bertambah teruk untuk beberapa tahun.

Tetapi, secara amnya, idea kerajaan yang baik itu akan melindungi undang-undang, peraturan dan kesejahteraan. Sehingga hari inipun masih ada contoh di mana undang-undang dan peraturan dilanggar sehingga dapat dilihat betapa perlunya kerajaan yang munasabah. Adalah benar bahawa kerajaan yang baik adalah satu daripada berkat-berkat pemberian Tuhan kepada umat manusia.

Petrus tidak akan berasa sangsi mengongsikan nasihat Paulus bahawa pengendalian gereja yang baik juga adalah penting. Paulus menegaskan, "Tetapi segala sesuatu harus berlangsung dengan sopan dan teratur" (1 Kor. 14:40), di dalam acara-acara penyembahan gereja. Demikian juga dengan Petrus, menyeruh kepada pemimpin-pemimpin gereja untuk "Gembalakanlah kawanan domba Allah yang ada padamu" (1 Pet.5:2). Termasuklah juga dengan hal kerendahan hati dan keprihatinan. Gereja-gereja tempatan perlu dibimbing dengan baik. Pemimpin-pemimpin yang baik mempunyai wawasan yang mudah difahami serta membolehkan orang lain melatih kurnia-kurnia roh mereka demi kemuliaan Tuhan.

1 Petrus 5:5 mengatakan bahawa anda harus balut diri anda sendiri dengan kerendahan hati terhadap satu dengan yang lain. Bagaimanakah kita boleh belajar untuk melakukannya? Untuk diri anda sendiri, bagaimanakah anda melakukannya atau mengaplikasikannya terhadap interaksi anda dengan orang lain?

KHAMIS **22 Jun**

Kedudukan Alkitab

Sila baca petikan berikutnya. Apakah yang mereka katakan tentang Alkitab yang boleh membantu kita hari ini memahami peranannya dalam kehidupan dan iman kita?

1 Pet. 1 :10-12 _____

2 Pet. 1:16-20 _____

2 Pet. 3:2 _____

2 Pet. 3:16 _____

Dalam surat Petrus yang kedua, dia berhadapan dengan guru-guru palsu. Dia memberi petunjuk kepada para pembacanya kepada dua sumber otoriti dengan berkata, “kamu mengingat akan perkataan yang dahulu telah diucapkan oleh nabi-nabi kudus dan mengingat akan perintah Tuhan dan Juruselamat yang telah disampaikan oleh rasul-rasulmu kepadamu” (2 Pet. 3:2). Hari ini kita mempunyai pertolongan yang sama tentang firman “nabi-nabi kudus” – iaitu, Perjanjian Lama. Sudah tentu tidak ada lagi para rasul yang masih hidup, tetapi, dalam hal yang sama kita mempunyai sesuatu yang lebih baik: kesaksian mereka yang diilhamkan, sebagaimana dinyatakan dalam Perjanjian Baharu. Dalam Matius, Markus, Lukas dan Yohanes, meninggalkan kepada kita cerita tentang kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus yang muktamad. Dalam Kisah Para Rasul, kita diberi keterangan tentang aktiviti-aktiviti para rasul. Sesungguhnya, kita boleh membaca firman yang diilhamkan itu kepada para rasul. Paulus menulis dengan tegasnya mengenai otoriti Firman Tuhan (2 Tim. 3:16). Lalu, Petrus pula mengarahkan para pembacanya kepada Alkitab sebagai sumber doktrin dan otoriti moral.

Dalam 2 Pet. 3:16, Petrus menegur para pembaca dan pendengarnya bahawa sekalipun Alkitab adalah sumber kebenaran, tanpa perhatian yang penuh hati-hati ke atas mesej di mana Alkitab sepatutnya kita mengerti, sumber kebenaran itu sendiri boleh disalahfahamkan. Inilah yang akan menuntun kepada konsekuensi yang tidak menyenangkan.

Segala firmanNya harus menjadi peringatan yang baik kepada kita sekarang mengenai dasar prinsip mempelajari Alkitab. Kita harus membaca petikan dalam Alkitab dengan doa sungguh-sungguh. Kita perlu membaca hubungan konteks dalam satu-satu fasal, buku itu dan seluruh Alkitab itu sendiri. Apakah mesej khusus disampaikan oleh si penulis? Kita harus membacanya berdasarkan keadaan sejarah di mana ianya ditulis. (Sebagai contoh: 1 dan 2 Petrus ditulis pada zaman pemerintahan Empayar Roma, abad pertama.) Kita harus membacanya dengan bantuan pengertian rohani dan dengan pengetahuan bahawa yang menyebabkan adanya keselamatan oleh kerana pengorbanan kematian Kristus; inilah pusat mesej alkitabiah (1 Pet. 1:10-12).

Akhirnya, kita harus membacanya dalam konteks kehidupan kita sendiri. Apakah kebenaran yang Tuhan kehendaki kita patut terima? Bagaimanakah kita mengaplikasikan Firman Bertulis ke dalam kehidupan kita supaya akan menjadi penyumbang positif kepada kerajaan Tuhan?

JUMAAT

23 Jun

Renungan Selanjutnya: “Sekalipun di tengah-tengah teologi yang hebat, surat-surat Petrus memberi penekanan tegas kepada kehidupan Kristian dan bagaimana kita memperlakukan satu dengan yang lain. Dalam kata lain, benar kita perlu mengetahui kebenaran seperti di dalam Yesus. Tetapi, yang lebih penting lagi, *kita perlu hidupkan kebenaran itu juga*. Awal-awal lagi, kita telah mengetahui firman utama: “Kerana kamu telah menyucikan dirimu oleh ketaatan kepada kebenaran, sehingga kamu dapat mengamalkan kasih persaudaraan yang tulus ikhlas, hendaklah kamu bersungguh-sungguh saling mengasihi dengan segenap hatimu” (1 Pet. 1:22). Perhatikan bagaimana dia kaitkan penyucian diri kita dengan ketaatan kepada kebenaran. Kebenaran itu telah mengubah kita. Menjadikan kita bersama orang lain yang mengasihi sungguh-sungguh di antara satu dengan yang lain dan dengan “segenap hati.” Ketaatan, hati yang murni dan kasih – ketiga-tiganya berhubung dengan yang lain. Inilah perkara yang unggul seharusnya kita perjuangkan.

“Bolehkah anda bayangkan perbezaan kehidupan kita dan gereja bila kita menurut kewajipan tersebut? Fikirkan, jika tidak ada yang lain, apakah yang boleh dilakukan demi untuk perpaduan gereja? Saudara-saudara, apakah anda mahu melanjutkan semangat Kristus di dalam anda sementara anda kembali ke rumah dan gereja? Apakah anda mahu melepaskan ketidakpercayaan dan kritikan? Kita tiba pada masa bila, lebih daripada

sebelumnya, kita harus perlu memerah bersama, bersekutu dalam pekerjaan. Dalam kesatuan terdapat kekuatan. Dalam perselisihan dan ketidaksatuan, hanya terdapat kelemahan-kelemahan." - Ellen G. White, *Selected Messages*, book 2, pp 373, 374.

Soalan-soalan Perbincangan:-

1. Dalam 2 Petrus 3:12, rasul menulis bahawa kita haruslah "menantikan dan mempercepatkan kedatangan Hari Tuhan. Pada hari itu langit akan binasa dalam api dan unsur-unsur dunia akan hancur kerana nyalanya." Apakah yang dia maksudkan bahawa kita harus "mempercepatkan" kedatangan hari Tuhan? Bagaimana kita mempercepatkan hari Tuhan, iaitu Kedatangan Kedua Kali?
2. Kita mengatakan bahawa alam adalah "buku kedua" Tuhan. Malangnya, sama seperti buku pertama Tuhan (Alkitab), buku kedua ini juga boleh disalahtafsirkan. Sebagai contoh: buat ramai orang, mesej melalui rekabentuk dan maksudnya telah diconteng daripada alam, diganti dengan fahaman Darwin iaitu perubahan secara sembarangan dan pemilihan semulajadi. Kita diberitahu bahawa dunia sebenarnya tidak direkabentuk; melainkan, ia hanya kelihatan sebagaimana ia ada bagi kita. Jadi, bagaimana kita membaca dan menjelaskan buku kedua dengan cara yang tepat? Apakah yang akan terjadi bila intepritasi tentang alam, buku kedua, bercanggah dengan intepritasi buku yang pertama, iaitu Alkitab? Di manakah masalahnya?

PANDUAN GURU

Ringkasan Pelajaran

Ayat Utama: 2 Petrus 3:1,2,17,18

Pelajar Akan:-

Mengetahui: Membayangkan isu-isu utama teologi yang Petrus tuliskan dan menimbangkan kerharmonian mereka dengan testimoni lain dalam Alkitab.

Merasakan: Terharu dengan kepastian kehidupan kekal di dalam Kristus dan pengharapan kepada kedatangan kedua kaliNya.

Melakukan: Sentiasa berjaga-jaga menentang penipuan dan membenarkan pengajaran tersebut untuk membantu dia - lelaki perempuan, untuk bertumbuh di dalam kasih dan pengetahuan kepada Yahweh dan Yesus Kristus Juruselamat kita.

Garis Panduan Pelajaran

I. Mengetahui: Yesus Kristus Sebagai Pusat

- A. Bagaimanakah Petrus menempatkan Yesus Kristus dan Alkitab pada semua pengajarannya?
- B. Bagaimanakah Petrus menjalinkan doktrin membenaran, penyucian dan pemuliaan dengan iman di dalam Yesus Kristus ke dalam pelbagai pengajarannya?

II. Merasakan: Pengharapan dan Keyakinan

- A. Di dalam kepelbagaian cara apakah Petrus menanamkan kesedaran tentang pengharapan dan keyakinan kepada para pembacanya; ramai di antara mereka menderita tentang iman mereka?
- B. Apakah respons yang Petrus jangkakan daripada para pembacanya dalam pandangan kepada penghakiman akan datang?

III. Melakukan: Hidup Dalam Cahaya Tentang Penghakiman

- A. Bagaimanakah pekerjaan menebus dosa Kristus mempengaruhi hubungan orang-orang percaya kepada pengadilan?
- B. Dalam cara apakah seharusnya orang-orang percaya menyedari pertanggungjawapan kepada Tuhan mempengaruhi pilihan gaya hidup mereka sebagai seorang Kristian?

Kesimpulan: Petrus terutama menonjolkan lima bidang teologi Kristian: (1) Keutamaan korban gantian Yesus bagi keselamatan kita, (2) Kelakuan ketuhanan sebagai tindak balas yang betul untuk penghakiman yang akan datang, (3) Pengharapan bagi kedatangan Kristus dengan segera, (4) Rencana Tuhan bagi susunan masyarakat dan gereja, dan (5) Peranan Alkitab dalam kehidupan kita.

Cara Pembelajaran

LANGKAH 1 – Mendorong

Ayat Tumpuan: 2 Petrus 1:2-4, 12-15

KONSEP UTAMA UNTUK PERTUMBUHAN ROHANI: Tuhan telah menyediakan kepada kita semua yang kita perlukan untuk kehidupan dan ketuhanan melalui pengetahuan kita tentang Dia dan Yesus Yahweh kita. Petrus memberi amaran kepada kita bahawa dia telah berikan kepada kita janji-janji utama dan berharga yang mana berkuasa tinggi untuk mengatasi sifat keberdosaan kita dan untuk mengambil bahagian di dalam sifat ilahi.

Hanya Untuk Guru: Sejauh mana mungkin cara menetapkan penglihatan kepada lima bidang teologi yang mana kita beri tumpuan pada minggu ini. Usaha untuk menggabungkan mereka kepada pandangan holistik tentang peranan Kristus di dalam kehidupan dan di dalam pengalaman orang Kristian. Petrus menggambarkan Yesus sebagai model Penderita melalui penggantian pengorbananNya demi pembenaran kita. Tuhan memanggil kita untuk menjadi kudus (penyucian) di dalam tingkah laku harian kita sebagai sambutan ke atas penghakiman akan datang. Kita mempunyai pengharapan kemuliaan pada kedatangan Kristus. Memandangkan persiapan kita untuk tinggal dalam kerajaan kekal Tuhan, kita perlu memahami dan melaksanakan prinsip-prinsip susunan ilahi di dalam masyarakat dan di dalam gereja. Alkitab adalah arahan manual untuk semua persediaan dan pelaksanaan, maka mereka haruslah memainkan peranan utama di dalam kehidupan Kristian. Mereka memastikan agar kita tidak ditipu oleh guru-guru palsu yang begitu banyak, mereka ingin menuntun agar kita menyimpang jauh sehingga menyebabkan kita jatuh daripada kesetiaan yang kukuh kepada kebenaran sebagaimana terdapat di dalam Yesus.

Pembuka Aktiviti dan Perbincangan: Mintalah ahli kelas untuk membaca bersama 2 Petrus 1:2-4, 12-15 dan 3:1, 2, 17, 18. Bincangkan, apa yang Petrus tunjukkan tujuan-tujuannya untuk menulis kedua-dua suratnya kepada orang-orang percaya yang bertaburan di seluruh Asia Minor. Bagaimanakah tujuan-tujuan tersebut berhubungan dengan lima tema teologikal yang menjadi fokus pelajaran kita minggu ini? Apakah hubungan kepelbagaian tema tersebut di dalam gabungan bersama seluruh surat-surat Petrus?

LANGKAH 2 – Mengkaji

Ulasan Alkitab

I. Harga Keselamatan Kita (*Imbas bersama 1 Petrus 1:18, 19; 2:22-25; 3:18.*)

Bahasa Penebusan adalah bahasa tentang harga atau perbelanjaan. Berapa banyak perbelanjaan Tuhan untuk menebus manusia yang telah jatuh? Harga tersebut tidak dapat dibayar dengan perak, emas atau apapun bahan-bahan pejal. Hukum menuntut nyawa orang berdosa. Satu-satunya cara untuk menebus orang berdosa adalah dengan menggantikan nyawa dengan nyawa. Pelajaran ini sangat jelas diajar di dalam upacara-upacara rumah ibadah dalam Perjanjian Lama, lalu Yesus telah datang untuk memenuhi jenis korban domba (Yoh. 1:29; Wah. 5:6, 9). Satu-satunya nyawa yang sesuai untuk membayar harga bagi semua manusia adalah nyawa Pencipta itu sendiri. Oleh darahNya yang sangat bernilai, Tuhan menebus manusia daripada kutuk hukum dengan menjadikan Yesus kutuk bagi kita di atas salib (Gal.3:10, 13). Tidak ada cara lain untuk keselamatan.

Pertimbangkan Hal ini: Apakah harga bagi keselamatan? Mengapakah hanya nyawa Kristus yang sangat sesuai untuk membayar harga penebusan kepada semua manusia?

II. Sambutan Kepada Keselamatan Kita (*Imbas bersama 1 Pet. 1:13-17; 2:1, 2, 11, 12; 3:8, 9; 4:7-11; 2 Petrus 2:11, 14.*)

Sebagai tindak balas kepada rahmat Tuhan kepada kita, kita berkeinginan untuk membahagikan di dalam kekudusanNya - untuk hidup dalam kehidupan yang kudus di dalam dunia ini, menunjukkan prinsip-prinsip kerajaan Syurga kemana kita telah dilahirkan dan tempat kekal keinginan kita. Sementara kita menghadapi hari penghakiman Tuhan dan kebinasaan terhadap ciptaan sekarang ini, serta semua yang berhubung dengan dosa, kita perlu bertimbangankan jenis manusia apakah kita seharusnya di dalam semua segi tingkah laku kita. Mengetahui jangkauan Tuhan; Dia memanggil kita menjadi kudus dan saleh, mencontohi sifat kasih dan perbuatan-perbuatan baik di hadapan orang-orang percaya, supaya mereka memuliakan Tuhan pada hari penghakiman, lebih baik daripada mencari sebab untuk membuat tuduhan.

Pertimbangkan Hal ini: Memandangkan bencana yang akan datang, apakah jenis orang seharusnya saya dalam semua segi kelakuan kekudusan dan kesalehan?

III. Pengharapan Keselamatan Kita *(Imbas bersama 1 Petrus 1:3-9 13; 5:4; 2Petrus 3:3-14)*

Petrus bertahan di hadapan orang percaya “pengharapan hidup” sebagai pusaka yang tidak akan binasa, ia itu matlamat iman, yakni keselamatan bagi jiwa-jiwa kita (1 Pet. 1:3, 4, 9). Dia mengatakan bahawa pusaka tersebut akan mengambil tempat apabila Yesus Kristus dinyatakan pada masa akhir zaman. Sekalipun orang-orang yang curiga akan bangkit untuk mencemuh ke atas pengharapan kita di dalam kedatangan Kristus, Petrus memberi jaminan kepada orang percaya bahawa sebarang kelewatan yang jelas hanyalah kerana kita gagal untuk bertaubat dan persediaan secukupnya. Oleh yang demikian, Tuhan memilih untuk menunggu sehingga kita menjadi benar-benar serius terhadap keselamatan dan telah membuat persediaan seharusnya. Apabila kerinduan terhadap kedatangan Yesus akhirnya berlaku, bumi dan langit yang ada sekarang ini akan dibinasakan oleh api yang sangat hebat. Memandangkan kepada senario yang akan terjadi, maka kita perlulah hidup kudus dan saleh seperti bukan sahaja kita ingin melihat akan hari itu, tetapi juga akan membantu untuk mempercepatkan kedatangannya.

Pertimbangkan Hal ini: Apakah dia “harapan hidup” yang Petrus maksudkan itu? Apakah sebab-sebab seperti kelihatan kelewatan kedatangan Kristus dan bagaimana mempercepatkan kedatangannya?

IV. Menurut Kaedah Ilahi *(Imbas kembali bersama ahli kelas 1 Petrus 2:11-21; 5:1-5.)*

Sebagai umat percaya bersiap sedia untuk tinggal kekal mengikut sistem kaedah, mereka perlu belajar untuk memahami dan mematuhi kaedah ilahi dalam masyarakat dan gereja. Kaedah Tuhan terdapat otoriti yang kukuh, sama ada sibil dan urusan kerajaan, dalam bisnes dan hubungan kerja, dalam perkahwinan dan hubungan keluarga atau di dalam hubungan gereja. Pada semua peringkat, setiap satu perlu bekerja berdasarkan garis panduan kaedah ilahi, menunjukkan kasih dan hormat kepada semua dan tertakluk kepada mereka yang ada otoriti. Petrus menyediakan secara spesifik kepada beberapa hubungan tersebut dan berpegang teguh kepada Yesus sebagai model kepatuhan, tidak mengancam atau membalas apabila dizalimi.

Pertimbangkan Hal ini: Bagaimanakah kepatuhan kepada sistem kaedah Tuhan dalam masyarakat dan dalam gereja membantu untuk bersedia bagi kehidupan kekal di bawah sistem kaedahNya di Syurga?

V. Peranan Alkitab *(Imbas kembali 1 Petrus 1:10-12; 2 Petrus 1:19-20; 3:2, 15, 16.)*

Petrus memberi peringatan kepada para pembacanya bahawa Alkitab adalah otoriti terakhir bagi umat Kristian. Firman Tuhan bukan inisiatif manusia; ia ada oleh kerana pernyataan ilahi sebagaimana Roh Kudus memandu minda agen-agen manusia. Ia juga sebagai sumber objektif kebenaran yang dapat dipercayai. Ia telah direkodkan dan dilindungi terutama sekali bagi kebaikan kepada mereka yang tinggal pada masa pelaksanaan nubuatan-nubuatan. Malahan tulisan-tulisan para nabi dan rasul dalam Perjanjian Baharu (seperti Paulus), yang berbicara bagi Tuhan dan di mana surat-surat telah dilindungi dan diedarkan bagi memberi petunjuk kepada gereja-gereja, mempunyai otoriti yang sama dengan yang terdapat dalam Alkitab Perjanjian Lama. Kita akan melakukan yang lebih baik kepedulian kepada mereka sementara kita mempedulikan lampu bercahaya di dalam tempat yang gelap sehinggalah Yesus bertakhta unggul di dalam hati kita.

149

Pertimbangkan Hal ini: Mengapakah Alkitab menjadi otoriti terakhir bagi kehendak Tuhan kepada umat-umat Kristian? Mengapakah kita boleh mempercayainya?

Soalan Perbincangan:-

1. Surat-surat dalam Perjanjian Baharu disifatkan sebagai yang pertama sekali dalam hal pengajaran berkenaan dengan teologi dan teguran praktikal. Dalam 1 dan 2 Petrus, apakah jenis pengimbang yang anda dapati di antara dua unsur tersebut?
2. Bagaimanakah surat-surat Petrus dibandingkan teologikalnya dengan surat-surat Paulus?

LANGKAH 3 – Menerapkan

Hanya Untuk Guru: Sementara kita menghala kepada penutup siri pelajaran ini, adalah mungkin dapat membantu untuk mendorong ahli kelas untuk membuat kesimpulan terhadap idea-idea utama daripada surat-surat Petrus yang mereka telah dapati berguna dalam kehidupan mereka. Kebanyakan idea tersebut mungkin berhubung dengan salah satu daripada lima kunci tema utama minggu ini. Beberapa penuntut mungkin mendapati idea-idea

lain menonjol bagi mereka. Apa yang penting ialah bahawa setiap manusia harus mencari sesuatu yang bermakna kepada kehidupan dan pengalamannya.

Soalan Renungan:-

1. Apakah peranan Alkitab mainkan di dalam kehidupan rohani saya? Adakah yang pertama sekali suatu sumber doktrin atau adakah yang pertama sekali suatu pernyataan tentang Yesus Kristus; memandu saya untuk lebih mengetahui dan mengasihi tentang Dia? Jelaskan jawapan anda.
2. Dalam cara apakah hubungan saya dengan Yesus Kristus berlainan dengan hubungan saya dengan orang lain? Apakah cara-cara di mana orang lain dapat melihat Yesus di dalam diri saya?
3. Apakah tindak balas saya kepada pengumuman tentang penghakiman dan kedatangan segera Kristus? Adakah saya berasa takut atau apakah saya melihat ke hadapan tentang perkara tersebut sebagai memenuhi pengharapan dan kerinduan saya? Beri sebab-sebab kepada jawapan anda.

Aktiviti: Ahli kelas membaca bersama 2 Tim. 3:12-16. Bincangkan persamaan di antara mesej terakhir Paulus kepada Timotius dengan mesej-mesej terakhir Petrus kepada para pembacanya. Apakah perkara yang ditegaskan oleh mereka berdua? Apakah yang jelas dalam fikiran mereka tentang kepentingan yang amat sangat bagi para pembaca mereka?

LANGKAH 4 - Mewujudkan

Hanya Untuk Guru: Petunjuk teologikal sepatutnya membawa perubahan dalam tingkah laku. Itulah sebabnya petunjuk teologikal di dalam Perjanjian Baharu, surat-surat pada umumnya, diikuti oleh pengajaran praktikal. Adalah penting untuk melihat hubungan di antara kedua-duanya. Kita perlu membantu ahli kelas untuk melihat kaitan tersebut supaya apa yang mereka pelajari secara teologikal akan dapat diterjemahkan di dalam tindakan yang sewajarnya.

Aktiviti: Buat carta kepada dua kolum pada papan putih atau di atas papan poster atau buku papan tulis. Pada kolum sebelah kiri, kenalpasti petunjuk teologikal daripada 1 dan 2 Petrus. Pada kolum sebelah kanan, kenalpasti tindakan setimpal yang Petrus dorongkan atau mungkin mendorongkan. Bincangkan kedua-dua keberkesanan pelaksanaan pribadi dan korporat tentang tindakan-tindakan yang disyorkan. (Jika tidak terdapat bekalan keperluan, sesuaikan bahagian yang bertulis pada aktiviti tersebut untuk dibincangkan berdasarkan format pertama. Mengarahkan anggota kelas untuk mengenalpasti petunjuk teologikal daripada Petrus 1 dan 2. Selepas itu, minta mereka untuk mengenalpasti tindakan setimpal di mana petunjuk tersebut mungkin bersifat mendorong. Akhiri dengan membuat kesimpulan dengan meneruskan seluruh perbincangan seperti yang direncanakan.)